

PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN  
ISLAM BAGI INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN  
BAITULMAL DI MALAYSIA FASA 3, 2018  
(ZON 2)

DISEDIAKAN UNTUK

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

15 JANUARI 2019

VOLUM 1, 2019

ISBN 978-967-0601-11-3

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan  
Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan  
Baitulmal Di Malaysia Fasa 3, 2018  
(Zon 2)

## ISI KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan</b>	<b>No</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI RINGKASAN</b>	xi
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	xiii
<b>PENGHARGAAN</b>	xx
<b>HAK CIPTA TERPELIHARA DAN PENAFIAN</b>	xxi
<b>Bab 1 Pengenalan</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Persoalan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Kesimpulan	13
<b>Bab 2 Latar Belakang Institusi Zon 2</b>	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Latar Belakang Institusi Zon 2	14
2.2.1 Institusi WZB Kedah	15
2.2.1.1 Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)	15
2.2.1.2 Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK)	17
2.2.2 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	18
2.2.3 Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	19
2.2.4 Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIPk)	21
2.2.5 Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	22
2.3 Tanggungjawab penyediaan pelaporan kewangan	23
2.4 Kesimpulan	24
<b>Bab 3 Sorotan Karya</b>	
3.1 Pengenalan	25
3.2 Hasil	25

3.2.1 Hasil Menurut Piawaian Perakaunan	25
3.2.1.1 Hasil dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9)	27
3.2.1.2 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)	30
3.2.2 Hasil Mengikut Piawaian Perakaunan Perspektif Islam	33
3.2.3 Isu Berhubung Hasil	35
3.3 Belanja	36
3.3.1 Belanja Menurut Perspektif Konvensional	36
3.3.2 Definisi Belanja Menurut Perspektif Islam	37
3.3.3 Konsep Belanja Dalam Islam	38
3.3.4 Pengiktirafan Belanja	41
3.3.5 Pengukuran Belanja	42
3.3.6 Pendedahan Belanja dalam Penyata Kewangan	42
3.4 Liabiliti	43
3.4.1 Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Liabiliti	45
3.4.1.1 Pengiktirafan Liabiliti	45
3.4.1.2 Pengukuran Liabiliti	46
3.4.1.3 Pembentangan dan Pendedahan Liabiliti	48
3.4.2 Perakaunan bagi Liabiliti Menurut Perspektif Islam	49
3.4.3 Piawaian yang Terlibat	50
3.5 Kesimpulan	52
<b>Bab 4 Kaedah Penyelidikan</b>	
4.1 Pengenalan	53
4.2 Rekabentuk Kajian	53
4.3 Lokasi Kajian	54
4.4 Kaedah Pengumpulan Data	54
4.4.1 Temu bual dengan pegawai-pegawai MAIN	55
4.4.2 Perundingan Bersama Pakar	58
4.4.3 Kajian Ke atas Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, Peraturan dan Perundangan Sivil	59
4.4.4 Cadangan Membentuk Piawaian Perakaunan Islam	60
4.5 Kesimpulan	61

<b>Bab 5 Amalan Semasa Perakaunan dan Pelaporan Kewangan - Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Hasil, Belanja dan Liabiliti Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia</b>	
5.1 Pengenalan	62
5.2 Ringkasan Amalan Semasa	62
5.3 Hasil dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9)	65
5.3.1 Pengiktirafan dan Pengukuran	65
5.3.2 Pendedahan	68
5.4 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)	70
5.4.1 Terimaan Harta Wakaf: Pengukuran dan Pengiktirafan	71
5.4.2 Terimaan Zakat: Pengukuran dan Pengiktirafan	73
5.4.3 Terimaan selain Zakat dan Wakaf: Pengukuran dan Pengiktirafan	74
5.4.4 Pendedahan di dalam Penyata Kewangan	75
5.5 Instrumen Kewangan (MPSAS 28, 29 dan 30)	77
5.5.1 Pengiktirafan dan Pengukuran Instrumen Kewangan	77
5.5.2 Pendedahan Instrumen Kewangan	86
5.6 Manfaat Pekerja (MPSAS 25)	88
5.6.1 Pengiktirafan dan Pengukuran	89
5.6.2 Pendedahan	90
5.7 Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)	92
5.8 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (MPSAS 19)	93
5.9 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing (MPSAS 4)	94
5.10 Kos Pinjaman (MPSAS 5)	94
5.11 Kesimpulan	94
<b>Bab 6 Keperluan Syariah dan Pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual bagi Pelaporan Kewangan - Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Hasil, Belanja dan Liabiliti Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia</b>	
6.1 Pengenalan	96
6.2 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam	96
6.2.1 Tahap Pertama	99
6.2.1.1 Teori Asas-Tauhid, Fiqh dan Tasawuf	99
6.2.1.2 Konsep Asas-Khalifah	103

6.2.2 Tahap Kedua-Matlamat	104
6.2.2.1 Maqasid Syariah Wakaf	105
6.2.2.2 Maqasid Syariah Zakat	109
6.2.2.3 Maqasid Baitulmal	112
6.2.3 Tahap Ketiga-Perlaksanaan	118
6.2.3.1 Pengiktirafan Liabiliti, Hasil dan Belanja	119
6.2.3.2 Pengukuran Liabiliti, Hasil dan Belanja	130
6.2.3.3 Pendedahan Liabiliti, Hasil dan Belanja	133
6.3 Ciri-ciri Kualitatif Maklumat Kewangan	136
6.4 Kesimpulan	137

## **Bab 7 Batasan Perundangan - Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Hasil, Belanja dan Liabiliti Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia**

7.1 Pengenalan	139
7.2 Perlembagaan Persekutuan	139
7.3 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240)	141
7.4 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri	143
7.4.1 Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis	144
7.4.1.1 Penubuhan Baitulmal, KW Zakat, KW Wakaf	144
7.4.1.2 Perbelanjaan Majlis, Penggunaan Wang Baitulmal, Perbelanjaan Pengurusan Lembaga, Perbelanjaan KW Wakaf	146
7.4.1.3 Akaun dan Laporan Tahunan	148
7.4.2 Wakaf, Nazr dan Amanah	150
7.4.2.1 Pendapatan daripada Wakaf, Nazr dan Amanah	150
7.4.2.2 Penggunaan Wakaf	152
7.4.2.3 Penyiaran Senarai Harta Wakaf, Nazr dan Amanah	153
7.4.3 Zakat dan Fitrah	154
7.5 Analisis Enakmen dan Batas Perundangan Berkaitan Hasil, Belanja, dan Liabiliti Baitulmal, Wakaf dan Zakat	156
7.5.1 Baitulmal	156
7.5.2 Wakaf	158
7.5.3 Zakat	161

7.6 Kesimpulan	161
<b>Bab 8 Cadangan Pembangunan Piawaianan Perakaunan - Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Hasil, Belanja dan Liabiliti Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia</b>	
8.1 Pengenalan	164
8.2 Hasil daripada Urus niaga Pertukaran (MPSAS 9)	165
8.2.1 Skop Piawaianan	166
8.2.2 Penafsiran Istilah	166
8.2.3 Penyeragaman Penggunaan Istilah Kumpulan Wang Baitulmal	168
8.2.4 Pendedahan Maklumat di dalam Penyata Kewangan	168
8.2.5 Penggunaan contoh urus niaga	168
8.2.6 Ringkasan Pindaan	169
8.2.7 Cadangan Pindaan kepada MPSAS 9	171
8.3 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)	175
8.3.1 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Wakaf	178
8.3.2 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Zakat	180
8.3.3 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Baitulmal	182
8.3.4 Penerimaan atau Bantuan Daripada Geran Kerajaan Negeri	184
8.3.5 Cadangan pindaan kepada MPSAS 23 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	184
8.4 Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28)	202
8.4.1 Definisi Instrumen Kewangan	204
8.4.2 Lain-lain Isu dan Cadangan Berkaitan dengan Instrumen Kewangan	204
8.5 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran (MPSAS 29)	210
8.5.1 Definisi Instrumen Derivatif, Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan	210
8.5.2 Lain-lain Isu dan Cadangan Berkaitan dengan Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	211
8.6 Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30)	220

8.7 Manfaat Pekerja (MPSAS 25)	223
8.7.1 Definisi Manfaat Pekerja	223
8.7.2 Cadangan Pindaan	224
8.8 Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)	230
8.9 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (MPSAS 19)	234
8.10 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing (MPSAS 4)	239
8.11 Kos Pinjaman (MPSAS 5)	240
8.12 Isu Berkaitan Istibdal	242
8.13 Kesimpulan	244
<b>Bab 9 Rumusan, Kekangan Kajian Dan Cadangan Kajian Masa Depan</b>	
9.1 Pengenalan	245
9.2 Dapatan Kajian	245
9.2.1 Amalan Semasa Perakaunan	245
9.2.2 Keperluan Syariah dan Kerangka Kerja Perakaunan Islam (KKPI)	247
9.2.3 Batasan Perundangan	248
9.2.4 Cadangan Keperluan Piawaian Perakaunan Hasil, Belanja dan Liabiliti	249
9.3 Implikasi Kajian	251
9.3.1 Implikasi ke atas Teori	251
9.3.2 Implikasi ke atas Praktis	252
9.4 Kekangan Kajian	253
9.5 Cadangan Kajian Masa Depan	255
<b>Senarai Rujukan</b>	257
<b>Senarai Akta / Enakmen / Ordinan</b>	264
<b>Lampiran 1</b>	265
<b>Lampiran 2</b>	269



## SENARAI JADUAL

Jadual	Item
Jadual 1.1	Senarai Penyelidik dan Pembahagian Negeri Mengikut Zon
Jadual 2.1	Rumusan Latar Belakang Institusi Zon 2
Jadual 3.1	Kriteria Pengiktirafan Item-Item Liabiliti
Jadual 3.2	Ringkasan Asas Pengukuran Liabiliti
Jadual 4.1	Senarai Responden dan Temu Janji untuk Sesi Temu Bual
Jadual 4.2	Senarai Pakar dan Sesi Perundingan
Jadual 5.1	Kumpulan Wang Mengikut Negeri
Jadual 5.2	Kewujudan transaksi mengikut MPSAS, MAIN dan Kumpulan Wang
Jadual 5.3	Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil Urusniaga Pertukaran MAIN
Jadual 5.4	Pengiktirafan Hasil Urusniaga Pertukaran mengikut MAIN dan Kumpulan Wang (KW)
Jadual 5.5	Ringkasan Pendedahan Hasil Urusniaga Pertukaran
Jadual 5.6	Pengukuran dan Pengiktirafan Urusniaga Bukan Pertukaran
Jadual 5.7	Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran: Kumpulan Wang Wakaf
Jadual 5.8	Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran: Kumpulan Wang Zakat
Jadual 5.9	Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran selain Wakaf dan Zakat
Jadual 5.10	Pendedahan Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran
Jadual 5.11	Jenis-jenis Instrumen Kewangan
Jadual 5.12	Pengiktirafan Instrumen Kewangan
Jadual 5.13	Pengukuran Awal ( <i>Initial Measurement</i> ) Instrumen Kewangan
Jadual 5.14	Pengukuran Seterusnya ( <i>Subsequent Measurement</i> ) Instrumen Kewangan
Jadual 5.15	Instrumen Kewangan – Kumpulan Wang Wakaf
Jadual 5.16	Instrumen Kewangan – Kumpulan Wang Zakat
Jadual 5.17	Instrumen Kewangan – Kumpulan Wang Baitulmal/ Sumber Am/ Majlis

<b>Jadual 5.18</b>	Pendedahan Instrumen Kewangan
<b>Jadual 5.19</b>	Pengiktirafan dan Pengukuran Manfaat Pekerja MAIN
<b>Jadual 5.20</b>	Pengiktirafan Manfaat Pekerja mengikut MAIN dan Kumpulan Wang
<b>Jadual 5.21</b>	Ringkasan Pendedahan Manfaat Pekerja
<b>Jadual 7.1</b>	Negeri dan Enakmen / Ordinan
<b>Jadual 7.2</b>	Penubuhan Baitulmal dan Kumpulan Wang
<b>Jadual 7.3</b>	Perbelanjaan Majlis
<b>Jadual 7.4</b>	Akaun dan Laporan Tahunan
<b>Jadual 7.5</b>	Pendapatan daripada Wakaf dan Nazr
<b>Jadual 8.1</b>	Isu dan Cadangan Berhubung MPSAS 9
<b>Jadual 8.2</b>	Cadangan pindaan kepada MPSAS 9 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
<b>Jadual 8.3</b>	Cadangan pindaan kepada Panduan Perlaksanaan MPSAS 9
<b>Jadual 8.4</b>	Cadangan Tajuk, Skop dan Tafsiran Bagi Piawaian Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Zakat, Baitulmal dan Pindahan Lain)
<b>Jadual 8.5</b>	Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Urus niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Wakaf
<b>Jadual 8.6</b>	Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Hasil Dari Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Zakat
<b>Jadual 8.7</b>	Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Baitulmal
<b>Jadual 8.8</b>	Cadangan piawaian baru bagi Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran
<b>Jadual 8.9</b>	Isu dan Cadangan Berhubung Instrumen Kewangan: Pembentangan
<b>Jadual 8.10</b>	Cadangan pindaan kepada MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan
<b>Jadual 8.11</b>	Isu dan Cadangan Berhubung Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
<b>Jadual 8.12</b>	Cadangan pindaan kepada MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
<b>Jadual 8.13</b>	Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30)

**Jadual 8.14** Manfaat Pekerja (MPSAS 25)

**Jadual 8.15** Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)

**Jadual 8.16** Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka  
(MPSAS 19)

**Jadual 8.17** Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing (MPSAS 4)

**Jadual 8.18** Kos Pinjaman (MPSAS 5)

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Item</b>
<b>Rajah 6.1</b>	Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Fasa 2
<b>Rajah 6.2</b>	Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Fasa 3

## SENARAI RINGKASAN

<b>Ringkasan</b>	<b>Keterangan</b>
AAOIFI	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
ASUZ	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.
BNM	Bank Negara Malaysia
IASB	International Accounting Standards Board
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
KDA	Kedah Darul Aman
KDYMM	Ke bawah Duli Yang Maha Mulia
KKPI	Kerangka Konseptual Perakaunan Islam
KOPSYA	Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad
KW	Kumpulan Wang
KWAP	Kumpulan Wang Amanah Pencen
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
MAIK	Majlis Agama Islam Kedah
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MAIPk	Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MASB	Malaysian Accounting Standards Board
MFRS	Malaysian Financial Reporting Standards
MIS	Majlis Islam Sarawak
MPERS	Malaysian Private Entities Reporting Standards
MPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (Malaysian Public Sector Accounting Standards)
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PUZ	Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang
SC	Suruhanjaya Sekuriti
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad

SFA 1	Statement of Financial Accounting No. 1 Conceptual Framework for Financial Reporting by Islamic Financial Institutions
SOP <i>i</i> -1	Statement of Principles <i>i</i> – 1
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TBS	Tabung Baitulmal Sarawak
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
WZB	Wakaf, zakat, baitulmal
ZPP	Zakat Pulau Pinang

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perakaunan dan pelaporan kewangan adalah penting bagi menterjemahkan tanggungjawab serta akauntabiliti sesebuah entiti, sama ada ia adalah entiti perniagaan atau kerajaan. Oleh itu, piawaian perakaunan merupakan mekanisma penting yang perlu diwujudkan supaya dapat dijadikan panduan kepada entiti dalam merekod dan melaporkan keputusan kewangan. Di Malaysia, entiti kerajaan perlu mengguna pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam mengakaun dan melaporkan urus niaga kewangan mereka. Ini termasuklah Majlis Agama Islam Negeri serta Lembaga Zakat (yang selepas ini semuanya dirujuk sebagai MAIN) yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia. Namun, disebabkan operasi MAIN yang unik dan berlandaskan hukum syarak, JANM merasakan adalah satu keperluan untuk mewujudkan piawaian perakaunan yang khusus bagi MAIN, yang dikenali sebagai Piawaian Perakaunan Islam (PPI).

Untuk tujuan itu, JANM dengan kerjasama pensyarah-pensyarah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa telah menjalankan penyelidikan bagi membangunkan PPI, bermula dari tahun 2016. Kajian ini merupakan kajian Fasa Ketiga bagi projek tersebut. Di dalam Fasa 1 dan 2, tumpuan telah diberikan kepada pembentukan kerangka kerja perakaunan Islam, serta cadangan kepada pembentukan piawaian berhubung dengan aset. Sebanyak lapan piawaian MPSAS berkaitan aset telah dikaji dalam Fasa 2.

Kajian FASA 3 menumpukan kepada pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan item-item berkaitan hasil, belanja dan liabiliti, di samping memantapkan lagi rangka kerja yang telah dibangunkan di dalam Fasa 1 dan 2. Laporan ini adalah khusus bagi kajian FASA 3 yang dijalankan oleh penyelidik Universiti Utara Malaysia (UUM) ke atas enam institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB) di lima negeri iaitu di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak (dikenali sebagai Zon 2 untuk tujuan kajian ini).

Kajian ini dijalankan bagi mencapai empat objektif berikut:

- 1) Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan dengan hasil, liabiliti dan belanja untuk institusi WZB,
- 2) Mengukuhkan kerangka kerja perakaunan Islam bagi institusi WZB,

- 3) Mengenalpasti keperluan syariah dan batas-batas perundangan sivil berkaitan dengan hasil, liabiliti dan belanja dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi institusi WZB, dan
- 4) Mencadangkan keperluan baharu atau penambahbaikan kepada piawaian yang sedia ada sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan berkaitan dengan hasil, liabiliti dan belanja bagi institusi WZB yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan sivil.

Kajian ini diharapkan dapat membantu JANM dalam membentuk rangka kerja perakaunan Islam dan menggubal piawaian perakaunan yang dapat diterima pakai oleh institusi WZB. Kajian ini juga dapat membantu meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap ketelusan dan akauntabiliti institusi WZB dalam pengurusan sumber ekonomi Islam.

Kajian ini dilaksanakan ke atas enam buah institusi WZB di Zon 2, iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), dan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Kutipan data dijalankan melalui sesi temu bual dengan pegawai-pegawai MAIN yang terlibat dalam penyediaan akaun dan laporan kewangan. Sebagai tambahan, bahan-bahan rujukan lain yang berkaitan juga diteliti. Bagi melihat amalan semasa perakaunan yang diamalkan di MAIN, laporan tahunan yang dikeluarkan bagi tahun 2016 dijadikan sebagai asas. Pada peringkat ini, kajian hanya menumpukan kepada apakah amalan semasa perakaunan yang diterima pakai di MAIN tanpa mengemukakan hujah mengenai kesesuaian amalan berkenaan. MPSAS yang dikaji adalah Hasil Dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9), Hasil Dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan) (MPSAS 23), Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28), Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran (MPSAS 29), Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30), Manfaat Pekerja (MPSAS 25), Kontrak Pembinaan (MPSAS 11), Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19), Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing (MPSAS 4), dan Kos Pinjaman (MPSAS 5). Seterusnya, cadangan pembangunan kerangka kerja konseptual yang menepati kehendak syariah dibuat setelah penelitian dibuat ke atas kajian-kajian terdahulu, buku, kitab agama dan jurnal dalam bidang berkaitan. Pandangan daripada beberapa orang pakar yang mahir dalam bidang kewangan Islam juga diambil kira di dalam membangunkan kerangka kerja dan piawaian perakaunan Islam.



Objektif pertama kajian ini adalah untuk meneliti amalan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan item-item hasil, belanja dan liabiliti oleh MAIN di Zon 2. Daripada sepuluh MPSAS yang dikaji, dapatan kajian menunjukkan hanya item di bawah enam MPSAS sahaja yang dilibatkan oleh MAIN di Zon 2. Enam piawaian tersebut ialah MPSAS 9 Hasil dari Urusniaga Pertukaran, MPSAS 23 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan), MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan, MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan, dan MPSAS 25 Manfaat Pekerja. Secara umumnya kajian mendapati terdapat perbezaan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan di antara enam institusi WZB di Zon 2 bagi pengukuran, pengiktirafan, dan pendedahan item-item terlibat, khususnya urusniaga yang berkaitan dengan zakaf, wakaf, dan baitulmal.

Sementara itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa MAIN di Zon 2 masih belum menggunakan pakai MPSAS, sebaliknya menggunakan pakai MPERS, PERS, MFRS serta Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam. Penggunaan piawaian atau garis panduan perakaunan yang berbeza-beza di antara MAIN ini dilihat antara faktor yang menyumbang kepada ketidakselarasan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan institusi-institusi terlibat. Keadaan ini ditambah dengan garis panduan perakaunan yang terhad bagi mengiktiraf, mengukur dan melaporkan urusniaga MAIN yang unik menyebabkan kriteria kualitatif laporan kewangan MAIN seperti kebolehbandingan agak terbatas atau terjejas. Selain daripada itu, dapatan kajian menunjukkan peruntukan undang-undang yang ada, terutamanya Enakmen Pentadbiran atau Ordinan negeri, yang mempunyai peruntukan dan tahap penerangan yang berbeza turut menyebabkan ketidakselarasan amalan perakaunan di kalangan MAIN.

Bagi item hasil yang berkaitan dengan MPSAS 9 Hasil dari Urusniaga Pertukaran, kebanyakan hasil MAIN terdiri daripada hasil sewa dan keuntungan simpanan bank dan pelaburan patuh syariah, yang majoritinya melibatkan ketiga-tiga Kumpulan Wang (KW) wakaf, KW zakat dan KW baitulmal. Nilai saksama digunakan dalam mengukur hasil-hasil tersebut. Semua MAIN menggunakan kaedah akruan dalam mengiktiraf hasil sewa, manakala kedua-dua kaedah akruan dan tunai digunakan bagi mengiktiraf lain-lain hasil. Perbezaan yang ketara adalah dari segi tahap pendedahan, sama ada di dalam muka penyata mahupun di dalam nota.

Sementara itu, dapatan kajian menunjukkan hasil bukan dari urusniaga pertukaran merupakan hasil utama MAIN, yang mana sebahagian besarnya merupakan kutipan zakat. Semua MAIN

di Zon 2 mengiktiraf kutipan zakat sebagai hasil KW Zakat dan kebanyakannya disatukan dalam Penyata Pendapatan Disatukan, kecuali LZNK. Contoh lain-lain hasil bukan dari urusniaga pertukaran adalah derma/ sumbangan/ infak, fidyah, kaffarah, harta tak patuh syariah dan bantuan dari kerajaan. Harta wakaf pula direkod sebagai ekuiti atau liabiliti, kecuali TBS yang merekod wakaf tunai sebagai hasil. Secara umumnya, format dan perincian pelaporan item ini adalah berbeza-beza antara MAIN.

Kesemua MAIN mempunyai urusniaga berkaitan instrumen kewangan yang berbentuk utama (primary), contohnya pelaburan saham, penghutang, dan pemiutang. Tiada instrumen kewangan sekunder atau derivatif dilaporkan oleh MAIN di Zon 2. Kesemua MAIN mengiktiraf bentuk-bentuk instrumen yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan, tetapi tidak menyatakan kumpulan wang terlibat kecuali MAIPs. Pendedahan yang dibuat berkenaan instrumen kewangan juga adalah terhad. Manakala bagi manfaat pekerja yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang, semua MAIN di Zon 2 mengiktiraf item ini sebagai belanja dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh di mana ianya dilibatkan. Kebanyakan item ini diiktiraf sebagai belanja bagi kumpulan wang zakat dengan kebanyakan MAIN membuat pendedahan berkenaan polisi perakaunannya. Sementara itu, semua MAIN mengiktiraf manfaat pekerja (jangka panjang dan jangka pendek) sebagai belanja di dalam Penyata Pendapatan pada tempoh di mana ianya berlaku. Kebanyakannya merupakan belanja bagi KW Zakat dan kebanyakan MAIN mendedahkan polisi perakaunannya.

Berdasarkan dapatan kajian, tiada satu pun MAIN di Zon 2 yang mengiktiraf, mengukur dan mendedahkan maklumat berkaitan kontrak pembinaan (MPSAS 11), peruntukan, aset luar jangka dan liabiliti luar jangka (MPSAS 19), kesan perubahan kadar pertukaran asing (MPSAS 4), dan kos pinjaman (MPSAS 5) pada tahun 2016 kerana mereka tidak terlibat dalam transaksi-transaksi tersebut.

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan usaha untuk menambah baik amalan perakaunan dan pelaporan kewangan MAIN amatlah diperlukan untuk meningkatkan kualiti perakaunan dan pelaporan MAIN seperti daripada aspek ketekalan, kebolehbandingan, kerelevanan, dan juga kebolehpercayaan (reliability).

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengukuhkan kerangka kerja perakaunan Islam (KKPI) bagi institusi WZB serta meneliti keperluan syariah yang menyokong KKPI tersebut.

Berdasarkan beberapa siri rundingan bersama para pakar syariah dan mualamat terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dibuat terhadap KKPI yang telah dibangunkan dalam Fasa 1 dan 2 kajian. Pertama, kajian ini bersetuju untuk menambah elemen tasawuf di samping tauhid dan fiqh sebagai teori asas. Kedua, konsep asas akauntabiliti kepada kepada Allah SWT (Hablum Min Allah) dan kepada manusia (Hablum Min An-nas) telah dikekalkan. Ketiga, memberi penekanan kepada matlamat maqasid syariah bagi zakat, wakaf dan baitulmal. Keempat, menambah elemen kemaslahatan alam sekitar di samping sosial dan ekonomi. Kelima, pengiktirafan liabiliti, hasil dan belanja haruslah bebas daripada unsur-unsur seperti riba, gharar, maisir, jahalah, ghalat dan haram (andaian dan prinsip). Keenam, pengukuran terhadap liabiliti, hasil dan belanja perlu menggunakan nilai semasa atau saksama yang berlandaskan kepada keadilan Islam. Akhir sekali, pendedahan maklumat perakaunan mestilah berdasarkan pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial seperti yang disarankan oleh Islam.

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk mengenalpasti batas-batas perundangan sivil berkaitan dengan hasil, liabiliti dan belanja dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi institusi WZB. Secara amnya, kesemua Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan Ordinan di Zon 2 memperuntukkan perkara yang sama iaitu berkenaan penubuhan baitulmal, kumpulan wang dan perbelanjaan daripada kumpulan wang berkenaan, akaun dan laporan tahunan MAIN. Umpamanya kesemua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri dan Ordinan tersebut menyatakan bahawa Baitulmal adalah dirujuk sebagai Kumpulan Wang dan bukan sebagai sebuah institusi. Namun begitu masih terdapat ketidakseragaman dan percanggahan peruntukan dalam Enakmen dan Ordinan berkenaan. Penyelidik juga mendapati bahawa peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri adalah kurang jelas dengan apa yang dimaksudkan KW Baitulmal. Kecuali Perak dan Sarawak yang menjelaskan komponen-komponen baitulmal dalam pindaan kepada Enakmen dan Ordinan mereka, negeri-negeri lain tidak menyatakan secara terperinci komponen-komponen baitulmal. Adalah dicadangkan supaya negeri-negeri membuat pindaan, bukan sahaja dengan menyatakan komponen, tetapi juga pindaan terhadap perenggan-perenggan yang lain agar tidak terdapat kekeliruan yang mengakibatkan interpretasi yang berbeza. Penggunaan istilah yang seragam ini penting dalam membangunkan piawaian perakaunan untuk MAIN.

Objektif keempat kajian adalah untuk mencadangkan keperluan baharu atau penambahbaikan kepada piawaian yang sedia ada sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan berkaitan dengan hasil, liabiliti dan belanja bagi institusi WZB yang memenuhi keperluan syariah dan

perundangan sivil. Secara amnya, kebanyakan piawaian MPSAS boleh digunakan oleh MAIN dengan membuat beberapa pindaan. Di dalam menyatakan cadangan atau pindaan bagi setiap MPSAS, penyelidik telah mengekalkan mana-mana peruntukan di dalam MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah dan dibuat pindaan sekiranya perlu. Tetapi sekiranya terdapat keperluan syariah dan urus niaga atau aktiviti berkaitan MAIN yang tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan, peruntukan mengenainya akan ditambah kepada MPSAS tersebut. Seterusnya, penyelidik meminda atau mengeluarkan mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS yang bercanggah dengan keperluan syariah. Akhir sekali, mana-mana peruntukan dalam MPSAS yang tidak relevan dengan aktiviti institusi WZB akan dikeluarkan.

Antara perubahan yang dicadangkan adalah pertama, penyelidik mencadangkan supaya pindaan dibuat kepada skop piawaian, tafsiran bagi istilah-istilah penting, dan penyeragaman penggunaan istilah. Beberapa istilah penting yang tidak terdapat di dalam mana-mana piawaian sebelum ini diperkenalkan, contohnya wakaf, zakat, baitulmal, harta pusaka, fidyah, kaffarah, nazar, harta tidak patuh syariah, dan luqatah. Ini terutamanya adalah berkaitan dengan MPSAS 23 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran. Adalah juga dicadangkan supaya istilah yang digunakan adalah konsisten antara MAIN. Kedua, dari segi pendedahan maklumat perakaunan, penyelidik mencadangkan supaya hasil dan belanja diiktiraf dan didedahkan mengikut Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat atau Kumpulan Wang Baitulmal. Seterusnya, contoh-contoh yang diberikan dalam piawaian haruslah yang bersesuaian dengan operasi MAIN.

Kajian ini adalah penting kerana ia memberikan cadangan dalam pembentukan kerangka kerja perakaunan Islam dan pengubahsuaian kepada piawaian MPSAS yang sedia ada yang boleh digunakan oleh penggubal piawaian perakaunan untuk MAIN di seluruh Malaysia. Selama ini tidak ada piawaian berteraskan Islam yang tersedia yang boleh dijadikan panduan kepada MAIN di dalam menyediakan laporan kewangan tahunan mereka. Kewujudan piawaian yang seragam dan bersesuaian dengan aktiviti MAIN membolehkan laporan kewangan kesemua MAIN memberi gambaran yang lebih realistik tentang kedudukan kewangan MAIN dan seterusnya boleh dibuat perbandingan di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, penyelidik memahami mengenai bidang kuasa MAIN yang terletak di negeri masing-masing. Piawaian yang dicadangkan ini bertujuan menyediakan garis panduan umum kepada MAIN, dan sekiranya terdapat mana-mana cadangan yang dikemukakan tidak bersesuaian (contoh: amalan berkaitan fatwa tertentu), penyelidik menyarankan agar perkara tersebut di nyatakan di

dalam nota kepada akaun. Akhirnya, kewujudan piawaian perakaunan Islam yang diusahakan oleh JANM untuk kegunaan institusi WZB di Malaysia boleh diperkembangkan kepada negara-negara Islam yang lain.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kami menyiapkan projek dan laporan penyelidikan Fasa 3 ini mengikut waktu yang ditetapkan. Pertama sekali, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurusan atasan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) serta pegawai-pegawai di Institut Perakaunan Negara (IPN) dan para penggubal piawaian yang telah memberi sokongan dan kepercayaan penuh kepada pihak kami sepanjang menjalankan projek penyelidikan ini, terutamanya Dr Shahril Bahrim selaku Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Profesional, IPN. Terima kasih juga kami ucapkan kepada Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, Timbalan Naib Canselor Inovasi dan Penyelidikan UUM kerana memberi dorongan kepada kami dalam menjayakan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pegawai-pegawai di Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Tabung Baitulmal Sarawak, Lembaga Zakat Negeri Kedah, As-Sahabah (Pulau Pinang) dan entiti-entiti di bawah Majlis Agama Islam Negeri serta pakar-pakar rujuk syariah, perakaunan dan perundangan dan tidak ketinggalan ahli kumpulan penyelidik Fasa 2 atas kerjasama sewaktu tempoh kutipan data dijalankan. Begitu juga dengan kumpulan penyelidik Fasa 3 dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan pendapat dan cadangan ketika mesyuarat dan pembentangan projek penyelidikan ini dilakukan.

Akhirnya, terima kasih juga kepada semua ahli kumpulan penyelidik serta Puan Juwairiah Mohamad dan Encik Izham Hakimi Redzan yang telah memberikan komitmen penuh bagi menyiapkan projek penyelidikan ini. Sebagai penutup, semoga maklumat yang disalurkan melalui laporan ini dapat membantu JANM dan pihak yang berkepentingan lain dalam membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan patuh syariah bagi memartabatkan fungsi institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia.

## **Ikhlas Daripada**

**Pengarah Projek Penyelidikan**  
Bahagian Pembangunan Perakaunan  
dan Pengurusan JANM

**Pengurus Projek Penyelidikan**  
Institut Perakaunan Negara JANM



## **Kumpulan Penyelidikan**



Prof. Dr. Ku Nor Izah Binti Ku Ismail  
(Ketua Penyelidik)

Dr. Fathiyah Binti Abu Bakar

Dr. Suhaimi Bin Ishak

Prof. Madya Dr. Chek Bin Derashid

Dr. Norfaiezah Binti Sawandi

Dr. Muhammad Syahir Bin Abd. Wahab

## **Hak Cipta Terpelihara**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

## **Penafian**

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

# BAB SATU

## Pengenalan

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Perakaunan dan pelaporan kewangan memainkan peranan yang penting bagi menggambarkan akauntabiliti, ketelusan, dan kebolehgunaan maklumat dalam sesebuah organisasi sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Penggunaan piawaian yang sesuai adalah perlu dalam memastikan pelaporan yang disediakan adalah relevan, boleh dipercayai dan maklumat yang dipersembahkan adalah berguna untuk pemegang taruh membuat keputusan. Pelbagai asas dan panduan digunakan oleh organisasi dalam menyediakan laporan kewangan. Misalnya, syarikat di Malaysia menggunakan piawaian yang dikeluarkan oleh Malaysian Accounting Standards Board (MASB), sama ada *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS), atau *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS), sebagai panduan dalam penyediaan laporan kewangan. Sementara itu, institusi di bawah sektor awam seperti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan organisasi sektor awam yang lain mengguna pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), yang merupakan institusi sektor awam juga harus menjadikan MPSAS sebagai panduan dalam penyediaan laporan kewangan.

Di Malaysia, pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal (selepas ini diringkaskan sebagai WZB) diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), kecuali di Kedah di mana pengurusan zakat adalah di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Bagi tujuan kajian dan laporan ini, penyelidik menggunakan istilah institusi WZB atau MAIN bagi merujuk kepada semua MAIN dan juga LZNK.

Wakaf merujuk kepada salah satu daripada bentuk sedekah jariyah yang telah disyariatkan oleh Allah SWT dan ia mempunyai tujuan-tujuan yang khusus (Abdullah bin Sheikh Al-Mahfuz Bin Bayyah, 2005). Wakaf telah ditakrifkan sebagai “*apa-apa hak yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jualbeli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk*



*kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT oleh pewakaf. Wakaf merupakan suatu pemilikan yang tidak sempurna kerana pemilikan 'ain (barangan yang diwakafkan) adalah milik Allah SWT. Manakala, manfaat atau hasil wakaf itu kepunyaan Mawquf 'Alaih iaitu pihak yang ditentukan menerima manfaat wakaf” (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2007).*

Wakaf boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu wakaf ahli (wakaf keluarga) dan Wakaf Khairi (Kebajikan). Wakaf keluarga dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunannya seperti yang ditentukan oleh pewakaf. Wakaf kebajikan pula dibahagikan kepada wakaf khas dan wakaf am. Wakaf khas ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat khusus menurut hukum syarak, sementara wakaf am bermaksud sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat umum menurut Hukum Syarak. Kedua-dua wakaf khas dan am ini merupakan wakaf utama yang diuruskan MAIN.

Zakat pula merupakan satu harta yang perlu dikeluarkan pada kadar yang tertentu dan diwajibkan untuk dibahagikan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut hukum syarak (Ahmad bin Al-Hijazi bin Badir Al-Fashini, 1862). Terdapat lapan golongan asnaf, iaitu:

- (1) Fakir – orang yang tiada harta pendapatan yang mencukupi untuknya dan keperluannya.
- (2) Miskin – mempunyai kemampuan usaha untuk mendapatkan keperluan hidupnya akan tetapi tidak mencukupi sepenuhnya.
- (3) Amil – orang yang dilantik untuk memungut dan mengagih wang zakat.
- (4) Muallaf – seseorang yang baru memeluk agama Islam.
- (5) Riqab – seseorang yang terbelenggu dan tiada kebebasan diri.
- (6) Gharimin – penghutang muslim yang tidak mempunyai sumber untuk menjelaskan hutang yang diharuskan oleh syarak pada perkara asasi untuk diri dan tanggungjawab yang wajib ke atasnya.
- (7) Fisabilillah – orang yang berjuang, berusaha dan melakukan aktiviti untuk menegakkan dan meninggikan agama Allah.
- (8) Ibnu Sabil – musafir yang kehabisan bekalan dalam perjalanan atau semasa memulakan perjalanan dari negaranya yang mendatangkan pulangan yang baik kepada Islam dan umatnya atau orang Islam yang tiada perbekalan di jalanan.

Walaupun dari segi istilah baitulmal bermaksud pusat untuk menyimpan dan mengurus wang dan aset umat Islam (Abu Al-Hasan Ali Bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi, 1989), istilah baitulmal yang digunakan dalam kajian dan laporan ini merujuk kepada dana selain wakaf dan zakat yang dikendalikan oleh MAIN. Ini termasuklah sumbangan, infak, derma, luqatah, fidyah, kaffarah, wang tidak patuh syariah yang disumbangkan, denda dan sebagainya yang diuruskan oleh MAIN.

Sebagai institusi yang berperanan menguruskan harta umat Islam di Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab MAIN untuk menyediakan laporan kewangan yang relevan dan berguna, bersesuaian dengan keperluan pengguna maklumat dalam menilai prestasi dan kedudukan kewangan sebuah MAIN berhubung pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal, di samping menilai kecekapan dan akauntabiliti MAIN tersebut. Sehubungan itu, segala maklumat berkaitan seperti amaun kutipan zakat, agihan zakat, pengumpulan harta wakaf dan baitulmal perlulah didedahkan di dalam laporan kewangan, sekaligus dapat menterjemahkan akauntibiliti dan ketelusan institusi WZB kepada pemegang taruh (contohnya pembayar zakat, pewakaf, penderma dan pemberi sadaqah, institusi berkepentingan dan pembuat polisi) yang ingin tahu antara lain, bagaimana dana tersebut dimanfaatkan.

Amalan semasa menunjukkan institusi WZB mengamalkan tatacara perakaunan dan menyediakan laporan kewangan yang tidak seragam, masing-masing dengan cara tersendiri, dengan merujuk kepada beberapa sumber seperti MPERS, MFRS, MPSAS, Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN), serta Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Perbezaan amalan ini adalah disebabkan piawaian dan garis panduan yang digunakan ini didapati tidak dapat memenuhi kehendak atau keperluan MAIN disebabkan urus niaganya yang unik atau tidak sama dengan urus niaga institusi lain, serta patuh syariah. Sebagai contoh, MPSAS yang dikeluarkan oleh JANM tidak sesuai digunakan kerana tidak mengambilkira hasil yang unik yang diperolehi oleh institusi WZB seperti wakaf, zakat dan baitulmal. Misalnya, MPSAS 23 Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran, tidak membincangkan secara spesifik mengenai zakat, wakaf dan baitulmal, sebaliknya menjurus kepada cukai dan lain-lain pindahan. Selain itu, contoh-contoh yang diberikan adalah tidak bersesuaian dengan amalan semasa MAIN. Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (JAWHAR, 2009) pula menunjukkan tatacara perakaunan dan tidak

mempunyai ciri-ciri piawaian yang lengkap. Sehingga kini tidak terdapat satu piawaian perakaunan yang khusus yang boleh diguna pakai oleh MAIN dalam mengakaunkan harta dan dana wakaf, zakat dan baitulmal. Akibatnya, perekodan perakaunan dan persembahan pelaporan kewangan didapati berbeza atau tidak konsisten antara MAIN walaupun mereka menjalankan operasi yang sama dari sudut pengutipan dan pengagihan dana wakaf, zakat dan baitulmal (Ku Nor Izah Ku Ismail et al., 2018).

Selain daripada itu, MAIN adalah tertakluk di bawah enakmen atau ordinan pentadbiran negeri masing-masing yang mana Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan (Engku Ismail, 2016) telah memberi kuasa kepada kerajaan negeri dalam hal ehwal yang berkaitan dengan Agama Islam. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri serta Ordinan Majlis Islam Sarawak (selepas ini disebut sebagai Enakmen atau Enakmen Pentadbiran) yang digubal adalah tidak seragam antara satu sama lain. Sebagai contoh, tafsiran baitulmal adalah berbeza mengikut negeri, ada yang begitu umum dan ada yang terperinci. Tafsiran yang umum biasanya mengundang kepada interpretasi yang berbeza antara negeri, seterusnya mengakibatkan tatacara perakaunan dan pelaporan kewangan yang berbeza.

Menyedari keunikan yang ada pada institusi WZB dari segi operasi, urus niaga dan tadbir urus, pihak JANM merasakan adalah perlu piawaian perakaunan bagi institusi WZB dikeluarkan bagi membantu institusi ini mengamalkan tatacara perakaunan dan pelaporan kewangan yang efektif serta dapat memenuhi kehendak pengguna penyata. Inisiatif dimulakan pada tahun 2016 di mana JANM bekerjasama dengan tiga buah universiti, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam menjalankan kajian amalan perakaunan ke atas MAIN di seluruh Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan kerangka kerja perakaunan Islam serta piawaian perakaunan khusus bagi MAIN.

Kajian Fasa Satu dilaksanakan pada tahun 2016, di mana kajian tertumpu kepada pembentukan asas kepada kerangka kerja perakaunan Islam. Ini diikuti dengan kajian Fasa 2 yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 di mana lapan (8) piawaian perakaunan berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset dalam penyata kewangan telah dikaji dalam penggubalan piawaian perakaunan yang baru. Lapan (8) piawaian yang terlibat adalah Inventori (MPSAS 12), Pajak (MPSAS 13), Hartanah Pelaburan (MPSAS 16), Hartanah, Loji dan Peralatan

(MPSAS 17), Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21), Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai (MPSAS 26), Pertanian (MPSAS 27), dan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31).

Kini, kajian telah memasuki fasa ketiga. Kajian Fasa Tiga ini memberi tumpuan kepada isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja dan liabiliti yang merangkumi sepuluh (10) piawaian perakaunan. Piawaian yang diliputi oleh kajian ini adalah Hasil Dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9), Hasil Dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23), Kos Pinjaman (MPSAS 5), Kontrak Pembinaan (MPSAS 11), Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19), Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28), Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran (MPSAS 29), Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30), Manfaat Pekerja (MPSAS 25), dan Kesan Perubahan Matawang Asing (MPSAS 4).

Seperti kajian-kajian dalam Fasa Satu dan Dua, kajian Fasa 3 ini dibahagikan kepada tiga kumpulan penyelidik mengikut zon. Pembahagian zon adalah seperti berikut, di mana penyelidik dari Universiti Utara Malaysia menumpukan kajian ke atas Zon 2. MAIN yang termasuk dalam Zon 2 adalah (1) Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), (2) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), (3) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), (4) Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), (5) Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), dan (6) Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Laporan ini merupakan laporan kajian yang dijalankan di Zon 2. Jadual 1.1 menunjukkan senarai universiti yang terlibat beserta negeri dan zon masing-masing.

**Jadual 1.1 Senarai Universiti Penyelidik dan Pembahagian Negeri Mengikut Zon**

<b>Universiti</b>	<b>Zon</b>	<b>Negeri</b>
Universiti Kebangsaan Malaysia	Zon Satu	Johor, Melaka, Selangor, Sabah dan Negeri Sembilan
Universiti Utara Malaysia	Zon Dua	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Zon Tiga	Kelantan, Terengganu, Pahang dan Wilayah Persekutuan

Seterusnya, bab ini akan membincangkan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan skop kajian.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

MAIN mempunyai peranan penting untuk mengurus dana zakat, wakaf, dan dana selain zakat dan wakaf (yang disebut sebagai baitulmal untuk tujuan kajian ini), yang amaunnya adalah begitu besar dan memberi sumbangan yang signifikan kepada sosio-ekonomi negara. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh JAWHAR (2018) dan analisis penyata kewangan MAIN, sejumlah RM2.8 billion zakat telah dikutip oleh institusi zakat di seluruh Malaysia pada tahun 2016. Statistik yang dikeluarkan JAWHAR juga menunjukkan tanah baitulmal yang berpotensi untuk dimajukan adalah berkeluasan 41,407.33 hektar dengan nilai RM320 juta (JAWHAR, 2018). Di samping itu, statistik bagi tahun 2013 menunjukkan terdapat 30,888 hektar tanah wakaf diseluruh Malaysia (Rabiatul Hasanah Mahmood et al., 2017). Jumlah yang begitu besar ini sudah tentulah memerlukan kepada pengurusan yang cekap serta sifat ketelusan dan akauntabiliti sesebuah MAIN dalam menjalankan amanahnya.

Akauntabiliti bermaksud kewajipan seseorang menjalankan tanggungjawab terhadap tugas-tugas yang telah diamanahkan kepadanya. Dalam konteks MAIN, ia bermaksud tanggungjawab institusi tersebut dalam melaksanakan tugas-tugas yang di amanahkan kepadanya, khususnya dalam mengurus harta zakat, wakaf dan baitulmal mengikut keperluan syariah dan perundangan sivil. Seperti yang telah dibincangkan oleh Abdullah et al. (2018), akauntabiliti yang dilaksanakan haruslah menjaga hubungan dengan Allah SWT (Hablul Min Allah) dan juga sesama manusia (Hablul Min An-Nas). Sebagai institusi yang mengurus harta orang awam yang melibatkan sebahagian besar penduduk Islam Malaysia, sudah tentulah MAIN menjadi perhatian umum yang rata-rata ingin tahu sejauh mana prestasinya dalam mengurus harta-harta yang diamanahkan kepadanya. Tidak seperti syarikat di mana pihak berkepentingan dapat dikenal pasti dengan mudah, pihak berkepentingan MAIN adalah lebih umum dan sukar dikenal pasti. Antara pihak yang berkepentingan adalah pemberi zakat, penerima zakat, pewakaf, penerima manfaat wakaf, penyumbang baitulmal, penggubal undang-undang dan piawaian, badan kerajaan yang menyelia dan memajukan institusi WZB

seperti JAWHAR, badan kerajaan yang memberi sumbangan, penyelidik, ahli akademik, ahli politik, badan sukarela, ahli dan badan perniagaan, masyarakat dan orang ramai.

Masyarakat sering mempunyai persepsi yang negatif terhadap institusi WZB, walaupun pada realitinya dalam banyak keadaan mereka menjalankan tanggungjawab dengan baik. Antara tanggapan negatif adalah MAIN tidak cekap dalam mengurus harta wakaf, sehingga menjejaskan keyakinan orang ramai kepada MAIN (Dalila Daud et al., 2011). Menurut Maznah, Mohamat Sabri dan Radziah (2014), lain-lain penemuan yang boleh menyumbang kepada persepsi yang negatif ini adalah kes di mana MAIN tidak mempunyai rekod akaun wakaf yang terkini (Abdul Rahman et al. 1999), tidak membetulkan dengan segera kesilapan merekod transaksi kewangan (Abdul Rahman & Goddard, 2003), dan menyediakan laporan kewangan yang kurang maklumat kewangan dan perakaunan (Md Zain, 2006). Kes-kes pecah amanah oleh badan agama yang dihebahkan media juga menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap institusi WZB (Maznah et al., 2014). Namun, apa yang diperhatikan oleh penyelidik, kelemahan-kelemahan yang dilaporkan ini sudah lama berlaku dan mungkin MAIN telah menyedari kelemahan mereka dan telah mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki kelemahan tersebut. Daripada tinjauan terhadap Laporan Tahunan beberapa MAIN bagi tahun 2016, penyelidik mendapati tahap pendedahan bagi MAIN adalah agak memuaskan bagi sesetengah item, zakat misalnya.

Dalam meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, di samping menangkis tanggapan negatif yang dilemparkan ke atas institusi WZB, peranan perakaunan dan pelaporan kewangan adalah penting kepada setiap MAIN (Maznah, Mohamat Sabri & Radziah, 2014). Mutakhir, menyedari betapa pentingnya perakaunan dan pelaporan kewangan dalam menterjemahkan ketelusan dan akauntabiliti dan dalam membuat keputusan, berbagai pihak telah membuat kajian bagi mengujudkan kerangka kerja perakaunan Islam dan piawaian perakaunan mengenai WZB. Selain daripada inisiatif yang dijalankan oleh JANM bermula dari tahun 2016 dalam projek Fasa 1 dan 2, pihak MASB misalnya telah menjalankan kajian bertajuk *Waqf*, yang antara lain bertujuan untuk menggalakkan perbincangan isu-isu berkaitan perakaunan bagi wakaf.

Secara umumnya, amalan perakaunan dan pelaporan kewangan semasa yang diamalkan oleh institusi WZB adalah berdasarkan kepada piawaian perakaunan seperti MPERS atau MPSAS,

dan amalan adalah berbeza di kalangan institusi WZB. Keadaan ini disebabkan tiadanya piawaian perakaunan yang khusus yang boleh diguna pakai oleh kesemua MAIN dalam mengakaunkan perkara-perkara yang spesifik kepada MAIN yang tidak disentuh secara langsung oleh mana-mana piawaian sedia ada. Walaupun penggunaan piawaian perakaunan sedia ada adalah sebagai satu alternatif kepada perakaunan WZB, namun piawaian tersebut kurang sesuai untuk diterima pakai oleh institusi WZB kerana dibangunkan secara umum untuk sektor awam dan menekankan kepada perakaunan konvensional. Dengan lain perkataan, memandangkan MAIN adalah institusi patuh syariah, maka ia memerlukan tatacara perakaunan dan pelaporan kewangan yang bersesuaian dengan operasinya. Untuk itu, satu kerangka kerja perakaunan menurut perspektif Islam juga adalah penting untuk dibangunkan.

Isu utama kajian ini adalah terhadap tiga mekanisme utama amalan perakaunan, iaitu pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan bagi transaksi yang melibatkan belanja, hasil dan liabiliti oleh institusi WZB. Dari sudut operasi institusi WZB, kesemua institusi WZB telah memenuhi keperluan syarak iaitu bebas daripada perkara seperti riba, gharar, maisir, jahalah, ghalat dan haram. Namun, yang menjadi permasalahan adalah mengenai amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang tidak selaras di kalangan MAIN. Pelaporan kewangan ini perlu diselaraskan bagi menambahkan kepercayaan setiap pihak yang berkepentingan, tidak kira di peringkat masyarakat awam, pembuat polisi atau badan penguatkuasaan terhadap akauntabiliti dan ketelusan institusi WZB.

Seperti yang sedia maklum, kajian Fasa Satu melibatkan pembinaan kerangka kerja perakaunan Islam manakala Fasa Dua memfokuskan kepada pengiktirafan, pengukuran dan aset institusi WZB di samping memantapkan kerangka kerja Fasa 1. Dapatan kajian bagi kedua-dua fasa tersebut telah digunakan oleh pihak JANM dalam merangka piawaian perakaunan berhubung dengan aset bagi MAIN. Seterusnya, Fasa Ketiga ini akan melengkapkan kedua-dua kajian sebelum ini dengan memberi tumpuan kepada pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, liabiliti dan belanja oleh MAIN di Malaysia. Dengan tamatnya penyelidikan Fasa 3 ini, pihak JANM dapat meneruskan lagi projek dengan menumpukan kepada lain-lain isu dan item dalam penyata kewangan.

Kajian yang dijalankan berkaitan perakaunan WZB, kecuali kajian Fasa 1 dan 2 projek penyelidikan ini, adalah masih terhad. Kajian lebih tertumpu kepada perakaunan bagi wakaf,

dan masih kurang kajian secara komprehensif yang melibatkan wakaf, zakat dan baitulmal. Kajian lepas berkaitan perakaunan bagi zakat yang berkait rapat dengan kajian ini adalah yang dijalankan oleh Ku Nor Izah Ku Ismail et al.(2018). Kajian ini mendapati tidak terdapat keseragaman dalam mengakaunkan dan melaporkan dana zakat oleh tiga institusi zakat yang dikaji. Ini mengakibatkan kebolehbandingan maklumat perakaunan antara MAIN adalah terbatas. Sebagai contoh, ada MAIN yang memisahkan pendapatan zakat daripada pendapatan pentadbiran tanpa menyatukan kedua-duanya. Sementara itu, ada juga MAIN yang menyatukan kesemua pendapatan, termasuk zakat, dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan. Ini menunjukkan perlu adanya satu piawaian perakaunan yang boleh dijadikan garis panduan kepada institusi WZB dalam mengakaunkan pendapatan zakat serta agihannya.

Kajian-kajian lain mengenai pengurusan zakat lebih tertumpu kepada aspek tadbir urus, akauntabiliti dan pengurusan institusi zakat, kutipan dan agihan zakat, serta gelagat pemegang taruh seperti pembayar zakat (Abdullah *et al*, 2018; Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009; Shawal, 2009; Norfaiezah, Norazita & Ram Al Jafri, 2017). Kajian tentang perakaunan bagi zakat pula lebih tertumpu kepada pengiraan zakat (Abdullah, Mohd Rizuan & Abdul Aziz, 2013; Rohila Awang & Mohd Zulkifli Mokhtar, 2011), perbandingan antara cukai dan zakat (Hamizul Abdul Hamid, 2013) dan pembentukan piawaian perakaunan bagi firma pembayar zakat (Nor Bazirah Abu Bakar, 2007).

Kajian yang dijalankan berkaitan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan institusi wakaf adalah terhad. Kajian yang agak terkini mengenai perakaunan bagi wakaf adalah yang dijalankan oleh MASB pada tahun 2014 bertajuk *Waqf* (MASB, 2014). Kajian itu bertujuan untuk menggalakkan perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan perakaunan wakaf. Walau bagaimanapun, ia tidak mengemukakan penyelesaian kepada isu-isu tersebut. Kajian tersebut bukan sahaja tertumpu kepada MAIN, tetapi juga memberi perhatian kepada institusi pengajian tinggi yang diberikan kebenaran oleh MAIN bagi mengurus dana wakaf, serta sektor korporat. Susulan daripada laporan yang dikemukakan oleh MASB berhubung dengan isu-isu wakaf, satu perbincangan meja bulat telah dilaksanakan pada 17 Oktober 2014 oleh Jabatan Audit Negara yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada MAIN, JAWHAR, MASB dan pihak lain yang turut berminat terhadap perkara tersebut. Antara pandangan yang dikemukakan oleh MASB adalah supaya penyata kewangan yang berasingan bagi setiap wakaf hendaklah disatukan. Kedua, penyata kewangan wakaf dan mutawalli (dalam hal ini MAIN) boleh



disatukan sekiranya mutawalli mempunyai kawalan ke atas wakaf tersebut. Ketiga, apabila kawalan tidak wujud dan penyatuan tidak diperlukan, mutawalli masih perlu mendedahkan maklumat wakaf di bawah pentadbirannya kerana maklumat tersebut adalah penting kepada pengguna.

Satu lagi kajian berhubung perakaunan wakaf telah dijalankan oleh Hisham, Mohd Nazli, dan Hairul Suhaimi (2016). Kajian ini bukan dijalankan ke atas MAIN, tetapi ke atas dua badan korporat yang mengendalikan wakaf. Kajian mendapati perakaunan dan pelaporan kewangan bagi aset wakaf adalah bertambah baik dan piawaian perakaunan yang relevan telah diguna pakai. Maklumat bukan kewangan juga didedahkan secara meluas dan oleh itu meningkatkan akauntabiliti institusi.

Kajian-kajian lain mengenai perakaunan wakaf adalah berkaitan pelaporan aset wakaf oleh MAIN (Nori Yani, Radziah, Aini & Mohd Rizal, 2018), sama ada amalan pelaporan kewangan MAIN patuh syariah (Anna & Mohamed Hisham, 2015), pelaporan wakaf (Dalila Daud et al., 2011), amalan perakaunan dan pengurusan wakaf di Indonesia (Hidayatul Ihsan & Shahul Hameed Mohamed Ibrahim, 2011). Sehingga kita, belum ada kajian menyeluruh yang dilakukan bagi mengenalpasti amalan perakaunan dan pelaporan kewangan institusi WZB, selain daripada kajian Fasa 1 dan 2 projek penyelidikan JANM ini. Oleh itu, kajian ini cuba memenuhi jurang yang terdapat dalam bidang kajian ini, yang dijangka akan memberi manfaat kepada penggubal piawaian, MAIN serta pemegang taruh.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Dalam proses membentuk piawaian yang khusus bagi institusi MAIN (di mana perlu) beberapa persoalan perlu di jawab oleh kajian ini terlebih dahulu. Persoalan-persoalan tersebut adalah:

- (1) Apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?

- (2) Apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu dalam kerangka kerja pelaporan kewangan Islam bagi hasil, belanja dan liabiliti berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal?
- (3) Apakah jenis dan kualiti maklumat yang perlu didedahkan di dalam pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal?
- (4) Apakah keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?
- (5) Apakah batas-batas perundangan sivil berbanding keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?
- (6) Apakah cadangan keperluan piawaian perakaunan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Bagi menjawab persoalan yang dikemukakan di atas, kajian telah dijalankan ke atas lima (5) MAIN serta LZNK bagi mencapai ojektif berikut:

- (1) Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan dengan hasil, liabiliti dan belanja untuk institusi wakaf, zakat dan baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri).
- (2) Mengukuhkan kerangka kerja pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal.
- (3) Mengenalpasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil berkaitan dengan hasil, liabiliti dan belanja dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal.
- (4) Mencadangkan keperluan baharu atau penambahbaikan kepada piawaian yang sedia ada sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan berkaitan dengan hasil, liabiliti dan

belanja bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan sivil.

Dalam mencapai objektif di atas, sepuluh piawaian perakaunan yang melibatkan hasil, belanja, dan liabiliti seperti dinyatakan sebelum ini dijadikan asas dalam pembangunan piawaian perakaunan yang baharu atau pengubahsuaian kepada yang sedia ada.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini merupakan projek di bawah JANM yang mana mengkhususkan kepada penyediaan pelaporan perakaunan bagi institusi WZB. Fokus akan diberikan kepada amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi WZB di seluruh Malaysia yang mana didapati institusi-institusi ini mengamalkan cara pelaporan yang berbeza disebabkan ketiadaan piawaian yang spesifik. Amalan pelaporan perakaunan yang dilaksanakan ketika ini adalah berasaskan kepada piawaian perakaunan yang lebih umum. Tambahan lagi, piawaian sedia ada adalah bersifat konvensional yang tidak mengambil kira urusan niaga yang tidak patuh syariah seperti yang melibatkan riba, gharar dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi membantu JANM dalam membentuk rangka kerja perakaunan Islam dan menggubal piawaian perakaunan yang dapat diterima pakai oleh institusi WZB.

Kajian ini juga dapat membantu meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap ketelusan dan akauntabiliti pihak pemegang amanah iaitu institusi WZB dalam pengurusan sumber ekonomi Islam. Dengan adanya piawaian perakaunan khas ke atas dana-dana kewangan ini, diharapkan sumber-sumber yang diperolehi dapat dikembangkan dengan lebih efisien dan berkesan kepada pembangunan ummah. Di samping itu, penggubalan piawaian perakaunan bagi institusi WZB ini bukan sahaja dapat digunakan oleh MAIN di Malaysia. Ia juga boleh dijadikan asas kepada penggubalan piawaian perakaunan Islam oleh negara lain yang mempunyai struktur institusi WZB yang serupa.

## **1.6 Skop Kajian**

Kerja lapangan kajian ini hanya tertumpu kepada enam institusi WZB di Zon 2, iaitu lima MAIN di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak serta sebuah institusi zakat, iaitu LZNK. Dalam melaporkan amalan semasa perakaunan, penelitian tertumpu kepada Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Di samping itu, maklumat tambahan diperolehi melalui temu bual dengan akauntan atau pegawai kewangan MAIN.

Kajian ini memberi tumpuan kepada isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang melibatkan sepuluh piawaian perakaunan, iaitu Hasil Dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9), Hasil Dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23), Kos Pinjaman (MPSAS 5), Kontrak Pembinaan (MPSAS 11), Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19), Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28), Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran (MPSAS 29), Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30), Manfaat Pekerja (MPSAS 25), dan Kesan Perubahan Matawang Asing (MPSAS 4).

## **1.7 Kesimpulan**

Secara umumnya, bab ini telah memberikan pengenalan kepada kajian ini, iaitu berhubung dengan perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi WZB di Malaysia. Antara lain, bab ini menerangkan permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, serta skop kajian. Laporan ini terbahagi kepada lapan bab. Bab 2 akan membincangkan latar belakang Majlis Agama Islam di Zon 2. Ini diikuti dengan Bab 3 yang akan membincangkan sorotan karya. Bab 4 akan membincangkan kaedah penyelidikan, sementara Bab 5 akan menerangkan amalan semasa berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti oleh MAIN di Zon 2. Seterusnya, Bab 6 akan membincangkan kerangka kerja perakaunan Islam dan keperluan syariah. Ini diikuti dengan perbincangan batasan perundangan di Bab 7. Cadangan pembangunan piawaian akan dibincangkan dalam Bab 8. Akhir sekali, Bab 9 akan membincangkan rumusan dan limitasi kajian.

## BAB DUA

### LATAR BELAKANG MAJLIS AGAMA ISLAM DI ZON 2

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan memberi fokus kepada latar belakang setiap institusi WZB di Zon 2, iaitu yang ditubuhkan di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Di samping itu sedikit penerangan mengenai penyediaan laporan kewangan oleh pihak institusi WZB juga akan dibincangkan.

#### 2.2 Latar Belakang Institusi Zon 2

Kajian dalam Zon 2 ini melibatkan enam institusi WZB di lima buah negeri, iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Bahagian ini akan menerangkan mengenai kategori institusi, nama entiti, kuasa tertinggi agama, kuasa tertinggi pengurusan, undang-undang tubuh, piawaian perakaunan yang diguna pakai serta pelaporan kewangan yang disediakan sama ada disatukan atau pun tidak disatukan bagi setiap negeri yang dikaji. Jadual 2.1 menunjukkan ringkasan latar belakang MAIN di Zon 2.

**Jadual 2.1 Rumusan Latar Belakang Institusi Zon 2**

Negeri	Kategori Institusi	Nama Entiti	Kuasa Tertinggi Agama	Kuasa Tertinggi Pengurusan	Undang-Undang Tubuh	Piawaian Perakaunan	Laporan Disatukan
Kedah	Zakat	LZNK	Sultan	Ketua Pegawai Eksekutif	Enakmen LZNK (KDA) 2015	MPERS	Berasingan bagi penyata pendapatan
	Wakaf dan Baitulmal	MAIK		Yang Dipertua Majlis	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (KDA) 2008	MPERS & Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan	Laporan Disatukan
Perlis	Wakaf dan Baitulmal	MAIPs	Raja	Ketua Pegawai Eksekutif	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006	MPERS	Laporan Disatukan

Pulau Pinang	Wakaf dan Baitulmal	MAINPP (As-Sahabah Urus Zakat Sdn Bhd mengurus kutipan dan agihan)	Yang di-Pertuan Agong	Yang Dipertua Majlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	MPERS & Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan	Laporan Disatukan
Sarawak	Wakaf dan Baitulmal	TBS	Yang di-Pertuan Agong	Pengurus Besar	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001	MPERS	Laporan Disatukan
					Undang-Undang Zakat dan Fitrah		
Perak	Wakaf dan Baitulmal	MAIPk	Sultan	Ketua Pegawai Eksekutif	Enakmen Wakaf (Perak) 2015	MPERS & MPSAS 1,2	Berasingan bagi penyata pendapatan
					Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004		

### 2.2.1 Institusi WZB Kedah

Bagi negeri Kedah, pentadbiran wakaf, zakat dan baitulmal diuruskan oleh dua institusi yang berasingan. Pentadbiran baitulmal dan wakaf diletakkan di bawah pentadbiran MAIK, manakala pengurusan zakat ditadbir oleh LZNK. Kuasa tertinggi bagi perkara berkaitan agama dipegang oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Kedah. Maka KDYMM Sultan juga berperanan untuk memperkenankan segala dasar, penggubalan dan sebarang perubahan dalam enakmen berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Kedua-dua institusi ini beroperasi mengikut enakmen yang berbeza.

#### 2.2.1.1 Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)

MAIK yang ada sekarang ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Enakmen 2008) iaitu undang-undang utama semasa yang diguna pakai dalam mentadbir urusan hal ehwal agama Islam negeri Kedah. Sebelumnya, MAIK merupakan sebuah perbadanan (badan) agama khas yang telah wujud sejak Kerajaan Negeri Kedah menerima pakai Undang-undang Islam di dalam sistem

pemerintahnya iaitu di antara tahun 1136 – 1179 (MAIK, 2018). Badan ini kekal turun – temurun sehingga sekarang. Walau bagaimanapun, struktur dan fungsinya telah dibuat penambahbaikan secara berterusan melalui proses perundangan bagi membolehkannya mentadbir urusan hal ehwal agama Islam dengan berkesan dan selari dengan perkembangan semasa. Visi MAIK adalah untuk *“Menjadi peneraju tersohor di dalam pembuatan dasar dan pentadbiran agama Islam Negeri menjelang tahun 2019 demi kesejahteraan dan pembangunan ummah Islam”*. Manakala objektif penubuhan MAIK pula adalah:

- (1) Memastikan dasar-dasar Hal Ehwal Islam dilaksanakan dan undang-undang Islam dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.
- (2) Mewujudkan sistem pengurusan Islam yang menggunakan teknologi maklumat terkini di dalam aktiviti pentadbiran.
- (3) Merancang projek pembangunan dan merancang program bagi meningkatkan lagi ekonomi umat Islam.
- (4) Merangka program dakwah ke arah mewujudkan perpaduan dan kesedaran dalam menjaga kepentingan umat Islam.
- (5) Mengadakan program ilmiah di dalam sistem pendidikan dan bantuan kewangan kepada pendakwah yang terpilih.
- (6) Menyusun dan merangka projek serta program pembangunan hartanah Wakaf dan Baitulmal secara optimum.
- (7) Memastikan setiap pemberian bantuan mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Dalam pentadbiran pengurusan MAIK, diletakkan seorang Yang Dipertua yang bertanggungjawab terhadap segala keputusan berkaitan pengurusan Institusi Wakaf dan Baitulmal negeri Kedah. Pentadbiran Institusi Wakaf dan Baitulmal negeri Kedah adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (KDA) 2008. Oleh yang demikian, sebarang tindakan serta peraturan Institusi Wakaf dan Baitulmal negeri Kedah perlu merujuk kepada Enakmen tersebut. MAIK melaksanakan sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan berpandukan MPERS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam. Penyediaan laporan kewangan bahagian wakaf dan baitulmal adalah disatukan dalam laporan kewangan tahunan MAIK.

MAIK mempunyai dua buah anak syarikat iaitu Lubitrade Sdn. Bhd. dan Pengurusan Izzah Sdn. Bhd. Kedua-dua anak syarikat ini ditubuhkan bagi membantu kemajuan ekonomi dan

sosial orang Islam. Lubitrade Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan peruncitan minyak di Pekan Pokok Sena, Alor Setar, Kedah, sementara Pengurusan Izzah Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pembangunan hartanah yang dimiliki oleh baitulmal dan wakaf MAIK. Pengurusan Izzah menumpukan perhatian sepenuhnya pada pengurusan semula harta-harta MAIK seperti menguruskan hartanah khususnya dalam urusan kutipan sewa, perjanjian sewa dan pembangunan serta menjalankan kerja-kerja pemindahan dan pengkebumian semula kubur-kubur Islam di sekitar negeri Kedah. Selain itu, syarikat ini juga beroperasi dalam membangunkan dan mewujudkan perniagaan kedai runcit diseluruh Masjid Negeri Kedah.

### **2.2.1.2 Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK)**

Pentadbiran dan pengurusan institusi zakat di negeri Kedah adalah dipertanggungjawabkan kepada LZNK. LZNK ditubuhkan pada 19 Jamadil Akhir 1355 bersamaan dengan 5 September 1936, di bawah Enakmen Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK) yang kini digantikan dengan Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) 2015 (LZNK, 2018). Seorang Ketua Pegawai Eksekutif dilantik sebagai kuasa tertinggi dalam pengurusan LZNK, dan di bawahnya terdapat tiga Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif bagi membantu hal agihan dan pembangunan asnaf, pentadbiran dan kewangan, serta dakwah dan kutipan. Namun begitu, kuasa tertinggi bagi LZNK adalah masih di bawah KDYMM Sultan. Ini bermakna segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan LZNK perlu mendapat perkenan KDYMM Sultan terlebih dahulu. Selain itu, LZNK mempunyai 12 ahli lembaga pengarah buat masa ini.

Visi LZNK adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan sosio-ekonomi kepada umat Islam khususnya di negeri Kedah. Bagi mencapai visi tersebut, LZNK menggariskan misi berikut dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat dengan amanah, cekap, adil dan berkesan:

- (1) Memberi perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada pembayar dan asnaf zakat,
- (2) Bekerjasama dengan pelbagai pihak,
- (3) Membangun modal insan yang cekap dan dinamik,
- (4) Mengaplikasi teknologi terkini, dan
- (5) Menjalankan kajian penambahbaikan setiap masa.



Secara umumnya, tanggungjawab LZNK adalah memperincikan hal berkaitan kutipan dan agihan zakat. LZNK sentiasa menganjurkan pelbagai program dalam memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan membayar zakat bagi memastikan pembayaran zakat akan terus meningkat. Di samping itu, LZNK menyediakan 63 skim bantuan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang layak menerimanya, seperti bantuan kewangan dan makanan fakir dan miskin bulanan, bantuan persekolahan bulanan, bantuan rawatan bulanan, bantuan institusi pengajian tinggi penuh, bantuan bina rumah individu, dan bantuan baik pulih rumah.

Dari segi sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan, LZNK merujuk kepada MPERS dan laporan tersebut disediakan secara tersendiri tanpa disatukan dalam laporan kewangan tahunan MAIK.

### **2.2.2 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)**

MAIPs bertanggungjawab terhadap tadbir urus institusi WZB di negeri Perlis. Kuasa tertinggi bagi MAIPs adalah Duli Yang teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis selaku Yang dipertua MAIPs, yang mana segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan MAIPs perlu mendapat persetujuan Baginda Tuanku. Manakala pengurusan MAIPs diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif di mana beliau juga berperanan sebagai Setiausaha MAIPs. Disamping itu, beliau bertanggungjawab terhadap sebarang keputusan berkaitan pengurusan MAIPs. Objektif penubuhan MAIPs adalah untuk (MAIPs, 2018):

- (1) Memperkasakan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran Islam,
- (2) Memperkasakan agenda dakwah Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah,
- (3) Memperkukuhkan pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal bagi mempertingkatkan kualiti hidup umat Islam,
- (4) Memantapkan pentadbiran undang-undang Islam ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariat Islam, dan
- (5) Memantap dan mengukuhkan pengurusan kewangan dan sumber-sumber secara strategik bagi memakmurkan ummah.

Penubuhan MAIPs adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (MAIPs, 2018). Oleh itu, sebarang tindakan dan peraturan Institusi WZB negeri Perlis perlu merujuk kepada Enakmen ini. Bagi memastikan MAIPs mencapai misinya iaitu “memastikan kelangsungan kesejahteraan sosio-ekonomi ummah melalui pengurusan hal ehwal Islam yang telus dan efektif berlandaskan al-Quran dan as-sunnah”, MAIPs tidak menubuhkan entiti berasingan bagi melaksanakan peranan pengurusan zakat, wakaf dan sumber am seperti yang diamalkan di kebanyakan negeri di Malaysia. Perkara ini menjadikan MAIPs dilihat unik dalam memainkan peranannya di dalam pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal. MAIPs juga melaksanakan sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan berpandukan MPERS di mana Laporan Kewangan Disatukan disediakan.

### **2.2.3 Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)**

Pengurusan WZB di negeri Pulau Pinang diletakkan di bawah MAINPP atau dahulunya dikenali sebagai Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai. Penubuhan MAINPP adalah tertakluk kepada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 yang dahulunya dikenali sebagai Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959 (Undang-Undang No. 3 Tahun 1959). Undang-undang ini telah diluluskan pada 15 April 1959 oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Dengan itu juga, Almarhum Tuanku Hishammuddin Alam Shah Al Haj Ibnu Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah telah memperkenankan perlantikan Yang di Pertua MAINPP yang pertama iaitu Allahyarham Tuan Haji G.M. Yusoff, manakala Mufti pertama ialah Allahyarham Tuan Haji Abdullah bin Haji Ibrahim dan Tuan Haji Ali Rouse sebagai Setiausaha yang pertama (MAINPP, 2018).

Kuasa tertinggi bagi MAINPP diletakkan di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong. Oleh yang demikian, segala dasar dan pembentukan serta sebarang perubahan enakmen berkaitan MAINPP perlu mendapat persetujuan Yang di-Pertuan Agong. Manakala Yang Dipertua Majlis pula berperanan sebagai kuasa tertinggi dalam pengurusan MAINPP, yang mana sebarang keputusan berkaitan pengurusan Majlis perlu mendapat persetujuan Yang Dipertua terlebih dahulu. Sebarang tindakan dan peraturan MAINPP perlu merujuk kepada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004.

Bagi membantu misi MAINPP iaitu, “Merealisasikan Pengurusan Baitulmal Bertaraf Dunia Melalui Sistem Pengurusan dan Pentadbiran Yang Efisien dan Efektif” dapat dicapai, sebuah syarikat milik penuh, iaitu As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ) telah ditubuhkan pada tahun 1994 bagi mengendalikan kutipan zakat. ASUZ telah beroperasi menggunakan nama Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZ) pada mulanya (ZPP, 2018). Antara matlamat penubuhannya adalah untuk:

- (1) Meningkatkan kutipan zakat negeri Pulau Pinang.
- (2) Memperkenal sistem pungutan zakat yang lebih sistematik melalui operasi berkomputer,
- (3) Bertindak sebagai elemen ingat dan sedar kepada umat Islam bahawa zakat dapat memainkan peranan besar dalam mengukuhkan ekonomi umat Islam,
- (4) Menyediakan kemudahan membayar dan mengagihkan wang zakat dengan lebih berkesan dan adil agar pembayar zakat dan umat Islam yakin dan berpuas hati,
- (5) Memperkenal budaya kerja korporat dalam operasi pungutan dan pengagihan kumpulan wang zakat, dan
- (6) Menjadi satu institusi zakat yang unggul dan menjadi salah satu teras sosio-ekonomi umat Islam berlandaskan:
  - (a) perkhidmatan yang berkualiti
  - (b) pengurusan korporat yang mantap dan berdaya maju
  - (c) penggunaan teknologi terkini,
  - (d) pengembelian dan pembangunan sumber manusia, dan
  - (e) pertalian yang erat dengan semua pihak.

Pada 26 April 2012, berlaku penjenamaan semula terhadap nama PUZ yang telah ditukar kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP). Pada awal penubuhan dengan nama ASUZ, hanya berperanan mengutip zakat harta, manakala MAINPP mengumpulkan zakat fitrah dan mengagihkan zakat di negeri Pulau Pinang. Namun, prestasi yang telah ditunjukkan oleh ASUZ yang telah berjaya meningkatkan kutipan zakat harta daripada RM 0.19 juta pada tahun 1994 kepada RM 9.36 juta pada tahun 1998 menjadikan MAINPP percaya kepada potensi ASUZ dalam mengurus kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat. Sehubungan itu, ASUZ telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan sepenuhnya kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat (harta dan fitrah) bagi negeri Pulau Pinang bermula Mac 1999.

Dari segi pelaporan kewangan, MAINPP menyediakan semua laporan berhubung WZB, termasuk zakat yang diuruskan ASUZ. Laporan kewangan disediakan berpandukan kepada MPERS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam. MAINPP juga menyediakan Penyata Kewangan Disatukan. Oleh kerana ASUZ hanya berperanan sebagai perantara dalam operasi kutipan dan agihan zakat, di mana pelaporan dibuat oleh MAINPP, kajian ini hanya menumpukan kepada pelaporan kewangan yang disediakan oleh MAINPP. Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan ASUZ.

#### **2.2.4 Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIPk)**

MAIPk telah ditubuhkan secara rasminya pada pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949 sebagai sebuah badan berkanun kerajaan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004). Kuasa tertinggi bagi MAIPk terletak pada kuasa KDYMM Sultan yang akan memperkenankan segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan MAIPk. Manakala seorang Yang Dipertua Majlis dilantik untuk memegang tanggungjawab terhadap pengurusan MAIPk. Yang Dipertua MAIPk berperanan untuk memberi persetujuan bagi sebarang keputusan berkaitan pengurusan MAIPk.

Visi penubuhan MAIPk adalah untuk menjadi sebuah institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran dan as-Sunnah. Manakala misi MAIPk pula ialah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dan dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketulusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi. Oleh yang demikian, bagi memastikan MAIPk dapat mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan, MAIPk menggariskan beberapa objektif terhadap penubuhannya, iaitu (MAIPk, 2018):

- (1) Memartabatkan institusi zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan,
- (2) Mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangun sosio ekonomi dan memelihara kemaslahatan ummah, dan
- (3) Menjana kualiti perkhidmatan, budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum.

Bagi negeri Perak, sebarang tindakan dan peraturan institusi zakat dan baitulmal perlu merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Sementara itu, sebarang tindakan dan peraturan berkaitan wakaf bagi negeri Perak pula perlu merujuk kepada Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Perbezaan enakmen ini adalah untuk memastikan keefisyenan pengurusan terhadap wakaf di negeri Perak. MAIPk melaksanakan sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan berpandukan MPERS, MPSAS 1 dan MPSAS 2. Laporan kewangan disediakan secara berasingan mengikut Kumpulan Wang dan tidak disatukan.

### **2.2.5 Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)**

Pengurusan WZB di negeri Sarawak diletakkan di bawah pentadbiran TBS, yang merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Sarawak pada tahun 1984 di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) 1984. Sebelum penubuhan tabung ini, masyarakat Islam di Sarawak menyerahkan secara terus kepada fakir miskin atau guru-guru agama, bidan-bidan kampung dan sebagainya bagi melaksanakan kewajipan berzakat. Namun, dalam menghadapi zaman yang lebih mencabar adalah difikirkan perlunya sebuah tabung bagi membantu memenuhi keperluan umat Islam diadakan. Dengan itu tertubuhlah Tabung Baitulmal Sarawak pada tahun 1985 sebagai wakil kepada Majlis Islam Sarawak (MIS) yang bertanggungjawab untuk menguruskan zakat, sadaqatul jariah dan wakaf. Bagi tujuan itu, TBS berperanan menyediakan prasarana mengutip, mengagih dan mengurus dana-dana tersebut di samping menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat (TBS, 2018).

Kuasa tertinggi bagi Institusi WZB di Sarawak adalah Yang di-Pertuan Agong yang akan memperkenankan segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan Institusi WZB. Manakala dari segi tanggungjawab pengurusan Institusi WZB diletakkan di bawah kuasa Yang Dipertua Majlis TBS. Oleh itu, sebarang keputusan berkaitan pengurusan WZB negeri Sarawak perlu mendapat persetujuan Yang Dipertua Majlis terlebih dahulu. Di samping itu juga, penubuhan TBS tertakluk kepada Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 yang mana segala tindakan dan peraturan bagi pentadbiran zakat dan baitulmal Sarawak perlu merujuk kepada ordinan tersebut.

Untuk merealisasikan visi TBS iaitu “*menjadi sebuah organisasi Islam yang dinamik dan pembela kepada umat manusia khususnya masyarakat islam sarawak*”, TBS menggariskan misi-misi berikut:

- (1) Tabung Baitulmal Sarawak merupakan wakil kepada Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab dalam pengurusan zakat di Negeri Sarawak.
- (2) Tabung Baitulmal Sarawak berperanan menyediakan kemudahan mengutip, mengagih, mengurus dana zakat dan baitulmal disamping menerangkan tentang kewajipan berzakat.
- (3) Pelanggan-pelanggan Tabung Baitulmal Sarawak adalah masyarakat Islam, badan-badan kerajaan, badan-badan korporat dan pertubuhan-pertubuhan.

**TBS** berpandukan kepada MPERS dalam menyediakan pelaporan kewangan, dan laporan yang disediakan adalah Laporan Kewangan yang disatukan.

### **2.3 Tanggungjawab Penyediaan Pelaporan Kewangan**

Setiap institusi yang terlibat dalam pentadbiran wakaf, zakat dan baitulmal mempunyai pegawai yang bertanggungjawab dalam merekod dan menyediakan laporan kewangan. Mereka terdiri dari pegawai berkelulusan perakaunan.

Laporan yang telah disediakan akan dibentang kepada pengurusan atasan dan akan melalui proses audit oleh Jabatan Audit Negara. Pelaporan kewangan perlulah selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia serta tidak bertentangan dengan enakmen pentadbiran agama Islam bagi negeri masing-masing. Penyata kewangan yang disediakan secara keseluruhannya haruslah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan. Ini menjadikan laporan kewangan yang disediakan dapat membantu penilaian terhadap keupayaan institusi WZB untuk beroperasi secara berterusan.

## **2.4 Kesimpulan**

Sebagai rumusannya penubuhan institusi WZB di kelima-lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sarawak adalah tertakluk kepada enakmen dan ordinan negeri masing-masing (selepas ini disebut Enakmen Pentadbiran). Kuasa tertinggi terhadap perkara berkaitan agama terletak di bawah kuasa KDYMM Sultan bagi Kedah dan Perak, KDYMM Raja bagi Perlis dan Yang di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri yang tidak beraja seperti Sarawak dan Pulau Pinang.

Setiap institusi WZB juga mempunyai seorang pengurus yang bertanggungjawab mengurus institusi ini. Bagi penyediaan laporan kewangan pula, terdapat pegawai yang mempunyai latar belakang bidang perakaunan yang akan berperanan terhadap tugas tersebut. Laporan kewangan yang disediakan adalah mengikut beberapa piawaian seperti MPSAS, MPERS, MFRS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan.

Bab seterusnya, iaitu Bab 3 akan membincangkan tentang kajian literatur yang relevan dengan skop kajian ini.

## **BAB TIGA**

### **SOROTAN KARYA**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan karya berkaitan hasil, belanja dan liabiliti. Antara perkara yang akan dibincangkan adalah definisi hasil, belanja dan liabiliti menurut piawaian perakaunan konvensional, komponennya, piawaian yang terlibat, serta isu-isu berkaitan pengukuran, pengiktirafan dan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan. Piawaian perakaunan berkaitan hasil, belanja dan liabiliti juga akan dikupas. Di samping itu perakaunan bagi hasil, belanja dan liabiliti menurut perspektif Islam juga akan dibincangkan.

#### **3.2 Hasil**

Subseksyen berikutnya akan membincangkan hasil menurut perakaunan konvensional dan dari perspektif Islam.

##### **3.2.1 Hasil Menurut Piawaian Perakaunan**

Di Malaysia, dua badan utama yang bertanggungjawab mengeluarkan piawaian perakaunan adalah MASB dan JANM, masing-masing bagi entiti perniagaan dan entiti kerajaan. Rangka Kerja Konseptual bagi Pelaporan Kewangan Penyediaan dan Persembahan Penyata Kewangan (*Framework for the Preparation and Presentation of Financial Statements*), selepas ini disebut sebagai Rangka Kerja, yang dikeluarkan oleh MASB (MASB, 2009) memberikan definisi elemen-elemen penyata kewangan yang utama. Sebelum menerangkan apa itu hasil (revenue) Rangka Kerja telah menerangkan maksud keuntungan (profit), pendapatan (income) dan belanja (expenses) terlebih dahulu, di mana keuntungan adalah pendapatan tolak belanja. Menurut Rangka Kerja, pendapatan adalah penambahan dalam manfaat ekonomi dalam sesuatu tempoh perakaunan dalam bentuk aliran masuk atau pengembangan aset, atau pengurangan dalam liabiliti, yang membawa kepada peningkatan ekuiti, selain daripada yang berkaitan dengan sumbangan daripada penyumbang ekuiti. Belanja pula adalah pengurangan



dalam manfaat ekonomi dalam sesuatu tempoh perakaunan dalam bentuk aliran keluar atau penyusutan aset, atau terjadinya liabiliti, yang membawa kepada pengurangan ekuiti, selain daripada yang berkaitan dengan pengagihan kepada penyumbang ekuiti.

Rangka Kerja menerangkan bahawa pendapatan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu hasil dan laba (gain). Hasil timbul daripada aktiviti lazim entiti dan diberikan dengan berbagai istilah seperti jualan, yuran, faedah, dividen, royalti dan sewa. Laba pula merupakan item lain yang memenuhi definisi pendapatan yang mungkin berpunca atau tidak berpunca daripada aktiviti lazim entiti. Laba juga mengakibatkan peningkatan manfaat ekonomi dan oleh itu tidak berbeza daripada hasil. Contohnya adalah laba daripada pelupusan aset bukan semasa atau kenaikan nilai aset bukan semasa. Dari segi pelaporan, bezanya adalah hasil dilapor pada amaun kasar, tetapi laba dilapor pada nilai bersih, iaitu setelah ditolak belanja atau kos yang berkaitan.

Seperti yang diterangkan sebelum ini, oleh kerana piawaian yang dikeluarkan oleh MASB adalah lebih sesuai digunakan oleh entiti perniagaan, maka JANM telah mengeluarkan MPSAS untuk diguna pakai oleh badan kerajaan di Malaysia, termasuk MAIN. MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan, telah mendefinisikan hasil sebagai aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan sepanjang tempoh pelaporan apabila aliran masuk itu menyebabkan berlakunya peningkatan dalam aset bersih/ekuiti, selain peningkatan yang berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik. Jika dibandingkan kedua-duanya, definisi yang dikeluarkan oleh MASB adalah lebih jelas dan menggunakan istilah-istilah yang lebih khusus dan terperinci. Apa yang didapati adalah hasil menurut MPSAS ini adalah sama dengan definisi bagi pendapatan yang diberikan oleh MASB. Ini bermakna, hasil yang digunakan dalam MPSAS merujuk kepada kedua-dua komponen hasil dan laba yang terdapat dalam piawaian MASB. Namun, definisi yang lebih terperinci mengenai sesuatu hasil boleh diperolehi dalam piawaian yang berkaitan.

Hasil bagi badan kerajaan pada umumnya boleh dikategorikan kepada dua kumpulan utama, iaitu hasil dari urus niaga pertukaran (MPSAS 9) dan hasil dari urus niaga bukan pertukaran (MPSAS 23). Setiap piawaian ini mentafsirkan dengan lebih terperinci maksud hasil-hasil tersebut, serta membincangkan asas pengukuran, pengikirafan dan pendedahan berkaitan item-item tersebut. Bahagian seterusnya akan membincangkan kedua-dua piawaian tersebut. Walaupun piawaian mengenai hasil juga dibincangkan dalam MPERS (Section 3 Revenue)

yang dikeluarkan oleh MASB, kajian ini tidak akan membincangkannya kerana kandungannya mempunyai persamaan yang besar dengan MPSAS 9. Lagi pun MPERS adalah dikeluarkan untuk entiti perniagaan, dan bukan entiti kerajaan.

### **3.2.1.1 Hasil dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9)**

Menurut MPSAS 9, urus niaga pertukaran ialah urus niaga apabila sebuah entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan dan secara langsung memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran. MPSAS 9 telah membahagikan hasil dari urus niaga pertukaran kepada tiga komponen utama, iaitu hasil:

- (1) penyediaan perkhidmatan,
- (2) jualan barangan, dan
- (3) penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan faedah, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa.

#### **(1) Penyediaan Perkhidmatan**

Penyediaan perkhidmatan biasanya melibatkan prestasi entiti bagi suatu tugas dalam tempoh masa yang dipersetujui. Perkhidmatan itu boleh diberikan dalam satu tempoh atau lebih. Contohnya adalah sewaan bangunan, khidmat rundingan dan guaman, serta penjualan tiket bagi sesuatu acara serta caj perkhidmatan bank, telekomunikasi dan sebagainya. Menurut MPSAS 9, apabila hasil bagi satu urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan boleh dianggarkan dengan pasti, maka yang berkaitan dengan urus niaga itu perlu diiktiraf dengan merujuk kepada tahap kesempurnaan urus niaga tersebut pada tarikh pelaporan. Keputusan daripada sesuatu urus niaga boleh dianggarkan dengan pasti apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- (1) Amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- (2) Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti;
- (3) Tahap kesempurnaan urus niaga pada tarikh pelaporan boleh diukur dengan pasti; dan

- (4) Kos yang ditanggung untuk urus niaga dan kos untuk menyempurnakan urus niaga itu boleh diukur dengan pasti.

## **(2) Jualan Barangan**

Jualan barangan pula melibatkan sama ada (1) barangan yang dihasilkan oleh entiti untuk tujuan jualan seperti penerbitan, dan (2) barangan yang dibeli untuk dijual semula, seperti barang niaga atau tanah dan harta lain yang dipegang untuk dijual semula. Hasil daripada jualan barangan akan diiktiraf apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- (1) Entiti telah memindahkan kepada pembeli risiko dan ganjaran pemilikan yang signifikan bagi barangan itu;
- (2) Entiti tidak mengekalkan penglibatan pengurusan berterusan ke tahap yang biasanya dikaitkan dengan pemilikan, mahupun kawalan yang efektif ke atas barangan yang dijual;
- (3) Amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- (4) Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti; dan
- (5) Kos yang telah atau akan ditanggung berhubung dengan urus niaga tersebut boleh diukur dengan pasti.

## **(3) Faedah, Royalti dan Dividen atau Pengagihan yang Serupa**

Selain daripada penyediaan perkhidmatan dan jualan barangan, penggunaan aset entiti oleh pihak lain juga boleh mendatangkan hasil. Menurut MPSAS 9, secara spesifik, hasil-hasil ini adalah dalam bentuk faedah, royalti, dan dividen atau penggunaan yang serupa. Faedah merupakan caj ke atas penggunaan wang tunai atau kesetaraan tunai, atau amaun yang terhutang kepada entiti. Royalti merupakan caj ke atas penggunaan aset jangka panjang entiti, sebagai contoh, paten, tanda dagangan, hak cipta dan perisian komputer. Dividen atau pengagihan yang serupa adalah pengagihan lebih kepada pemegang pelaburan ekuiti mengikut kadar pegangan berdasarkan sesuatu kelas pegangan modal.

Menurut MPSAS 9, hasil yang diperoleh daripada penggunaan oleh pihak lain terhadap aset entiti yang menghasilkan faedah, royalti, serta dividen atau pengagihan yang serupa hendaklah diiktiraf apabila:

- (1) Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti; dan
- (2) Amaun hasil boleh diukur dengan pasti.

Menurut MPSAS 9 lagi, (i) faedah hendaklah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset; (ii) royalti hendaklah diiktiraf semasa ia diperolehi menurut intipati perjanjian yang berkaitan; dan (iii) dividen atau pengagihan yang serupa hendaklah diiktiraf apabila hak pemegang saham atau entiti untuk menerima bayaran tersebut wujud.

### ***Pengiktirafan dan Pengukuran***

Menurut MPSAS 9, hasil hendaklah diukur pada pertimbangan nilai saksama yang diterima atau belum terima. Amaun ini ditentukan setelah mengambil kira diskaun dagangan dan rebat volum yang diberikan oleh entiti, sekiranya ada. Lazimnya, pertimbangan adalah dalam bentuk wang tunai atau kesetaraan tunai, dan hasil adalah amaun wang tunai atau kesetaraan tunai tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya aliran masuk tunai atau kesetaraan tunai ditunda, contohnya apabila jualan dibuat secara kredit tanpa faedah, nilai saksama ditentukan dengan mendiskaunkan nilai terimaan masa hadapan kepada nilai kini. Perbezaan nilai saksama dan nilai nominal diiktiraf sebagai hasil faedah.

Dalam keadaan tertentu, jualan barangan atau pemberian perkhidmatan tidak memperolehi tunai atau kesetaraan tunai sebagai balasan. Menurut MPSAS 9, apabila barangan atau perkhidmatan ditukarkan dengan barangan atau perkhidmatan yang sama jenis dan nilainya, urus niaga tersebut dianggap tidak menjanakan hasil. Jika jualan barangan dan perkhidmatan dibuat dengan memperolehi barangan atau perkhidmatan yang tidak serupa sebagai balasan, urus niaga ini dianggap menjana hasil. Hasil diukur pada nilai saksama barangan atau perkhidmatan yang diterima, dilaraskan dengan apa-apa amaun pindahan wang tunai atau kesetaraan tunai. Apabila nilai saksama bagi barangan atau perkhidmatan yang diterima tidak boleh diukur dengan pasti, maka hasil tersebut diukur pada nilai saksama bagi barangan atau perkhidmatan yang ditukarkan, dengan membuat pelarasan bagi apa-apa amaun pindahan wang tunai atau kesetaraan tunai.

MPSAS 9 menyatakan yang hasil diiktiraf hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga itu akan mengalir kepada entiti. Walau bagaimanapun, apabila wujud ketidakpastian tentang kebolehkutipan sesuatu amaun yang telah dimasukkan ke dalam hasil, maka amaun yang tidak boleh dikutip atau amaun yang mungkin tidak lagi mempunyai kebarangkalian untuk dipulihkan, hendaklah diiktiraf sebagai belanja dan bukannya sebagai pelarasan kepada amaun hasil yang telah diiktiraf pada asalnya.

### ***Pendedahan***

Menurut MPSAS 9, perkara-perkara yang perlu didedahkan oleh entiti adalah:

- (1) Dasar perakaunan yang diterima pakai untuk pengiktirafan hasil, termasuk kaedah yang digunakan untuk menentukan tahap kesempurnaan urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan;
- (2) Amaun setiap kategori hasil yang signifikan yang diiktiraf sepanjang tempoh tersebut, termasuk hasil yang diperoleh daripada:
  - (a) Penyediaan Perkhidmatan;
  - (b) Jualan barangan;
  - (c) Faedah;
  - (d) Royalti; dan
  - (e) Dividen atau pengagihan yang serupa; dan
- (3) Amaun hasil yang diperoleh daripada pertukaran barangan atau perkhidmatan yang telah dimasukkan dalam setiap kategori hasil yang signifikan.

#### **3.2.1.2 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)**

Hasil dari urus niaga bukan pertukaran dibincangkan di dalam MPSAS 23. Menurut MPSAS 23, hasil dari urus niaga bukan pertukaran berlaku apabila sesebuah entiti menerima sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan. Dua item utama yang dibincangkan dalam MPSAS 23 adalah cukai dan pindahan.

## **(1) Cukai**

Cukai ialah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang wajib dibayar atau mesti dibayar kepada entiti sektor awam, menurut undang-undang dan/atau peraturan, yang diwujudkan untuk mendatangkan hasil kepada kerajaan. Cukai tidak termasuk denda atau penalti lain yang dikenakan kerana pelanggaran undang-undang (MPSAS 23).

## **(2) Pindahan**

Pindahan ialah aliran masuk manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan daripada urus niaga bukan pertukaran, selain cukai. Ini termasuklah pelepasan hutang dan pengambilalihan liabiliti, denda, pusaka, hadiah dan derma termasuk pemberian dalam bentuk barang, pemberian dalam bentuk perkhidmatan, geran dan lain-lain.

Pindahan tidak selalunya bebas daripada ketetapan. Ketetapan ke atas aset yang dipindah bermaksud syarat dalam undang-undang atau peraturan, atau kontrak yang dikenakan ke atas penggunaan aset yang dipindah oleh entiti luar kepada entiti pelaporan. Ketetapan ini pula boleh dibahagikan kepada dua, iaitu “syarat ke atas aset yang dipindah” dan “sekatan ke atas aset yang dipindah” (MPSAS 23). Syarat ke atas aset yang dipindah ialah ketetapan yang menyatakan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang terkandung dalam aset hendaklah digunakan oleh penerima seperti yang ditentukan atau manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan itu mesti dipulangkan kepada pemindah. Manakala sekatan ke atas aset yang dipindah ialah ketetapan yang menghadkan atau menetapkan tujuan penggunaan aset yang dipindah, tetapi tidak menetapkan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan perlu dipulangkan kepada pemindah jika tidak digunakan seperti yang ditetapkan.

Dari segi definisi, hasil zakat dan lain-lain sumbangan ke baitulmal yang merupakan aktiviti utama MAIN adalah merupakan pindahan mengikut MPSAS 23. Walau bagaimana pun, MPSAS 23 tidak membincangkan secara khusus hasil zakat dan sumbangan baitulmal ini. Seterusnya, oleh kerana terdapat ketetapan dalam Al Quran dan Hadith yang disokong oleh Enakmen negeri yang menyatakan zakat harus diagihkan kepada lapan golongan asnaf, maka terdapat ketetapan ke atas aset yang dipindah bagi hasil zakat. Ketetapan ini boleh

dikategorikan sebagai sekatan ke atas aset yang dipindah. Ini adalah kerana zakat menghadkan atau menetapkan tujuan penggunaan aset yang dipindah, tetapi tidak menetapkan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan perlu dipulangkan kepada pemindah jika tidak digunakan seperti yang ditetapkan.

### ***Pengiktirafan dan Pengukuran***

Hasil dari urus niaga bukan pertukaran diukur dengan nilai saksama aset yang diterima atau liabiliti yang dikurangkan. Urusniaga ini banyak melibatkan tunai. Namun, sekiranya terimaan adalah dalam bentuk aset jangka panjang yang memberikan manfaat jangka panjang, hasil tersebut hendaklah ditunda dan diagihkan sepanjang tempoh manfaat yang dijangka diperolehi daripada aset tersebut.

### ***Pendedahan***

Menurut MPSAS 23, sesuatu entiti hendaklah membuat pendedahan sama ada pada muka, atau dalam nota kepada, penyata kewangan untuk tujuan umum:

- (1) Amaun hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sepanjang tempoh tersebut mengikut kelas utama yang menunjukkan secara berasingan:
  - (a) Cukai, menunjukkan secara berasingan kelas utama cukai; dan
  - (b) Pindahan, menunjukkan secara berasingan kelas utama hasil pindahan.
- (2) Amaun belum terima yang diiktiraf berkaitan hasil bukan pertukaran;
- (3) Amaun liabiliti diiktiraf berkaitan aset yang dipindah tertakluk kepada syarat;
- (4) Amaun liabiliti diiktiraf berkaitan pinjaman konsesi yang tertakluk kepada syarat aset yang dipindah;
- (5) Amaun aset diiktiraf yang tertakluk kepada sekatan dan ciri sekatan tersebut;
- (6) Kewujudan dan amaun apa-apa hasil terimaan pendahuluan berkaitan urus niaga bukan pertukaran; dan
- (7) Amaun sesuatu liabiliti yang dilepaskan.

Seterusnya, sesuatu entiti hendaklah membuat pendedahan di dalam nota kepada penyata kewangan untuk tujuan umum:

- (1) Dasar perakaunan yang diamalkan bagi pengiktirafan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran;
- (2) Bagi kelas utama hasil daripada urus niaga bukan pertukaran, asas yang digunakan bagi mengukur nilai saksama aliran masuk sumber;
- (3) Bagi kelas utama hasil cukai yang tidak boleh diukur dengan pasti oleh entiti sepanjang tempoh peristiwa cukai berlaku, maklumat tentang ciri cukai tersebut; dan
- (4) Ciri dan jenis kelas utama pusaka, hadiah dan derma, yang menunjukkan secara berasingan kelas utama pemberian dalam bentuk barang yang diterima.

### **3.2.2 Hasil Mengikut Piawaian Perakaunan Perspektif Islam**

Seksyen di atas telah membincangkan perakaunan hasil mengikut piawaian konvensional, khususnya MPSAS yang dikeluarkan oleh JANM. Seksyen ini pula cuba meneliti pandangan mengenai hasil menurut perspektif Islam. Rujukan utama adalah *Statement of Principles i – I (SOPi-1) Financial Reporting from an Islamic Perspective* (Pelaporan Kewangan Menurut Perspektif Islam) yang dikeluarkan oleh MASB pada tahun 2009. Di samping itu rujukan juga dibuat kepada *Statement of Financial Accounting No. 1 Conceptual Framework for Financial Reporting by Islamic Financial Institutions (SFA 1)* yang dikeluarkan oleh *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)*.

SOPi-1 dikeluarkan untuk mendokumentasi dan memaklumkan kepada orang awam tentang pendekatan dan hujah MASB berhubung pelaporan kewangan dari perspektif Islam. Ia merupakan asas kepada perisytiharan atau keterangan mengenai pelaporan kewangan menurut perspektif Islam di masa hadapan. SOPi-1 haruslah dibaca bersama-sama dengan Rangka Kerja Penyediaan dan Persembahan Penyata Kewangan MASB. SOP ini menyatakan piawaian yang diluluskan MASB boleh diguna pakai bagi urusniaga dan peristiwa kewangan yang patuh syariah, kecuali di mana terdapat larangan Syariah di dalam piawaian tersebut.

Secara umumnya, SOPi-1 bersetuju dengan definisi pendapatan, hasil dan laba yang terdapat dalam Rangka Kerja MASB. Menurut SOPi-1, perbezaan pelaporan kewangan di antara pandangan konvensional dan pandangan Islam bukanlah terdapat pada pengukuran dan pengiktirafan, tetapi kepada sejauh mana pendedahan dibuat. Oleh kerana Islam menekankan



konsep akauntabiliti sosial, pengguna penyata bukan sahaja berminat untuk melihat keuntungan semata-mata, tetapi lebih daripada itu, bagaimana sesuatu hasil itu diperolehi.

Walaupun definisi pendapatan dan hasil dipersetujui, dua isu yang ditonjolkan dalam SOPi-1, yang tidak terdapat dalam Rangka Kerja adalah pertama, prestasi bukan sahaja bermakna sejauh mana entiti memberi sumbangan kepada pelabur, tetapi juga sejauh mana ia menyumbang kepada masyarakat. Oleh itu, SOP itu menyarankan supaya pengukuran bukan berbentuk kewangan diperkenalkan. Isu yang kedua adalah berkaitan dengan istilah yang digunakan bagi pendapatan daripada pembiayaan. Adakah istilah “pendapatan kewangan” atau istilah mengikut sesuatu kontrak pembiayaan itu harus digunakan? Sebagai contoh, dalam jualan di mana nilai saksama item adalah berbeza daripada amaun nominal tunai atau belum terima, perbezaan ini merupakan kos pembiayaan. Disini, SOPi-1 menyarankan supaya nota disediakan bagi menjelaskan bahawa pendapatan atau belanja ini timbul daripada pembayaran tertangguh dan bukannya faedah.

Piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh AAOIFI bagi institusi kewangan Islam merupakan lagi satu sumber di mana rujukan berhubung perakaunan dan pelaporan kewangan Islam diperolehi. Ia diterima pakai oleh beberapa negara seperti Bahrain, Jordan, Oman, Qatar, Sudan, dan Syria. Di Malaysia standard perakaunan AAOIFI digunakan secara sukarela (Mohd Halim Kadri, 2016). SFA 1 yang dikeluarkan oleh AAOIFI, antara lain, memberi definisi kepada elemen-elemen penting penyata kewangan, termasuk hasil. SFA 1 menyatakan bahawa pendapatan terdiri daripada hasil dan laba. Menurut SFA 1, hasil adalah pertambahan kasar dalam aset atau penurunan kasar dalam liabiliti, atau kedua-duanya bagi tempoh yang diliputi oleh penyata pendapatan yang datangnya daripada pelaburan, perdagangan, pemberian perkhidmatan dan lain-lain aktiviti yang bermotifkan keuntungan bagi sesebuah institusi kewangan Islam seperti pengurusan pelaburan bagi item luar lembaranimbangan (off-balance sheet).

Untuk dianggap sebagai hasil, pertambahan kasar dalam aset atau penurunan kasar dalam liabiliti haruslah:

- (1) tidak dihasilkan daripada pelaburan oleh pemilik atau pengagihan kepada pemilik, deposit atau pengeluaran oleh pemegang akaun pelaburan, deposit atau pengeluaran oleh pemegang akaun semasa atau bukan pelaburan, atau pemerolehan aset,

- (2) masing-masing mempunyai ciri-ciri sebagai aset dan liabiliti, dan
- (3) berkait dengan tempoh yang diliputi oleh penyata pendapatan.

Laba pula didefinisikan sebagai pertambahan bersih dalam aset bersih yang disebabkan oleh pemegangan aset yang mana nilainya mengalami pertambahan nilai dalam tempoh yang diliputi oleh penyata pendapatan, atau daripada pindahan dua hala (reciprocal) dan sehala (non-reciprocal), kecuali bagi pindahan sehala dengan pemilik ekuiti atau pemegang akaun pelaburan. Tidak semua laba dihasilkan oleh perkara yang sama. Sesetengah laba diakibatkan oleh pertukaran antara institusi kewangan Islam dan entiti lain, contohnya, laba dari penjualan aset tetap yang bukan diperolehi untuk dijual dalam operasi perniagaan biasa.

Lain-lain laba yang terhasil daripada pemindahan sehala adalah seperti sumbangan yang diterima. Di samping itu, laba juga mungkin timbul daripada pemegangan aset yang mengalami perubahan nilai sepanjang tempoh yang diliputi oleh penyata pendapatan.

Secara umumnya, definisi hasil yang terdapat dalam SFA 1 adalah sama dengan istilah pendapatan yang diberikan oleh Rangka Kerja MASB, dan hasil yang diberikan oleh MPSAS 1, cuma yang ditekankan oleh SFA 1 ialah penggunaannya adalah institusi kewangan Islam. Satu perbezaan yang ketara adalah SFA 1 menganggap urusan pindahan sehala seperti sumbangan sebagai laba, manakala Rangka Kerja MASB tidak menyatakan hal ini, dan MPSAS menganggapnya sebagai hasil dari urusan bukan pertukaran.

### **3.2.3 Isu Berhubung Hasil**

Apa yang dapat diringkaskan, definisi hasil (pendapatan mengikut Rangka kerja MASB) yang diberikan oleh pihak yang mengeluarkan piawaian menyampaikan maksud yang sama. Dari segi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil pula, MAIN boleh berpandukan kepada MPSAS berkaitan hasil, khususnya MPSAS 9 dan MPSAS 23 dengan dibuat pindaan sekiranya syariah melarang urusan-urusan tertentu, seperti yang dicadangkan oleh SOPi-1. Daripada perbincangan di atas, terdapat beberapa isu yang perlu diberikan perhatian dalam pembentukan piawaian perakaunan bagi MAIN.

Pertama, daripada pemerhatian penyelidik, urusanniaga-urusanniaga yang dibincangkan dalam MPSAS 9 dan 23 secara umumnya patuh syariah, kecuali faedah, yang merupakan riba, dan menurut Islam adalah jelas haram. Oleh itu, dalam pembentukan piawaian perakaunan bagi MAIN, unsur faedah ini harus digantikan dengan keuntungan pelaburan atau simpanan. Hasil-hasil yang lain seperti jualan, pemberian perkhidmatan dan dividen, dan royalti dibenarkan dalam Islam sekiranya tidak terlibat dengan barangan, perkhidmatan atau pelaburan yang diharamkan. Contohnya, hasil royalti daripada francais adalah tidak bercanggah dengan hukum syarak asalkan bidang perniagaan, sistem dan mekanisma perniagaan adalah selari dengan prinsip syariah (Prasetyo, 2017).

Isu yang kedua adalah piawaian tidak memberi penekanan kepada hasil-hasil ekonomi Islam seperti hasil zakat, manfaat daripada harta wakaf, serta hasil baitulmal yang lain seperti harta pusaka yang tidak diwarisi, harta faraid, wasit am, wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut, fidyah dan kaffarah, harta tercicir (luqatah), harta tidak patuh syariah, dan lain-lain sumbangan untuk maslahat ummah.

### **3.3 Belanja**

Subseksyen seterusnya akan membincangkan belanja mengikut perspektif perakaunan konvensional dan Islam.

#### **3.3.1 Belanja Menurut Perspektif Konvensional**

Menurut MPSAS 1, belanja adalah pengurangan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar, penggunaan aset atau kewujudan liabiliti yang menyebabkan penurunan dalam aset bersih/ekuiti selain daripada yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik. Definisi ini selari dengan definisi yang telah dinyatakan di dalam *Conceptual Framework for Financial Reporting* yang telah dikeluarkan oleh International Accounting Standards Board (IASB). Antara MPSAS yang terlibat dengan item belanja adalah seperti MPSAS 5 Kos Pinjaman, MPSAS 11 Kontrak Pembinaan dan MPSAS 25 Manfaat Pekerja,

Belanja merupakan elemen di dalam penyata kewangan yang menunjukkan prestasi kewangan sesebuah organisasi dalam menguruskan sumber-sumber kewangannya. Antara jenis belanja yang dilibatkan oleh MAIN adalah seperti manfaat pekerja (contohnya gaji, elaun, bonus, caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), kos pinjaman, penyelenggaraan bangunan dan kenderaan, sewaan, bil-bil utiliti dan lain-lain lagi).

### **3.3.2 Definisi Belanja Menurut Perspektif Islam**

Belanja dari segi bahasa adalah berasal daripada perkataan “nafakah” yang bermaksud pengeluaran. Manakala dari segi istilah pula bermaksud “setiap perkara yang diperlukan oleh manusia seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal” (Mustafa Bugha, 1992). Diistilahkan “nafakah” sebagai belanja di dalam Bahasa Arab kerana kerana belanja adalah setiap perkara yang akan hilang dan habis disebabkan suatu keperluan (Mustafa Bugha, 1992). Manakala menurut Wahbah Zuhaili (1948), belanja juga ditakrifkan sebagai “penyaluran manfaat kepada penerima yang dimaksudkan”. Ini bermaksud belanja adalah menggunakan manfaat ekonomi sesuatu entiti dalam bentuk aliran keluar untuk diberikan kepada penerima yang tertentu atau berhak ke atas belanja tersebut.

Selain itu, berdasarkan *SOPi-1*, belanja adalah pengurangan dalam manfaat ekonomi dalam tempoh perakaunan dalam bentuk aliran keluar atau pengurangan aset atau wujudnya liabiliti yang mengakibatkan pengurangan dalam ekuiti, selain daripada yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik ekuiti tersebut. Definisi ini adalah selari dengan definisi belanja yang telah ditetapkan dalam Kerangka Kerja MASB.

Selain itu, belanja juga merangkumi segala kerugian dan perbelanjaan yang timbul semasa aktiviti lazim sesebuah entiti. Ini termasuklah belanja atau kos jualan, upah dan susut nilai. Belanja-belanja ini akan menyebabkan aliran keluar atau kekurangan aset seperti tunai dan kesetaraan tunai, inventori, harta, loji dan peralatan. Manakala, kerugian pula mewakili item lain yang memenuhi definisi perbelanjaan yang mungkin timbul daripada aktiviti biasa sesebuah entiti. Sebagai contoh, kerugian yang diwakili oleh penurunan dalam faedah ekonomi

yang mungkin disebabkan oleh bencana seperti kebakaran dan banjir, serta yang timbul daripada pelupusan aset bukan semasa.

Selain itu, belanja juga termasuk kerugian belum direalisasikan seperti kerugian yang timbul daripada kesan kenaikan kadar pertukaran mata wang asing. Apabila kerugian ini diiktiraf dalam penyata pendapatan, ia biasanya dipaparkan secara berasingan bagi membantu pengguna maklumat kewangan untuk membuat keputusan.

### **3.3.3 Konsep Belanja Dalam Islam**

Islam amat menganjurkan konsep *At-Taysir* (mudah) dalam segala urusan perbelanjaan dan tidak pernah menyukarkan bagi sesiapa yang ingin berbelanja. Ia adalah sebagai satu langkah untuk memastikan umat Islam tidak keterlaluan dalam berbelanja begitu juga menjadi terlalu jumud. Justeru itu, berikut adalah berapa anjuran yang telah diketengahkan oleh Islam dalam menguruskan perbelanjaan.

#### **3.2.3.1 Berbelanja Secara Sederhana, Bukan Secara Al-Mughalah (Berlebih-Lebihan)**

Islam menganjurkan konsep bersederhana dalam menguruskan perbelanjaan. Ini termasuklah dalam urusan perbelanjaan secara umumnya dalam pelbagai aspek. Ukuran sederhana adalah terletak antara perbelanjaan yang boros dan bakhil. Contohnya, konsep ini banyak dibincangkan dalam urusan penetapan kadar mas kahwin. Menurut Imam As-Syafi'i, bersederhana dalam urusan menetapkan kadar mas kahwin adalah lebih baik daripada al-mughalah atau meninggikannya (Abu Zakaria Muhiy ad-Din Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi, t.t). Imam al-Ghazali turut menyatakan adalah sunat bagi seseorang untuk tidak menetapkan kadar mas kahwin secara al-mughalah (Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al- Ghazali, 1997). Walaupun sebahagian ulama berpandangan hukum meninggikan mas kahwin adalah harus. Perkara ini berasaskan kepada beberapa buah hadis yang menganjurkan penetapan kadar mas kahwin secara sederhana. Antaranya adalah sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*“Sebaik-baik wanita adalah yang rendah kadar mas kahwinnya”*

(Riwayat Abu Daud no. 2117).

Begitu juga Allah SWT telah merakamkan konsep sederhana dalam pensyariatannya Islam:

Maksudnya: *“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang sederhana, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau menghadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benarbenar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman)”*.

(Al-Baqarah: 143)

### **3.2.3.2 Menghindari unsur pembaziran**

Pembaziran merupakan satu sifat yang sangat tidak dianjurkan dalam Islam. Allah SWT telah menjelaskan kedudukannya dalam al-Quran melalui firman-Nya yang bermaksud:

*“Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu saudara-saudara syaitan...”*

(Surah Al-Isra': 26-27).

Berdasarkan ayat di atas, Islam melarang untuk membelanjakan harta ke arah pembaziran. Pembaziran dalam Islam merupakan salah satu bentuk penggunaan harta secara haram.

### 3.2.3.4 Berbelanja mengikut tahap kemampuan

Perbelanjaan mengikut tahap kemampuan individu adalah satu tuntutan dalam Islam. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

*“Sesungguhnya Allah tidak membebani kamu melainkan pada apa yang kamu mampu. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya”*

(Al-Baqarah: 286).

Rasulullah S.A.W bukan sahaja mengajar umatnya berbelanja mengikut tahap kemampuan, malah baginda tidak menyukai orang yang tidak berkemampuan membebaskan dirinya sendiri dengan sesuatu perbelanjaan yang tinggi. Baginda pernah menegur seorang lelaki yang berkahwin dengan mas kahwin sebanyak empat awaq, iaitu menyamai 160 dirham dengan sabdanya yang bermaksud:

*“Dengan empat awaq? Seolah-olah engkau sedang mengukir perak pada permukaan gunung ini. Kami tidak mempunyai sesuatu untuk diberikan kepada kamu, tetapi mudah-mudahan kami dapat mengutus rombongan bersamamu untuk memberi bantuan”*

(Riwayat Muslim no. 1424)

Melalui amalan berbelanja secara sederhana, mengikut kemampuan, bekerjasama dan mengelakkan pembaziran, masyarakat diharapkan dapat mampu mengurus perbelanjaan perkahwinan mereka mengikut kehendak Islam, dan terhindar dari masalah berhutang.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Islam amat menitikberatkan perbelanjaan berhemah iaitu dengan bersederhana, mengelakkan pembaziran dan mengikut kemampuan seseorang Muslim itu. Setiap Muslim itu perlulah memastikan perbelanjaan yang akan dilibatkan samada perbelanjaan keluarga, institusi yang diamanahkan kepadanya untuk diuruskan atau dana-dana awam yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya diuruskan dengan baik dan berintegriti.

### **3.3.4 Pengiktirafan Belanja**

Dari segi pengiktirafan belanja, terdapat dua asas yang digunakan iaitu sama ada asas tunai atau asas akruan. Pengiktirafan belanja dengan menggunakan asas tunai adalah diterima dalam konteks rangka kerja konseptual Islam (Hamzah Ismail & Radziah Abdul Latiff, 2001). Maka, nilai yang digunakan untuk mengukur belanja ini adalah nilai yang dibayar.

Kriteria pengiktirafan biasanya digunakan secara berasingan untuk setiap urus niaga. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, adalah perlu untuk menggunakan kriteria pengiktirafan terhadap setiap komponen yang boleh dikenal pasti secara berasingan bagi satu urus niaga untuk menggambarkan inti pati urus niaga tersebut. Namun secara umumnya, belanja diiktiraf apabila ianya memenuhi definisi iaitu kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir keluar dari entiti dan mempunyai nilai saksama yang dapat diukur secara pasti dalam sesuatu tempoh perakaunan.

Menurut SOPi-1, belanja akan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila terdapat penurunan faedah ekonomi pada masa depan yang berkaitan dengan penurunan dalam aset atau kenaikan liabiliti yang timbul dan boleh diukur dengan pasti. Ini bermaksud, pengiktirafan belanja berlaku serentak dengan pengiktirafan dalam peningkatan liabiliti atau pengurangan aset (contohnya, akruan hak pekerja atau susut nilai peralatan). Item belanja yang diiktiraf dalam penyata pendapatan akan dipadankan dengan kos yang ditanggung dan juga pendapatan daripada item tersebut. Proses ini dinamakan pemadanan kos dengan pendapatan yang melibatkan penggabungan pendapatan dan perbelanjaan yang dilibatkan secara langsung dan bersama. Sebagai contoh, pelbagai komponen belanja yang dilibatkan untuk mendapatkan hasil dalam sesuatu tempoh adalah seperti belanja gaji pekerja yang terlibat perlu dipadankan dengan hasil perkhidmatan yang diperolehi dalam sesuatu tempoh perakaunan.

Selain itu, apabila manfaat ekonomi dijangka timbul dalam beberapa tempoh perakaunan, maka belanja akan diiktiraf dalam penyata pendapatan berasaskan prosedur peruntukan yang sistematik dan rasional. Ini sering diperlukan dalam mengenali perbelanjaan yang berkaitan dengan penggunaan aset seperti harta, loji, peralatan, paten dan tanda dagangan. Maka, perbelanjaan tersebut dirujuk sebagai belanja susut nilai atau pelunasan. Prosedur peruntukan



ini bertujuan untuk mengiktiraf belanja dalam tempoh perakaunan di mana manfaat ekonomi yang berkaitan dengan peralatan ini digunakan atau luput.

### **3.3.5 Pengukuran Belanja**

Pengukuran belanja dikira pada pertimbangan nilai saksama yang dibayar atau belum bayar. Amaun belanja yang dilibatkan daripada urus niaga biasanya ditentukan oleh perjanjian antara entiti dengan pembeli atau pengguna ke atas sesuatu aset atau perkhidmatan. Ia diukur pada pertimbangan nilai saksama yang dibayar atau belum bayar dengan mengambil kira apa-apa amaun diskaun dagangan dan rebat volum yang dibenarkan. Dalam kebanyakan kes, pertimbangan adalah dalam bentuk wang tunai atau kesetaraan tunai, dan amaun belanja ialah amaun wang tunai atau kesetaraan tunai yang dibayar atau belum bayar. Walau bagaimanapun, apabila aliran keluar wang tunai atau kesetaraan tunai ditunda, nilai saksama bagi pertimbangan itu mungkin lebih daripada amaun nominal wang tunai yang dibayar atau belum bayar.

### **3.3.6 Pendedahan Belanja dalam Penyata Kewangan**

Secara umumnya, semua nilai belanja perlulah dinyatakan dan didedahkan di muka Penyata Pendapatan dan juga di nota-nota kepada akaun. Selain itu polisi-polisi berkaitan pengiktirafan dan pengukuran belanja-belanja yang telah dilibatkan perlulah dinyatakan di nota-nota kepada akaun. Ini bagi membolehkan konsep pendedahan penuh itu dapat diamalkan bagi membantu pihak-pihak pemegang taruh membuat keputusan yang baik serta menilai prestasi kewangan MAIN. Selain itu, dengan mengamalkan konsep pendedahan penuh, pihak MAIN dapat melaksanakan tanggungjawab atau akauntabiliti kepada semua pihak termasuk masyarakat dan pemegang taruh.

## **3.4 Liabiliti**

Berdasarkan MPSAS 1, liabiliti merujuk kepada obligasi semasa entiti yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar dari sumber entiti yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan. Menurut IASB

*Conceptual Framework for Financial Reporting*, sesuatu liabiliti wujud apabila tiga kriteria berikut dipenuhi:

- (1) entiti mempunyai obligasi;
- (2) kewajipan untuk memindahkan sumber ekonomi; dan
- (3) obligasi adalah obligasi semasa yang wujud akibat peristiwa masa lampau

Manakala liabiliti kewangan pula adalah sebarang liabiliti yang merupakan (MPSAS 28):

- (1) kewajipan berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain, atau untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan entiti yang lain di bawah syarat yang berpotensi tidak memihak kepada entiti itu; atau
- (2) suatu kontrak yang akan atau boleh diselesaikan dalam instrumen ekuiti entiti sendiri dan adalah bukan derivatif atau suatu derivatif.

Liabiliti terhasil daripada transaksi lepas atau peristiwa masa lalu yang lain. Ciri penting liabiliti ialah entiti mempunyai obligasi semasa untuk bertindak atau melakukan dengan cara tertentu. Obligasi adalah komitmen atau tanggungjawab yang mana entiti tidak mempunyai keupayaan praktikal untuk mengelakkannya. Obligasi merujuk kepada keberhutangan kepada pihak lain (atau pihak-pihak lain). Pihak yang lain boleh terdiri daripada orang perseorangan atau entiti lain, sekumpulan orang atau lain-lain entiti, atau masyarakat pada umumnya. Tiada keperluan untuk mengetahui identiti pihak-pihak yang berobligasi.

Obligasi tersebut sama ada berbentuk obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif. Obligasi undang-undang adalah obligasi sah yang boleh dikuatkuasakan sebagai kesan daripada kontrak yang mengikat atau keperluan berkanun. Obligasi konstruktif pula adalah obligasi yang timbul daripada entiti tindakan apabila:

- (1) berdasarkan pola atau bentuk amalan terdahulu, dasar yang diterbitkan atau penyata semasa yang tertentu, entiti telah menunjukkan kepada yang pihak lain bahawa entiti terlibat akan menerima tanggungjawab tertentu, dan
- (2) sebagai kesannya, entiti telah mewujudkan jangkaan yang sah di pihak lain bahawa entiti terlibat akan menunaikan tanggungjawab tersebut.

Ciri liabiliti yang seterusnya ialah pemindahan sumber ekonomi. Sesuatu obligasi boleh memenuhi takrifan liabiliti walaupun kebarangkalian pemindahan sumber ekonomi adalah

rendah. Walau bagaimanapun, kebarangkalian yang rendah ini boleh menjejaskan keputusan mengenai maklumat yang diberikan mengenai liabiliti dan bagaimana untuk memberikan maklumat itu, termasuk keputusan mengenai sama ada sesuatu liabiliti diiktiraf dan bagaimana ia akan diukur.

Penyelesaian obligasi semasa biasanya melibatkan pembayaran tunai, pemindahan aset lain, penyediaan perkhidmatan, penggantian obligasi yang sedia ada wujud dengan obligasi lain/baru, atau penukaran obligasi ke ekuiti entiti terlibat. Obligasi juga boleh diselesaikan dengan cara lain, seperti pemiutang mengecualikan atau membatalkan haknya. Penyelesaian liabiliti juga boleh melibatkan pemindahan sumber ekonomi entiti pada terma yang tidak menguntungkan (*unfavourable*), contohnya kontrak niaga hadapan untuk menjual sumber ekonomi pada terma (harga kontrak) yang tidak menguntungkan.

Ciri liabiliti yang terakhir ialah ianya merupakan obligasi yang wujud akibat peristiwa masa lampau. Sesuatu obligasi semasa wujud akibat daripada peristiwa lepas apabila (a) entiti itu telah memperoleh manfaat ekonomi atau mengambil tindakan dan (b) sebagai akibatnya, entiti itu akan atau mungkin perlu memindahkan ekonomi sumber yang tidak sepatutnya dipindahkan. Manfaat ekonomi yang diperolehi termasuk, contohnya, barang atau perkhidmatan. Tindakan yang diambil boleh termasuk, contohnya, menjalankan perniagaan tertentu atau beroperasi di pasaran tertentu. Obligasi semasa boleh wujud walaupun pemindahan sumber ekonomi tidak dapat dikuatkuasakan sehingga ke suatu masa akan datang. Contohnya, obligasi atau liabiliti untuk membayar tunai berkemungkinan wujud sekarang walaupun kontrak hanya mengkehendaki bayaran dibuat pada suatu tarikh pada masa hadapan.

Daripada aspek pemaasan, perbezaan harus dibuat antara obligasi semasa dan komitmen masa depan atau jangka panjang. Terdapat dua pengkelasan terhadap jenis liabiliti iaitu liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa. Satu ciri utama yang membezakan kedua jenis liabiliti ini adalah tempoh masa. Bagi liabiliti semasa ianya tanggungan yang perlu dijelaskan dalam jangka masa pendek iaitu 12 bulan, manakala liabiliti bukan semasa adalah sebaliknya.

### 3.4.1 Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Liabiliti

#### 3.4.1.1 Pengiktirafan Liabiliti

Entiti hendaklah mengiktiraf liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan apabila (a) entiti itu mempunyai kewajipan pada akhir tempoh pelaporan sebagai akibat dari peristiwa lalu, (b) adalah berkemungkinan besar (*probable*) bahawa entiti itu perlu untuk memindahkan sumber yang merangkumi manfaat ekonomi untuk penyelesaian liabiliti, dan (c) jumlah penyelesaian boleh diukur dengan pasti. Contoh kriteria pengiktirafan beberapa item liabiliti adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 (Jabatan Akauntan Negara Malaysia, n.d.).

Liabiliti luar jangka pula adalah sama ada obligasi yang mungkin berlaku tetapi tidak pasti atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ia tidak memenuhi satu atau kedua-dua syarat (b) dan (c). Entiti tidak akan mengiktiraf liabiliti luar jangka sebagai liabiliti, kecuali liabiliti luar jangka bagi pihak yang diambilalih dalam gabungan perniagaan. Bergantung kepada darjah kepastian/kebarangkaliannya, entiti mungkin perlu membuat pendedahan berkenaan liabiliti kontigensi selaras dengan keperluan MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.

**Jadual 3.1 Kriteria Pengiktirafan Item-Item Liabiliti**

Item Liabiliti	Kriteria Pengiktirafan
Akaun Belum Bayar dibawah Urusniaga Pertukaran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Diiktiraf apabila barangan atau perkhidmatan diterima atau dinikmati (<i>received or enjoyed</i>).</li><li>• Bagi barangan dan perkhidmatan diterima atau dinikmati tanpa mengeluarkan Arahan Pembelian (<i>Purchase order</i>) akaun belum bayar atau akruan hendaklah diiktiraf apabila invois diterima.</li></ul>
Cukai belum bayar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cukai Belum Bayar/ akruan hendaklah diiktiraf apabila pulang balik (<i>refund</i>) terhutang kepada pembayar cukai hasil daripada taksiran yang dibuat.</li></ul>
Peruntukan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Diiktiraf jika, setelah mengambilkira semua bukti yang ada, ia lebih kepada wujudnya kewajipan (obligation) pada masa tersebut daripada tidak ada pada tarikh pelaporan.</li></ul>

#### 3.4.1.2 Pengukuran Liabiliti

Berdasarkan IASB *Conceptual Framework for Financial Reporting*, secara umumnya terdapat dua asas pengukuran yang digunakan untuk mengukur liabiliti. Salah satu asas pengukuran

yang digunakan ialah kos sejarah. Kos sejarah liabiliti ialah nilai pertimbangan yang diterima apabila melibatkan atau mengambil liabiliti dan ditolak dengan kos transaksi. Dalam beberapa keadaan tertentu, nilai semasa liabiliti digunakan sebagai kos pengiktirafan awal yang kemudiannya dijadikan sebagai asas untuk pengukuran seterusnya. Kos sejarah liabiliti dikemaskini dari semasa ke semasa untuk menggambarkan (a) penjelasan sebahagian atau semua liabiliti, contohnya, dengan membuat pembayaran yang menjelaskan sebahagian atau semua liabiliti atau dengan memenuhi obligasi untuk menghantar barang (b) kesan peristiwa yang meningkatkan nilai obligasi untuk memindahkan sumber ekonomi yang diperlukan untuk menjelaskan liabiliti sehingga pada tahap di mana liabiliti menjadi bebanan dan (c) faedah terakru bagi menggambarkan komponen pembiayaan sesuatu liabiliti.

Sementara itu, satu cara untuk mengguna pakai asas pengukuran kos sejarah untuk liabiliti kewangan adalah dengan mengukurnya pada kos yang dilunaskan. Kos yang dilunaskan bagi sesuatu liabiliti kewangan menggambarkan anggaran aliran tunai masa depan, yang didiskaunkan pada kadar yang ditentukan pada pengiktirafan awal. Bagi instrumen dengan kadar berubah, kadar diskaun dikemas kini untuk mencerminkan perubahan dalam kadar berubah. Kos yang dilunaskan bagi liabiliti kewangan dikemaskini dari semasa ke semasa untuk menggambarkan perubahan berikutnya, seperti faedah terakru, dan penerimaan kewangan atau pembayaran.

Selain daripada asas kos sejarah, asas lain yang boleh digunakan untuk mengukur liabiliti ialah nilai semasa. Nilai semasa terdiri daripada nilai saksama, nilai penjelasan (*fulfilment value*), dan kos semasa (*current cost*). Nilai saksama liabiliti adalah harga yang akan dibayar untuk pemindahan liabiliti, dalam urusan teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Nilai saksama mencerminkan perspektif peserta dalam pasaran yang mana entiti mempunyai akses kepada pasaran tersebut. Liabiliti diukur menggunakan andaian yang sama bahawa para peserta pasaran akan meletakkan harga (*pricing*) kepada liabiliti jika peserta pasaran bertindak dalam kepentingan ekonomi terbaik mereka. Oleh kerana nilai saksama tidak berdasarkan atau bergantung kepada harga urusan liabiliti, ianya tidak akan dilaraskan dengan sebarang kos transaksi bagi mewujudkan atau melibatkan liabiliti.

Nilai penjelasan (*fulfilment value*) ialah nilai semasa tunai atau sumber ekonomi lain yang perlu dipindahkan oleh entiti untuk menjelaskan liabilitinya. Nilai ini bukan sahaja nilai yang perlu

dijelaskan kepada pihak pemiutang, tetapi termasuk juga nilai yang perlu dijelaskan kepada pihak yang membolehkan ia memenuhi liabiliti tersebut. Oleh kerana nilai penjelasan ini berdasarkan kepada aliran tunai masa hadapan, ianya tidak mengambil kira kos transaksi untuk mewujudkan atau melibatkan liabiliti. Berbeza dengan nilai saksama, nilai penjelasan adalah nilai yang menggambarkan andaian entiti pelaporan dan bukan peserta pasaran.

Asas pengukuran yang seterusnya untuk mengukur liabiliti ialah kos semasa (*current cost*). Kos semasa sesuatu liabiliti adalah pertimbangan yang akan diterima untuk persamaan liabiliti pada tarikh pengukuran, tolak kos transaksi yang akan ditanggung atau dilibatkan pada tarikh itu. Kos semasa, seperti kos sejarah, adalah nilai masuk atau nilai memperoleh aset atau melibatkan/mewujudkan liabiliti (*entry price*), iaitu nilai yang menggambarkan harga pasaran di mana entiti akan menanggung liabiliti yang dilibatkan. Oleh itu, ia berbeza dengan nilai saksama dan nilai penyelesaian, yang merupakan nilai keluar atau nilai untuk memindahkan atau menyelesaikan liabiliti (*exit price*). Walau bagaimanapun, tidak seperti kos sejarah, kos semasa mencerminkan keadaan pada tarikh pengukuran. Dalam beberapa kes, kos semasa tidak dapat ditentukan secara langsung melalui memerhatikan harga dalam pasaran aktif tetapi perlu ditentukan secara tidak langsung dengan kaedah-kaedah lain yang bersesuaian. Ringkasan asas pengukuran liabiliti ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

**Jadual 3.2 Ringkasan Asas Pengukuran Liabiliti**

	<b>Kos Sejarah</b>	<b>Nilai Saksama</b>	<b>Nilai Penjelasan</b>	<b>Kos Semasa</b>
Nilai bawaan	Pertimbangan diterima (bersih daripada kos transaksi) untuk mengambil bahagian liabiliti yang belum dijelaskan, meningkat disebabkan lebih anggaran aliran keluar tunai pertimbangan yang diterima. (termasuk faedah terakru komponen pembiayaan).	Harga yang akan dibayar untuk memindahkan bahagian liabiliti yang belum dijelaskan (tidak termasuk kos transaksi yang akan dilibatkan dalam pemindahan).	Nilai kini aliran tunai masa hadapan yang akan timbul bagi menjelaskan bahagian liabiliti yang belum dijelaskan (termasuk kos transaksi yang akan dilibatkan dalam pemindahan atau penjelasan).	Pertimbangan (bersih daripada kos transaksi) yang akan diterima pada tempoh semasa untuk Mengambil bahagian liabiliti yang belum dijelaskan, meningkat disebabkan lebih anggaran aliran keluar tunai pertimbangan yang diterima.

(Sumber: Adaptasi daripada IASB *Conceptual Framework for Financial Reporting*)

### 3.4.1.3 Pembentangan dan Pendedahan Liabiliti

Bagi tujuan pembentangan dalam penyata kewangan, menurut MFRS 101 (Perenggan 80), liabiliti perlu dikelaskan kepada liabiliti semasa sekiranya memenuhi kriteria berikut:

- (1) Liabiliti dijangka dilangsaikan dalam kitaran operasi biasa entiti;
- (2) Liabiliti dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;
- (3) Liabiliti dijangka dilangsaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- (4) Entiti tidak mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan. Syarat bagi liabiliti yang boleh, atas pilihan rakan niaganya, menyebabkan penyelesaian melalui terbitan instrumen ekuiti tidak akan menjejaskan pengelasannya.

Liabiliti-liabiliti yang tidak memenuhi kriteria tersebut perlulah dikelaskan sebagai liabiliti bukan semasa. Sementara itu, MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan mengkehendaki agar instrumen kewangan yang memenuhi definisi liabiliti kewangan dibentangkan dalam penyata kewangan sebagai liabiliti kewangan.

Sementara itu, MPSAS 1 mengkehendaki antaranya maklumat atau perkara berikut yang berkaitan dengan liabiliti untuk didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan:

- (1) Asas pengukuran liabiliti,
- (2) Sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasan material terhadap amaun bawaan bagi liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, dan
- (3) Jenisnya dan amaun bawaan pada tarikh pelaporan.

MPSAS 19 pula mengkehendaki pendedahan dibuat bagi liabiliti luar jangka. Selain daripada itu MPSAS 30 mengkehendaki pendedahan andaian yang signifikan yang digunakan untuk menganggarkan nilai saksama liabiliti kewangan yang dibawa pada nilai saksama.

### 3.4.2 Perakaunan bagi Liabiliti Menurut Perspektif Islam

Islam mendefinisikan liabiliti sebagai “Obligasi yang sebenar, atau sebarang hutang kepada orang lain atau entiti perniagaan” (Devi, S. S. & Muhammad, R., 2006). Sementara itu berdasarkan *Statement of Financial Accounting No. 1 Conceptual Framework for Financial Reporting by Islamic Financial Institutions* (SFA 1) liabiliti ialah obligasi ekonomi semasa yang boleh dikuatkuasakan terhadap entiti. Liabiliti atau obligasi ini boleh dikaitkan dengan hutang (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2010).

Islam telah menggariskan ciri hutang iaitu hutang atau pinjaman yang baik bermaksud hutang daripada harta yang halal, hutang yang tidak membebankan orang yang berhutang, tiada unsur riba dan hutang yang tidak merugikan pemiutang. Hutang-piutang merupakan keperluan hidup manusia kerana tidak semua orang mempunyai kemampuan memenuhi keperluan hidupnya. Oleh sebab itu, Islam mengambil berat akan hal ini dan mengaturkan agar akad yang berlaku dapat dipantau dari segi syariah. Contohnya dalam Al-Quran iaitu ayat ke 282 Surah Al-Baqarah, yang mana Allah telah menegaskan cara menguruskan suatu akad hutang. Daripada segi bentuk hutang, ianya boleh berbentuk wang atau dalam bentuk jual/beli barang yang tertangguh bayarannya atau serahan barangnya. Contohnya, perniagaan yang melibatkan barang yang belum cukup sifatnya seperti rumah yang belum siap dibina, atau petani yang memohon pinjaman untuk mengusahakan ladangnya yang bakal berbuah.

Daripada segi pengiktirafan, liabiliti atau obligasi kewangan akan diiktiraf apabila ianya memenuhi kriteria tertentu (SFA 1). Perubahan dalam obligasi tersebut diiktiraf apabila ia terhasil daripada urusan niaga yang telah selesai atau peristiwa lain dalam tempoh tertentu. Bagi tujuan pengukuran liabiliti, SFA 1 memberikan dua asas pengukuran, yang turut diguna pakai di bawah *IASB Conceptual Financial Reporting Framework*, iaitu kos sejarah dan nilai saksama. SFA 1 mendefinisikan kos sejarah liabiliti sebagai amaun yang diterima oleh entiti apabila liabiliti dilibatkan atau tunai/persamaan tunai dijangka akan dibayar. Sementara itu, sama seperti definisi yang digunakan oleh *IASB Conceptual Financial Reporting Framework*, nilai saksama liabiliti adalah harga yang akan dibayar untuk pemindahan liabiliti, dalam urusan niaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran.



Bagi aspek pembentangan dan pendedahan liabiliti pula secara umumnya Islam menggalakkan pendedahan sepenuhnya secara telus (Baydoun dan Willet, 2000) dan menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed Naim) sesuatu liabiliti. Bagi liabiliti luar jangka pula, amaun yang diiktiraf sebagai peruntukan adalah anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan semasa pada tarikh pelaporan dan ianya haruslah berdasarkan realiti seperti mana yang dicadangkan oleh Khoramin, (2012) dalam membincangkan prinsip konservatisme menurut Islam.

### **3.4.3 Piawaian yang Terlibat**

Lima MPSAS yang berkait secara langsung dengan liabiliti ialah seperti berikut:

- (1) MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- (2) MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan
- (3) MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- (4) MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan
- (5) MPSAS 25 Manfaat Pekerja

#### **3.4.3.1 MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka**

Objektif MPSAS 19 adalah antaranya untuk (a) mentakrifkan peruntukan dan liabiliti luar jangka, serta (b) mengenal pasti keadaan yang peruntukan seharusnya diiktiraf, bagaimana peruntukan seharusnya diukur, dan pendedahan yang seharusnya dibuat berkenaan dengannya. Piawaian ini juga mengkehendaki maklumat tertentu didedahkan tentang liabiliti luar jangka dalam nota kepada penyata kewangan, untuk membolehkan pengguna memahami jenis, pemasaan dan amaunnya.

#### **3.4.3.2 MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan**

MPSAS 28 bertujuan untuk menyediakan prinsip-prinsip untuk pembentangan instrumen kewangan sebagai liabiliti atau ekuiti dan untuk ofset aset kewangan dan liabiliti kewangan. Ia

terpakai kepada klasifikasi instrumen kewangan, dari perspektif penerbit, ke atas aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti, klasifikasi faedah yang berkaitan, dividen, kerugian dan laba, dan dalam keadaan aset kewangan dan liabiliti kewangan harus diofset. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, instrumen kewangan merujuk kepada sebarang kontrak yang menimbulkan satu aset kewangan bagi satu entiti dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu entiti lain.

#### **3.4.3.3 MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran**

MPSAS 29 bertujuan untuk membentuk atau menyediakan prinsip-prinsip bagi mengiktiraf dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan sebahagian kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan.

#### **3.4.3.4 MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan**

MPSAS 30 bertujuan untuk membentuk atau menyediakan prinsip-prinsip bagi pembentangan instrumen kewangan sebagai aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

#### **3.4.3.5 MPSAS 25 Manfaat Pekerja**

Objektif PMPSAS 25 ini adalah untuk menetapkan perakaunan dan pendedahan untuk manfaat pekerja. Piawaian ini mengkehendaki entiti untuk mengiktiraf antaranta liabiliti apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran kepada manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa akan datang.

### **3.5 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan karya berkaitan perakaunan bagi hasil, belanja dan liabiliti, yang merupakan fokus utama kajian ini. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti menurut piawaian

perakaunan konvensional serta perspektif menurut Islam. Di samping itu, MPSAS berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti yang diliputi oleh kajian ini dibincangkan. Secara umumnya, kajian mendapati pengiktirafan hasil, belanja dan liabiliti dari perspektif konvensional tidak bercanggah dengan Islam, asalkan perniagaan, sistem dan mekanisma pelaksanaan adalah berlandaskan kepada hukum syarak. Bab 4, seterusnya akan membincangkan kaedah penyelidikan bagi kajian ini.

## **BAB EMPAT**

### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan kaedah penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik di dalam menjalankan kajian ini. Ianya menerangkan objektif penyelidikan dan kaedah yang sesuai untuk mencapai objektif berkenaan. Objektif kajian ini adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan hasil, belanja dan liabiliti bagi institusi WZB, memperkukuhkan KKPI, mengenalpasti keperluan syariah dan batasan perundangan sivil berkaitan dengan isu yang dikaji dan seterusnya mencadangkan maklumat yang memenuhi keperluan syariah dan sivil untuk dijadikan sebagai asas di dalam membangunkan satu piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi berkenaan. MPSAS dijadikan sebagai dokumen asas di dalam merangka dan membangunkan PPI.

Perkara-perkara yang disentuh dalam bab ini antaranya adalah reka bentuk kajian, responden kajian, tempat dan lokasi kajian, serta prosedur pengumpulan dan penganalisan data.

#### **4.2 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kaedah penyelidikan kualitatif di mana pengumpulan data dijalankan melalui sesi temu bual dengan responden yang dikenalpasti, pemerhatian dan penelitian ke atas data-data sekunder, undang-undang dan peraturan syariah dan sivil di negeri-negeri yang terlibat serta perundingan dengan pakar dalam bidang berkaitan, Penyelidik juga meneliti hasil kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini dan mengkaji hasil-hasil penulisan mereka sama ada yang diterbitkan dalam jurnal atau buku. Hasil daripada sorotan karya, pemerhatian ke atas laporan tahunan yang dikeluarkan, sesi temu bual dan penelitian ke atas enakmen, peraturan dan undang-undang berkaitan serta khidmat rundingan daripada pakar dijadikan asas di dalam merangka dan membangunkan KKPI untuk item-item hasil, belanja dan liabiliti. Laporan penyelidikan Fasa 2 (Abdullah et al., 2018) juga diteliti bagi memastikan terdapatnya kesinambungan hasil kajian. Penyelidik juga menjemput beberapa orang pakar dalam bidang yang berkaitan bagi mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan mereka

mengenai batasan perundangan syariah dan sivil di dalam merangka PPI. Seterusnya, berdasarkan input-input ini, penyelidik mencadangkan satu piawaian perakaunan khusus berkaitan item hasil, belanja dan liabiliti yang bersesuaian dan boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada MAIN di dalam menyediakan akaun dan laporan kewangan tahunan mereka.

### **4.3 Lokasi Kajian**

Kajian ini melibatkan institusi WZB seluruh Malaysia. Kumpulan penyelidik dari Zon 2 dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian ke atas enam (6) institusi WZB di lima negeri, iaitu:

- (1) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), di Kangar, Perlis,
- (2) Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), di Alor Setar, Kedah,
- (3) Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), di Alor Setar, Kedah,
- (4) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), di Georgetown, Pulau Pinang,
- (5) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), di Ipoh, Perak, dan
- (6) Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), di Kuching, Sarawak.

Di samping itu penyelidik juga menemubual staf As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd, (As-Sahabah) iaitu anak syarikat kepada MAINPP yang bertanggungjawab di dalam pengurusan zakat daripada kutipan sehinggalah kepada agihan. Di Zon 2, hanya MAINPP sahaja yang menswastakan urusan kutipan dan agihan zakat. Walau bagaimanapun As-Sahabah merupakan syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan 2016) di mana ia menggunakan piawaian MPERS sebagai rujukan di dalam menyediakan laporan tahunan mereka. Oleh yang demikian, ia tidak termasuk dalam sampel kajian.

### **4.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Pada peringkat awal, penyelidik terlebih dahulu mengumpulkan semua laporan tahunan yang terdapat di kesemua MAIN yang terlibat. Untuk kajian ini, ianya berdasarkan kepada laporan tahunan yang disediakan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016. Hanya item dan urusan yang didedahkan dalam laporan tahunan 2016 sahaja diambilkira. Penyelidik

terlebih dahulu meneliti item-item yang terdapat di dalam laporan tahunan tersebut bagi melihat gambaran awal tentang amalan perakaunan semasa yang diamalkan oleh setiap MAIN. Selain daripada laporan tahunan, penyelidik juga meneliti apa-apa brosur, nota penerangan dan pelbagai bahan bercetak lain yang dikeluarkan oleh MAIN untuk mendapat maklumat lebih lanjut tentang operasi MAIN. Namun, untuk meninjau amalan perakaunan semasa, tumpuan diberikan kepada laporan tahunan yang telah diaudit, serta temu bual dengan pegawai kewangan sahaja.

#### **4.4.1 Temu bual dengan Pegawai-pegawai MAIN**

Berikutnya, penyelidik membuat temu janji untuk mengadakan sesi temu bual dengan pegawai-pegawai MAIN terutamanya yang terlibat secara langsung di dalam menyediakan laporan tahunan berkenaan. Pasukan penyelidik terlebih dahulu menyediakan senarai soalan-soalan yang akan ditanya bagi memudahkan pihak MAIN membuat persediaan awal. Soalan-soalan pra-pertemuan adalah sepertimana yang terdapat di Lampiran 4.1. Senarai temu janji yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Pada setiap pertemuan, masa yang diambil adalah sekitar satu hingga ke dua jam.

Di dalam sesi temu bual, penyelidik bertanyakan soalan-soalan yang telah diberikan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun soalan yang ditanya tidak terhad kepada soalan-soalan tersebut. Jika dirasakan perlu, penyelidik bebas bertanya apa jua soalan yang penting tetapi masih berkisar dalam skop kajian. Kebanyakan soalan adalah bagi mendapatkan kepastian serta penerangan lanjut kepada apa yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan. Setiap perbualan direkodkan oleh penyelidik yang kemudiannya dipindahkan dalam bentuk teks untuk dijadikan rujukan kemudiannya.

**Jadual 4.1 Senarai Responden dan Temu Janji untuk Sesi Temu Bual**

<b>MAIN</b>	<b>Profail Pegawai</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Pertemuan</b>
Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)	(1) Hajjah Rosnani Haji Abdul Rahim (Akauntan)  (2) Syeikh Ahmad Zaki Ghazali (Pegawai Bahagian Baitulmal)  (3) Syeikh Fakhurrazi Yub (Pegawai Bahagian Wakaf)	Mendapatkan data berkenaan amalan perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB.	25 Mac 2018 (Ahad)  Pejabat Majlis Agama Islam Kedah, Alor Setar  Masa: 2 jam
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Siri 1	(1) Pn. Halina Abdul Wahid (Ketua Bahagian Khimat Pengurusan dan Keurusetiaan)  (2) Tn Syed Aisam Syed Idris Habshee (Ketua Bahagian Pengurusan Zakat)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB.	10 April 2018 (Selasa)  Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Kangar  Masa: 2 jam
Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	(1) En. Azizul Rusmadi Abdul Rahman (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pentadbiran dan Kewangan)  (2) Cik Hartini Haliza (Ketua Jabatan Kewangan)  (3) Noorhanisah Khomarudin (Akauntan)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan zakat.	12 April 2018 (Selasa)  Pejabat Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Alor Setar  Masa 1-2 jam
As-Sahabah Sdn. Bhd (Pulau Pinang)	Pn. Jamilah Noor (Akauntan)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB.	19 April 2018 (Khamis)  As-Sahabah Sdn. Bhd, Bandar PERDA, Pulau Pinang  Masa 1-2 Jam
Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	(1) Tuan Hj Sulaiman Hj Mahili (Ketua Sektor Kewangan & Pentadbiran)  (2) Pn Rohaya Abang Omar (Ketua Bahagian Kewangan)  (3) Pn Siti Aishah Suhaili Ketua Unit Bajet & Pelaburan)  (4) Pn Bibi Norazimah Suhaili (Ketua Unit PTJ)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB.	27 April 2018 (Jumaat)  Pejabat Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), Kuching

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	(1) En. Mohd Fazly Mohd Zaki (Akauntan) (2) Puan Siti Nur Bahiyah (Pembantu Akauntan)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB	3 Mei 2018 (Khamis)  Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP), Georgetown
Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak (MAIPk)	Encik Arif Apandi (Akauntan)	Mendapatkan data berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB	7 Mei 2018 (Isnin)  Pejabat Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk), Ipoh
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Siri 2	(1) Pn. Halina Abdul Wahid (Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan dan Keurusetiaan) (2) En. Ahmad Fitri Mat Isa @Md Hassan (Penolong Akauntan)	Mendapatkan data tambahan berkenaan amalan semasa perakaunan serta maklumat mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB	8 Ogos 2018 (Rabu)  Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Kangar

Penyelidik seterusnya membandingkan nota catatan dengan transkrip yang disediakan untuk memastikan maklumat yang diperolehi melalui temubual lisan dan yang dicatat adalah sama seperti yang terdapat dalam transkrip. Sekiranya maklumat yang diperolehi ketika sesi temu bual tidak mencukupi atau memerlukan penjelasan lanjut, penyelidik akan menghubungi pegawai-pegawai MAIN berkenaan melalui telefon atau emel.

Hasil daripada penelitian yang dilakukan ke atas laporan tahunan dan bahan-bahan penerbitan MAIN, beserta dengan temu bual yang dijalankan, penyelidik telah mendapat gambaran tentang amalan semasa perakaunan MAIN yang dikaji. Pada peringkat ini, penyelidik meneliti item-item yang terdapat dalam penyata kewangan MAIN di mana tumpuan diberikan kepada item-item yang khusus berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti. Selain itu, penyelidik hanya melihat kepada amalan perakaunan semasa yang diamalkan di MAIN tanpa membahaskan dari segi sama ada amalan berkenaan sesuai atau tidak dengan standard yang diterima pakai ketika ini. Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf terbitan JAWHAR (2009), Jabatan Perdana Menteri juga menjadi bahan rujukan penting kepada penyelidik. Hasil penelitian amalan perakaunan semasa dibincangkan dengan terperinci di bab berikutnya (Bab 5).



#### 4.4.2 Perundingan Bersama Pakar

Objektif kedua penyelidikan ini adalah untuk memperkukuhkan KKPI. Untuk tujuan ini, penyelidik mendapatkan lima orang pakar dalam bidang syariah dan kewangan Islam bagi mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan mereka. Senarai pakar dan sesi perundingan bersama mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

**Jadual 4.2 Senarai Pakar dan Sesi Perundingan**

<b>Profile Pakar</b>	<b>Latarbelakang</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Pertemuan</b>
Ustazah Marina binti Abu Bakar	Pensyarah Jabatan Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UNISHAMS)	Mendapatkan maklumat berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB, khususnya wakaf.	28 Mac 2018 (Rabu)  Bilik Mesyuarat Khawarizmi, TISSA, UUM  Masa 1-2 jam
Prof Dr Asmadi bin Mohamed Naim	Dekan Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia  Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM)  Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)  Ahli Lembaga Pengarah Sintok Agro Sdn Bhd	Mendapatkan maklumat berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB, khususnya dalam pembentukan rangka kerja konseptual.	5 Ogos 2018 (Rabu)  Bilik Mesyuarat Khawarizmi, TISSA, UUM  Masa 1-2 jam
Dr. Muhamad Noor Habibi bin Hj Long	Pensyarah Kanan Jabatan Pentadbiran Muamalat, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia	Mendapatkan data berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB, khususnya dalam pembentukan rangka kerja konseptual.	30 Ogos 2018 (Khamis) Bilik Mesyuarat Khawarizmi, TISSA, UUM
Izham Hakimi bin Redzan	Pelajar PhD (Usul Fiqh) University Qaraw-Iyyin Dar Hadith Hadsaniah (Maghribi)  Pensyarah UiTM, Puncak Alam	Mendapatkan maklumat dan pandangan mengenai syariah	Dari masa ke semasa sepanjang tempoh kajian
Muhammad Hafiz bin Badarulzaman	Pensyarah Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara Malaysia	Mendapatkan khidmat nasihat berkaitan dengan perundangan.	Dari masa ke semasa sepanjang tempoh kajian

Di dalam sesi perundingan ini, penyelidik terlebih dahulu membentangkan secara ringkas objektif kajian bagi membolehkan pakar yang dirujuk memahaminya. Penyelidik kemudiannya meminta pakar yang dijemput memberi pandangan berdasarkan pemahaman, pengalaman dan ilmu mereka berlandaskan kepada keperluan dan batasan syariah. Para penyelidik kemudiannya bebas bertanya soalan bagi mendapatkan penerangan yang lebih jelas berkenaan isu-isu yang ditimbulkan. Dapatan daripada sesi perundingan ini diambilkira oleh penyelidik di dalam membangunkan KKPI. Di samping jemputan pakar yang diusahakan oleh penyelidik dari Zon 2, pihak JANM juga mengatur satu sesi pertemuan di antara semua penyelidik di semua zon dengan tiga orang pakar iaitu YBhg Dato' Syed Ghazali Wafa Syed Adwan Wafa (Ketua Pegawai Eksekutif, Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad, (KOPSYA), Tn. Hj. Azizi Che Seman (Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Penasihat Syariah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)) dan YM Engku Ahmad Fadzil Engku Ali (Felo Kanan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia). Pertemuan ini diadakan pada 3 hb April 2018 di Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPN CPD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cyberjaya, Selangor. Sesi ini berjalan lebih kurang dalam tempoh tiga jam. Penyelidik daripada kesemua zon mengambil kesempatan ini untuk bertanya sebarang kemusykilan yang timbul. Pakar-pakar yang dijemput memberi penerangan berlandaskan pengalaman dan ilmu pengetahuan mereka serta menjelaskan kemusykilan yang ditanya oleh penyelidik. Input yang diterima daripada mereka juga diambilkira di dalam merangka KKPI.

#### **4.4.3 Kajian Ke atas Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, Peraturan dan Perundangan Sivil**

Objektif kajian yang seterusnya adalah mengenalpasti keperluan syariah dan batasan perundangan sivil berkaitan dengan isu yang dikaji. Bagi tujuan mengenalpasti keperluan syariah penyelidik meneliti kesemua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri yang di kaji (termasuk Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Peraturan Pentadbiran Wakaf), 2008 dan Enakmen Wakaf Perak 2015) khususnya peruntukan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan pelaporan institusi WZB. Kesemua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri diperolehi daripada portal rasmi e-syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan

juga di laman sesawang MAIN masing-masing. Di sini penyelidik melihat peruntukan dan definisi berkaitan dengan wakaf, zakat dan baitulmal bagi semua MAIN yang di kaji dan cuba mengaitkannya dengan amalan perakaunan semasa. Bagi melihat gambaran secara keseluruhan, penyelidik juga melihat peruntukan dan definisi berkaitan yang terdapat di MAIN yang lain. Ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan ketara di antara MAIN yang di kaji dengan MAIN yang lain, serta bagaimana mereka mengadaptasinya dalam amalan perakaunan semasa. Dari sini penyelidik melihat dan menilai sama ada terdapat amalan-amalan perakaunan semasa yang boleh diteruskan atau diubah mengikut kesesuaian dan selari dengan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan memenuhi keperluan syariah.

Oleh kerana negara kita mengamalkan dua sistem perundangan iaitu perundangan sivil dan syariah, akta-akta dan perundangan sivil yang berkaitan dengan penyediaan laporan kewangan MAIN juga diteliti bagi melihat sama ada terdapat batasan perundangan sivil yang boleh memberi kesan kepada MAIN. Antara akta dan peraturan yang dikaji adalah Perlembagaan Persekutuan, Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN, Akta Badan Berkanun 1980, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain yang berkaitan.

#### **4.4.4 Cadangan Membentuk Piawaian Perakaunan Islam**

Objektif terakhir kajian ini adalah mengemukakan cadangan untuk membangunkan satu piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi Islam, khususnya institusi wakaf, zakat dan baitulmal, yang memenuhi keperluan syariah dan sivil. Berdasarkan penelitian yang dilakukan ke atas MPSAS, sesi temu bual, dan perundingan dengan pakar, kajian-kajian ke atas semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri (termasuk enakmen wakaf dan zakat bagi negeri yang mempunyai enakmen berkenaan), jurnal penyelidikan dan buku-buku ilmiah, penyelidik mencadangkan satu kerangka kerja konseptual yang boleh dijadikan panduan di dalam membina KKPI. Pembentukan KKPI akan dibincangkan di Bab 6. Kerangka kerja konseptual dibangunkan berasaskan laporan Fasa 2 penyelidikan berkaitan aset (Abdullah et al., 2018) dengan dibuat penambahbaikan hasil daripada perbincangan dan perundingan yang diadakan dengan pakar-pakar kewangan Islam yang dijemput.

Berdasarkan kerangka kerja konseptual yang dicadangkan, penyelidik seterusnya mengemukakan cadangan secara khusus berkaitan dengan piawaian perakaunan Islam institusi WZB. Di dalam membentuk piawaian perakaunan Islam, penyelidik mengemukakan cadangan berdasarkan kepada kaedah berikut (Abdullah et al., 2018):

- (1) Mana-mana peruntukan dalam MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan dikekalkan dan dibuat pindaan sekiranya perlu,
- (2) Sekiranya terdapat keperluan syariah dan urusan niaga atau aktiviti berkaitan MAIN tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan, peruntukan mengenainya akan ditambah kepada MPSAS tersebut, jika perlu.
- (3) Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang bercanggah dengan keperluan syariah akan dipinda atau dikeluarkan, dan
- (4) Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti institusi WZB akan dikeluarkan.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 8 – Cadangan Pembangunan Piawaian Islam.

#### **4.5 Kesimpulan**

Bab ini membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik bagi menjawab persoalan dan objektif kajian yang ditetapkan. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif di mana analisis dibuat ke atas kajian-kajian terdahulu, laporan tahunan dan bahan-bahan penerbitan MAIN, enakmen dan perundangan Islam negeri-negeri, jurnal dan buku ilmiah, dan bahan-bahan penerbitan lain yang relevan dengan kajian. Pandangan daripada pakar dalam bidang kewangan Islam juga diambil kira dalam merangka cadangan piawaian perakaunan institusi WZB. Seterusnya, peraturan dan perundangan sivil yang dijangka memberi kesan kepada pelaporan kewangan Islam juga diambil kira di dalam membangunkan KKPI ini.

## **BAB LIMA**

### **AMALAN SEMASA PERAKAUNAN**

### **BAGI HASIL, BELANJA DAN LIABILITI**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan amalan semasa kesemua lima MAIN serta LZNK (juga digolongkan sebagai MAIN untuk tujuan kajian ini) berhubung dengan sepuluh piawaian perakaunan yang diliputi oleh kajian ini. Amalan semasa merujuk kepada amalan perakaunan bagi tahun 2016, dan piawaian yang diliputi oleh kajian ini adalah MPSAS 9 Hasil dari Urus Niaga Pertukaran, MPSAS 23 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran, MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan, MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran, MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan, MPSAS 25 Manfaat Pekerja, MPSAS 11 Kontrak Pembinaan, MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka, MPSAS 4 Kesan Perubahan Pertukaran Asing, dan MPSAS 5 Kos Pinjaman.

#### **5.2 Ringkasan Amalan Semasa**

Secara umumnya, kesemua MAIN (kecuali MAIK dan LZNK) mewujudkan tiga Kumpulan Wang utama iaitu Kumpulan Wang Zakat, Wakaf dan Baitulmal, dalam merekod urusniaga dan mempersembahkan Penyata Kewangan. Oleh kerana MAIK tidak terlibat dengan pengurusan zakat, ia hanya mempunyai dua Kumpulan Wang (KW) utama, iaitu KW Wakaf dan KW Majlis. Sementara itu, LZNK yang bertanggungjawab ke atas pengurusan zakat dan tidak ke atas pengurusan wakaf menubuhkan KW Zakat dan KW Pentadbiran dan Pengurusan. Namun, penggunaan istilah Baitulmal adalah tidak seragam. MAIK misalnya menggunakan istilah Kumpulan Wang Majlis, MAIPs dan MAIPk menggunakan istilah Kumpulan Wang Sumber Am, manakala MAINPP dan TBS menggunakan Kumpulan Wang Baitulmal. Bagi tujuan kajian ini, dan untuk keseragaman, Kumpulan Wang Am dan Kumpulan Wang Majlis yang digunakan oleh MAIN negeri-negeri tersebut bermaksud Kumpulan Wang Baitulmal. Kumpulan Wang yang terdapat pada setiap MAIN adalah seperti di Jadual 5.1. Jadual tersebut

juga menyenaraikan Undang-Undang Negeri yang memperuntukkan perkara-perkara berkaitan penubuhan serta pengurusan MAIN, termasuk kewangan.

**Jadual 5.1 Kumpulan Wang Mengikut Negeri**

MAIN	Kumpulan Wang	Undang-Undang Negeri
MAIK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KW Majlis</li> <li>• KW Amanah (Wakaf dan Tabung Amanah)</li> </ul>	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah Darul Aman 2008 (EPUIKDA 2008)
LZNK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KW Zakat</li> <li>• KW Pengurusan dan Pentadbiran</li> </ul>	Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 (Enakmen 23)
MAIPs	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KW Zakat</li> <li>• KW Wakaf</li> <li>• KW Sumber Am</li> </ul>	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006
MAINPP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KW Zakat</li> <li>• KW Wakaf</li> <li>• KW Baitulmal</li> <li>• KW Amanah (Liabiliti tetapi juga ditunjuk secara tersendiri pendapatan dan belanja)</li> </ul>	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
MAIPk	KW Baitulmal: <ul style="list-style-type: none"> <li>• KW Zakat</li> <li>• KW Sumber Am</li> <li>• KW Wakaf</li> <li>• KW Amanah</li> </ul>	Enakmen Wakaf (Perak) 2015  Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
TBS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KW Zakat</li> <li>• KW Wakaf</li> <li>• KW Baitulmal</li> </ul>	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001

Kewujudan transaksi mengikut MAIN dan Kumpulan Wang dapat diringkaskan seperti di Jadual 5.2. Bagi tahun 2016, kesemua negeri belum lagi menerima pakai MPSAS dalam mengakaunkan urusan mereka, tetapi menggunakan PERS atau MPERS seperti mana yang digunakan oleh firma yang berorientasikan keuntungan. Daripada sepuluh piawaian yang dikaji, empat daripadanya (MPSAS 11, 19, 4 dan 5) tidak digunakan oleh mana-mana MAIN oleh kerana tiada urusan yang berkaitan dengan MPSAS tersebut. Bagi belanja yang melibatkan manfaat pekerja (MPSAS 25), tidak semua Kumpulan Wang dilibatkan. Namun, kesemua Kumpulan Wang utama dilibatkan dalam mengakaunkan Hasil dari Urus Niaga Pertukaran, Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran, dan Instrumen Kewangan.

**Jadual 5.2 Kewujudan Transaksi Mengikut MPSAS, dan Kumpulan Wang**

	KEDAH (MAIK/LZNK)			PERLIS (MAIPs)			PULAU PINANG (MAINPP)			PERAK (MAIPk)			SARAWAK (TBS)		
STANDARD PERAKAUNAN	PERS/ MPERS			MPERS			MPERS			PERS			MPERS		
	W	Z & PP	B	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B
Hasil dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9)	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
Instrumen Kewangan (MPSAS 28, 29 dan 30)	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
Manfaat Pekerja (MPSAS 25)	x	√	√	x	√	x	x	√	√	x	√	√	x	√	x
Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Peruntukan, Liabiliti luar jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19)	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Kesan Perubahan Mata Wang Asing (MPSAS 4)	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Kos Pinjaman (MPSAS 5)	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x

Nota: √ Ada            x tiada

Semua MAIN kecuali MAIPk menggunakan istilah Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan di dalam pembentangan laporan tahunan mereka. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kedua-dua istilah tersebut dalam melaporkan amalan semasa mereka walaupun MPSAS menyarankan penggunaan istilah Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan seperti yang digunakan oleh MAIPk.

Bahagian seterusnya akan membincangkan amalan semasa MAIN mengikut piawaian yang disebutkan di atas.

### **5.3 Hasil dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9)**

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, hasil kepada entiti boleh dikategorikan kepada dua kumpulan utama, iaitu hasil dari urus niaga pertukaran dan hasil dari urus niaga bukan pertukaran, masing-masing dibincangkan di dalam MPSAS 9 dan MPSAS 23.

Menurut MPSAS 9, urus niaga pertukaran ialah urus niaga apabila sebuah entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan dan secara langsung memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran. MPSAS 9 telah membahagikan hasil dari urus niaga pertukaran kepada tiga komponen utama, iaitu hasil daripada:

- (1) penyediaan perkhidmatan,
- (2) jualan barangan, dan
- (3) penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan faedah, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa.

Hasil dari urus niaga penyediaan perkhidmatan yang utama bagi setiap MAIN adalah hasil sewa tanah, bangunan, ruang dan peralatan. Hasil lain, yang tidak signifikan adalah yuran perkhidmatan. Jualan pula bukan merupakan kegiatan utama MAIN. Jualan yang dilibatkan oleh MAIN adalah secara sampingan seperti jualan bahan cetakan, buku dan borang.

Bagi item yang tergolong dalam penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan faedah, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa, kesemua MAIN mempunyai simpanan semasa dan simpanan tetap dalam bank yang berlandaskan Islam, dan oleh itu mengiktiraf keuntungan daripada simpanan tersebut yang juga dikenali sebagai hibah. Oleh itu, faedah atau riba yang diharamkan dalam Islam dan merupakan satu komponen hasil dalam MPSAS 9 tidak dilibatkan. MAIN juga memperolehi dividen atau keuntungan dalam pelaburan. Kajian juga mendapati kesemua MAIN tidak memperolehi royalti.

#### **5.3.1 Pengiktirafan dan Pengukuran**

Jadual 5.3 menunjukkan kaedah pengiktirafan dan pengukuran bagi hasil utama daripada urusniaga pertukaran setiap MAIN. Kesemua MAIN mengakaunkan sewa secara akruan. Bagi



lain-lain urusanniaga, amalan adalah bercampur, iaitu secara tunai dan akruan. Bagi pengukuran pula, semua MAIN menggunakan nilai saksama.

**Jadual 5.3 Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil Urusniaga Pertukaran MAIN**

<b>PENGIKTIRAFAN</b>	<b>MAIK</b>	<b>LZNK</b>	<b>MAIPs</b>	<b>MAINPP</b>	<b>MAIPk</b>	<b>TBS</b>
1. Sewa	Akruan	Akruan	Akruan	Akruan	Ada kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan sesuatu urusanniaga akan mengalir kepada entiti dan pendapatan itu boleh dianggar dengan pasti.	Akruan
2. Yuran	X	X	X	X		Tunai
3. Jualan	X	X	X	X		Tunai
4. Keuntungan simpanan	Tunai	Akruan	Akruan	Akruan		Tunai
5. Dividen dan lain pelaburan	Bila hak dapat dipastikan	Akruan	Akruan	Akruan/ tunai		Tunai
<b>PENGUKURAN</b>	Nilai saksama	Nilai saksama	Nilai saksama	Nilai saksama	Nilai saksama	Nilai saksama

X = Tiada

Jadual 5.4 memperincikan item-item hasil urusanniaga pertukaran yang terdapat di setiap Kumpulan Wang setiap MAIN serta bagaimana item-item tersebut diiktiraf. Bagi LZNK, dua Kumpulan Wang ditubuhkan masing-masing di bawah Seksyen 30 dan 31, Enakmen LZKDA 2015, iaitu Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan.

Kajian menunjukkan kesemua MAIN mengiktiraf hasil mengikut kumpulan wang yang terlibat. Misalnya, sewa harta wakaf diiktiraf oleh KW Wakaf, sewa harta yang dibeli dengan menggunakan wang zakat diiktiraf dalam KW Zakat, dan harta yang dibeli menggunakan wang Baitulmal diakaunkan sebagai hasil KW Baitulmal.

Amalan yang sedikit berbeza adalah di MAIK, di mana pendapatan sewa harta wakaf khas dibahagikan kepada dua – 85% dianggap sebagai hak KW wakaf dan direkod sebagai liabiliti, sementara 15% lagi sebagai caj perkhidmatan yang dikenakan oleh MAIK dan direkod sebagai hasil KW Baitulmal (Majlis). Bagi sewa harta wakaf am pula, ia diiktiraf sebagai hasil KW

Baitulmal. Amalan ini adalah selari dengan apa yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah Darul Aman 2008 (EPUKDA 2008).

**Jadual 5.4 Pengiktirafan Hasil Urusniaga Pertukaran mengikut Kumpulan Wang(KW)**

	LZNK		MAIK		MAIPs			MAINPP			MAIPk			TBS		
	KW		KW		KW			KW			KW			KW		
	Z	PP	W	B	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B
Sewa tanah/ bangunan/ ruang/ alatan	Hasil	Hasil	Khas: 85% sewa (liab.)	Hasil*	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	x	Hasil	x	x	Hasil	Hasil	x	Hasil
Keuntungan pelaburan /dividen	x	x	x	Hasil	x	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	x	Hasil	Hasil	x	Hasil	Hasil
Keuntungan Simpanan Tetap berjangka	Hasil	Hasil	x	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	x	x	x	Hasil	Hasil	Hasil
Keuntungan simpanan semasa	Hasil	Hasil	x	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	x	Hasil	Hasil	x	x	Hasil
Pemulihan rosotnilai saham	x	x	x	x	x	x	x	Hasil	Hasil	Hasil	x	x	x	x	x	Hasil
Untung/ Rugi Jualan Pelaburan	Hasil	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Yuran	x	x	x	Hasil	x	x	Hasil	Hasil	x	Hasil	x	x	x	x	x	Hasil
Jualan (cth: buku & bahan cetak)	Hasil	Hasil	x	Hasil	x	x	x	x	x	Hasil	x	x	x	x	x	Hasil
Keuntungan takaful	Hasil	Hasil	x	x	x	x	x	Hasil	x	Hasil	x	x	x	x	x	Hasil
Pampasan	x	x	x	x	x	x	Hasil	x	x	Hasil	x	x	Hasil	x	x	x
Pelbagai pendapatan/ Lain-lain	x	x	x	x	Hasil	Hasil	Hasil	x	x	x	x	Hasil	Hasil	Hasil	x	Hasil

X tiada

\*Termasuk dari Wakaf Am dan Caj 15% dikenakan setahun untuk setiap pendapatan wakaf khas di bawah seksyen 55(3), enakmen pentadbiran undang-undang islam (Kedah DA) 2008

### 5.3.2 Pendedahan

Pendedahan di dalam penyata kewangan dibuat sama ada di muka penyata atau di dalam nota kepada akaun. Perkara yang didedahkan adalah dasar pengiktirafan dan pengukuran yang digunakan dalam mengakaunkan sesuatu item, serta item-item dan amaunnya. Tahap pendedahan bergantung kepada sejauhmana sesuatu item didedahkan, sama ada terperinci atau tidak. Pendedahan berhubung dasar perakaunan dan item-item hasil urusniaga pertukaran dapat diringkaskan di dalam Jadual 5.5.

**Jadual 5.5 Ringkasan Pendedahan Hasil Urusniaga Pertukaran**

	Dasar Perakaunan		Penyata Pendapatan bagi setiap KW	Item dalam muka Penyata Pendapatan (PP)	Item dalam Nota kepada akaun
	Pengukuran	Pengiktirafan Hasil			
MAIK	Tiada	Ada	Tiada	<b>PP Disatukan:</b> Item-item dinyatakan secara terperinci (baris demi baris) tanpa dipisahkan mengikut kumpulan wang.	Item-item hasil tidak didedahkan
LZNK	Tiada	Ada	Ada di hadapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>PP KW Zakat</b></li> <li>• <b>PP KWPP</b></li> </ul> Item-item dinyatakan secara terperinci	Diperincikan komponen setiap hasil mengikut KW seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewaan: Perincian mengikut jenis</li> <li>• Keuntungan Simpanan: mengikut bank</li> <li>• Keuntungan atas jualan pelaburan mengikut jenis</li> <li>• Pelbagai hasil: mengikut jenis</li> </ul>
MAIPs	Tiada	Ada	Ada di hadapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>PP Disatukan</b></li> <li>• <b>PP KW Zakat</b></li> <li>• <b>PP Sumber Am</b></li> <li>• <b>PP Wakaf</b></li> </ul> Diperincikan Pendapatan mengikut jenis utama	Perincian mengikut Kumpulan Wang
MAINPP	Tiada	Tiada	Tiada	<b>Penyata Pendapatan:</b> Jumlah bagi Pendapatan dan lain-	<b>Nota:</b> Pendapatan – mengikut jenis utama seperti sewa dan keuntungan bank

				lain pendapatan tanpa perincian	
MAIPk	Ada	Ada	Ada di Nota	<b>Penyata Pendapatan:</b> Bahagikan kepada Pendapatan dan Pendapatan lain tanpa perincian	<b>Nota:</b> Perincian pendapatan mengikut jenis utama dan terdapat PP bagi setiap KW: <ul style="list-style-type: none"> <li>• PP Komprehensif</li> <li>• PP Komprehensif – KWB, KWZ, KWA, KWW</li> <li>• PP Komprehensif KWZ</li> <li>• PP Komprehensif KWW Penyata Pendapatan Komprehensif KWA Amanah</li> </ul>
TBS	Tiada	Ada	Ada di Nota	<b>Penyata Pendapatan:</b> Laporan setiap jenis pendapatan utama	Perincian lain-lain hasil bagi setiap item: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zakat – mengikut sumber</li> <li>• Sewa: senarai nama bangunan</li> <li>• Dividen – mengikut institusi</li> <li>• Lain-lain hasil – setiap jenis seperti yuran, jualan dan sebagainya.</li> <li>• Terdapat Penyata Pendapatan KW Baitulmal dan Penyata pendapatan KW Wakaf</li> </ul>

Kebanyakan MAIN tidak menyatakan dengan spesifik dasar pengukuran yang digunakan. Kebanyakan maklumat mengenai pengukuran diperolehi melalui temubual dengan pegawai kewangan atau akauntan. Pendedahan mengenai pengiktirafan hasil juga adalah terhad, di mana kebanyakan MAIN menyatakan sama ada diiktiraf secara tunai atau akruan.

Semua MAIN kecuali MAIK dan MAINPP mempunyai Penyata Pendapatan bagi setiap Kumpulan Wang penting, dan lokasi pendedahannya adalah berbeza – ada yang laporkan di bahagian muka dan ada yang laporkan di bahagian nota. Dari segi pendedahan item-item pula, lokasi, pengkhususan penyata mengikut kumpulan wang, dan perincian item juga adalah berbeza. Bagi MAIK misalnya, item-item dinyatakan secara terperinci di dalam Penyata

Pendapatan Disatukan, tanpa didedahkan di dalam Nota dan tidak diwujudkan Penyata Pendapatan bagi setiap Kumpulan Wang. LZNK pula melaporkan dua Penyata Pendapatan di bahagian muka, iaitu bagi KW Zakat dan KW Pengurusan dan Pentadbiran, yang mengandungi komponen utama seperti hasil sewa dan keuntungan simpanan bank. Di bahagian Nota pula, perincian bagi setiap item Penyata pula didedahkan.

Bagi MAIPk pula misalnya, muka Penyata Pendapatan yang dilaporkan di bahagian utama hanya melaporkan pendapatan dan pendapatan lain tanpa perincian. Perinciannya boleh diperolehi di dalam Penyata Pendapatan setiap Kumpulan Wang yang ditempatkan di dalam Nota.

#### **5.4 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)**

Dalam urus niaga bukan pertukaran, sesuatu entiti sama ada menerima daripada atau memberi kepada entiti lain sesuatu nilai, tanpa secara langsung memberi atau menerima nilai yang hampir sama sebagai pertukaran. Menurut MPSAS 23, hasil dari urus niaga bukan pertukaran bermaksud sesuatu entiti akan menerima sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan. Penerimaan zakat, wakaf dan lain-lain sumbangan, derma dan sebagainya oleh MAIN tidak melibatkan pertukaran. Oleh itu, ia adalah tergolong dalam urus niaga bukan pertukaran seperti yang didefinisikan oleh MPSAS 23. Urus niaga berunsurkan Islam ini merupakan sesuatu yang khusus bagi MAIN yang tidak terdapat di institusi awam lain, dan merupakan aktiviti utama MAIN. Oleh itu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil zakat, wakaf dan baitulmal oleh MAIN merupakan aspek yang penting yang harus diberikan perhatian khusus. Amalan semasa mengenai kaedah pengukuran dan pengiktirafan urusniaga bukan pertukaran adalah seperti dalam Jadual 5.6.

**Jadual 5.6 Pengukuran dan Pengiktirafan Urusniaga Bukan Pertukaran**

MAIN	Pengukuran	Pengiktirafan
MAIK	Nilai Saksama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pendapatan wakaf khas</b> – Caj 15% dikenakan setahun untuk setiap pendapatan wakaf khas di bawah seksyen 55(3), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah DA) 2008)</li> <li>• <b>Pendapatan Wakaf Am/ Naz'r Am</b> – dibayar kepada dan menjadi sebahagian KW Baitulmal mengikut Sek 55(2) enakmen pentadbiran undang-undang Islam (Kedah DA) 2008)</li> </ul>
LZNK	Nilai Saksama	Asas tunai
MAIPs	Nilai Saksama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Zakat – asas tunai</li> <li>• Lain-lain – asas akruan</li> </ul>
MAINPP	Nilai Saksama	Asas tunai
MAIPk	Nilai Saksama	Pendapatan diitiraf hingga ke tahap di mana ada kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan sesuatu urusanniaga akan mengalir kepada Kumpulan dan pendapatan itu boleh dianggarkan dengan pasti <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zakat – asas tunai</li> <li>• Lain - Akruai pada nilai saksama</li> <li>• Pendapatan tertunda (sumbangan kerajaan berkaitan asset tetap) - Diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang usia guna</li> </ul>
TBS	Nilai Saksama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan sewa bangunan – akruan</li> <li>• Lain2 – asas tunai</li> </ul>

#### 5.4.1 Terimaan Harta Wakaf: Pengukuran dan Pengiktirafan

Kesemua MAIN mempunyai Kumpulan Wang Wakaf (disebut sebagai KW Amanah di MAIK) yang mengakaunkan pemberian harta wakaf oleh pemberi wakaf. Terdapat dua akaun utama, di bawah KW Wakaf, iaitu Akaun Wakaf Khas dan Akaun Wakaf Am. Bagi MAIK, terdapat satu lagi akaun tambahan, iaitu Tabung Amanah Orang Awam, dan bagi MAINPP terdapat Akaun Sumbangan dan Pemberian yang diletakkan di dalam KW Wakaf. Jadual 5.7 menunjukkan kaedah pengukuran, iaitu nilai yang digunakan di dalam merekod terimaan tersebut, dan bagaimana ia direkodkan, iaitu sama ada sebagai hasil, liabiliti atau ekuiti.

Harta wakaf yang diterima terdiri daripada hartanah, tunai, atau lain-lain seperti peralatan dan sebagainya. MAIPs, MAIPk dan TBS tidak mengakaunkan wakaf hartanah, tetapi mempunyai daftar penerimaan harta wakaf dan disenaraikan dalam nota kepada akaun. MAINPP pula

merekodkannya sebagai wang amanah (liabiliti). Sementara ini bagi MAIK pula, hartanah dinilai pada nilai token, iaitu RM10 bagi setiap harta yang diterima tanpa mengambilkira nilai pasaran harta berkenaan, dikreditkan sebagai hasil dan ditutup kepada Akaun Wakaf Khas atau Wakaf Am di bawah Kumpulan Wang Wakaf dan dipersembahkan sebagai liabiliti. Wang tunai dan harta-harta lain direkod pada nilai saksama oleh semua MAIN. Namun terdapat perbezaan dari segi pengiktirafan, iaitu sama ada ia dilaporkan sebagai hasil, liabiliti atau ekuiti.

**Jadual 5.7 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran: Kumpulan Wang Wakaf**

	<b>KUMPULAN WANG WAKAF (KWW)</b>				
	<b>MAIK</b>	<b>MAIPs</b>	<b>MAINPP</b>	<b>MAIPk</b>	<b>TBS</b>
<b>Wakaf Khas</b>	Hartanah : Direkod pada nilai token (RM10), dan kredit kepada hasil, seterusnya ditutup ke KWW yang dianggap liabiliti	Hartanah: Tidak diakaunkan	Wang amanah: Liabiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakaf Tunai: Ekuiti</li> <li>• Hartanah: tidak diakaunkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakaf tunai: hasil</li> <li>• Hartanah: tidak diakaunkan</li> </ul>
<b>Wakaf Am</b>	Hartanah : Direkod pada nilai token (RM10), dan kredit kepada hasil, seterusnya ditutup ke KWW yang dianggap liabiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hartanah: tidak diakaunkan</li> <li>• Wakaf Tunai: Liabiliti</li> <li>• Wakaf Dialisis: Liabiliti</li> </ul>	Wang amanah: Liabiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakaf Tunai: Ekuiti</li> <li>• Hartanah: tidak diakaunkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakaf tunai: hasil</li> <li>• Hartanah: tidak diakaunkan</li> </ul>
<b>Tabung Amanah orang awam</b>	Liabiliti	TB	TB	TB	TB
<b>Sumbangan dan pemberian</b>	TB	TB	Hasil	TB	Hasil

TB tidak berkaitan

Berbeza daripada MAIN lain, TBS mengakaunkan wakaf tunai bagi kedua-dua wakaf khas dan wakaf am sebagai hasil di dalam Penyata Pendapatan dan kemudiannya di bawa ke KW Wakaf sebagai ekuiti di dalam Lembaran Imbangan. Bagi MAIPk pula, wakaf tunai untuk Wakaf Khas atau Wakaf Am direkodkan terus sebagai ekuiti. Namun, MAIK, MAIPs dan MAINPP merekod wakaf tunai dan lain harta bagi kedua-dua wakaf khas dan wakaf am sebagai liabiliti.

Selain daripada terimaan wakaf, MAINPP juga merekod sumbangan dan pemberian yang bukannya harta wakaf sebagai hasil, yang kemudian dimasukkan sebagai sebahagian Kumpulan Wang Wakaf.

#### 5.4.2 Terimaan Zakat: Pengukuran dan Pengiktirafan

Zakat yang diuruskan oleh MAIN terdiri daripada zakat harta dan zakat fitrah. Zakat harta pula terdiri daripada zakat perniagaan, pendapatan, tanaman, wang simpanan, saham, emas dan galian.

Jadual 5.8 menunjukkan pengiktirafan hasil berkaitan dengan KW Zakat. Semua MAIN merekod terimaan zakat sebagai hasil dan agihan kepada asnaf sebagai belanja di dalam Penyata Pendapatan, dengan menggunakan asas tunai. Lebihannya dibawa ke Kumpulan Wang Zakat yang merupakan ekuiti di Lembaran Imbangan. Selain daripada itu, fidyah, kaffarah dan derma yang dikhususkan kepada asnaf juga dianggap hasil KW Zakat oleh beberapa MAIN seperti LZNK, MAIPk dan TBS. Namun, MAIPs dan MAINPP mengiktiraf fidyah dan kaffarah sebagai liabiliti.

**Jadual 5.8 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran: Kumpulan Wang Zakat**

JENIS TERIMAAN	KUMPULAN WANG ZAKAT				
	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
Zakat harta	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil
Zakat Fitrah	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil
Fidyah	Hasil	Liabiliti (pemiutang) – bukan KW Zakat)	Liabiliti (pemiutang) – bukan KW Zakat)	Hasil	Hasil
Kaffarah	x	x	Liabiliti (pemiutang) - bukan KW Zakat)	x	Hasil
Derma	Hasil	x	x	x	x

X tiada



### 5.4.3 Terimaan selain Zakat dan Wakaf: Pengukuran dan Pengiktirafan

Terimaan selain zakat dan wakaf termasuklah derma, sumbangan, harta pusaka, fidyah, kaffarah, wang tak patuh syariah, wang luqatah, ta'alik talak, wang khulu', bantuan kerajaan, terimaan zakat negeri (bagi MAIK) dan sumbangan wajib (bagi TBS). Semua MAIN menggunakan asas tunai di dalam mengakaunkan sumbangan ini. Kumpulan Wang Baitulmal lazimnya diwujudkan bagi mengakaunkan pendapatan dan perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan zakat dan wakaf. Setiap MAIN yang dikaji mempunyai Kumpulan Wang Baitulmal (KW Majlis bagi MAIK, KW Sumber Am bagi MAIPs dan MAIPk, dan KWPP bagi LZNK), namun tidak semua jenis terimaan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang ini. Jadual 5.9 menunjukkan bagaimana terimaan dari urus niaga bukan pertukaran selain zakat dan wakaf diiktiraf di dalam penyata kewangan.

**Jadual 5.9 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran selain Wakaf dan Zakat**

JENIS TERIMAAN	KUMPULAN WANG BAITULMAL (KWPP BAGI LZNK)					
	LZNK (KWPP)	MAIK (KW Majlis)	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
Zakat	Hasil	x	x	x	x	x
Derma/ Infaq/ sumbangan	x	Liabiliti semasa (Pertaruhan Am) dan hasil	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil
Harta Pusaka/ faraid	x	Hasil	Hasil	Hasil	Hasil	x
Ta'alik Talak	x	x	x	x	Hasil	Hasil
Wang Khulu'	x	Liabiliti semasa (Pertaruhan Am)	x	x	Hasil	x
Fidyah dan Kaffarah	x	Liabiliti semasa (Pertaruhan Am)	x	Liabiliti semasa (Akaun Amanah)	Hasil	x
Wang dan harta tak patuh syariah	x	Liabiliti semasa (Pertaruhan Am)	Hasil	x	Hasil	x
Luqatah Tunai	x	Liabiliti semasa (Pertaruhan Am)	x	Liabiliti semasa (Akaun Amanah)	Hasil	x
Bantuan kerajaan	x	Hasil	x	x	Hasil	x

Terimaan zakat negeri	x	Hasil	x	x	x	x
Sumbangan wajib	x	x	x	x	x	Hasil

x tiada

Bagi LZNK, ia telah mewujudkan KW Pentadbiran dan Pengurusan (KWPP), di mana menurut Enakmen LZKDA, satu perlawanan daripada jumlah zakat yang dikutip merupakan hasil di dalam Penyata Pendapatan KWPP yang kemudiannya dibawa ke Lembaran Imbangan sebagai ekuiti. Layanan bagi MAIN yang lain adalah berbeza-beza. MAIPs, MAIPk dan TBS merekod urusniaga tersebut sebagai hasil KW Baitulmal dan kemudian ditutup sebagai ekuiti di dalam Lembaran Imbangan. Bagi MAIK pula, terimaan tersebut diiktiraf sebagai liabiliti semasa di bawah akaun pertaruhan am, kecuali bantuan kerajaan negeri dan terimaan zakat negeri. Di MAINPP pula, sumbangan dan harta pusaka misalnya diaggap hasil bagi baitulmal, tetapi fidyah, kaffarah dan luqatah tunai diiktiraf sebagai liabiliti.

#### 5.4.4 Pendedahan di dalam Penyata Kewangan

Pendedahan maklumat di dalam penyata kewangan MAIN dapat diringkaskan seperti mana yang di dalam Jadual 5.10. Pendedahan mengenai dasar perakaunan adalah tidak seragam – MAIK dan MAINPP tidak menyatakan dasar, tetapi yang lain-lain menyatakannya. Pendedahan item-item (lokasi dan perincian) juga adalah tidak seragam. MAIK misalnya melaporkan item-item utama di dalam muka PP Disatukan tanpa memperincikannya di dalam Nota. Contohnya item “Sumbangan” yang terdiri daripada harta pusaka dan wakaf hanya diketahui melalui temubual dengan akauntannya. Bagi LZNK pula, perincian mengenai jenis-jenis zakat harta didedahkan di dalam Nota.

Pendedahan oleh MAIPs adalah agak terperinci jika dibandingkan dengan MAIN yang lain. Ia melaporkan item-item hasil urus niaga bukan kewangan di dalam empat Penyata Pendapatan (Disatukan dan mengikut Kumpulan Wang) yang dipersembahkan di bahagian muka penyata. Di bahagian nota pula, perincian hasil zakat dan pelbagai pendapatan didedahkan mengikut Kumpulan Wang. Bagi MAINPP pula, pendedahan pendapatan di dalam muka PP Disatukan adalah sangat umum. Namun, notanya agak komprehensif di mana lima Penyata Pendapatan mengikut Kumpulan Wang telah disediakan. Sementara itu, MAIPk mendedahkan hasil zakat

mengikut jenis di dalam Penyata Pendapatan Zakat dan Pendapatan dan Pendapatan Lain secara umum di dalam PP Sumber Am Baitulmal. Di bahagian nota pula, MAIPk memperincikan pula Pendapatan dan Pendapatan Lain tersebut. Bagi TBS pula, hasil daripada zakat, wakaf dan baitulmal di dedahkan secara umum di dalam PP Disatukan. Perincian daripada item-item tersebut kemudian didedahkan di dalam Nota.

**Jadual 5.10 Pendedahan Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran**

MAIN	Dasar	Muka Penyata Pendapatan (PP)	Nota
MAIK	Tiada	<b>Item di dalam PP Disatukan:</b> Bantuan kerajaan negeri Pelbagai Sumbangan Pemberian LZNK	Tiada maklumat terperinci tentang 4 item di atas.
LZNK	Ada	<b>Penyata Pendapatan KW Zakat</b> • Zakat • Fidyah  <b>PP KW Pentadbiran dan pengurusan</b> • Zakat • Pelbagai hasil – lain-lain hasil yang tidak dikenalpasti	Perincian Jenis-jenis zakat
MAIPs	Ada	• <b>PP Disatukan</b> • <b>PP KW Zakat dan Fitrah</b> • <b>PP Sumber Am</b> • <b>PP Wakaf</b>  Jenis-jenis zakat (PP Disatukan dan PP KW Zakat) Harta Pesaka (PP Sumber Am) Pelbagai Pendapatan (semua KW)	<b>Nota:</b> Perincian zakat harta mengikut jenis, Pelbagai pendapatan di dalam setiap PP KW diperincikan
MAINPP	Tiada	<b>PP Disatukan:</b> • Pendapatan • Lain-lain pendapatan	<b>Pendapatan:</b> Zakat fitrah, Zakat harta & Pelbagai terimaan  <b>PP komprehensif</b> bagi: (a) keseluruhan kumpulan, (b) KW baitulmal, (c) kumpulan wang zakat, (d) KW wakaf, (e) KW Amanah
MAIPk	Ada	<b>PP Zakat:</b> • Zakat mengikut jenis  <b>PP Sumber Am Baitulmal:</b> • Pendapatan • Pendapatan Lain	<b>Pendapatan:</b> Baitulmal Am dan Hasil Faraid  <b>Pendapatan Lain:</b> Pelbagai pendapatan Pendapatan Tertunda (sumbangan kerajaan berkaitan asset tetap, yang dilunaskan secara garis lurus *Baitul mal adalah termasuk zakat, wakaf, sumber am dan amanah.

			Wakaf dan amanah tidak dikira sebagai pendapatan di dalam penyata pendapatan.
TBS	Ada	<b>PP disatukan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zakat fitrah, Zakat harta, Fidyah, Kaffarah/ nazar</li> <li>• Sumbangan wajib – (Staf dan majikan yang berdaftar dengan TBS)</li> <li>• Derma – (sedekah dan lain2)</li> <li>• Lain-lain hasil</li> <li>• Wakaf</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perincian zakat harta</li> <li>• Lain-lain hasil <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Ta'liq talak</li> <li>○ Pelbagai hasil</li> </ul> </li> <li>• Wakaf – wakaf am dan wakaf khas</li> </ul>

## 5.5 Instrumen Kewangan (MPSAS 28, 29 dan 30)

Instrumen kewangan merujuk kepada sebarang kontrak yang menimbulkan satu aset kewangan bagi satu entiti dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu entiti lain. Secara umumnya, terdapat dua kategori instrumen kewangan, iaitu instrumen kewangan utama (*primary*) seperti tunai, penghutang, pemiutang dan pelaburan jangka pendek, dan instrumen kewangan derivatif atau sekunder seperti opsiyen dan kontrak hadapan (*forward contract*) yang nilainya adalah berdasarkan (*derived*) kepada perubahan nilai aset pendasar (*underlying asset*) seperti harga saham atau harga komoditi. Terdapat dua kegunaan utama instrumen derivatif, iaitu untuk penjanaan untung jangka pendek yang bersifat spekulatif atau bagi tujuan lindung nilai (*hedging*). *MPSAS 29 Financial Instruments: Presentation* menghendaki pihak yang menerbitkan instrumen kewangan untuk mengelaskan instrumen berkenaan, atau sebahagian komponennya, pada titik pengiktirafan sebagai liabiliti kewangan, aset kewangan, atau instrumen ekuiti selaras dengan kandungan utama perjanjian kontrak dan definisi liabiliti kewangan, aset kewangan, atau instrumen ekuiti.

### 5.5.1 Pengiktirafan dan Pengukuran Instrumen Kewangan

Berdasarkan semakan ke atas laporan kewangan MAIN di Zon 2, kesemua jenis instrumen kewangan yang diiktiraf di dalam lembaranimbangan mereka adalah instrumen kewangan utama (*primary*) dan tiada instrumen kewangan derivatif yang dilibatkan atau diiktiraf. Instrumen-instrumen kewangan ini ada yang berbentuk semasa seperti penghutang dan bukan

semasa seperti pelaburan saham. Jenis-jenis instrumen kewangan utama yang terdapat di MAIN Zon 2 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 5.11 yang terdiri daripada aset kewangan seperti tunai, penghutang, dan pelaburan jangka pendek, dan liabiliti kewangan seperti pemiutang dan pinjaman jangka pendek. Instrumen kewangan yang wujud atau diiktiraf di hampir kesemua MAIN di Zon 2 ini adalah seperti tunai, penghutang, pelbagai penghutang, pelaburan jangka pendek/am, pelaburan saham, pemiutang, dan pelbagai pemiutang.

Terdapat beberapa instrumen kewangan yang unik kepada MAIN tertentu seperti pinjaman jangka pendek dan pinjaman daripada syarikat subsidiari yang dilibatkan oleh MAIPk dan wang amanah (yang dikelaskan sebagai liabiliti) yang wujud di MAINPP. Seperti yang dinyatakan di dalam nota kepada penyata kewangan MAINPP 2016, wang amanah ini ialah segala bentuk wang yang diwujudkan di bawah Bahagian VI, Subsyeksyen 89 (C) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 seperti akaun amanah Tawaqquf (lebih zakat yang belum diagihkan), akaun amanah Luqatah, dan akaun amanah Fidyah dan Kaffarah.

**Jadual 5.11 Jenis-jenis Instrumen Kewangan**

Item	Kedah		Perlis	Pulau Pinang	Perak	Sarawak
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
Tunai	√	√	√	√	√	√
Penghutang	-	-	√	√	√	√
Pelbagai penghutang	√	√	√	√	√	-
Pinjaman kakitangan	√	√	-	-	-	-
Pelaburan am/jangka pendek	√	√	√	√	√	√
Pelaburan Saham	√	-	-	√	√	√
Pemiutang	-	-	√	√	√	√
Pelbagai Pemiutang	√	√	-	√	√	-
Pinjaman J/Pendek	-	-	-	-	√	-

Pinjaman daripada syarikat subsidiari	-	-	-	-	√	-
Wang amanah	-	-	-	√	-	-

Amalan semasa berhubung kaedah pengiktirafan bagi beberapa instrumen kewangan yang utama iaitu item yang diiktiraf atau wujud hampir di semua MAIN Zon 2 adalah seperti di dalam Jadual 5.12. Bagi pelaburan saham secara umumnya titik pengiktirafan adalah pada tarikh kontrak atau transaksi pelaburan berkenaan berlaku. Secara khususnya bagi MAIPs, instrumen kewangan ini akan diiktiraf apabila wang pelaburan dipindahkan kepada institusi atau pihak yang dilabur. Titik pengiktirafan yang sama diguna pakai bagi mengiktiraf penghutang/pelbagai penghutang dan pemiutang/pelbagai pemiutang.

**Jadual 5.12 Pengiktirafan Instrumen Kewangan**

Pengiktirafan	Kedah		Perlis	Pulau Pinang	Perak	Sarawak
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
1. Pelaburan saham	Apabila kontrak/transaksi berlaku	-	Apabila wang pelaburan dipindahkan kepada pihak yang dilabur	Apabila berlaku kontrak/transaksi	Apabila kontrak/transaksi berlaku	Apabila kontrak/transaksi berlaku
2. Penghutang/pelbagai penghutang	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku
3. Pemiutang/pelbagai pemiutang	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku	Apabila transaksi berlaku

Amalan semasa mengenai kaedah pengukuran awal instrumen kewangan pula adalah seperti di Jadual 5.13. Bagi pelaburan saham, semua MAIN Zon 2 terlibat kecuali LZNK (kerana tiada pelaburan saham), menggunakan nilai kos bagi tujuan pengukuran awal instrumen kewangan ini. Sementara itu, kaedah pengukuran yang diguna pakai oleh kesemua institusi WZB Zon 2 untuk pengukuran awal penghutang ialah nilai dijangka boleh direalisasikan. Bagi instrumen kewangan seterusnya, iaitu pemiutang, MAIK, LZNK dan MAIPk menggunakan kos yang merujuk kepada nilai saksama yang akan dibayar pada masa hadapan, MAIPs menggunakan kos yang merujuk kepada nilai dipertimbangkan yang akan dibayar pada masa hadapan,

manakala MAINPP menggunakan nilai kos yang merujuk kepada nilai setara yang akan dibayar pada masa hadapan. Semakan ke atas penyata kewangan TBS mendapati tiada dasar pengukuran dinyatakan bagi pengukuran awal pemiutang. Namun maklumbalas secara langsung daripada akauntan TBS menyatakan bahawa ia mengguna pakai nilai kos yang merujuk kepada nilai setara yang akan dibayar pada masa hadapan.

**Jadual 5.13 Pengukuran Awal (*Initial Measurement*) Instrumen Kewangan**

Pengukuran Awal	Kedah		Perlis	Pulau Pinang	Perak	Sarawak
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
1. Pelaburan Saham	Kos	-	Kos	Kos	Kos	Kos
2. Penghutang	Nilai dijangka boleh direalisasikan	Nilai dijangka boleh direalisasikan	Nilai dijangka boleh direalisasikan	Nilai dijangka boleh direalisasikan	Nilai dijangka boleh direalisasikan	Nilai dijangka boleh direalisasikan
3. Pemiutang	Kos (nilai saksama yang akan dibayar pada masa hadapan)	Kos (nilai saksama yang akan dibayar pada masa hadapan)	Kos (nilai dipertimbangkan yang akan dibayar pada masa hadapan)	Kos (nilai setara yang akan dibayar pada masa hadapan)	Kos (nilai saksama yang akan dibayar pada masa hadapan)	Tidak dinyatakan  <i>*Kos (nilai setara yang akan dibayar pada masa hadapan)</i>

Amalan semasa berkenaan kaedah pengukuran seterusnya (*subsequent measurement*) adalah seperti di Jadual 5.14. Bagi pelaburan saham, terdapat perbezaan dalam amalan semasa pengukuran seterusnya instrumen kewangan di antara MAIN di Zon 2. MAIK mengkategorikan pelaburan sahamnya kepada dua kategori iaitu pelaburan saham tersiar harga dan lain-lain pelaburan. Bagi pelaburan saham tersiar harga, kaedah pengukuran yang diguna pakai ialah yang terendah antara kos atau nilai pasaran yang dilaraskan dengan peruntukan rosot nilai. Manakala bagi lain-lain pelaburan kaedah pengukuran seterusnya yang digunakan oleh MAIK ialah kos yang dilaraskan dengan peruntukan rosot nilai. Seperti MAIK, MAINPP turut mengelaskan pelaburan sahamnya kepada dua kategori iaitu pelaburan saham tersiar harga dan yang tidak tersiar harga. Bagi pelaburan saham yang tersiar harga MAINPP menggunakan nilai pasaran setelah dilaraskan dengan rosot nilai atau pengurangan tetap dalam nilai atau penilaian oleh para pengarah. Manakala bagi pelaburan saham yang tidak tersiar harga MAINPP menggunakan nilai kos yang dilaraskan dengan rosot nilai.

Kaedah pengukuran seterusnya yang diguna pakai oleh MAIPk pula ialah nilai kos yang dilaraskan dengan susut nilai yang bersifat kekal. Berbeza dengan MAIPS, MAIPk yang turut mengguna pakai nilai kos untuk pengukuran seterusnya bagi pelaburan sahamnya tidak membuat peruntukan rosot nilai. Unikny, MAIPk memdedahkan nilai pasaran pelaburan sahamnya yang tersiar harga di dalam nota kepada penyata kewangannya. Seperti MAIPk, TBS menggunakan nilai kos bagi kaedah pengukuran seterusnya bagi pelaburan sahamnya dan tiada peruntukan rosot nilai dinyatakan. Namun, berdasarkan maklumbalas langsung yang diterima daripada TBS, terdapat peruntukan rosot nilai dan keuntungan atau kerugian dalam kesetaraan nilai pelaburan.

Bagi penghutang pula, semua MAIN kecuali MAINPP dan TBS menggunakan kaedah pengukuran yang sama bagi pengukuran seterusnya penghutang iaitu nilai dijangka boleh direalisasikan yang dilaraskan dengan hutang ragu dan hutang lapuk. Namun begitu untuk MAIK, berdasarkan fatwa negeri yang berkenaan, penghutang yang berkaitan dengan aset wakaf khusus tidak boleh dihapuskan sebagai hutang lapuk. Berbeza dengan MAIN yang lain, MAINPP walaupun mengguna pakai nilai dijangka boleh direalisasikan tetapi tidak menyatakan sama ada dilaraskan dengan hutang ragu dan hutang lapuk. TBS pula tidak memdedahkan polisi pengukuran yang diguna pakai, namun menyatakan membuat peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk di dalam nota kepada penyata kewangannya.

**Jadual 5.14 Pengukuran Seterusnya (*Subsequent Measurement*) Instrumen Kewangan**

Pengukuran Awal	Kedah		Perlis	Pulau Pinang	Perak	Sarawak
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
1. Pelaburan Saham	Tersiar harga: Terendah antara kos@nilai pasaran – Peruntukan rosot nilai  Lain-lain Pelaburan = Kos –	-	Kos – susut nilai bersifat kekal	Tersiar harga: Nilai pasaran (setelah dilaraskan dengan Rosot nilai/ pengurangan tetap dlm nilai/penilai	Kos & tiada peruntukan rosot nilai  (Nilai pasaran didedahkan dlm nota bagi saham tersiar harga)	Kos & tidak dinyatakan peruntukan rosot nilai  * Ada peruntukkan rosot nilai dan keuntungan / kerugian dalam



	Peruntukan rosot nilai			an oleh para pengarah)  Tak tersiar harga: Kos – Rosot nilai		<i>kesetaraan nilai pelaburan</i>
2. Penghutang	Nilai dijangka boleh direalisasikan – hutang ragu –*hutang lapuk  *kecuali penghutang berkaitan dengan aset wakaf khusus (hutang lapuk tidak boleh dilupuskan)	Nilai dijangka boleh direalisasikan – hutang ragu – hutang lapuk	Nilai dijangka boleh direalisasikan – hutang ragu – hutang lapuk	Nilai dijangka boleh direalisasikan	Nilai dijangka boleh direalisasikan – hutang ragu – hutang lapuk	Tidak mendedahkan polisi pengukuran namun menyatakan membuat peruntukan hutang ragu & lapuk
3. Pemiutang	Kos (iaitu nilai saksama/ dipertimbangkan/ setara yang akan dibayar pada masa hadapan)	Kos (iaitu nilai saksama/ dipertimbangkan/ setara yang akan dibayar pada masa hadapan)	Kos (iaitu nilai saksama/ dipertimbangkan/ setara yang akan dibayar pada masa hadapan)	Kos (iaitu nilai saksama/ dipertimbangkan/ setara yang akan dibayar pada masa hadapan)	Kos (iaitu nilai saksama/ dipertimbangkan/ setara yang akan dibayar pada masa hadapan)	Tidak dinyatakan polisi yang digunakan

Sementara itu, bagi pemiutang, semua MAIN kecuali TBS, mengguna pakai nilai kos iaitu merujuk kepada nilai saksama atau nilai dipertimbangkan atau nilai setara yang akan dibayar pada masa hadapan. Manakala TBS tidak menyatakan polisi atau dasar yang diguna pakai di dalam penyata kewangannya.

Jadual 5.15 hingga Jadual 5.17 menunjukkan instrumen-instrumen kewangan mengikut kumpulan wang wakaf, zakat dan baitulmal di MAIN Zon 2. Seperti yang ditunjukkan di Jadual 5.15, hanya MAIPs yang menyatakan secara terperinci aset dan liabiliti kewangan yang terdapat di bawah kumpulan wang wakaf mereka. Contoh instrumen kewangan yang terdapat

di bawah kumpulan wang wakaf MAIPs ialah penghutang, pemiutang, dan pelaburan am. Manakala MAIK, MAINPP dan MAIPk tidak menyatakan/mengelaskan instrumen kewangan yang terdapat di bawah kumpulan wang wakaf mereka kecuali wang amanah (MAINPP). Hanya dua instrumen kewangan TBS, iaitu pelaburan am/jangka pendek dan pelaburan saham TBS yang dapat dikenalpasti terdapat di bawah kumpulan wang wakaf.

**Jadual 5.15 Instrumen Kewangan – Kumpulan Wang Wakaf**

Item	Kumpulan Wang Wakaf						
	MAIK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS		
Tunai	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	√	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang		
Penghutang	-	√					
Pelbagai penghutang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	√				Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang
Pinjaman kakitangan		-	-	-			
Pelaburan am/jangka pendek		√	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	√		
Pelaburan Saham		-			√		
Pemiutang	-	√	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang		
Pelbagai Pemiutang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	-			-		
Pinjaman J/Pendek	-	-			-		
Pinjaman drpd sya. subsidiari	-	-	-	-	-		
Wang amanah	-	-	√	-	-		

Sementara itu, seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 5.16, hanya LZNK dan MAIPs yang menyatakan secara terperinci aset dan liabiliti kewangan yang terdapat di bawah kumpulan wang zakat mereka. Contoh instrumen kewangan yang terdapat di bawah kumpulan wang zakat LZNK dan MAIPs ialah pelbagai penghutang, pelbagai pemiutang, dan pelaburan am/jangka

pendek. Seperti kumpulan wang wakaf, MAINPP dan MAIPk tidak menyatakan/mengelaskan instrumen kewangan yang terdapat di bawah kumpulan wang zakat mereka. Bagi kumpulan wang zakat TBS pula, sama seperti kumpulan wang wakaf, hanya dua instrumen kewangan iaitu pelaburan am/jangka pendek dan pelaburan saham TBS yang dapat dikenalpasti terdapat di bawah kumpulan wang zakat.

**Jadual 5.16 Instrumen Kewangan – Kumpulan Wang Zakat**

Item	Kumpulan Wang Zakat				
	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
Tunai	√	√	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang
Penghutang	-	√			
Pelbagai penghutang	√	√			
Pinjaman kakitangan	√	-	-	-	-
Pelaburan am/jangka pendek	√	√	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	√
Pelaburan Saham	-	√			√
Pemiutang	-	-			Tidak dinyatakan Kumpulan Wang
Pelbagai Pemiutang	√	√			-
Pinjaman J/Pendek	-	-	-	-	-
Pinjaman daripada syarikat subsidiari	-	-	-	-	-
Wang amanah	-	-	√	-	-

Secara umumnya amalan semasa pengiktirafan instrumen kewangan bagi kumpulan wang wang baitulmal atau sumber am atau majlis adalah sama seperti kumpulan wang wakaf. Jadual 5.17 menunjukkan hanya MAIPs yang menyatakan secara terperinci aset dan liabiliti kewangan

yang terdapat di bawah kumpulan wang zakat mereka. Contoh instrumen kewangan yang terdapat di bawah kumpulan wang wakaf MAIPs ialah penghutang, pemiutang, dan pelaburan am. Manakala MAIK, MAINPP dan MAIPk tidak menyatakan/mengelaskan instrumen kewangan yang terdapat di bawah kumpulan wang wakaf mereka kecuali wang amanah (MAINPP). Hanya dua instrumen kewangan TBS iaitu pelaburan am/jangka pendek dan pelaburan saham TBS yang dapat dikenalpasti terdapat di bawah kumpulan wang wakaf.

**Jadual 5.17 Instrumen Kewangan – Kumpulan Wang Baitulmal/ Sumber Am/ Majlis**

Item/ Institusi	Kumpulan Wang Baitulmal/ Sumber Am/ Majlis				
	MAIK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
Tunai	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	√	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang
Penghutang	-	√			
Pelbagai penghutang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	√			
Pinjaman kakitangan		-	-	-	
Pelaburan am/jangka pendek		√	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	√
Pelaburan Saham		√			√
Pemiutang		-		√	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang
Pelbagai Pemiutang	Tidak dinyatakan Kumpulan Wang	√	-		
Pinjaman J/Pendek	-	-	-	-	
Pinjaman drpd sya. subsidiari	-	-	-	-	-
Wang amanah	-	-	√	-	-

### 5.5.2 Pendedahan Instrumen Kewangan

Menurut perenggan 9, MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan, sesebuah organisasi perlu mendedahkan maklumat berkaitan instrumen kewangan kepada jenis-jenis tertentu yang bersesuaian dengan sifat maklumat yang ingin didedahkan dan mengambilkira ciri-ciri instrumen kewangan tersebut. Manakala perenggan 11 hingga perenggan 23 MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan pula menerangkan item-item instrumen kewangan yang perlu didedahkan di Lembaran Imbangan atau di dalam Nota kepada Akaun. Sebagai contoh antara item yang didedahkan ialah nilai bawaan bagi setiap jenis instrumen kewangan dan kaedah yang digunakan untuk mengukur instrumen kewangan.

Selain itu, perenggan 25 hingga perenggan 37 MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan pula menyatakan lain-lain pendedahan yang perlu ditunjukkan seperti polisi perakaunan, '*hedge accounting*' dan nilai pasaran instrumen kewangan terbabit. Pendedahan instrumen kewangan di dalam penyata kewangan dapat diringkaskan di dalam Jadual 5.18.

Secara keseluruhannya pendedahan dasar perakaunan berhubung pengukuran instrumen kewangan adalah tidak seragam antara MAIN. Sebagai contoh, bagi item penghutang, TBS tidak mendedahkan polisi pengukuran namun menyatakan membuat peruntukan hutang ragu dan lapuk. Bagi pendedahan berhubung jenis instrumen pula, kebanyakan MAIN didapati mempunyai empat jenis instrumen kewangan yang utama iaitu tunai, penghutang, pelaburan dan pemiutang.

Antara isu yang ingin diketengahkan daripada dapatan amalan semasa berkaitan pendedahan instrumen kewangan ini adalah pendedahan mengikut kumpulan wang. Hanya MAIK dan MAIPs yang mendedahkan item-item ini mengikut kumpulan wang. Bagi TBS pula, hanya item pelaburan am dan pelaburan saham sahaja didedahkan mengikut kumpulan wang. Adalah disarankan agar pihak MAIN dapat mendedahkan item-item ini mengikut kumpulan wang pada masa hadapan agar para pengguna laporan kewangan mendapat maklumat yang lebih jelas dan menyeluruh. Maklumat ini bolehlah didedahkan di dalam Nota kepada Akaun.

**Jadual 5.18 Pendedahan Instrumen Kewangan**

	Dasar Perakaunan	Item di muka Lembaran Imbangan	Item dalam Nota kepada Akaun
	Pengukuran		
MAIK	Ada	<b>Jenis Instrumen:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunai</li> <li>• Pelbagai Penghutang</li> <li>• Pelaburan jangka pendek / am</li> <li>• Pinjaman kakitangan</li> <li>• Pelaburan saham</li> <li>• Pelbagai Pemiutang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majoriti MAIN tidak mendedahkan item instrumen kewangan mengikut kumpulan wang</li> <li>• Item instrumen kewangan didedahkan secara terperinci seperti nilai pasaran, peruntukan rosotnilai, institusi yang dilaburkan dan peruntukan hutang ragu.</li> </ul>
LZNK	Ada	<b>Jenis Instrumen:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunai</li> <li>• Pelbagai penghutang</li> <li>• Pinjaman kakitangan</li> <li>• Pelaburan jangka pendek / am</li> <li>• Pelbagai pemiutang</li> </ul>	Item instrumen kewangan didedahkan secara terperinci, seperti nilai penghutang boleh direalisasikan, peruntukan hutang ragu dan nilai saksama.
MAIPs	Ada	<b>Jenis Instrumen:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunai</li> <li>• Penghutang</li> <li>• Pelbagai penghutang</li> <li>• Pelaburan jangka pendek / am,</li> <li>• Pelaburan saham</li> <li>• Pemiutang</li> <li>• Pelbagai pemiutang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Item instrumen kewangan didedahkan mengikut kumpulan wang.</li> <li>• Item instrumen kewangan didedahkan secara terperinci seperti nilai pasaran/saksama, institusi yang dilaburkan dan peruntukan hutang ragu.</li> </ul>
MAINPP	Ada	<b>Jenis Instrumen:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunai</li> <li>• Penghutang</li> <li>• Pelbagai penghutang</li> <li>• Pelaburan jangka pendek / am,</li> <li>• Pelaburan saham</li> <li>• Pemiutang</li> <li>• Pelbagai pemiutang</li> <li>• Wang Amanah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak didedahkan item instrumen kewangan mengikut kumpulan wang.</li> <li>• Didedahkan item instrumen kewangan secara terperinci seperti nilai pasaran, peruntukan rosotnilai, dan institusi yang dilaburkan.</li> </ul>
MAIPk	Ada	<b>Jenis Instrumen:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunai</li> <li>• Penghutang</li> <li>• Pelbagai penghutang</li> <li>• Pelaburan jangka pendek / am,</li> <li>• Pelaburan saham</li> <li>• Pemiutang</li> <li>• Pelbagai pemiutang</li> <li>• Pinjaman jangka pendek dan jangka panjang</li> <li>• Pinjaman daripada syarikat subsidiari</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak didedahkan item instrumen kewangan mengikut kumpulan wang.</li> <li>• Didedahkan item instrumen kewangan secara terperinci seperti nilai pasaran/saksama, institusi yang dilaburkan dan peruntukan hutang ragu.</li> </ul>

TBS	Ada sesetengah item instrumen kewangan yang tidak didedahkan dasar perakaunan berkaitan pengukuran	<b>Jenis Instrumen:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunai</li> <li>• Penghutang</li> <li>• Pelaburan jangka pendek / am,</li> <li>• Pelaburan saham</li> <li>• Pemiutang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya pelaburan am dan pelaburan saham telah didedahkan mengikut kumpulan wang.</li> <li>• Didedahkan item instrumen kewangan secara terperinci seperti nilai pasaran/saksama dan institusi yang dilaburkan.</li> </ul>
-----	--	--	--

## 5.6 Manfaat Pekerja (MPSAS 25)

Berdasarkan perenggan 5 MPSAS 25 Manfaat Pekerja, manfaat pekerja boleh dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu:

- (1) Manfaat Jangka Pendek – Contohnya upah, gaji, elaun, bonus, sumbangan keselamatan sosial, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit berbayar serta manfaat bukan kewangan seperti perlindungan kesihatan, perumahan, kereta atau bantuan subsidi bagi barangan dan perkhidmatan kepada pekerja yang sedang berkhidmat.
- (2) Manfaat Selepas Perkhidmatan – Contohnya pencen, manfaat lain persaraan, insurans nyawa selepas perkhidmatan dan juga perlindungan kesihatan selepas perkhidmatan.
- (3) Lain-lain Manfaat Pekerja Jangka Panjang – Contohnya cuti sabatikal dan manfaat hilang keupayaan jangka panjang.
- (4) Manfaat Pemberhentian

Hasil pemerhatian terhadap penyata-penyata kewangan MAIN, penyelidik mendapati manfaat pekerja dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu:

- (1) Manfaat Jangka Pendek – Contohnya upah, gaji, elaun, bonus, sumbangan keselamatan sosial, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit berbayar
- (2) Pelan Caruman Tetap/Wajib – Contohnya caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), dan
- (3) Manfaat Selepas Perkhidmatan.

Kajian ini juga mendapati, kesemua MAIN tidak membuat peruntukan kepada manfaat pekerja bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Namun hasil temu bual mendapati, mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, kesemua MAIN telah membuat peruntukan yang bersesuaian kepada manfaat pekerja jangka panjang.

### 5.6.1 Pengiktirafan dan Pengukuran

Jadual 5.19 menunjukkan ringkasan kaedah pengiktirafan dan pengukuran bagi manfaat pekerja untuk setiap MAIN. Kesemua MAIN telah mengiktiraf manfaat jangka pendek dan pelan caruman wajib sebagai belanja di dalam Penyata Pendapatan pada tempoh di mana ianya berlaku. Manakala, bagi pengukuran pula, kesemua MAIN mengukur belanja menggunakan nilai yang dibayar.

**Jadual 5.19 Pengiktirafan dan Pengukuran Manfaat Pekerja MAIN**

PENGIKTIRAFAN	KEDAH		PERLIS	PULAU PINANG	PERAK	SARAWAK
	MAIK	LZNK	MAIPs	MAINPP	MAIPk	TBS
Manfaat Jangka Pendek. Contoh: - Emolumen; gaji, bonus dan elaun; cuti sakit dan rehat tahunan berbayar dan PERKESO	Belanja	Belanja	Belanja	Belanja	Belanja	Belanja
Pelan Caruman Tetap/Wajib. Contoh: KWSP; dan KWAP	Belanja	Belanja	Belanja	Belanja	Belanja	Belanja
<b>PENGUKURAN</b>	Nilai yang dibayar	Nilai yang dibayar	Nilai yang dibayar	Nilai yang dibayar	Nilai yang dibayar	Nilai yang dibayar

Seterusnya, Jadual 5.20 memperincikan item-item belanja manfaat pekerja yang terdapat di setiap Kumpulan Wang setiap MAIN serta bagaimana item-item tersebut diiktiraf. Bagi LZNK, dua Kumpulan Wang ditubuhkan masing-masing di bawah Seksyen 30 dan 31, Enakmen LZKDA 2015, iaitu Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan.

Kajian menunjukkan kesemua MAIN mengiktiraf belanja mengikut kumpulan wang. Majoriti MAIN menggunakan KW Zakat (bahagian amil) untuk membayar manfaat pekerja seperti upah, bonus, elaun, gaji cuti sakit dan rehat berbayar, caruman kepada PERKESO, KWSP dan KWAP. Namun bagi Negeri Perak dan Pulau Pinang, ada sebahagian belanja manfaat pekerja telah menggunakan KW Zakat dan KW Baitulmal. Sebagai contoh, di Negeri Perak, kakitangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) yang bertugas selain di



Bahagian Zakat akan dibayar manfaat pekerjaanya menggunakan KW Baitulmal. Ini kerana, pekerja-pekerja ini tidak terlibat secara langsung di dalam pentadbiran dan pengurusan zakat negeri.

**Jadual 5.20 Pengiktirafan Manfaat Pekerja mengikut MAIN dan Kumpulan Wang**

Jenis Manfaat	LZNK		MAIK		MAIPs			MAINPP			MAIPk			TBS		
	KUMPULAN WANG (KW)		KUMPULAN WANG (KW)		KUMPULAN WANG (KW)			KUMPULAN WANG (KW)			KUMPULAN WANG (KW)			KUMPULAN WANG (KW)		
	Z	PP	W	B	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B	W	Z	B
Manfaat Jangka Pendek. Contoh: Emolumen; gaji, bonus dan elaun; cuti sakit dan rehat tahunan berbayar dan PERKESO	x	Belanja	x	x	x	Belanja	x	x	Belanja	Belanja	x	Belanja	Belanja	x	Belanja	x
Pelan Caruman Tetap/Wajib. Contoh: KWSP; dan KWAP	x	Belanja	x	x	x	Belanja	x	x	Belanja	Belanja	x	Belanja	Belanja	x	Belanja	x

\*X= Tiada/tidak dinyatakan secara jelas

### 5.6.2 Pendedahan

Pendedahan di dalam penyata kewangan dibuat sama ada di muka penyata atau di dalam nota kepada akaun. Anatra perkara yang didedahkan adalah seperti polisi atau dasar pengiktirafan dan pengukuran yang digunakan dalam mengakaunkan sesuatu item, serta item-item dan amaunnya. Tahap pendedahan bergantung kepada sejauh mana sesuatu item itu didedahkan, ada yang terperinci dan ada yang ringkas. Pendedahan berhubung dasar perakaunan dan item-item belanja manfaat pekerja yang telah didedahkan di Penyata Pendapatan dan Nota kepada Akaun telah diringkaskan di dalam Jadual 5.21.

**Jadual 5.21 Ringkasan Pendedahan Manfaat Pekerja**

MAIN	Dasar Perakaunan	Penyata Pendapatan bagi setiap KW	Item dalam muka Penyata Pendapatan (PP)	Item dalam Nota kepada akaun
	Pengiktirafan			
MAIK	Ada	Tiada	<b>PP Disatukan:</b> Item-item dinyatakan secara terperinci (baris demi baris) tanpa dipisahkan mengikut kumpulan wang.	Tiada pendedahan lanjut di dalam nota
LZNK	Ada	Ada di hadapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>PP KW Zakat</b></li> <li>• <b>PP KWPP</b></li> </ul> Item-item dinyatakan secara terperinci	Tiada pendedahan lanjut di dalam nota
MAIPs	Tidak dinyatakan dasar yang digunakan untuk mengiktiraf	Ada di hadapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>PP Disatukan</b></li> <li>• <b>PP KW Zakat</b></li> <li>• <b>PP Sumber Am</b></li> <li>• <b>PP Wakaf</b></li> </ul> Diperincikan belanja mengikut jenis utama	Perincian manfaat pekerja mengikut Kumpulan Wang
MAINPP	Ada	Tiada	<b>PP Komprehensif:</b> Jumlah perbelanjaan dinyatakan tanpa perincian	Item-item perbelanjaan dinyatakan secara terperinci
MAIPk	Ada	Ada di hadapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Penyata Prestasi Kewangan Zakat</b></li> <li>• <b>Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal</b></li> </ul> Perbelanjaan dinyatakan tanpa perincian	Belanja manfaat pekerja ada dinyatakan secara terperinci
TBS	Ada	Ada di nota	<b>Penyata Pendapatan:</b> Item-item perbelanjaan dinyatakan secara terperinci	Belanja manfaat pekerja ada dinyatakan secara terperinci

Daripada jadual 5.21, kajian ini mendapati kebanyakan MAIN tidak menyatakan dengan spesifik dasar pengukuran yang digunakan. Kebanyakan maklumat mengenai pengukuran diperolehi melalui temu bual dengan pegawai kewangan atau akauntan. Namun, pendedahan mengenai dasar perakaunan berhubung pengiktirafan belanja manfaat pekerja ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam Nota kepada Akaun untuk majoriti MAIN kecuali di MAIPs. Sebagai contoh, di dalam laporan kewangan MAIPk di bahagian Nota kepada Akaun, dasar perakaunan berkaitan dengan manfaat pekerja telah dinyatakan dengan jelas bagi setiap tiga kategori utama manfaat pekerja, iaitu manfaat jangka pendek, pelan caruman tetap dan manfaat selepas perkhidmatan. Selain daripada itu, MAIPs juga mendedahkan bagaimana manfaat pekerja ini diiktiraf. Pendedahan sebegini amat perlu bagi pengguna maklumat perakaunan

terutamanya pemegang taruh yang ingin maklumat yang lengkap dan penuh di dalam menilai keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sesebuah MAIN.

Semua MAIN kecuali MAIK dan MAINPP mempunyai Penyata Pendapatan bagi setiap Kumpulan Wang penting, namun lokasi pendedahannya adalah berbeza-beza. Antaranya ada yang melaporkan di muka Penyata Pendapatan dan ada juga yang mendedahkan di dalam Nota. Dari segi pendedahan item-item di muka Penyata Pendapatan, ada yang terperinci dan ada yang hanya menunjukkan jumlah besar bagi item perbelanjaan. Bagi MAIK misalnya, item-item belanja dinyatakan secara terperinci di dalam Penyata Pendapatan Disatukan, tanpa diasingkan mengikut kumpulan wang. LZNK pula menyediakan dua Penyata Pendapatan di bahagian muka penyata, iaitu Penyata Pendapatan KW Zakat dan Penyata Pendapatan KW Pengurusan dan Pentadbiran, yang mengandungi beberapa kategori utama belanja manfaat pekerja seperti gaji, elaun dan bonus, caruman KWSP dan caruman PERKESO.

MAIPs pula telah menyediakan empat Penyata Pendapatan yang berbeza iaitu Penyata Pendapatan Disatukan, Penyata Pendapatan (KW Zakat dan Fitrah), Penyata Pendapatan (KW Sumber Am), dan Penyata Pendapatan (KW Wakaf). Seterusnya, perincian bagi maklumat belanja manfaat pekerja telah didedahkan di nota kepada akaun.

Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan agar semua MAIN menyediakan Penyata Pendapatan mengikut kumpulan wang bagi membantu pengguna penyata kewangan menilai kedudukan dan pengurusan kewangan sesebuah MAIN dengan baik dan menyeluruh.

## **5.7 Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)**

Kesemua lima MAIN di Zon 2 tidak mengiktiraf kontrak pembinaan pada tahun 2016. Ini adalah kerana MPSAS 11 yang berkaitan dengan kontrak pembinaan hanya terpakai kepada MAIN jika mereka bertindak sebagai kontraktor. Menurut mereka, menjadi kontraktor untuk projek pembangunan bukan merupakan aktiviti mereka. Jika ada pun kontrak tersebut, ia selalu melibatkan kerjasama anak syarikat mereka dengan pihak-pihak lain seperti UDA WAQF Sdn Bhd. Sebagai tambahan, MAIPs menyatakan bahawa kontrak pembinaan tidak diiktiraf dan dilaksanakan di Negeri Perlis kerana masalah kekurangan tanah. Tanah-tanah tersebut pula

kebanyakannya adalah wakaf khas yang mana penggunaannya adalah tertakluk kepada tujuan mereka diwakafkan seperti tapak masjid, surau dan tanah kubur. TBS pula tidak menolak kemungkinan untuk mengiktiraf item ini dalam tempoh terdekat kerana sedang melakukan rundingan kontrak pembinaan dengan pihak tertentu untuk membangunkan pangsapuri di tanah milik mereka seperti di Bintulu, Sarawak.

Kesemua MAIN tersebut tidak mengukur item ini kerana tiada pengiktirafan yang dibuat seperti yang dinyatakan di atas. Lanjutan daripada ini, tidak terdapat juga apa-apa pendedahan yang berkaitan dengan kontrak pembinaan pada muka penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata kewangan mereka. Kesimpulannya, tiada satu pun MAIN yang mengiktiraf, mengukur dan mendedahkan kontrak pembinaan pada tahun 2016 kerana mereka tidak terlibat dalam transaksi tersebut.

## **5.8 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (MPSAS 19)**

Semua MAIN di dalam Zon 2 tidak mengiktiraf apa-apa aset luar jangka pada tahun 2016. Mereka juga berpendapat bahawa tiada peruntukan dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf atau akan mungkin boleh diiktiraf dalam tahun 2016 yang mana ia boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk memenuhi tanggungan tersebut apabila tiba masanya. Namun begitu, LZNK telah menyatakan bahawa ia tidak menolak kemungkinan untuk mengiktiraf peruntukan dan liabiliti luar jangka pada masa akan datang memandangkan terdapat risiko disaman oleh penyewa-penyewa tanah LZNK. Penyewa-penyewa ini telah diberi notis untuk mengosongkan tanah tersebut kerana gagal membayar sewa tetapi masih berdegil untuk berbuat demikian.

Memandangkan tiada pengiktirafan dibuat terhadap aset dan liabiliti luar jangka, kesemua MAIN juga tidak membuat apa-apa peruntukan dan mengukur item ini. Mereka juga tidak mendedahkan apa-apa maklumat tentang transaksi ini sama ada pada muka penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata kewangan. Kesimpulannya, tidak terdapat MAIN di Zon 2 yang mengiktiraf, mengukur dan mendedahkan peruntukan aset luar jangka dan liabiliti luar jangka pada tahun 2016 kerana item-item tersebut tidak wujud pada tahun yang berkenaan.

## **5.9 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing (MPSAS 4)**

Sesebuah entiti boleh menjalankan aktiviti asing dalam dua cara. Entiti boleh mempunyai urus niaga dalam mata wang asing atau menjalankan operasi di luar Malaysia. Selain itu, sesebuah entiti juga boleh membentangkan penyata kewangannya dalam mata wang asing. Objektif piawaian ini adalah untuk menetapkan kaedah memasukkan urus niaga mata wang asing dan operasi asing dalam penyata kewangan entiti, dan bagaimana menterjemah penyata kewangan tersebut kepada mata wang pembentangan.

Dalam kajian ini, semua urus niaga MAIN yang dikaji adalah dijalankan dalam matawang Ringgit (RM). MAIN tidak mempunyai urus niaga di dalam matawang asing dan tidak mempunyai operasi di luar negara. Bagi MAIN yang memberi bantuan zakat kepada asnaf fisabilillah (pelajar di Timur Tengah), pembayaran bantuan zakat dan lain-lain bantuan dibuat dalam matawang Ringgit. Oleh itu, tidak terdapat kesan perubahan kadar pertukaran wang asing yang perlu dilaporkan.

## **5.10 Kos Pinjaman (MPSAS 5)**

Kos pinjaman merupakan faedah dan lain-lain belanja yang dilibatkan di dalam sesuatu pinjaman. Ia termasuklah faedah pinjaman jangka panjang dan jangka pendek, pelunasan diskaun atau premium berhubung pinjaman, pelunasan kos sampingan berhubung dengan pengurusan pinjaman, caj kewangan bagi pajakan kewangan dan lain-lain. Kajian ini mendapati kesemua MAIN tidak terlibat dengan pinjaman. Oleh itu, tidak terdapat kos pinjaman yang diakaun dan dilaporkan.

## **5.11 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan amalan semasa berhubung dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi item-item hasil, belanja dan liabiliti bagi MAIN di Zon 2 untuk tahun 2016. Kajian mendapati yang MAIN mempunyai item yang hampir serupa bagi hasil dari urusniaga pertukaran, iaitu kebanyakannya tersiri daripada hasil sewaan dan keuntungan simpanan bank dan pelaburan. Ketiga-tiga KW Zakat, Wakaf dan Baitulmal mempunyai hasil-hasil tersebut. Semua MAIN menggunakan nilai saksama dalam mengukur item-item hasil. Hasil sewa

diiktiraf secara akruan, manakala lain-lain hasil diiktiraf secara berbeza, iaitu secara tunai atau akruan. Tahap pendedahan di muka penyata mahupun di dalam nota adalah berbeza.

Item-item hasil bukan dari urusniaga pertukaran yang utama terdiri daripada zakat, derma atau sumbangan, dan bantuan dari kerajaan. Harta wakaf direkod sebagai ekuiti atau liabiliti, kecuali TBS yang merekod wakaf tunai sebagai hasil. Dari segi pelaporan, setiap MAIN melaporkan jenis-jenis zakat secara terperinci. Umumnya, format pelaporan (sama ada di muka penyata atau nota), dan perincian pelaporan adalah berbeza-beza antara MAIN.

Bagi instrumen kewangan pula, semua yang dilaporkan adalah berbentuk utama (primary) dan tiada yang berbentuk sekunder atau derivatif. Contohnya seperti pelaburan saham, penghutang, dan pemiutang. Kesemua MAIN mengiktiraf bentuk-bentuk instrumen yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan, tetapi tidak menyatakan kumpulan wang. Pendedahan secara umumnya adalah terhad.

Berhubung dengan manfaat pekerja (jangka panjang dan jangka pendek), semua MAIN mengiktiraf belanja di dalam Penyata Pendapatan pada tempoh di mana ianya berlaku. Kebanyakannya merupakan belanja bagi KW Zakat dan kebanyakan MAIN mendedahkan polisi perakaunannya.

Kajian ini mendapati yang semua MAIN di Zon 2, tidak mempunyai urusniaga berkaitan dengan Kontrak Pembinaan, Peruntukan Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka, Kesan Perubahan Mata Wang Asing, dan Kos Pinjaman.

Bab seterusnya, Bab 6, akan membincangkan keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal (KKPI) serta keperluan syariah yang menyokong KKPI tersebut.

## **BAB ENAM**


### **KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL**

#### **6.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tentang kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal (KKPI) serta keperluan syariah yang menyokong KKPI tersebut. Perbincangan akan mengupas secara mendalam tiga tahap KKPI tersebut dan penambahbaikan yang telah dibuat terhadapnya berdasarkan beberapa siri rundingan dengan para pakar syariah dan mualamat iaitu Profesor Dr. Asmadi bin Mohamed Naim dan Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long. Selain itu, ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan turut dibincangkan secara ringkas dalam bab ini.

#### **6.2 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam**

Rajah 6.1 menunjukkan KKPI yang telah dibangunkan pada Fasa 1 dan 2 (Abdullah et al., 2018). Oleh yang demikian, KKPI yang dicadangkan pada Fasa 3 kajian adalah berdasarkan kepada KKPI Fasa 2 seperti yang dapat dilihat pada Rajah 6.2 (Abdullah et al., 2018). Secara umumnya, KKPI yang dibangunkan mempunyai tiga tahap iaitu Tahap Pertama yang menyentuh tentang teori asas dan konsep asas sebagai khalifah. Tahap Kedua pula menekankan kepada aspek matlamat (Al-Adl, Al-Ihsan dan Al-Falah). Tahap Ketiga menerangkan tentang pelaksanaan yang menyentuh secara langsung tentang amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang menjadi isu utama kajian ini.




**Rajah 6.1 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Fasa 2**

Sumber: Abdullah et al. (2018)

Berdasarkan beberapa siri rundingan dengan para pakar syariah dan muamalat iaitu Profesor Dr. Asmadi bin Mohamed Naim dan Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long, kajian pada Fasa 3 telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap KKPI tersebut (sila lihat Rajah 6.2).





**Rajah 6.2 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Fasa 3**

Perbincangan lanjut mengenai penambahbaikan tersebut berserta keperluan syariah akan dibincangkan dalam subseksyen-subseksyen yang berikut.

## 6.2.1 Tahap Pertama

### 6.2.1.1 Teori Asas-Tauhid, Fiqh dan Tasawuf

Pada Tahap Pertama terdapat dua elemen penting iaitu teori asas dan konsep asas sebagai khalifah. Pada Fasa 1 dan 2 kajian, teori asas yang dicadangkan terhadap KKPI adalah Tauhid dan Fiqh (Abdullah et al., 2018). Namun, Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long mencadangkan Tasawuf perlulah ditambah kepada teori asas untuk melengkapkan tiga cabang ilmu utama dalam Islam. Secara umumnya, ilmu Tauhid tentang mengesakan Allah SWT dan larangan menyekutukan-Nya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT melalui Surah Al-Ikhlâs yang intinya menegaskan tentang keesaan Allah SWT dan menolak segala penyekutuan terhadap-Nya. Terjemahan surah tersebut adalah seperti berikut:

*“Katakanlah (wahai Muhammad), (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa, Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat, Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan, Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya”.*

(QS Al-Ikhlâs 112:1-4)

Menurut Baydoun dan Willet (2000), perakaunan Islam menekan kepada falsafah keesaan Allah SWT manakala perakaunan konvensional menumpu kepada rasional ekonomi iaitu keinginan untuk berjauhan daripada orang lain, untuk bersaing, memanipulasi dan mengumpulkan kekayaan secara lebih.

Ilmu Fiqh pula bertugas membahas soal-soal ibadat lahir (ilmu zahir). Ia terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, ibadah seperti toharoh (penyucian), puasa, solat, haji dan sebagainya. Kedua, apa-apa yang berkaitan dengan hukum-hakam seperti jual beli, hudud dan lain-lain lagi (Abu Nasr As-Sarraj At-Tusi, 1960). Perkara-perkara yang disebutkan ini semua merupakan amalan daripada ilmu yang zahir yang mana dapat dilihat dengan pancaindera yang lima. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan*

*Allah kepadamu. Jika mereka berpaling (dari hukum yang telah diturunkan Allah), maka ketahuilah bahwa sesungguhnya Allah menghendaki akan menimpakan mushibah kepada mereka disebabkan sebahagian dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia adalah orang-orang yang fasik”.*

(QS Al-Mai’dah 5:49)

Berdasarkan penerangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa ilmu Fiqh adalah hukum-hukum yang berkaitan dengan perbuatan manusia seperti ibadat, munakahat, jenayah dan mualamat yang mana aktiviti perakaunan termasuk pada bahagian ini.

Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, teori asas baru yang dimasukkan pada Tahap Pertama KKPI kajian Fasa 3 ini berdasarkan cadangan oleh Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long adalah ilmu Tasawuf. Menurut Iman At-Tusi, ilmu syariah merupakan ilmu yang menggabungkan di antara ilmu yang zahir dan ilmu yang batin. Amalan-amalan daripada ilmu batin adalah yang berkenaan dengan amalan-amalan hati seperti kepercayaan, iman, ikhlas, kecintaan. Ilmu ini juga merupakan hasil daripada ilmu Fiqh yang merupakan ilmu yang berkaitan zahir (Abu Nasr As-Sarraj At-Tusi, 1960). Hal ini juga disebutkan oleh Imam Sha’rani di dalam bukunya Tabaqat Kubra bahawasanya: *“Tasawuf itu adalah hasil daripada amal seseorang itu daripada hukum-hukum fiqh* (Abdul Wahab Sha’rani, 2005). Ini bertetapan dengan firman-firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan sesungguhnya Tuhanmu, benar-benar mengetahui apa yang disembunyikan hati mereka dan apa yang mereka nyatakan".*

(QS An-Naml 27:74)

*"Dan kepunyaan Allah-lah timur dan barat, maka kemanapun kamu menghadap di situlah wajah Allah. Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat-Nya) lagi Maha Mengetahui".*

(QS Al-Baqarah 2:115)

*“Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".*

(QS Ibrahim 14:7)

Imam Al-Ghazali RA menyatakan bahawa Tasawuf merupakan penyucian hati dengan sifat-sifat yang mulia dan hindari sifat-sifat yang tercela. Ini bermaksud perilaku dan perangai seseorang merupakan cerminan dari hatinya. Beliau telah menggariskan sepuluh sifat mahmudah (terpuji) di dalam kitab 'Arbain Fi Usuluddin (Ismail Yakub, 1992). Sifat mahmudah adalah sifat yang terpuji yang dituntut oleh Islam supaya diamalkan oleh umatnya. Sifat-sifat utama yang tergolong dalam sifat-sifat yang mahmudah ialah:

- (1) Taubat (Membersihkan Hati)
- (2) Khauf (Takut kepada Allah)
- (3) Muhabbah (Kasih Sayang sentiasa ingat kepada Allah)
- (4) Zuhud (Menggunakan nikmat dunia sekadar yang perlu)
- (5) Sabar (Menahan diri daripada keluh kesah pada suatu musibah)
- (6) Syukur (Memuji setiap nikmat daripada Allah)
- (7) Ikhlas (Setiap perbuatan diniatkan untuk keredhaan Allah)
- (8) Tawakal (Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah)
- (9) Redha (Tenang hati terhadap apa yang datang daripada Allah)
- (10) Zikrulmaut (Sentiasa ingat mati dan memperlengkapkan diri untuknya)

Imam Al-Ghazali RA turut menggariskan sepuluh sifat mazmumah (tercela) di dalam kitab tersebut (Ismail Yakub, 1992) iaitu:

- (1) Banyak Makan
- (2) Banyak Bercakap
- (3) Marah
- (4) Hasad
- (5) Bakhil
- (6) Cintakan Kemegahan
- (7) Cinta Dunia
- (8) Bangga Diri
- (9) Ujub (Hairan Diri)
- (10) Riya' (Menunjuk-nunjuk)

Oleh yang demikian, sesiapa yang ingin untuk menyucikan jiwanya haruslah ke atas dirinya untuk menyucikan hartanya dahulu, ini kerana penyucian bermula dengan zahir melalui seterusnya penyucian secara batin. Sebagai contoh, sesungguhnya barang siapa yang

memahami hakikat Tasawuf maka pasti dia akan mengetahui bahawa hakikat zakat yang merupakan salah satu cabang daripada perakaunan Islam bukan semata-mata penanggalan pemilikan sesuatu harta akan tetapi tujuannya adalah untuk meninggalkan sifat bakhil dan sifat cintakan harta (Abu Nasr As-Sarraj At-Tusi, 1960).

Menurut Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long, meskipun Tawasuf merupakan ilmu batin yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar, ia boleh juga dikaitkan dengan perakaunan. Ini bermaksud sesuatu amalan perakaunan itu mungkin patuh kepada piawaian perakaunan tertentu, namun, jika ia dilakukan tanpa niat untuk mendapat keredhaan Allah SWT, maka, pahala amalan perakaunan tersebut boleh terbatal dan menjadi sia-sia. Sebagai contoh, proses perakaunan melibatkan pertimbangan profesional yang tinggi oleh para akauntan. Menurut Healy, P.M., & Wahlen J.M (1999), antara pertimbangan yang perlu dilakukan adalah:

- (1) **Menganggarkan pelbagai peristiwa ekonomi masa hadapan** - Ini termasuk mengenal pasti jangkaan hayat berguna dan nilai sisa aset tetap, obligasi pencen, cukai tertunda, elaun hutang lapuk dan menentukan tempoh pelunasan aset tidak ketara.
- (2) **Memilih kaedah perakaunan berbeza untuk melaporkan transaksi ekonomi yang sama** - Ini termasuk memilih kaedah susut nilai aset tetap seperti kaedah garis lurus, komposit dan lain-lain. Di samping itu, para akauntan juga boleh memilih kaedah penilaian inventori seperti *First In First Out* (FIFO), *Last In First Out* (LIFO) atau purata wajaran.
- (3) **Menguruskan modal kerja** - Ini termasuk menentukan tahap, penghantaran masa, pembelian dan polisi berkaitan inventori yang memberi kesan kepada peruntukan kos dan hasil bersih.
- (4) **Membuat atau menangguhkan perbelanjaan** - Ini termasuk layanan terhadap perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan, pengiklanan dan penyelenggaraan.

Pertimbangan profesional yang dinyatakan di atas akan memberi kesan kepada perakaunan liabiliti, hasil dan belanja. Apa sahaja pertimbangan yang dibuat selagimana berada dalam ruang lingkup yang dibenarkan akan dikira sebagai pematuhan kepada piawaian perakaunan

(Fiqh). Namun, disisi Allah SWT pertimbangan tersebut tidak akan diterima jika tidak diikhlasakan keranaNya (Tasawuf). Misalnya, jika sesuatu pertimbangan profesional dilakukan dengan niat memanipulasikan belanja melalui amalan susut nilai yang dipilih bagi menggambarkan lebih hasil yang lebih baik demi mendapatkan ganjaran dunia (contoh, bonus, kenaikan pangkat dan pujian manusia) mungkin dilihat masih patuh kepada peruntukan piawai perakaunan. Namun, Allah SWT tahu niat sebenar perbuatan tersebut dan disisiNya ia tetap salah dan membatalkan pahala kerana kurang memberi gambaran sebenar tentang kedudukan kewangan sesebuah entiti.

### **6.2.1.2 Konsep Asas-Khalifah**

Menurut Profesor Dr. Asmadi bin Mohamed Naim dan Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long, konsep asas akauntabiliti sebagai khalifah yang terdapat di dalam KKPI pada Tahap Pertama adalah sesuai dan perlu dikekalkan. Secara umumnya, akauntabiliti adalah kewajipan seseorang menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Dalam konteks MAIN, mereka adalah khalifah yang diamanahkan secara langsung dalam menguruskan hal-ehwal dan perakaunan yang berkaitan dengan wakaf, zakat dan baitulmal. Selain itu, kewajipan tersebut haruslah dilaksanakan mengikut keperluan syariah (contoh, Al-Quran, Hadis, Qiyas dan Ijmak Ulama), peraturan yang telah ditetapkan, undang-undang yang berkuatkuasa, prosedur dan arahan. Tujuan utamanya adalah untuk mencapai satu kaedah kawalan yang bagi memastikan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan satu-satu pengurusan (termasuk perakaunan) dipatuhi dan MAIN dapat mencapai prestasi dari segi kewangan dan bukan kewangan secara cemerlang, gemilang dan terbilang.

Seperti yang telah dibincangkan pada Fasa 1 dan 2 kajian, akauntabiliti yang dilaksanakan haruslah menjaga hubungan dengan Allah SWT (Hablul Min Allah) dan juga sesama manusia (Hablul Min An-Nas) (Abdullah et al., 2018). Peraturan asasnya ialah Allah SWT yang menjadi pemilik mutlak segala sesuatu dan manusia hanyalah khalifahNya iaitu pemegang amanah di muka bumi. Ini bertetapan dengan firman-firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia, dan mereka kembali mendapat*

*kemurkaan dari Allah dan mereka diliputi kerendahan. Yang demikian itu kerana mereka kafir kepada ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi tanpa alasan yang benar. Yang demikian itu disebabkan mereka derhaka dan melampaui batas”.*

(QS Ali Imran 3:112)

*“Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatupun. Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membanggakan diri”.*

(QS An-Nisa’ 4:36)

Perbincangan di atas adalah konsisten dengan sorotan karya perakaunan Islam yang mengetengahkan konsep akauntabiliti dan manusia di dunia ini adalah pemegang amanah sahaja (Baydoun & Willett, 1997; Chapra, 2000). Dalam hal ini, sebagai seorang akauntan di MAIN yang berperanan sebagai pemegang amanah mempunyai kewajiban secara langsung dalam urusan perakaunan entitinya itu. Sebagai contoh, akauntan tersebut perlulah melaporkan semua maklumat perakaunan secara benar dan saksama kepada pemegang taruh agar keputusan yang tepat dapat dibuat. Pelaksanaan kewajiban tersebut memenuhi maksud akauntan tersebut sebagai seorang khalifah serta pemegang amanah di muka bumi ini. Justeru, penyata kewangan yang berasaskan Islam mestilah disediakan untuk kegunaan semua pihak dan mestilah berasaskan kepada konsep “Hablul Min Allah” dan “Hablul Min An-Nas”.

### **6.2.2 Tahap Kedua-Matlamat**

Tahap Kedua KKPI adalah berkaitan dengan matlamat umum yang menekankan kepada aspek keadilan sosio-ekonomi yang membawa kejayaan di dunia dan di akhirat (Al Adl, Al Ihsan & Al Falah) (Chapra, 2000). Matlamat tersebut dikaitkan pula dengan Maqasid Syariah. Mahmud (1973) mendefinisikan ia sebagai objektif atau tujuan ke jalan yang lurus atau tujuan syariah dari segi perbuatan dan percakapan. Imam Abu Ishaq al-Syatibi (2001) menerangkan Maqasid Syariah adalah setiap hukum yang berlegar pada orang yang dikenakan syarak dalam setiap keadaan ataupun hal, baik dari segi perkataan, perbuatan, mahupun niatnya. Beliau menambah

tujuan Maqasid Syariah secara keseluruhannya adalah untuk menjaga undang-undang alam ini dengan mengutamakan kemaslahatan dan menolak kerosakan (Abu Ishaq al-Syatibi, 2001). Oleh yang demikian, Maqasid Syariah yang boleh menjadi panduan syariah terhadap elemen penyata kewangan seperti aset, hasil, belanja dan liabiliti amatlah diperlukan.

Menurut Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long, Maqasid Syariah yang dicadangkan pada KKPI pada Fasa 3 hendaklah menekankan kepada aspek Maqasid Syariah Wakaf, Zakat dan Baitulmal itu sendiri. Subseksyen-subsekyen yang berikut menerangkan Maqasid Syariah tersebut dengan lebih lanjut.

#### **6.2.2.1 Maqasid Syariah Wakaf**

Wakaf merupakan salah satu perantaraan di dalam Islam yang memainkan peranan yang penting bagi mengawal kestabilan sosial dan ekonomi bagi kehidupan umat Islam. Bagi sesuatu komuniti Islam mereka memerlukan sumber yang berterusan untuk mencapai manfaat yang banyak dalam pelbagai jenis muamalat dan urusan bagi memastikan komuniti tersebut berada dalam keadaan yang kondusif dari segi kehidupannya dan kewangannya. Kebebasan sesuatu komuniti masyarakat Islam dari segi kewangan dapat membantu daripada berada di bawah kekangan unsur-unsur luar. Perkara ini juga membantu dalam menyelesaikan masalah penyakit sosial yang menyebabkan kepada kemiskinan. Selain itu, wakaf dapat membantu dalam menjadikan masyarakat Islam berada dalam keadaan stabil dari segi hal ehwal fizikal, sosial dan ekonomi.

Oleh yang demikian Allah SWT telah mensyariatkan wakaf bagi mencapai tujuan ini, hal ini kerana wujudnya ubudiyah (perhambaan) dalam sesuatu masyarakat adalah dengan stabilnya sosial dan ekonomi. Perkara ini kita dapat perhatikan apabila baginda Nabi Allah Ibrahim AS meminta kepada Allah SWT untuk menjadikan keamanan dari segi sosial dan ekonomi di bumi Mekah supaya baginda dapat menyembahNya dengan cara yang sempurna. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berdoa: Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian”.*

(QS Al-Baqarah 2:126)



Bagi merealisasikan kestabilan ekonomi dan sosial untuk kemaslahatan umat, Allah SWT menggesa dan mengalakkan hambaNya untuk melakukan amalan bersedekah. Wakaf adalah satu daripada bentuk sedekah jariyah yang telah disyariatkan oleh Allah SWT dan ia mempunyai hukum-hukumnya yang tersendiri dan prinsip-prinsipnya berbeza daripada jenis-jenis sedekah yang lain (Abdullah bin Sheikh Al-Mahfuz Bin Bayyah, 2005).

Hal ini kerana wakaf disyariatkan berdasarkan tujuan ataupun maqasidnya yang khusus, diantara maqasid wakaf yang dapat diperhatikan daripada pensyariatan wakaf adalah seperti berikut:

### **(1) Mencapai integrasi dan perpaduan sosial, perpaduan ummah**

Sistem wakaf dapat menyatukan masyarakat dan mendidik nilai sosial masyarakat seperti takaful, amal kebajikan, khairiyah dan sebagainya. Pelbagai cara dan langkah telah diperkenalkan oleh sistem wakaf bagi mencapai tujuan ini seperti wakaf tanah, wakaf masjid, madrasah, tempat pengajian, wakaf khas untuk anak-anak yatim, penubuhan projek-projek kesihatan, pusat kanser dan pusat rawatan dan rumah bagi orang kurang upaya dan banyak lagi. Perkara ini sesuai dengan apa yang disebutkan di dalam Al-Quran contohnya seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya (agama Tauhid) ini adalah agama kamu semua; agama yang satu dan Aku adalah Tuhanmu, maka sembahlah Aku”.*

(QS Anbiya 21:92)

Nabi SAW juga telah bersabda:

*“Perumpamaan kaum Muslimin dalam keadaan saling mengasihi, menyayangi, dan saling tolong menolong seperti perumpamaan satu tubuh. Jika salah satu anggota tubuh jatuh sakit, maka anggota tubuh yang lainnya akan merasakan pula dengan demam dan tidak dapat tidur”.*

(HR Muslim)

## **(2) Mendidik sikap membantu di dalam kebaikan**

Wakaf disyariatkan untuk membantu sesama manusia dan memupuk nilai membantu yang lain. Jika dirujuk daripada hukum-hukum wakaf dan permasalahannya semuanya adalah berpaksikan kepada nilai memberi bantuan dan khairat kepada sesama manusia begitu juga haiwan, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran”.*

(QS Al-Mai'dah 5:2)

## **(3) Mendidik nilai ihsan dan belas kasihan**

Sistem wakaf Islam adalah berpaksikan kepada nilai ihsan dengan membantu dan ihsan keatas mereka yang memerlukan. Makna ihsan yang diterapkan di dalam konsep wakaf juga merangkumi ihsan kepada orang bukan Islam, lelaki ataupun perempuan, kecil ataupun besar, kaya ataupun miskin. Ini amatlah bertepatan dengan apa yang telah disebutkan oleh Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”.*

(QS Al-Baqarah 2:195)

## **(4) Pembebasan modal dalam bentuk aset dan wang tunai**

Wakaf berfungsi untuk mengalihkan modal dari pemilikan pemiliknya yang tidak dapat diakses oleh pemiliknya bagi pembangunan komuniti Islam. Dengan kebebasan dan sedekah tersebut modal ini diberkati dan digunakan untuk pembangunan komprehensif masyarakat Islam (Abdullah bin Sheikh Al-Mahfuz Bin Bayyah, 2005).

Dalilnya adalah daripada hadis yang diriwayatkan oleh Nabi SAW yang telah bersabda:

*“Dari Ibnu Umar berkata: Umar mengatakan pada nabi, Aku punya seratus dirham di Khaibar, Aku belum pernah mendapatkan harta yang paling saya sayangi, tetapi Aku ingin*

*menyedekahkannya, Lalu Nabi SAW berkata kepada Umar: wakafkanlah pokoknya dan jadikanlah hasilnya sedekah”.*

(HR Bukhari)

#### **(5) Mengekalkan amal jariyah dalam tempoh yang berterusan dan berpanjangan**

Wang yang disedekahkan akan habis jika ia tidak dilaburkan dan digunakan untuk dikembangkan. Bagi mengekalkan manfaat sesuatu aset yang telah disedekahkan maka disyariatkan wakaf, kerana ia adalah salah satu daripada cara untuk mengekalkan penggunaan sesuatu aset selama yang mungkin. Konsep ini adalah bersandarkan daripada hadis Nabi SAW:

*"Apabila manusia meninggal dunia maka terputuslah amalnya kecuali kerana tiga hal perkara. Pertama: Sedekah jariyah. Kedua: Ilmu yang bermanfaat. Ketiga: Anak soleh yang mendoakannya".*

(HR Muslim)

Para ulama telah menafsirkan bahawa maksud sedekah jariyah di dalam hadis ini menunjukkan kepada wakaf, kerana wakaf adalah salah satu bentuk sedekah yang berterusan selagi mana aset wakaf masih wujud. Aset ini juga wajib untuk dimanfaatkan kepada penerima wakaf ataupun siapa yang berhak keatas sesuatu wakaf (Abdullah bin Sheikh Al-Mahfuz Bin Bayyah, 2005). Jika dilihat dari segi makna wakaf ia merupakan *“Sedekah sesuatu perkara yang bermanfaat dalam tempoh yang lama selagi mana aset itu masih wujud”* (Muhammad Al-Ansori Rassa’ Abu Abdillah, 1993).

#### **6.2.2.2 Maqasid Syariah Zakat**

Menurut Yusof Al-Qardawi (2000), zakat adalah antara tuntutan yang utama dalam Islam kerana ia adalah rukun Islam yang lima dan telah dinyatakan di dalam Al-Quran sebanyak 30 kali yang mana 27 daripadanya adalah bersama-sama perintah menunaikan solat. Zakat daripada segi istilah merupakan satu harta yang dikeluarkan daripada kadar yang tertentu dan diwajibkan untuk dibahagikan kepada asnaf-asnaf yang tertentu (Ahmad bin Al-Hijazi bin Badir Al-Fashini, 1862). Zakat ditakrifkan begitu kerana ia menunjukkan kepada maknanya

dari segi bahasanya iaitu barakah, berkembang dan penambahan kepada satu kebaikan. Hal ini kerana sesuatu harta itu berkembang disebabkan berkatnya sedekah daripada pengeluarannya, begitu juga harta tersebut menjadi berkat kerana doa penerima zakat ke atas pemberi zakat.

Asnaf-asnaf zakat telah ditentukan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil dan muallaf yang dijinakkan hati-hati mereka dan hamba-hamba yang hendak memerdekakan dan orang-orang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan”.*

(QS At-Taubah 9:60)

Selain itu, zakat juga dapat membersihkan harta dan menyucikan pembayar zakat daripada dosa sehinggalah dia diakui sebagai seorang hamba Allah yang sah imannya dan benar-benar beriman (Ahmad bin Al-Hijazi bin Badir Al-Fashini, 1862). Hal ini kerana ia adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima, Dalil kefarduannya daripada Al-Quran yang bermaksud:

*“Maka tunaikanlah solat dan zakat, dan rukuklah bersama orang yang rukuk”.*

(QS Al-Baqarah 2:43)

Dalil daripada hadis pula adalah seperti berikut:

*“Daripada Abdullah bin Umar bin Al-Khattob Radiallahuanhuma, beliau berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Islam dibangun di atas lima perkara; Bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah dan bersaksi bahawa nabi Muhammad utusan Allah, menegakkan solat, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan puasa Ramadhan”.*

(HR Bukhari)

Daripada skop Maqasid Syariah, zakat dikenali sebagai satu kewajipan ke atas sesuatu harta yang telah difardukan oleh Allah SWT ke atas hambaNya yang kaya untuk diberikan kepada orang fakir, miskin dan orang yang memerlukan, begitu juga asnaf-asnaf yang memerlukan bagi tujuan untuk mengurangkan beban mereka. Allah SWT telah mensyariatkan zakat untuk memudahkan kehidupan hambanya, mencapai keamanan, kestabilan, perpaduan sosial, pembangunan ekonomi, menyemaikan nilai rohani, akhlak di kalangan individu ataupun

masyarakat. Antara Maqasid Syariah zakat yang dapat diperhatikan dan dikeluarkan daripada nas-nas syariat adalah:

- (1) Membersihkan jiwa daripada kebakhilan, ketamakan dan merawat jiwa daripada kecintaan terhadap dunia**

Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Ambillah zakat daripada sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka”.*

(At-Taubah 9:104)

- (2) Mencapai makna kehambaan (*Ubudiyah*) dan mengajar seorang hamba untuk bersyukur kepada Tuhanya di atas rezeki yang dikurniakan**

Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah nikmat-Ku”.*

(QS Ibrahim 14:7)

- (3) Mencapai perpaduan sosial di antara kelompok masyarakat**

Dengan menunaikan zakat kepada asnaf-asnafnya dan orang yang berhak ke atasnya maka perkara ini dapat mengurangkan jurang ekonomi di antara orang miskin dan orang kaya. Begitu juga perkara ini dapat mengelakkan daripada berlakunya monopoli kekayaan kepada orang kaya sahaja bukan kepada orang miskin. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu”.*

(QS Al-Hasyr 59:7)

- (4) Penyelenggaraan wang dan mendapatkan keberkatan daripada hasil wang yang diperolehi**

## **(5) Menyelesaikan masalah sosial seperti krisis kemiskinan dan kefakiran**

Dengan wujudnya zakat kita dapat mengurangkan krisis tersebut. Nabi SAW telah bersabda di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud:

*“Allah telah mewajibkan zakat pada harta mereka yang diambil dari orang-orang kaya mereka dan diberikan kepada orang-orang fakir mereka”.*

(HR Bukhari)

## **(6) Membersihkan rasa kebencian, iri hati dan rasa kekurangan**

Ini kerana, orang miskin yang tidak mempunyai wang merasai bahawa diri mereka terhalang daripada mempunyai wang seperti orang yang kaya.

Sebagai tambahan, nilai-nilai murni yang diterapkan oleh amalan zakat adalah sejajar dengan matlamat Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) untuk memacu Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi (Pemandu, 2011). Pelan ini mempunyai 7 matlamat di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan salah satunya adalah untuk Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (Pemandu, 2011). Maka, Maqasid Syariah zakat bukan sahaja sebagai memenuhi tuntutan agama malah turut menyumbang kepada kemakmuran negara secara amnya.

### **6.2.2.3 Maqasid Baitulmal**

Baitulmal dikenali sebagai pusat untuk menyimpan wang dan aset umat Islam. Ia adalah sistem kewangan yang dibangunkan pada zaman Nabi SAW dan Khalifah Rasyidin. Baitulmal juga dikenali sebagai institusi yang mengawasi wang negara dan perbelanjaan dalam pelbagai aspek perbelanjaan di bawah tangan khalifah atau gabenor yang mana ia telah diisytiharkan untuk menguruskan urusan negara bagi kemaslahatan umat Islam. Secara rasminya, Baitulmal telah diasaskan pada zaman Khalifah Umar Al-Khattab ketika mana negara Islam pada waktu itu memerlukan sebuah sistem dan institusi untuk menguruskan kewangan negara yang semakin

bertambah sehari demi sehari disebabkan oleh pembukaan negara Islam di semenanjung Tanah Arab, kejatuhan Tamadun Farsi ke tangan Islam dan ramai manusia menganuti agama Islam.

Selain itu, kisah pertubuhan Baitulmal bermula ketika mana Abu Hurairah RA pulang daripada daripada Bahrain ke Madinah membawa bersamanya sebanyak wang yang besar. Pada waktu itu Umar Al-Khattab merupakan khalifah, ketika mana melihat Abu Hurairah bersama wang tersebut beliau bertanya kepadanya adakah wang yang bersama engkau itu halal? Maka Abu Hurairah menjawab: *“Aku tidak tahu berkenaan dengannya”*. Umar menjawab: *“Jika engkau ingin aku untuk menghitungnya maka aku akan menghitungnya”*. Selepas itu bangun seorang lelaki berkata kepada Umar Al-Khattab: *“Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya aku telah melihat orang-orang di negara a’jam (bukan negara) telah menulis hutang-hutang mereka, maka tulislah engkau hutang-hutang yang ada di negara ini”* (Abu Al-Hasan Ali Bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi, 1989).

Berdasarkan perbincangan di atas, maqasid ataupun tujuan daripada penubuhan Baitulmal adalah mengimbangi pendapatan dan perbelanjaan kewangan negara. Di samping itu, ia bertujuan untuk menguruskan sistem kewangan negara. Terdapat banyak sumber wang yang datang dan didapati oleh Baitulmal. Antara sumber Baitulmal adalah wang dan aset yang dibayar oleh orang kepada Baitulmal. Selain itu, Baitulmal juga mendapat sumber kewangan daripada orang bukan Islam seperti pembayaran jizyah.

Antara sumber-sumber hasil Baitulmal menurut Abu Al-Hasan Ali Bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi (1989) adalah:

- (1) **Zakat:** zakat merupakan harta yang dikeluarkan oleh orang kaya dan ke atas sesiapa yang diwajibkan keatasnya zakat untuk dibayar kepada asnaf-asnafnya.
- (2) **Sedekah:** Harta yang dikeluarkan oleh orang Islam bagi tujuan untuk menderma kepada orang-orang yang memerlukan. Termasuk apa yang dimaksudkan daripada sedekah ini adalah semua jenis bentuk wakaf.
- (3) **Jizyah:** Merupakan suatu bayaran yang dikenakan keatas orang bukan Islam yang hidup di negara Islam bagi mendapat keamanan keatas diri mereka dan bebas menganut agama yang mereka anuti.
- (4) **Kharaj:** merupakan cukai yang dikenakan keatas negara yang ditakhluki oleh orang Islam sebagai tanda tunduk sesuatu negara tersebut di bawah empayar Islam. Sebahagian

daripada itu, harta ini digunakan untuk melakukan pembangunan ke atas negara-negara tersebut dan sebahagian daripadanya dihantar kepada Baitulmal.

- (5) **Harta Rampasan Perang (Ghanaim):** Diantara sumber Baitulmal adalah harta yang didapati selepas peperangan. Sebahagian daripada harta rampasan perang ini disalurkan kepada Baitulmal.
- (6) **Rikaz:** Merupakan harta yang didapati di dalam muka bumi iaitu emas ataupun perak, barang siapa yang mendapati rikaz ini diwajibkan keatasnya untuk memberi 1/5 daripadanya kepada Baitulmal dan diambil 4/5 daripada bahagian harta bagi sesiapa yang menjumpainya.

Menurut Abu Al-Hasan Ali Bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi (1989) lagi, perbelanjaan Baitulmal pula terdiri daripada:

- (1) Membayar gaji gabenor, hakim, dan khalifah dan pegawai kerajaan.
- (2) Membayar gaji askar dan parajurit.
- (3) Digunakan untuk membeli alatan perang dan apa yang berkenaan dengan ketenteraan seperti kuda, tempat latihan peperangan, pedang dan sebagainya.
- (4) Pembinaan projek awam seperti jambatan, empangan, jalan raya, bangunan awam, tandas awam dan sebagainya.
- (5) Perbelanjaan institusi sosial seperti hospital, penjara dan kemudahan negara lain.
- (6) Pengagihan mata pencarian kepada orang miskin dan anak-anak yatim dan janda, dan semua orang yang tidak mampu untuk mencari nafkah, negara akan bertanggungjawab untuk menganggun kos sara hidup mereka.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat banyak Maqasid Syariah Wakaf, Zakat dan Baitulmal yang boleh membawa manfaat dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar. Namun, KKPI yang dicadangkan pada Fasa 2 kajian tidak terdapat elemen alam sekitar. Oleh yang demikian, Profesor Dr. Asmadi bin Mohamed Naim dan Dr. Muhamad Noor bin Long mencadangkan alam sekitar dimasukkan ke dalam KKPI pada Fasa 3 kajian.

Islam sangat mementingkan hubungan manusia dan alam sekitar. Nas-nas Al-Quran dan hadis jelas menunjukkan kepada penekanan penjagaan alam sekitar. Salah satu daripada hikmah Allah SWT dalam ciptaanNya menjadikan sesuatu perkara itu ada padanya hikmahnya dan



tujuannya contohnya: haiwan, pokok-pokok, gunung-ganang, lautan, daratan dan pelbagai lagi daripada ciptaan Allah SWT.

Di dalam Surah Ad-Dukhan, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Dan Kami tidak menciptakan langit dan bumi, dan apa yang ada antara keduanya bukanlah sia-sia, Kami tidak menciptakan keduanya melainkan dengan benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui”.*

(QS Ad-Dukhan 44:38-39).

Islam sangat menitik beratkan pemeliharaan semua komponen alam sekitar dan menghalang komponen-komponen ini daripada dirosakkan melainkan ada padanya keperluan sahaja bagi mengimbangi kehidupan manusia dan mengelakkan daripada berlaku pencemaran alam sekitar dan kerosakan keatasnya. Oleh kerana komponen-komponen alam sekitar adalah penting dan berfungsi dalam membentuk satu eko-sistem yang sihat, Islam telah meletakkan hukum-hukum dan garis panduan bagi melindungi komponen-komponen ini. Selain daripada itu, Islam juga memperuntukkan garis panduan bagi penjagaan haiwan, tumbuhan, air dan mengelakkan isu pencemaran.

### **(1) Penjagaan Islam Terhadap Haiwan**

Haiwan adalah satu faktor yang mempengaruhi di dalam kehidupan manusia. Di dalam Al-Quran banyak disebutkan ayat-ayat berkenaan kepentingan keberadaan haiwan bersama manusia bagi mengimbangi eko-sistem. Setiap haiwan yang diciptakan ada padanya hikmah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, dilarang untuk memburu haiwan untuk tujuan keseronokan. Begitu juga, haiwan-haiwan yang disebutkan di dalam nas-nas syariah untuk dibunuh seperti ular, cicak, tikus dan lain-lain hanya boleh dibunuh jika haiwan-haiwan ini mencerooboh ke dalam tempat tinggal sahaja.

Ayat-ayat suci Al-Quran telah menyebut berkenaan dengan unta. Hal ini kerana ia adalah sejenis haiwan yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*"Tidakkah kamu melihat keadaan unta bagaimana ia diciptakan?".*

(QS Al-Ghasyiyah 88:17)

Jelas di dalam ayat di atas Allah SWT telah mengarahkan manusia untuk menyaksikan bagaimana haiwan ini diciptakan olehNya yang mempunyai kekuatan yang kuat untuk menanggung muatan yang berat. Allah SWT juga telah berfirman yang bermaksud:

*“Apakah tidak mereka melihat kepada burung (yang) diterbangkan di angkasa langit, tidak dapat memegang burung-burung itu kecuali Allah, sungguh pada demikian itu benar-benar (ada) tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang beriman”.*

(QS An-Nahl 16:79).

Di dalam alam ciptaan burung-burung di langit mengingatkan kita bagaimana hebatnya ciptaan Allah SWT. Perkara ini dapat mengingatkan manusia betapa besar dan agung pencipta-Nya.

## **(2) Penjagaan Islam terhadap Tumbuhan**

Tumbuhan bukanlah satu ciptaan yang hanya digunakan untuk kegunaan dan hiasan bagi manusia akan tetapi peranannya adalah lebih besar daripada itu.

Allah SWT telah berfirman yang maksudnya:

*“Maka Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan sebaik-baiknya, kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu (daripadanya pada hari kiamat) dengan sebenar-benarnya”.*

(QS Nuh 71:17-18)

Apa yang dapat difahami di dalam ayat suci ini, manusia adalah salah satu daripada jenis tumbuhan, yang mana daripadanya mereka diciptakan. Selain itu, manusia di dalam kehidupannya tidak lekang hubungannya dengan tumbuh-tumbuhan yang mana mereka meminum daripada airnya dan mengambil faedah daripada sumbernya yang pelbagai. Di samping itu, tumbuhan juga memberi keindahan kepada persekitaran manusia dalam pelbagai bentuk variasi dan warna.

### **(3) Penjagaan Islam terhadap Air**

Air adalah salah satu daripada unsur-unsur kehidupan yang mesti dipelihara, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*"Dan diperbuat daripada air segala sesuatu yang hidup".*

(QS Al-Anbiya 21:30)

Kepentingan air disebutkan di dalam Al-Quran berulang-ulang kali, begitu juga kepentingan penjagaan air dan kepentingan berjimat-cermat menggunakan air, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*"Terangkanlah kepadaku jika sumber air kamu menjadi kering; maka siapakah yang akan mendatangkan air yang mengalir bagimu?".*

(QS Al-Mulk 67:30).

Selain ayat di atas, Allah SWT juga telah berfirman yang bermaksud:

*"Makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".*

(QS Al-A'raf 7:31)

### **(4) Islam dan Isu-isu Pencemaran**

Selain daripada itu Islam tidak mengabaikan isu-isu pencemaran. Meskipun tidak disebutkan secara sorih (jelas) di dalam Al-Quran perkataan "pencemaran" akan tetapi disebutkan isyarat berkaitan dengan pencemaran yang menyatakan ketidakseimbangan eko-sistem yang dilakukan oleh manusia. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*"Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)".*

Ayat ini cukup membuktikan bahawa Islam sangat mengambil berat isu pencemaran yang mana di dalam ayat yang disebutkan di atas merangkumi pencemaran udara, pencemaran bunyi, pencemaran air dan pencemaran alam sekitar yang lain-lain (Mustapha Ben Hamzah, 2016).

Dalam konteks kajian ini, MAIN berperanan untuk memastikan sebarang program dan projek yang dijalankan tidak mengganggu eko-sistem alam sekitar, mengurangkan pencemaran dan menyokong segala usaha bagi memelihara dan memulihara alam sekitar termasuklah flora dan fauna. Sebagai contoh, MAIN boleh berperanan menganjurkan program-program pembersihan pantai, kempen-kempen kesedaran melindungi ekologi alam sekitar dan mengamalkan budaya 3R (*Reuse, Reduce and Recycle* atau guna semula, kurangkan dan kitar semula) dalam pengurusan harian di pejabat. Contoh amalan yang boleh dilakukan adalah mengurangkan penggunaan kertas dan penjimatan elektrik. Tanggungjawab ini merupakan amanah yang perlu dipikul oleh setiap muslim termasuk pentadbir MAIN bagi kelestarian dan kemaslahatan bumi ini.

Seperti yang ditunjukkan di dalam KKPI, Maqasid Syariah yang membawa kepada manfaat sosial, ekonomi dan alam sekitar haruslah berdasarkan situasi masalah. Para sarjana Islam telah yang memperbahaskan ilmu Maqasid Syariah ini dan mereka berpendapat bahawa terdapat tiga situasi masalah yang perlu diberi perhatian mengikut keutamaan iaitu masalah daruriyyat, masalah hajiyyat, dan masalah tahsiniyyat. Masalah daruriyyah berkaitan dengan keperluan asasi. Ia merupakan masalah yang amat diperlukan oleh manusia secara pasti dalam kehidupan mereka. Ia merujuk kepada pemeliharaan lima perkara iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Tanpa masalah daruriyyah, kehidupan manusia akan menjadi binasa dan huru-hara. Bagi memenuhi keperluan ini, syarak telah menentukan pelbagai hukum demi menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (Abu Ishaq al-Syatibi, 2001).

Masalah hajiyyah merupakan masalah yang diperlukan oleh manusia bagi menghalang kerumitan serta kesusahan dari kehidupan mereka. Jika masalah ini tidak diambil kira, manusia akan mengalami kesulitan dalam urusan mereka. Jika masalah ini diabaikan kesannya tidak sampai tahap seperti mana kesan ketiadaan masalah asasi, bahkan manusia

akan mengalami kesulitan dalam urusannya. Sebagai contoh, pensyariaan hukum-hukum rukhsah seperti jamak dan qasar bagi orang yang sakit dan perempuan yang menyusukan anak, kontrak pinjaman, jual beli secara tempahan dan sebagainya. Keharusan perkara seumpama ini penting bagi menjaga keperluan hidup manusia. Ia melibatkan bidang ibadat, adat, muamalat dan jenayah (Abu Ishaq al-Syatibi, 2001).

Maslahah tahsiniyyah pula ialah sesuatu yang menjadikan taraf kehidupan mempunyai nilai akhlak dan berpekerti mulia. Jika tiada perkara tahsiniyyah, kehidupan boleh diteruskan namun nilai kehidupan berada ditahap yang rendah. Masalah ini termasuk perkara yang berkaitan ibadat seperti menghilangkan najis, mengamalkan kebersihan dalam semua perkara, menutup aurat, memakai perhiasan, mendekati diri kepada Allah SWT dengan melakukan amalan sunat, membuat kebajikan, bersedekah dan sebagainya. Dalam soal muamalat pula ia berkaitan dengan isu-isu seperti menegah jual beli benda kotor dan menjual air yang lebih kerana ia suatu keperluan (Abu Ishaq al-Syatibi, 2001).

### **6.2.3 Tahap Ketiga-Perlaksanaan**

Rajah 6.2 seperti di awal Bab menunjukkan bahawa Tahap Ketiga KKPI menekankan kepada aspek perlaksanaan. Peringkat perlaksanaan ini akan memberi tumpuan kepada amalan perakaunan secara langsung mengikut mekanisme utama iaitu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan terhadap liabiliti, hasil dan belanja. Perbincangan lanjut mengenainya boleh dirujuk melalui subseksyen-subsyeksen yang berikut:

#### **6.2.3.1 Pengiktirafan Liabiliti, Hasil dan Belanja**

Pengiktirafan adalah satu ujian untuk mengetahui sama ada peristiwa ekonomi yang berlaku bagi sesebuah organisasi mempunyai kaitan dengan elemen penyata kewangan (contoh, aset, liabiliti, hasil dan belanja) ataupun tidak. Pengiktirafan juga membincangkan titik masa sesuatu transaksi ekonomi itu perlu mula diakaunkan. Sesuatu elemen penyata kewangan itu akan diiktiraf jika ia memenuhi definisi dan ia boleh diukur secara boleh dipercayai (Abdul Rahim

Abdul Rahman, 2010). Memandangkan kajian pada Fasa 3 ini adalah terhadap liabiliti, hasil dan belanja, maka perbincangan yang seterusnya akan tertumpu kepada item-item tersebut.

Menurut MPSAS 1, *“liabiliti ialah obligasi semasa entiti yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar dari sumber entiti yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan”* (JANM, 2013). Kajian ini mencadangkan definisi ini diterima pakai sepenuhnya dalam pembangunan piawaian perakaunan Islam dan dalam konteks institusi WZB kerana ia tidak bertentangan dengan syarak dan sesuai dengan sifat operasi WZB yang merupakan antara agensi sektor awam. Selain itu, definisi ini adalah konsisten dengan definisi-definisi yang dicadangkan oleh MPERS (MASB, 2019) dan Financial Accounting Standards Board (FASB) (FASB, 2019).

Islam mengaitkan liabiliti atau obligasi dengan hutang (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2010). Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Siapakah yang mau meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, Maka Allah akan melipat-gandakan (balasan) pinjaman itu untuknya, dan dia akan memperoleh pahala yang banyak”.*

(QS Al-Hadid 57:11)

Allah SWT menggariskan ciri hutang dengan menyebut hutang atau pinjaman yang baik bermaksud hutang daripada harta yang halal, hutang yang tidak membebankan orang yang berhutang, tiada unsur riba dan hutang yang tidak merugikan pemiutang. Allah SWT akan melipat gandakan ganjaran yang banyak kepada orang itu. Dalam erti kata lain, membelanjakan harta pada jalan Allah SWT, baik dalam bentuk infak, memberi kepada pusat-pusat kebajikan, membantu orang yang memerlukan, memberi untuk jihad fi sabilillah merupakan bahagian daripada hutangan yang baik kepada Allah SWT. Walaupun secara zahirnya kebbaikannya diperoleh oleh manusia, namun ianya sebenarnya seakan-akan dia memberi hutang kepada Allah. Allah SWT akan membalas dengan ganjaran yang besar (Abdullah et al., 2018).

Namun, kewajipan melunaskan liabiliti atau hutang merupakan sesuatu yang sangat berat sepertimana hadis Nabi SAW yang bermaksud:

*“Diampunkan semua dosa bagi orang yang terkorban syahid kecuali ia mempunyai hutang”.*

(HR Abdullah bin Amru)

MPSAS 1 menyatakan bahawa *“hasil ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan sepanjang tempoh pelaporan apabila aliran masuk itu menyebabkan berlakunya peningkatan dalam aset bersih/ekuiti, selain peningkatan berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik”* (JANM, 2013). Berdasarkan definisi tersebut dan setelah mengambil kira definisi-definisi yang diutarakan oleh MPERS dan MFRS 118 Revenue (MASB, 2019), berikut adalah definisi baru hasil yang dicadangkan untuk pembangunan piawaian perakaunan Islam dan dalam konteks institusi WZB:

*Hasil ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang timbul daripada **aktiviti biasa entiti** sepanjang tempoh pelaporan apabila aliran masuk itu menyebabkan berlakunya peningkatan dalam **kumpulan wang entiti tersebut**, selain peningkatan yang berkaitan dengan terimaan daripada pewakaf.*

Merujuk kepada definisi di atas, **aktiviti biasa entiti** bermaksud aktiviti biasa institusi WZB yang berkaitan dengan wakaf, zakat, baitulmal dan lain-lain dalam urusan sehariannya. **Kumpulan wang entiti tersebut** pula adalah kumpulan wang wakaf, zakat, baitulmal dan lain-lain kumpulan wang yang diwujudkan dengan apa-apa nama oleh institusi WZB (contoh, kumpulan wang pengurusan). Cadangan memasukkan perkataan *“kumpulan wang”* menggantikan perkataan *“sumbangan daripada pemilik”* adalah bersesuaian dengan perakaunan dana yang diamalkan oleh institusi WZB iaitu tidak memiliki ekuiti. **Selain peningkatan yang berkaitan dengan terimaan daripada pewakaf** bermaksud definisi hasil di atas tidak termasuk terimaan tunai atau lain-lain harta oleh institusi WZB daripada pewakaf. Terimaan sedemikian bukanlah hasil dan perlulah didebitkan terus sebagai aset dan dikreditkan sebagai kumpulan wang wakaf.

Berdasarkan MPSAS 1, *“belanja pula ialah pengurangan dalam manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang mengakibatkan pengurangan aset bersih/ekuiti, selain yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik”* (JANM, 2013). Jadi, definisi baru belanja

dalam kajian ini setelah mengambilkira juga definisi-definisi oleh MPERS (MASB, 2019) dan FASB (2019) adalah seperti berikut:

*Belanja ialah pengurangan dalam manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang timbul daripada **aktiviti biasa entiti** sepanjang tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang menyebabkan pengurangan **dalam kumpulan wang entiti** tersebut.*

Berdasarkan definisi di atas, **aktiviti biasa entiti** bermaksud aktiviti biasa institusi WZB yang berkaitan dengan wakaf, zakat, baitulmal dan lain-lain melalui operasi sehariannya. **Kumpulan wang entiti tersebut** merujuk kepada kumpulan wang wakaf, zakat, baitulmal dan lain-lain kumpulan wang yang diwujudkan dengan apa-apa nama oleh institusi WZB (contoh, kumpulan wang amanah). Cadangan memasukkan perkataan “*kumpulan wang*” dan mengeluarkan perkataan “*aset bersih/ekuiti, selain yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik*” adalah kerana institusi WZB mengamalkan perakaunan dana seperti agensi sektor awam yang lain. Oleh yang demikian, definisi belanja yang dicadangkan di atas boleh menjadi panduan dalam pembangunan piawaian perakaunan Islam dan amalan perakaunan institusi WZB.

Menurut Islam, hasil dijana dan belanja dilibatkan hendaklah yang mendapat keredhaan daripada Allah SWT dan terdapat banyak nas-nas Al-Quran yang menyentuh tentang perkara ini. Antaranya firman-firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai). Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu perbuat”.*

(QS Al Baqarah 2:265)

*“Hai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan*



*kepada kamu) melainkan dengan memejamkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji”.*

(QS Al Baqarah 2:267)

*“Kedua buah kebun itu menghasilkan buahnya, dan kebun itu tiada kurang buahnya sedikitpun, dan Kami alirkan sungai di celah-celah kedua kebun itu”.*

(QS Al Kahf 2:33)

*“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”.*

(QS Al Baqarah 2:195)

Menurut Profesor Dr. Asmadi bin Mohamed dan Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long, meskipun definisi liabiliti, hasil dan belanja yang diutarakan di atas tidak menyatakan tentang pematuhan kepada keperluan syariah, sesuatu liabiliti, hasil dan belanja itu boleh diiktiraf (**Andaian**) selagi mana mereka tidak melibatkan perkara-perkara yang berikut (**Prinsip**):

### **(1) Gharar**

Gharar dikenali di dalam jual beli dengan: *“penjualan sesuatu benda yang tidak diketahui secara jelas jumlahnya, sifatnya dan bilangannya yang berlaku daripada pihak pembeli ataupun penjual”*. Dalam takrif yang lain gharar bermaksud: *“sesuatu daripada muamalat yang tidak diketahui sama ada barang dibeli akan di dapati ataupun tidak”* seperti pembelian sesuatu barangan yang tidak diketahui kuantiti barangan tersebut ataupun pembelian sesuatu barangan yang tidak boleh diterima oleh pihak pembeli dan tidak boleh dibuat penghantaran (Sadiq Abdurrahman Gharyani, 2002).

Gharar diharamkan oleh Islam kerana ia adalah suatu unsur yang berisiko kepada pihak pembeli dan mengelirukan. Akhirnya gharar membawa kepada memakan wang orang lain dengan haram (Sadiq Abdurrahman Gharyani, 2002). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui”.*

(QS Al-Baqarah 2:188)

Dalil lain yang menunjukkan kepada pengharaman gharar adalah seperti diriwayatkan dari Rasulullah SAW dari hadis Abu Hurairah yang maksudnya:

*“Rasul Allah SAW melarang jual beli al-hashah dan jual beli gharar”.*

(HR Muslim)

Para ulama sepakat mengharamkan transaksi yang berunsurkan gharar yang banyak seperti penjualan ikan di laut, burung-burung di langit dan penjualan anak haiwan yang masih dikandung di dalam perut ibunya.

Selain itu, para ulama bersetuju membolehkan transaksi yang ada padanya gharar yang tidak diniatkan dan sedikit yang mana gharar dalam bentuk ini dianggap sebagai martabat hajiayat. Hal ini kerana jika dihalang gharar yang berlakunya dalam kuantiti yang sedikit ini maka ia akan menyebabkan sesuatu kesusahan dalam melakukan muamalat dan menyebabkan sesuatu penjualan terbatal. Contoh gharar yang berlaku sedikit dalam sesuatu muamalat yang dibolehkan seperti:

- (a) Makan makanan di dalam restoran yang belum lagi dimasak, kita tidak dapat mengetahui kuantiti makanan yang dimasak, rasanya dan sebagainya.
- (b) Pembelian rumah yang mana pembeli tidak mengetahui cerucuk yang berada dalam tanah rumahnya dari segi kekerasannya, kedalamannya, panjangnya dan pendeknya.
- (c) Membeli buah-buahan yang tidak diketahui apa yang berada di dalamnya iaitu isinya baik ataupun buruk.

Namun, para ulama telah meletakkan syarat untuk membolehkan transaksi yang ada padanya gharar yasir (sedikit) ini perlulah tidak disengajakan oleh penjual (Sadiq Abdurrahman Gharyani, 2002).

## (2) Riba

Riba adalah suatu penambahan pada perkara-perkara yang berunsurkan riba yang mana telah dihadkan oleh syarak. Perkara-perkara tersebut telah disebutkan di dalam hadis Nabi SAW sabdanya:

*“Jika emas dijual dengan emas, perak dijual dengan perak, gandum dijual dengan gandum, sya’ir (salah satu jenis gandum) dijual dengan sya’ir, kurma dijual dengan kurma, dan garam dijual dengan garam, maka jumlah (takaran atau timbangan) harus sama dan dibayar tunai. Barangsiapa menambah atau meminta tambahan, maka ia telah berbuat riba. Orang yang mengambil tambahan tersebut dan orang yang memberinya sama-sama berada dalam dosa”.*

(HR Muslim)

Di dalam riwayat yang lain di dalam sahih Imam Muslim:

*“Jika jenis barang tadi berbeza, maka dibolehkan untuk engkau menukarkannya dengan sesuka hati, akan tetapi ia haruslah dilakukan secara terus menerus (tidak ditangguhkan)”.*

(HR Muslim)

Di antara dalil-dalil pengharaman riba adalah seperti berikut:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah, bahwa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya”.*

(QS Al-Baqarah 2: 278-279)

Firman Allah SWT di dalam ayat sebelumnya bermaksud:

*“Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran, dan selalu berbuat dosa”.*

(QS Al-Baqarah 2:276)

Berdasarkan nas-nas yang telah disebutkan, para ulama fiqh telah mengklasifikasikan riba kepada kepada dua jenis yang berikut:

- (a) **Riba Nasi'ah:** bermaksud keterlambatan, asal daripada penamaan riba ini adalah daripada sistem riba digunakan pada zaman jahiliyyah. Pada zaman jahiliyyah dahulu jika seorang itu berhutang daripada pemberi hutang, apabila dia tidak dapat membayar hutang pada tempoh yang telah ditetapkan maka hutang yang perlu dibayar akan digandakan.
- (b) **Riba Fadl:** Ia adalah pengantian di antara jenis-jenis perkara yang berunsurkan riba (emas, perak, gandum, syai'r (jenis gandum), garam, kurma) dengan jenis yang sama dengan tambahan. Contohnya menggantikan satu kilogram daripada kurma dengan dua kilogram ataupun menggantikan sesuatu emas dengan emas yang lain lebih berat daripadanya, walaupun salah satu jenis perkara yang ditukarkan yang berunsur ribawi adalah lebih berkualiti daripada yang lain Sadiq (Sadiq Abdurrahman Gharyani, 2002).

### (3) **Jahalah**

Jahalah adalah suatu perkara yang tidak diketahui ketika di dalam urusan jual beli sama ada duit atau barang. Jahalah berlaku pada sifat, kadar ataupun tempoh barang ataupun duit. Menurut Sadiq Abdurrahman Gharyani (2002) jenis-jenis jahalah adalah:

- (a) **Jahalah yang berlaku kepada barang yang dijual:** Seperti kata penjual: Aku menjualkan apa yang ada di dalam beg ini.
- (b) **Jahalah yang berlaku ke atas sifat pada yang dijual:** Seperti kata penjual: Aku jualkan sepotong kain daripada kain-kain aku ini.
- (c) **Jahalah yang berlaku pada nilai barang yang dijual:** Sepertimana apa yang dikatakan oleh penjual: Aku menjual barang ini sepertimana aku menjualkan kepada orang lain ataupun aku menjual barang ini dengan harga pada hari ini.
- (d) **Jahalah berlaku pada tarikh jualan:** Jahalah yang berlaku pada jenis boleh berlaku pada pembeli dan penjual, contoh jahalah yang berlaku pada penjual, seperti katanya: Aku menjual kereta ini selepas hujan turun pada minggu hadapan. Begitu juga berlaku pembeli contohnya: Aku akan membayar wang pinjaman kereta ini apabila aku sembuh

daripada sakit. Jahalah jenis ini adalah jahalah yang tidak disebutkan jualan dan pembayaran secara tepat dan menyeluruh.

#### **(4) Maisir**

Al-Maisir adalah setiap jenis permainan pertaruhan wang yang mana pemenang akan mengambil wang yang dipertaruhkan daripada pada pihak yang kalah. Al-Maisir juga mempunyai nama lain mengikut ulama fiqh iaitu al-qimar, Ibnu Abbas RA telah berkata: “*al-maisir adalah al-qimar*”. Beliau juga berkata: “*Sesungguhnya perjudian itu adalah al-qimar, sesungguhnya orang jahiliyah dahulu mereka memperjudikan wang-wang mereka dan isteri-isteri mereka...*” (Abu Bakar Ahmad bin Ali Arrazi Al-Jassas, 1992)

Perjudian menjadikan manusia bergantung kepada nasib dan tidak bekerja untuk mencari sumber rezeki. Islam menganggap wang manusia suatu perkara yang suci yang mana ia tidak boleh diambil tanpa jalan yang disahkan seperti sedekah, wakaf dan sebagainya bukan dengan jalan pertaruhan. Pertaruhan adalah satu jalan yang tidak disyariatkan di dalam Islam kerana ia menyebabkan pengambilan wang orang lain dengan jalan yang haram dan paksaan dan ini perlu dielakkan dalam transaksi yang berkaitan liabiliti, hasil dan belanja.

Di antara dalil-dalil yang mengharamkan perjudian adalah firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan”.*

(QS Al-Mai'dah 5:90)

#### **(5) Haram**

Sudah jelas bahawasanya Al-Quran dan sunnah merupakan sumber yang penting bagi umat Islam di dalam mengenalpasti sesuatu hukum agama. Diantara hukum-hukum yang telah disebutkan di dalam nas-nas Al-Quran dan sunnah adalah hukum jual beli. Adapun di dalam Al-Quran Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”.*

(Al-Baqarah 2: 275)

Di dalam ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT telah menghalalkan semua jenis jual beli bagi memudahkan urusan manusia dan mengharamkan riba (sila lihat penerangan di atas). Begitu juga, Nabi SAW telah bersabda apabila Baginda ditanya berkenaan pekerjaan yang paling baik disisi Baginda, maka Baginda menjawab:

*“Pekerjaan seseorang itu daripada titik peluhnya sendiri dan setiap jual beli yang mabrur (berkat)”.*

(HR Ahmad)

Jual beli yang mabrur ini merupakan jual-beli yang tidak berunsurkan penipuan, pengkhianatan dan kezaliman. Selain daripada nas-nas yang telah disebutkan ini, banyak lagi jenis-jenis jual beli yang telah diharamkan oleh syariat Islam. Sesungguhnya jual beli yang diharamkan ini semuanya boleh dilihat bahawasanya diantara sebab-sebab pengharamannya adalah apa yang telah disebutkan di dalam nas-nas di atas iaitu:

- (a) Jual beli yang berunsurkan riba (sila lihat penerangan di atas).
- (b) Jual beli yang berunsurkan kezaliman samada kepada pembeli ataupun penjual.
- (c) Jual beli yang berunsurkan penipuan.
- (d) Jual beli yang berunsurkan pengkhianatan.

Diantara pembahagian jual beli yang telah diharamkan oleh syariat Islam boleh disimpulkan kepada pembahagian-pembahagian di bawah:

- (a) **Pembelian Deposit:** Jual beli ini adalah jual beli yang berlaku pada pembeli yang membeli sesuatu barangan dan membayar separuh daripada harganya kepada penjual. Baki daripada bayaran tersebut akan dibayar pada tempoh tertentu di atas persetujuan pembeli dan penjual. Akan tetapi jika pembeli tidak mampu untuk menyempurnakan bayaran pada tempoh yang ditetapkan maka bayaran yang dibayar oleh pembeli tersebut tidak akan dipulangkan kepada pembeli. Nabi SAW telah melarang jual beli yang mempunyai unsur-unsur ini.
- (b) **Jual beli perkara yang berunsurkan najis:** Jual beli yang berunsurkan najis pada hakikatnya akan menyebabkan kerosakan dan kemudaratan kepada pembeli dan penjual

(Abu Fida' Ismail Ibnu Umar Ibnu Kasthir Qurashyi Dimashqi, 1999). Diantara perkara yang diharamkan untuk dijual dan dibeli yang berunsurkan najis adalah:

**(i) Jual beli bangkai**

Pengharaman jual beli bangkai telah dinyatakan di dalam Al-Quran. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

(QS Al-Baqarah 2:173)

**(ii) Jual beli arak**

Saadi Abu Habib (1988) menyatakan bahawa arak telah diharamkan dalam Islam. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan setan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan”.*

(QS Al-Mai'dah 5: 90).

Nabi Muhammad SAW juga telah bersabda di dalam sebuah hadis:

Daripada Anas bin Malik katanya: *“Rasulullah SAW melaknat pada khamr itu sepuluh perkara, pemerahnya, orang yang meminta ia diperahkan, peminumnya, orang yang menghidangkannya, orang yang memesannya, pembawanya, penjualnya, orang yang memakan hasil jualannya, pembelinya dan orang yang meminta supaya dibelikan untuknya”.*

(HR Tirmizi dan Ibnu Majah)

Bagi memastikan tiada transaksi perakaunan yang berunsur haram, para MAIN boleh merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa di negeri masing-masing atau menubuhkan panel syariah yang dapat menilai haram halal sesuatu urusan niaga itu. Ini penting kerana transaksi yang berkaitan aset (Fasa 2), liabiliti, hasil dan belanja pada hari ini adalah kompleks dan pelbagai.

## **(6) Ghalat**

Ghalat bermaksud "kesalahan" dari segi bahasa. Manakala dari segi istilah ia adalah suatu kesalahan yang berlaku keatas barang ataupun perkhidmatan yang diurus niaga. Ghalat juga dikenali sebagai sangkaan yang digambarkan oleh orang yang berakad berlawanan dengan realiti dan boleh membawa kepada akad terbatal kerana sangkaan tersebutlah yang mendorong ia melakukan akad (Mustafa Ahmad Zarqa, 2012).

Dr Abu Zahra pula mentakrifkan ghalat sebagai suatu barangan yang telah disepakati untuk diurus niagakan di antara pembeli dan penjual akan tetapi apabila barangan tersebut diterima oleh pembeli tidak menepati sifat-sifat dan ciri-ciri yang disebutkan pada akad pembelian. Hal ini seperti barang siapa yang membeli sepotong kain daripada sutera, selepas itu dia mendapati kain tersebut daripada bukanlah daripada sutera sepenuhnya kerana ada padanya percampuran diantara sutera dan bahan yang lain. Di dalam contoh ini, berlakunya kesalahan dalam meletakkan sifat bagi kain sutera tersebut. Begitu juga ghalat yang berlaku seperti pembelian cincin emas putih sebagai contoh, apabila barang sampai ke tangan pembeli beliau mendapati cincin tersebut bukanlah diperbuat daripada emas putih, akan tetapi diperbuat daripada perak (Abu Zahrah, 1996).

Tidak syak lagi di dalam urusan jual beli unsur keredhaan di antara pembeli dan penjual adalah salah satu unsur yang penting bagi memastikan sesuatu jual beli menjadi sah. Jika keredhaan tidak disepakati dalam sesuatu jual-beli, maka perkara ini boleh membawa kepada terbatalnya sesuatu akad. Menurut Abu Zahrah (1996), secara umumnya ghalat boleh dibahagikan kepada:

### **(1) Ghalat yang boleh menyebabkan terbatalnya sesuatu akad**

Bermaksud sejenis perkara yang disebut sebelum jual beli akan tetapi ketika akad jual beli perkara jenis lain diberikan seperti jual beli cincin emas putih dan diberikan perak. Ini kerana



emas putih adalah suatu jenis unsur yang berbeza daripada perak. Walaupun kedua jenis cincin ini daripada emas putih dan perak merupakan barang kemas yang mana boleh dianggap di bawah satu jenis yang sama, namun dari segi zahirnya akan tetapi perbezaan besar berlaku dari segi nilai kedua-dua jenis cincin ini.

## **(2) Ghalat yang tidak membawa kepada pembatalan sesuatu akad**

Bermaksud berlakunya sesuatu ghalat pada suatu perkara yang dijual beli yang mana perkara tersebut tidak ada perbezaan pada zahirnya dari segi jenisnya dan juga berbeza dari nilainya secara ketara. Perkara ini seperti siapa yang membeli seekor kambing jantan, apabila beliau membeli kambing tersebut pembeli mendapati kambing yang telah dibeli adalah kambing betina ataupun sebaliknya. Dalam keadaan ini, akad pembelian ini berlaku padanya ghalat kerana salah satu sifat kambing yang disepakati tidak ditepati oleh penjual. Oleh yang demikian, dibolehkan ke atas pembeli membatalkan jual beli. Jika penjual ingin menjual kambing tersebut haruslah beliau mendapatkan persetujuan pembeli dan keredhaanya untuk menjual kambing betina tersebut.

Pembahagian yang pertama yang telah disebutkan daripada ghalat ini terjadi kepada semua jenis muamalat termaksudlah talak, nikah dan rujuk, akan tetapi pembahagian yang kedua terjadi kepada muamalat Maliyah (jual beli berunsurkan wang) yang disyaratkan kepada keredhaan dalam jual beli (Abu Zahrah, 1996). Dalam bidang perakaunan, transaksi yang mengandungi ghalat boleh menyebabkan terbatalnya sesuatu transaksi jual beli yang dikenali sebagai pulangan jualan dan pulangan belian. Pembatalan tersebut mempunyai kesan terhadap liabiliti (contoh, akaun belum bayar), hasil (contoh, jualan barangan) dan belanja (pembelian inventori).

### **6.2.3.2 Pengukuran Liabiliti, Hasil dan Belanja**

Pengukuran merupakan amaun yang akan direkod terhadap elemen penyata kewangan seperti aset, liabiliti, hasil dan belanja (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2010). Pengukuran dalam Islam secara jelasnya telah disebut dalam Al-Quran sepertimana firman-firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik-baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak)”.*

(QS Al-Isra' 17:35)

*“Dan kepada (penduduk) Madyan (Kami utus) saudara mereka, Syu'aib. Ia berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tiada Tuhan bagimu selain Dia. Dan janganlah kamu kurangi takaran dan timbangan, sesungguhnya aku melihat kamu dalam keadaan yang baik (mampu) dan sesungguhnya aku khawatir terhadapmu akan azab hari yang membinasakan (kiamat).” “Dan Syu'aib berkata: "Hai kaumku, cukupkanlah takaran dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu merugikan manusia terhadap hak-hak mereka dan janganlah kamu membuat kejahatan di muka bumi dengan membuat kerosakan”.*

(QS Hud 11:84-85)

*“Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. (yaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain, mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. Tidakkah orang-orang itu yakin bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan. Pada suatu hari yang besar. (yaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Rabb semesta alam”.*

(QS Al-Muthaffifin 83: 1-6)

Ayat-ayat di atas merupakan antara keperluan kepada pengukuran yang adil dan saksama. Menurut Abdul Rahim Abdul Rahman (2010), pengukuran perakaunan konvensional adalah berdasarkan prinsip kos yang menggunakan kos pengambilalihan atau kos sejarah sebagai asas pengukuran yang sesuai. Walau bagaimanapun, prinsip ini dipertikaikan dari segi pandangan Islam kerana ia tidak konsisten dengan konsep adil dan saksama. Sebagai contoh, dari segi pengiraan zakat, majoriti ulama mencadangkan penggunaan nilai semasa atau saksama. Hujah untuk menggunakan nilai ini adalah berdasarkan keperluan untuk mengira kekayaan yang tertakluk kepada zakat demi memberi keadilan kepada penerima dan pembayar zakat yang mana para MAIN adalah pengurusnya.

Berdasarkan perbincangan di atas, secara umumnya kajian ini mencadangkan agar aset (Fasa 2), liabiliti, hasil dan belanja yang diiktiraf haruslah diukur dengan menggunakan nilai semasa

atau saksama dan perlulah bebas dari apa-apa perkara yang dilarang oleh Islam seperti riba (contoh, penggunaan nilai masa wang atau kadar diskaun yang tidak patuh syariah). Namun, tidak terdapat halangan untuk menggunakan pengukuran lain seperti nilai kos atau token jika MAIN mempunyai justifikasi dan rasional (contoh, telah difatwakan atau mengikut enakmen atau nilai saksama sukar ditentukan) terhadap amalan yang dipilih.

### **6.2.3.3 Pendedahan Liabiliti, Hasil dan Belanja**

Secara umumnya, pendedahan berkaitan dengan maklumat perakaunan akan dibuat pada muka penyata kewangan, nota-nota kepada akaun dan melalui polisi-polisi organisasi yang berkaitan. Pendedahan maklumat perakaunan seperti aset, liabiliti, hasil dan belanja merupakan tuntutan penting dalam Islam. Ini jelas seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka, hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka, hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dalam kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan daripada orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa daripada saksi-saksi perempuan yang berdua itu, maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-*

*beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.*

(QS Al-Baqarah 2:282)

Islam menyarankan dua prinsip utama pendedahan maklumat perakaunan iaitu “Pendedahan Penuh” dan “Akauntabiliti Sosial”. Berdasarkan sorotan karya, dua prinsip ini telah dicadangkan pada Fasa 3 kajian. Penerangan lanjut berkaitan dengan dua prinsip tersebut adalah seperti yang berikut:

### **(1) Pendedahan Penuh**

Menurut Lewis (2001) prinsip pendedahan penuh dalam Islam dikaitkan dengan pendedahan maklumat yang relevan dengan mendedahkan semua fakta secara benar dan adil tentang perkara-perkara yang sedang berlaku dalam sesebuah entiti. Sebagai contoh, dalam konteks institusi WZB, pendedahan maklumat perakaunan perlulah dibuat berdasarkan kepada kumpulan wang tertentu seperti wakaf, baitulmal dan zakat agar lebih telus. Ini disokong dengan nas-nas Al-Quran yang mana Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*“Musa berkata: Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu betina itu adalah lembu betina yang belum pernah dipakai untuk membajak tanah dan tidak pula untuk mengairi tanaman, tidak bercacat, tidak ada belangnya. Mereka berkata: Sekarang barulah kamu menerangkan hakikat lembu betina yang sebenarnya. Kemudian mereka menyembelihnya dan hampir saja mereka tidak melaksanakan perintah itu”.*

(QS Al-Baqarah 2:71)

*“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika*

*kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan”.*

(QS An-Nisa' 4:135)

Lewis (2001) menambah bahawa tujuan pendedahan maklumat perakaunan adalah untuk menjaga kepentingan awam kerana masyarakat atau “*umma*” mempunyai hak untuk mengetahui tentang kesan operasi sesebuah organisasi itu sama ada membawa kesejahteraan dan memenuhi kehendak syariat ataupun tidak. Pendedahan maklumat yang benar dan relevan adalah penting dalam pelbagai aspek kehidupan Islam. Ini kerana terdapat tanggungjawab seperti membayar zakat yang mana pengiraannya memerlukan pendedahan nilai aset dan liabiliti berdasarkan tuntutan Islam demi membantu golongan yang memerlukannya. Prinsip pendedahan penuh juga diperlukan untuk meramalkan obligasi masa hadapan dan risiko pelaburan dalam urus niaga yang membabitkan perkongsian perniagaan yang mana para MAIN terlibat dengannya.

## **(2) Akauntabiliti Sosial**

Dalam Al-Quran, perkataan “*hisab*” diulang lebih daripada lapan kali dalam ayat-ayat yang berlainan (Askary & Clarke, 1997). “*Hisab*” atau “*akaun*” adalah asas kepada perakaunan. Menurut Al-Quran, “*hisab*” adalah kewajiban untuk “*mengakaunkan*” kepada Allah segala perbuatan manusia dan manusia adalah “*bertanggungjawab*” terhadap perbuatan tersebut.

Manusia hanyalah pemegang amanah terhadap apa yang telah diberikan oleh Allah SWT dalam bentuk barang, harta benda dan aset tidak nyata. Kejayaan seseorang muslim di dunia dan akhirat bergantung kepada sejauh mana dia menggunakan apa yang telah diamanahkan kepadanya. Ini bermakna setiap muslim mempunyai “*akaun*” dengan Allah SWT yang mana ia tercatat segala tindakan yang baik dan buruk sepanjang kehidupannya di dunia ini. “*Akaun*” itu akan berterusan sehingga hari kematian dan Allah SWT akan menunjukkan kepada semua akaun mereka pada hari pembalasan. Perbincangan ini adalah amat bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Maka bagaimanakah halnya apabila mereka (orang-orang munafik) ditimpa sesuatu musibah disebabkan perbuatan tangan mereka sendiri, kemudian mereka datang kepadamu*

*sambil bersumpah: Demi Allah, kami sekali-kali tidak menghendaki selain penyelesaian yang baik dan perdamaian yang sempurna".*

(QS An-Nisa' 4:62)

Oleh itu, persamaan asas antara "*hisab*" dalam Islam dan "*perakaunan*" terletak kepada akauntabiliti setiap muslim untuk menjalankan tugas seperti yang telah disyariatkan oleh Islam.

Abdul Rahim Abdul Rahman (2010) membuat menyatakan bahawa dua prinsip di atas bermaksud keperluan kepada para penyedia akaun untuk mendedahkan segala maklumat yang berguna dan penting kepada pengguna maklumat perakaunan untuk membuat keputusan. Pendedahan sebegitu rupa dibuat kerana itu adalah suruhan daripada Allah SWT demi menjaga kepentingan "*umma*" atau masyarakat. Kesimpulannya, pendedahan menurut perakaunan konvensional adalah terhad untuk memenuhi undang-undang sekular dan menekankan kepada akauntabiliti peribadi (contoh, agen dan principal) berlandaskan falsafah rasional ekonomi (contoh, sistem ekonomi kapitalis), manakala perakaunan Islam menekankan pendedahan telus dan akauntabiliti sosial (moral) (Baydoun & Willet, 2000; Khoramin, 2012; Lewis, 2001).

### **6.3 Ciri-ciri Kualitatif Maklumat Kewangan**

Ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan atau perakaunan merupakan ciri-ciri yang paling berguna untuk membuat keputusan. International Accounting Standards Board (IASB), melalui projek rangka kerja konseptualnya telah mengenal pasti ciri-ciri tersebut yang mana mereka mampu membezakan maklumat yang lebih baik (lebih berguna) dan maklumat kurang baik (kurang berguna) dalam konteks membuat keputusan. Walau bagaimanapun, penyediaan maklumat yang berguna tersebut perlulah mengambilkira dua kekangan pelaporan kewangan iaitu kos dan materialiti (IASB, 2018).

IASB (2018) telah mengklasifikasikan ciri-ciri kualitatif tersebut kepada dua kategori iaitu asas (*Fundamental*) dan yang meningkatkan (*Enhancing*) kualiti asas maklumat perakaunan. Ciri-ciri asas terdiri daripada relevan (*Relevance*) dan kebolehpercayaan (*Faithful Representation*). Bagi mencapai relevan, maklumat kewangan mestilah mampu membawa perbezaan dalam keputusan yang dibuat. Maklumat yang tidak berkaitan dengan keputusan adalah tidak relevan.

Sebagai tambahan, maklumat kewangan adalah mampu memberi perbezaan apabila ia mempunyai nilai ramalan, nilai pengesahan, atau kedua-duanya. Kebolehpercayaan pula bermaksud nombor dan penerangan adalah bertepatan dengan apa yang sebenarnya wujud atau berlaku. Kebolehpercayaan tercapai jika maklumat adalah lengkap, neutral dan bebas dari kesilapan.

Ciri-ciri kualitatif yang meningkatkan kualiti asas maklumat kewangan adalah Kebolehbandingan (*Comparability*), Kebolehsahkan (*Verifiability*), Ketepatan masa (*Timeliness*) dan Kebolehfahaman (*Understandability*). Dengan lain perkataan, ciri-ciri ini merupakan pelengkap kepada kualiti asas maklumat kewangan. Kebolehbandingan membantu pengguna maklumat mengenalpasti persamaan dan perbezaan sebenar dari aspek peristiwa ekonomi di antara entiti yang berbeza. Kebolehsahkan pula tercapai apabila pengukur bebas (contoh, juruaudit) menggunakan kaedah yang sama, mereka boleh mendapatkan keputusan yang sama. Ketepatan masa bermaksud menyediakan maklumat kepada pembuat keputusan sebelum maklumat tersebut hilang keupayaannya untuk mempengaruhi keputusan. Kebolehfahaman dicapai apabila maklumat perakaunan dikelaskan, dicirikan, dan dibentangkan dengan jelas dan ringkas bagi proses membuat keputusan (IASB, 2018).

Kajian ini telah mendapatkan pandangan daripada Profesor Dr. Asmadi bin Mohamed Naim dan Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long mengenai ciri-ciri kualitatif yang telah dicadangkan dalam konteks perakaunan konvensional seperti yang dibincangkan di atas. Menurut mereka, ciri-ciri yang diutarakan itu tidak bercanggah dengan syarak dan konsisten dengan saranan Islam. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan bahawa ciri-ciri kualitatif tersebut boleh diterimapakai dalam konteks perakaunan dan pelaporan kewangan institusi- institusi WZB.

#### **6.4 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan dengan panjang lebar berkenaan KKPI bersama-sama keperluan syariah yang menyokong KKPI tersebut. Secara umumnya, KKPI yang dicadangkan mempunyai tiga tahap iaitu teori asas dan konsep asas sebagai khalifah (Tahap Pertama), matlamat (Al-Adl, Al-Ihsan dan Al-Falah) (Tahap Kedua) dan pelaksanaan amalan perakaunan (Tahap Ketiga). Berdasarkan beberapa siri rundingan bersama Profesor Dr.

Asmadi bin Mohamed Naim dan Dr. Muhamad Noor Habibi bin Long terdapat penambahbaikan yang telah dibuat terhadap KKPI. Pertama, kajian ini bersetuju untuk menambah elemen tasawuf disamping tauhid dan fiqh sebagai teori asas. Kedua, konsep asas akauntabiliti kepada kepada Allah SWT (Hablum Min Allah) dan kepada manusia (Hablum Min An-nas) telah dikekalkan. Ketiga, memberi penekanan kepada matlamat maqasid syariah bagi zakat, wakaf dan baitulmal. Keempat, menambah elemen kemaslahatan alam sekitar disamping sosial dan ekonomi. Kelima, boleh mengiktiraf liabiliti, hasil dan belanja selagi mana mereka tak melibatkan riba, gharar, maisir, jahalah, ghalat dan haram (andaian dan prinsip). Keenam, pengukuran haruslah menggunakan nilai semasa atau saksama yang berlandaskan kepada keadilan Islam. Terakhir, menyarankan dua prinsip utama pendedahan maklumat perakaunan berlandaskan Islam iaitu pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial. Selain itu, ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan turut disentuh secara ringkas dalam bab ini.



## **BAB TUJUH**

### **BATASAN PERUNDANGAN**

#### **7.1 Pengenalan**

Bab ini menghuraikan secara terperinci undang-undang yang berkaitan dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan institusi wakaf, zakat dan baitulmal (WZB) khususnya yang berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti dalam aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan. Perlembagaan Persekutuan, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), dan beberapa akta yang berkaitan kajian ini dibincangkan. Manakala Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Ordinan bagi setiap negeri turut diteliti bagi membincangkan bab ini.

#### **7.2 Perlembagaan Persekutuan**

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4). Ia mengatasi segala undang-undang, Enakmen mahupun Ordinan yang digunakan di negara ini. Perlembagaan ini memperuntukkan kuasa tadbir urus negara menurut amalan sistem demokrasi dan Raja Berperlembagaan. Perlembagaan ini boleh dipinda dengan sokongan majoriti sekurang-kurangnya dua pertiga ahli Parlimen ataupun sokongan dua pertiga ahli Parlimen bersama dengan persetujuan Majlis Raja-Raja (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 159). Di Malaysia, sebahagian daripada hak-hak asasi manusia adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5 hingga Perkara 13). Antara lain, Perlembagaan ini menjamin kebebasan untuk hidup, kebebasan bergerak, bersuara, berhimpun dan berpersatuan, beragama dan juga hak-hak bersangkutan pendidikan. Setiap warganegara perlu mengetahui hak asasi masing-masing seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan turut meletakkan Agama Islam sebagai agama Persekutuan di samping agama-agama lain bebas diamalkan di Negara ini (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11). Berbalik kepada skop kajian ini, wakaf, zakat, dan baitulmal atau

hasil Agama Islam yang seumpamanya ada disebut dalam Perlembagaan Persekutuan, Bahagian VII Peruntukan Kewangan iaitu Perkara 97 Fasal 3, seperti berikut:

*“Apa-apa Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil Agama Islam yang seumpamanya diperdapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan”.*

Peruntukan tersebut dengan jelas menyatakan bahawa segala wang yang berkaitan dengan agama Islam mestilah direkod secara berasingan dan tidak boleh bercampur dengan kumpulan wang lain. Peruntukan itu juga menjelaskan wang berkaitan agama Islam tertakluk kepada undang-undang negeri iaitu Enakmen ataupun Ordinan. Dalam hal tertentu undang-undang persekutuan juga diguna pakai seperti Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240).

Setiap negeri mempunyai perundangan tersendiri yang dikenali sebagai Enakmen atau Ordinan dan Wilayah Persekutuan merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai akta tersendiri selain tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini meneliti semua perundangan tersebut sama ada persekutuan ataupun negeri dalam konteks undang-undang berkaitan MAIN dan institusi WZB serta lebih menjurus kepada hal yang berkaitan kewangan bagi lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak (Zon 2). **Objektifnya adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti batasan perundangan bagi pelaksanaan piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan Islam dalam aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi hasil, belanja dan liabiliti di MAIN atau institusi WZB di lima negeri tersebut.**

Bidang kuasa dan tadbir urus bagi hal ehwal hasil wang Islam di negeri Perlis diwartakan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006. Manakala bagi negeri Kedah, ia diwartakan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008 dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 (Enakmen 23). Negeri Pulau Pinang tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004. Negeri Perak pula mewartakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 serta Enakmen Wakaf 2015 manakala bagi negeri Sarawak, undang-undang berkaitan MAIN atau institusi WZB diwartakan di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.

Ringkasan negeri-negeri bersama Enakmen dan Ordinan yang digunapakai boleh dirujuk kepada Jadual 7.1. Di samping undang-undang yang telah dinyatakan ini, undang-undang di peringkat persekutuan iaitu Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Pekeliling Perbendaharaan, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), Akta KWSP 1991 (Akta 452) serta Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) juga dirujuk kerana ia berkaitan dengan kajian ini.

**Jadual 7.1 Negeri dan Enakmen / Ordinan**

<b>Negeri</b>	<b>Enakmen/Ordinan</b>
<b>Perlis</b>	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240) terpakai untuk Majlis
<b>Kedah</b>	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008 Enakmen Lembaga Zakat kedah Darul Aman 2015 (Untuk LZNK) Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240) terpakai untuk Majlis
<b>Pulau Pinang</b>	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240) terpakai untuk Majlis
<b>Perak</b>	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 Enakmen Wakaf 2015 Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240) terpakai untuk Majlis
<b>Sarawak</b>	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001

### **7.3 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240)**

Seksyen 5(1) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 Akta (240) memperuntukkan berkaitan had masa bagi penyediaan dan pengemukaan penyata akaun kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Seksyen berkenaan menyatakan perkara berikut:

*“Tiap-tiap badan berkanun hendaklah menyimpan lain-lain rekod yang sempurna mengenai perjalanannya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan, dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu atau apa-apa tempoh lanjutannya sebagaimana yang diberi di bawah seksyen 9, hendaklah mengemukakannya kepada Ketua Audit Negara untuk audit.”*

Hal ini menunjukkan bahawa adanya pemakaian Akta Badan Berkanun 1980 kepada MAIN dalam konteks akaun dan laporan tahunan kerana seksyen tersebut jelas menyatakan perlunya rekod yang sempurna disimpan mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum. Perkataan “umum” juga boleh ditafsirkan sebagai prinsip perakaunan yang diguna pakai adalah prinsip yang lazim atau tidak asing lagi diguna pakai oleh mana-mana badan berkanun. Kebanyakan MAIN melalui peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri mengkehendaki untuk mengguna pakai Akta Badan Berkanun (Akaun Dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) yang berkaitan akaun dan laporan tahunan.

Manakala Seksyen 11(2) (b) akta yang sama berkaitan Menteri boleh membuat kaedah-kaedah, menyatakan perkara berikut:

*“menetapkan garis panduan mengenai prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum, polisi-polisi perakaunan dan lain-lain perkara bersifat perakaunan atau kewangan berhubung dengan akaun-akaun sesuatu badan berkanun.”*

Walau bagaimanapun, tafsiran sama ada MAIN atau institusi WZB itu sendiri merupakan badan berkanun atau sebaliknya menjadi persoalan. Ini kerana setiap MAIN atau institusi WZB yang ditubuhkan di bawah Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Namun begitu terdapat peruntukan di kebanyakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri yang memperuntukkan MAIN terpakai kepada Akta Badan Berkanun (Akaun Dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Peruntukan ini jelas bahawa di dalam penyediaan akaun dan laporan tahunan, MAIN perlu mematuhi peruntukan di bawah Akta Badan Berkanun tersebut. Namun begitu akta ini memperuntukkan secara umum berkaitan penyediaan akaun dan laporan tahunan seperti di peruntukan dalam Seksyen 5(1) akta tersebut. Bagi badan-badan berkanun di Malaysia, Perbendaharaan Malaysia mengeluarkan Arahan Perbendaharaan sebagai rujukan utama dalam penyediaan akaun dan yang berkaitan dengan kewangan. Arahan Perbendaharaan yang sedang diguna pakai sekarang adalah yang dikeluarkan pada tahun 2008 ataupun dikenali sebagai AP 2008.

Walau bagaimanapun, Arahan Perbendaharaan ini hanya terpakai kepada wang awam manakala Seksyen 3, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) memperuntukkan bahawa wang awam adalah semua hasil, pinjaman, amanah dan wang lain serta semua bon, debentur dan

cagaran lain yang diterima oleh kerajaan Persekutuan atau Negeri tetapi tidak melibatkan zakat, fitrah atau Baitulmal. Dengan peruntukan sedemikian, MAIN atau institusi WZB tidak terikat dengan Arahan Perbendaharaan tersebut. Situasi ini memberi erti bahawa tiada peruntukan jelas di dalam mana-mana akta dan juga arahan jelas mengenai asas perakaunan yang mesti digunakan oleh MAIN atau institusi WZB. Melalui pekeliling perbendaharaan PA 3.1/2013, satu garis panduan berkenaan penyediaan dan pembentangan laporan tahunan dan penyata kewangan badan berkanun telah dikeluarkan namun garis panduan ini juga hanya terpakai kepada badan berkanun persekutuan sahaja. Garis panduan ini memperuntukkan piawaian perakaunan yang harus digunakan oleh badan berkanun persekutuan dan menyentuh piawaian perakaunan yang digunakan oleh syarikat tersenarai awan dan syarikat persendirian, namun tidak menyentuh langsung berkenaan MAIN ataupun institusi WZB.

Dalam kajian ini, penyelidik juga merujuk kepada beberapa akta lain yang berkaitan dengan manfaat pekerja. Ini sejajar dengan skop kajian yang turut menyentuh MPSAS 25 Manfaat Pekerja. Antara akta-akta yang dimaksudkan adalah seperti Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) Akta KWSP 1991 (Akta 452) dan Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239). Selain majikan iaitu MAIN atau institusi WZB merujuk kepada MPSAS berkenaan, sebagai majikan mereka juga harus menggunakan akta-akta tersebut sebagai panduan berkaitan tanggungjawab dan kadar caruman untuk KWSP atau KWAP. Sebagai contoh, di dalam jadual ketiga Akta KWSP 1991 menetapkan sumbangan caruman oleh pekerja adalah 11% manakala sumbangan caruman oleh majikan adalah 13%. Bagi pekerja-pekerja di MAIN yang mengambil skim pencen, Seksyen 13(2)(c) menetapkan pihak MAIN untuk mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan.

#### **7.4 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri**

Bahagian kewangan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri, yang berkenaan turut dikupas secara terperinci. Perkara yang dibincangkan dalam bab batasan perundangan ini adalah berkenaan Baitulmal dan Tatacara Kewangan MAIN, Wakaf, Nazr dan Amanah serta Zakat. Perkara berkaitan Baitulmal dan Tatacara Kewangan MAIN akan memperincikan batasan perundangan dalam konteks Penubuhan Baitulmal, Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, faedah atau manfaat daripada wakaf am atau khas,

Perbelanjaan MAIN dan seumpamanya, Pelupusan, Pembatalan dan Hapus Kira serta Akaun dan Laporan Tahunan. Manakala, perkara berkaitan Wakaf, Nazr dan Amanah akan menyentuh skop Pendapatan dan Penyiaran Senarai Harta.

#### **7.4.1 Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis**

##### **7.4.1.1 Penubuhan Baitulmal, Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Wakaf**

Enakmen dan/atau Ordinan negeri terlibat turut memperuntukkan penubuhan Baitulmal dan telah dinyatakan seperti berikut “Suatu kumpulan wang bernama Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan” [Perlis, Seksyen 81(1); Kedah, Seksyen 47(1); Pulau Pinang, Seksyen 81(1); Perak, Seksyen 70(1); Sarawak, Seksyen 45(1)].

Seksyen-seksyen tersebut menyatakan bahawa Baitulmal adalah dirujuk sebagai Kumpulan Wang dan bukan sebagai sebuah institusi. Hal ini disokong dengan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 97 Fasal 2 hingga 3. Perkara ini menyebut bahawa segala hasil dan wang yang diperdapatkan atau diterima oleh sesuatu negeri termasuk Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil seumpamanya hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi satu kumpulan wang.

Walaupun begitu, peruntukan turut menjelas bahawa hasil yang berkaitan Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama seumpamanya perlu dibayar ke dalam suatu kumpulan wang berasingan. Oleh itu, terdapat persoalan yang penting berkaitan terma Kumpulan Wang iaitu adakah boleh dipakaikan Piawaian Perakaunan Islam (PPI) dalam urusan tatacara kewangan MAIN jika kumpulan wang ini tidak diklasifikasikan sebagai institusi? Jawapan kepada persoalan ini dapat dilihat dari segi pengasingan kumpulan wang, perkara ini akan menyokong pelaksanaan PPI bagi institusi WZB. Di samping itu, Ordinan Majlis Islam Sarawak telah memperuntukkan satu lagi seksyen iaitu Seksyen 43(1) berkaitan penubuhan Lembaga Baitulmal dan Wakaf yang bertindak dan berkuasa untuk memungut dan menguruskan pemungutan sumbangan-sumbangan kepada Baitulmal serta untuk mengguna dan membahagikan pendapatan daripada wakaf khas kepada orang-orang bagi maksud yang ditetapkan dalam wakaf. Jelas bahawa Ordinan Majlis Islam Sarawak memperincikan bidang

kuasa dan skop Lembaga Baitulmal dan Wakaf itu sendiri berbanding negeri lain yang tidak memberikan penjelasan sama ada Lembaga ini dirujuk sebagai kumpulan wang atau institusi. Selain itu, penggunaan terma *Hasil* yang digunapakai dalam Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan yang membawa maksud segala yang berkaitan wang Zakat, Wakaf, Baitulmal dan wang Agama Islam yang lain tidak selaras dengan sistem perakaunan yang merujuk terma *Hasil* sebagai pendapatan yang diperolehi. Oleh itu dalam merangka PPI, takrifan *Hasil* haruslah tepat dan selari dengan objektif kajian ini.

Manakala Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 (Pindaan 2012) yang digunapakai oleh Majlis Agama Islam Perak telah memperincikan tentang akaun berasingan iaitu Baitulmal hendaklah mempunyai akaun-akaun berasingan seperti Zakat Harta dan Zakat Fitrah, Wakaf dan nazr 'am, Sumber 'Am, dan Amanah-amanah lain serta Sumber 'Am'. Peruntukan ini diperincikan lagi maksudnya di bawah Seksyen 70 1(A) & 1(B). Selain itu, dibawah peruntukan penubuhan Baitulmal juga ada menyentuh tentang wang dan harta. Peruntukan menyatakan Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak; semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak pada Majlis, serta; mana-mana pelaburan, aset atau kumpulan wang yang terletak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil daripadanya boleh dilaburkan bagi pelaburan wang amanah yang menurut Hukum Syarak. Kelima-lima negeri memperuntukkan perkara yang sama kecuali negeri Sarawak yang memperincikan butiran bahawa Baitulmal terdiri daripada, tidak terhad kepada segala harta pusaka atau harta si mati beragama Islam; segala fi, wang, zakat dan fitrah; segala caruman, apa-apa pemberian, alang, derma, caruman; apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, dan lain-lain mengikut Seksyen 45(2)(a) hingga (k).

Apabila disebut secara umum bahawa apa-apa pelaburan berupa aset dan wang yang terletak pada MAIN boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, persoalan yang mungkin timbul ialah adakah wang yang diperolehi daripada zakat dan wakaf juga boleh diiktiraf dalam kategori ini dan dinilai serta dibolehkan untuk dijual, dihasilkan dan dilupuskan? Hal ini mungkin menjadi implikasi dan batasan dalam pelaksanaan PPI. Peruntukan berkenaan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri perlu dilihat dengan lebih terperinci supaya ia tidak disalah tafsir. Oleh itu, peruntukan berkenaan wang zakat dan wakaf perlu ditafsirkan dan dikecualikan bagi tujuan pelaburan. Peruntukan ini perlu dipinda dalam Enakmen-Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri.

Di samping itu, bagi negeri Kedah dan Perak, terdapat Enakmen khusus berkaitan Zakat dan Wakaf iaitu Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 dan Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Seksyen 30(1) Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 menyatakan suatu kumpulan wang ditubuhkan yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Zakat”. Seksyen 31(1) pula memperuntukkan suatu kumpulan wang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan” ditubuhkan tetapi tiada perincian mengenai sumber wang, hasil dan kutipan diperolehi cuma telah diperuntukkan dalam Seksyen 31(2) bahawa satu per lapan daripada Kumpulan Wang Zakat adalah untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan. Di dalam Enakmen ini, tiada peruntukan memperincikan tentang harta dan wang Zakat sama ada boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil boleh dilaburkan dari semasa ke semasa seperti yang terdapat dalam Enakmen dan ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri.

Manakala Enakmen Wakaf (Perak) 2015 di bawah Seksyen 34(1) juga memperuntukkan bahawa MAIN hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Wakaf yang mana terdiri daripada wang asas wakaf (*mawquf*) dan wang manfaat wakaf (Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Seksyen 34(2)). Enakmen ini juga ada menyatakan bahawa akaun wang asas wakaf dan akaun wang manfaat hendaklah diwujudkan secara berasingan tetapi tiada peruntukan mengenai harta dan wang wakaf boleh dijual dan seumpamanya tetapi *mawquf* tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal dan MAIN boleh mengarahkan supaya harta itu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf sebagai wakaf am (Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Seksyen 35(1) -(2)). Peruntukan ini bertentangan dengan seksyen 70(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 (Pindaan 2012) yang menyatakan bahawa wang Baitulmal terdiri daripada semua jenis wang yang menepati Hukum Syarak. Perbezaan dan percanggahan sedemikian perlu diberi perhatian serius oleh pihak yang terlibat agar PPI yang akan digubal kelak dapat dipraktis dengan sempurna. Ringkasan mengenai penubuhan Baitulmal dan Kumpulan Wang boleh dirujuk kepada Jadual 7.2.

### **Jadual 7.2 Penubuhan Baitulmal dan Kumpulan Wang**

Negeri	Penubuhan Baitulmal dan Kumpulan Wang
Perlis	<b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006</b> Seksyen 81 (3) Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak pada Majlis.



<b>Kedah</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008</b> Seksyen 47 (2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak.</p> <p><b>Enakmen Lembaga Zakat kedah Darul Aman 2015</b> <b>Kumpulan Wang Zakat.</b> Seksyen 30 (1) Suatu kumpulan wang dikenali sebagai ‘Kumpulan Wang Zakat’ ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan diurus oleh Lembaga.</p> <p><b>Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan.</b> Seksyen 31 (1) Suatu Kumpulan Wang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan ditubuhkan.</p>
<b>Pulau Pinang</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004</b> Seksyen 81(2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak.</p>
<b>Perak</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004</b> Seksyen 70 (2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak.</p> <p><b>Enakmen Wakaf 2015</b> <b>Penubuhan Kumpulan Wang Wakaf.</b> Seksyen 34(2) Kumpulan Wang Wakaf hendaklah terdiri daripada wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf.</p>
<b>Sarawak</b>	<p><b>Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001</b> Seksyen 43(2) Adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Baitulmal dan Wakaf, untuk dan bagi pihak Majlis.</p>

#### **7.4.1.2 Perbelanjaan Majlis, Penggunaan Wang Baitulmal, Perbelanjaan Pengurusan Lembaga, Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf**

Enakmen atau Ordinan negeri-negeri dalam bahagian kewangan MAIN memeruntukkan perihal perbelanjaan MAIN dan seumpamanya. Peruntukan yang dimaksudkan di Negeri Perlis dapat dilihat melalui Seksyen 83 (S83) dalam nota bahu “Perbelanjaan Majlis”. Begitu juga halnya bagi Negeri Kedah (Seksyen 49), Pulau Pinang (Seksyen 83), dan Perak (Seksyen 72). Manakala Ordinan Majlis Islam Sarawak memeruntukkan perihal tersebut di bawah Seksyen 46 (S46) dalam nota bahu “Penggunaan wang Baitulmal”. Di samping itu, bagi Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015, perbelanjaan ini termaktub di bawah Seksyen 33 (S33) dalam nota bahu “Perbelanjaan Pengurusan Lembaga”. Enakmen Wakaf (Perak) 2015 pula memperincikan di bawah Seksyen 40 (S40) dalam nota bahu “Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf”. Bagi negeri yang menggunakan Perbelanjaan Majlis, peruntukan ini menyatakan (diringkaskan), *“Semua kos, bayaran, dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak pada Majlis termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta tak alih, gaji dan elaun semua pekhidmat Majlis, dan fi dan elaun yang kena dibayar*

kepada mana-mana pegawai atau anggota Majlis.... hendaklah dibayar daripada harta dan aset Baitulmal”. Tetapi, negeri Kedah menggariskan sebagai “.... hendaklah dibayar daripada harta dan aset Majlis”. Terma Baitulmal dan Majlis ini, jika membawa maksud berlainan boleh memberi implikasi berbeza kepada pelaksanaan PPI kerana Baitulmal merupakan kumpulan wang dan bukan institusi manakala Majlis merupakan institusi.

Bagi Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, hal ini dinyatakan secara lebih terperinci dalam Seksyen 46(a) hingga (l). Antara penggunaan wang Baitulmal dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak ini adalah bagi memajukan, membantu dan menggalakkan agama Islam; memberi pinjaman; mengadakan dan menyenggarai tempat-tempat ibadat dan tanah perkuburan orang Islam; membayar apa-apa kos, caj dan perbelanjaan bagi menyenggarai dan mentadbirkan harta dan aset Baitulmal yang terletak hak pada Majlis; gaji dan elaun kakitangan; fi dan elaun kepada anggota Majlis; dan lain-lain.

Enakmen Wakaf (Perak) 2015 pula memperuntukkan bahawa wang asas wakaf boleh digunakan bagi maksud pembelian apa-apa harta wakaf; pembiayaan pembangunan apa-apa *mawquf*; apa-apa bayaran atau komisen bagi memungut sumbangan diterima [Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Seksyen 40(1) (a) hingga (c)]. Manakala wang manfaat wakaf boleh digunakan bagi maksud bayaran faedah; pembelian harta wakaf; pembiayaan pembangunan *mawquf*; bayaran bagi melepaskan bebanan ke atas harta yang diwakafkan; semua kos, bayaran dan perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan wakaf termasuk penyenggaraan dan pembaikan *mawquf*; dan bayaran-bayaran lain [Seksyen 40 (2) (a)-(f)]. Daripada peruntukan berkenaan, ia jelas memisahkan penggunaan wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf tetapi kedua-dua wang ini juga boleh digunakan untuk tujuan yang sama seperti pembelian harta wakaf dan pembangunan *mawquf*. Jadual 7.3 meringkaskan perbelanjaan Majlis dan yang berkaitan.

### **Jadual 7.3 Perbelanjaan Majlis**

<b>Negeri</b>	<b>Perbelanjaan Majlis</b>
<b>Perlis</b>	<b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006</b> Seksyen 83 Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis.
<b>Kedah</b>	<b>Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008</b>

	<p>Seksyen 49 Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis.</p> <p><b>Enakmen Lembaga Zakat kedah Darul Aman 2015</b>  <b>Perbelanjaan Pengurusan Lembaga</b>  Seksyen 33 Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Lembaga.</p>
<b>Pulau Pinang</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004</b>  Seksyen 83 Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis.</p>
<b>Perak</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004</b>  Seksyen 72(1) Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis.</p> <p><b>Enakmen Wakaf 2015</b>  <b>Pelaburan wang</b>  Seksyen 38(1) Semua wang wakaf boleh dilaburkan oleh Majlis.</p>
<b>Sarawak</b>	<p><b>Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001</b>  <b>Penggunaan wang Baitulmal</b>  Seksyen 46 Baitulmal hendaklah digunakan.</p>

#### 7.4.1.3 Akaun dan Laporan Tahunan

Majlis Agama Islam Negeri Perlis, di bawah Seksyen 85 Enakmen Pentadbiran Agama Islam menyatakan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) iaitu berkaitan “...*menyimpan lain-lain rekod yang sempurna mengenai perjalanannya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum...*”, hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen Majlis. Peruntukan yang sama terpakai bagi Majlis Agama Islam Kedah (S51), Majlis Agama Islam Perak (S74) dan Pulau Pinang (S85). Tetapi, Pulau Pinang menggunakan dalam nota bahu sebagai ‘Akaun dan laporan tahunan Zakat dan Fitrah’. Hal ini menunjukkan Akta 240 ini terpakai kepada peruntukan Zakat dan Fitrah tetapi tidak dinyatakan berkaitan Baitulmal sedangkan Seksyen 85 tersebut telah diperuntukkan di bawah kepala bahagian “Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis” (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004). Ia memberi pandangan bahawa tiada pengasingan antara Baitulmal dan Zakat dan Fitrah berkenaan akaun dan laporan tahunan atau sememangnya tiada peruntukan mengenai perkara ini untuk Baitulmal Negeri Pulau Pinang.

Manakala Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 tidak menyatakan sama ada MAIN tertakluk atau tidak kepada Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240)

<b>Perak</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004</b> Seksyen 74 Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [<i>Akta 240</i>] hendaklah terpakai bagi Majlis.</p> <p><b>Enakmen Wakaf 2015</b> Seksyen 37(1) Majlis hendaklah menyimpan atau hendaklah menyebabkan disimpan akaun-akaun dan rekod-rekod lain yang sempurna.</p>
<b>Sarawak</b>	<p><b>Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001</b> Seksyen 73 Majlis hendaklah menyebabkan akaun-akaun yang lengkap dan benar Baitulmal disimpan.</p>

walaupun peruntukan dibawah Seksyen 73 Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 ada menyebut supaya MAIN menyediakan akaun yang benar dan lengkap beserta kunci kira-kira pada setiap hujung tahun. Enakmen Wakaf Perak 2015 tidak mempunyai sebarang peruntukan mengenai keperluan pemakaian kepada Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240) tetapi melalui Seksyen 37 MAIN hendaklah menyediakan dan menyimpan akaun-akaun dengan baik berpandukan prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum. Manakala Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 secara jelas menyatakan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) tidak terpakai bagi maksud Enakmen ini (Seksyen 34). Namun, Seksyen 35(1) memperuntukkan akaun dan laporan tahunan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara. Jadual 7.4 meringkaskan akaun dan laporan tahunan bagi setiap MAIN dan institusi WZB.

**Jadual 7.4 Akaun dan Laporan Tahunan**

<b>Negeri</b>	<b>Akaun dan Laporan Tahunan</b>
<b>Perlis</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006</b> Seksyen 85 Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [<i>Akta 240</i>] hendaklah terpakai bagi Majlis.</p>
<b>Kedah</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008</b> Seksyen 51 Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [<i>Akta 240</i>] hendaklah terpakai bagi Majlis.</p> <p><b>Enakmen Lembaga Zakat kedah Darul Aman 2015</b> Sekeyen 34(4) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [<i>Akta 240</i>] tidak terpakai bagi maksud Enakmen ini.</p>
<b>Pulau Pinang</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004</b> Seksyen 85 Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [<i>Akta 240</i>] hendaklah terpakai bagi Majlis.</p>

## **7.4.2 Wakaf, Nazr dan Amanah**

### **7.4.2.1 Pendapatan daripada Wakaf, Nazr dan Amanah**

Perkara berkaitan pendapatan daripada Wakaf dan Nazr dinyatakan dalam bahagian kewangan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri bagi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001. Peruntukan berkaitan pendapatan di negeri Perlis telah dinyatakan di bawah Seksyen 92(1) hingga subseksyen (2). Seksyen 92(2) memperuntukkan sebagai berikut:

*“Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr ‘am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal”.*

Manakala, Seksyen 55(2) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah Darul Aman 2008 juga memperuntukkan perkara yang sama. Hal ini juga termaktub di bawah Seksyen 92(2) dan Seksyen 52(2) iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004 dan Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001. Manakala Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 menyebut memperuntukkan seperti berikut:

*“Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr ‘am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Sumber ‘Am” [S81 (2) Pindaan 2012].*

Perkataan “Sumber ‘Am” yang diguna pakai di negeri Perak ini membawa maksud ia adalah sebahagian daripada Baitulmal yang menjadikan akaun Sumber Am ini hendaklah berasingan daripada akaun-akaun lain seperti Akaun Zakat, Amanah dan Wakaf (S70(1A), Pindaan 2012). Manakala Sumber Am itu datang daripada Sumbangan dan pemberian, Fidyah dan kaffarah, Wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut, Harta pusaka yang tidak diwarisi, Harta-harta tercicir (*luqatah*), Sumber-sumber lain Baitulmal mengikut Enakmen ini atau Hukum Syarak [(S70(1B), Pindaan 2012)]. Manakala Seksyen 36(2) di bawah Enakmen Wakaf (Perak) 2015, dalam nota bahu “Faedah atau manfaat daripada wakaf am atau wakaf khas”, menyatakan,

*“Faedah atau manfaat yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf am hendaklah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf”.*

Hal ini menunjukkan terdapat percanggahan antara Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) Pindaan 2012 dengan Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Berdasarkan Seksyen 81(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) Pindaan 2012 dengan jelas menyatakan pendapatan daripada tiap-tiap Wakaf selain Wakaf Khas dan tiap-tiap Nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Sumber Am. Enakmen Wakaf Perak 2015 pula memperuntukkan untuk diletakkan faedah atau manfaat berkenaan di Kumpulan Wang Wakaf. Maka, kajian ini mencadangkan agar faedah atau manfaat yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf am hendaklah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf seperti mana yang diamalkan sekarang oleh MAIPk.

Enakmen dan Ordinan pentadbiran Islam di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Sarawak yang tidak mempunyai enakmen wakaf secara khusus dan berasingan tidak membincangkan secara terperinci tentang Kumpulan Wang Wakaf, penggunaan Manfaat Wakaf dan Istibdal Wakaf. Malah, wang atau harta serta pendapatan (hasil) daripada Wakaf dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Baitulmal. Hal ini menunjukkan adanya keterbatasan untuk melaksanakan PPI bagi institusi WZB sedangkan terdapat peruntukan bahawa MAIN adalah pemegang amanah tunggal bagi Wakaf, Nazr dan Amanah. Meskipun begitu, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 juga menunjukkan tiada peruntukan khusus tentang pemegang amanah tunggal ataupun peruntukan berkenaan dengan Amanah dan peruntukan khusus hanya melibatkan Wakaf dan Nazr, dan tiada. Ringkasan berkenaan pendapatan daripada Wakaf, Nazr dan Amanah boleh dirujuk kepada Jadual 7.5.

### **Jadual 7.5 Pendapatan daripada Wakaf dan Nazr**

Negeri	Pendapatan daripada Wakaf dan Nazr
<b>Perlis</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006</b>            Seksyen 92 (1) Pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.            (2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p>
<b>Kedah</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008</b>            Seksyen 55 (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.            (2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p>

<b>Pulau Pinang</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004</b> Seksyen 92(1) Pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf khas dan tiap-tiap nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p>
<b>Perak</b>	<p><b>Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004</b> Seksyen 81(1) Pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Sumber Am (Pindaan 2012).</p> <p><b>Enakmen Wakaf 2015</b> <b>Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf</b> Seksyen 40(1) Melainkan diperuntukkan sebaliknya, wang asas wakaf boleh digunakan.</p>
<b>Sarawak</b>	<p><b>Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001</b> Seksyen 52 (1) Pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf, selain wakaf khas, dan daripada tiap-tiap nazr am, hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p>

#### 7.4.2.2 Penggunaan Wakaf

Antara kesemua Enakmen yang terlibat bagi setiap negeri serta Ordinan bagi negeri Sarawak, Enakmen Wakaf Perak 2015 menyenaraikan semua penggunaan yang dibenarkan daripada Kumpulan Wang Wakaf serta membuat pengasingan penggunaan antara wang Asas Wakaf dan wang Manfaat Wakaf menurut Seksyen 40(1) dan subseksyen (2). Manakala, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah Darul Aman 2008 menyatakan secara ringkas menurut Seksyen 55(3) yang memberi maksud bayaran pengurusan Wakaf Khas hendaklah ditolak daripada pendapatan Wakaf Khas tersebut dan dikreditkan kepada MAIN sebagai hasil. Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Perlis dan Pulau Pinang tidak menyenaraikan peruntukan berkaitan belanja Kumpulan Wang Wakaf.

#### 7.4.2.3 Penyiaran Senarai Harta Wakaf, Nazr dan Amanah

Seksyen 95 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis dan Pulau Pinang menyatakan bahawa MAIN hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta* satu senarai

semua harta, pelaburan dan aset yang terletak pada Majlis, dengan tertakluk kepada mana-mana Wakaf, Nazr atau Amanah dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal. Seksyen 84 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 juga memperuntukkan perkara yang sama. Tetapi, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah) 2008 menggunakan perkataan 'bolehlah' dan bukannya 'hendaklah' seperti apa yang dinyatakan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Menurut pusat terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui atas talian, 'hendaklah' membawa maksud tidak dapat tidak; mesti; atau patut' iaitu diperingkat kewajipan yang lebih tinggi berbanding peruntukan yang boleh dilihat lebih longgar dari segi arahan penyiaran harta Wakaf, Nazr dan Amanah. Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 pula memperuntukkan perkara ini di bawah Seksyen 55(1) dan subseksyen (2) nota bahu yang lebih terperinci iaitu 'Penyiaran senarai harta, dsb. dan penyimpanan akaun-akaun berasingan dalam Baitulmal' walaupun hanya berkisar pada Wakaf dan Nazr, dan tidak berkaitan Amanah. Malah, peruntukan juga lebih terperinci berbanding negeri lain iaitu menyenaraikan tentang wang, harta dan pendapatan yang patut dibayar ke dalam Baitulmal dan perlu pengasingan akaun bagi setiap perkara tersebut.

### **7.4.3 Zakat dan Fitrah**

Zakat merupakan sebahagian harta mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut Hukum Syarak. Zakat fitrah pula bermaksud kewajipan seseorang untuk membersihkan atau menyucikan dirinya yang kena dibayar mengikut Hukum Syarak (Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, Seksyen 2). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 memperuntukkan perkara ini di bawah kepala bahagian kewangan menerusi Seksyen 86 hingga Seksyen 88. Manakala negeri Kedah telah menggubal enakmen berasingan yang lebih terperinci berkaitan Zakat iaitu Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Sementara itu, negeri Perak menerusi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 di bawah kepala bahagian kewangan bermula Seksyen 75 hingga Seksyen 77 menerangkan peruntukan berkaitan zakat. Manakala Negeri Sarawak memperuntukkan hal ehwal Zakat dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 di bawah Seksyen 65 hingga Seksyen 67.



Tetapi, negeri Pulau Pinang memperuntukkan hal ehwal Zakat dan Fitrah dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004 tanpa berasingan iaitu berada di bahagian Baitulmal dan Tatacara Majlis melalui Seksyen 85 hingga Seksyen 88. Hal ini memperlihatkan suatu implikasi yang mungkin berlaku dalam penggubalan PPI yang baharu bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Batasan lain yang dapat dikenalpasti adalah dari sudut penggunaan istilah Zakat, Zakat Fitrah, dan Fitrah. Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri seperti Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak menggunakan perkataan ‘Zakat dan Fitrah’. Sungguhpun begitu, enakmen di negeri Perlis dan Pulau Pinang tidak mentafsirkan maksud Zakat dan Fitrah. Hanya Enakmen di negeri Perak dan Ordinan di negeri Sarawak yang memperuntukkan tafsiran bagi perkataan Zakat dan Fitrah dengan membawa pengertian yang sama dengan tafsiran yang diperuntukkan oleh Enakmen Lembaga Zakat Kedah 2015 walaupun menggunakan istilah atau perkataan ‘Fitrah’ dan bukannya ‘Zakat Fitrah’. Persoalannya, adakah enakmen negeri Perlis dan Pulau Pinang mempunyai tafsiran yang lain bagi istilah atau perkataan ‘Fitrah’? Jika sedemikian, hal ini akan memberi implikasi serta batasan dalam pelaksanaan PPI. Manakala Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah) 2008 tidak diguna pakai bagi hal ehwal zakat memandangkan negeri Kedah telah menggubal enakmen berkaitan zakat secara khusus dan berasingan. Walaupun begitu, Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Perlis dan Pulau Pinang ada menyebut istilah ini dalam Seksyen yang berkaitan sebagai, “... *memungut zakat dan fitrah .... yang kena dibayar...*” serta “... *mana-mana tuntutan bayaran zakat atau fitrah...*”. Secara tidak langsung, ia membawa erti yang sama dengan pengertian yang dibuat oleh Enakmen ini bagi negeri Kedah, Perak dan Ordinan Majlis Sarawak. Jika nyata, maka batasan ini mungkin boleh dikurangkan atau dihapuskan.

Secara keseluruhannya, batasan yang dapat dikenalpasti adalah peruntukan undang-undang dalam Enakmen dan Ordinan pentadbiran Agama Islam negeri-negeri yang sedia ada adalah terhad. Tiada sebarang peruntukan yang khusus tentang penubuhan Kumpulan Wang Zakat, kaedah dan tatacara perekodan terimaan dan agihan Zakat, penggunaan Kumpulan Wang Zakat dan/atau baki kutipan Zakat. Peruntukan sedia ada hanya berpusat pada kuasa memungut Zakat, kesalahan dan hukuman zakat, membuat peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah, serta rayuan atau bantahan kecuali Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015 yang dilihat bersifat lebih menyeluruh dan komprehensif.

## **7.5 Analisis Enakmen dan Batas Perundangan berkaitan Hasil, Belanja, dan Liabiliti Baitulmal, Wakaf & Zakat**

### **7.5.1 Baitulmal**

#### **(1) Perincian akaun-akaun (Terimaan/ Hasil) Baitulmal**

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak: Bahagian Kewangan Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis S70 (1A):

*Baitulmal hendaklah mempunyai akaun-akaun berasingan seperti berikut:*

- (a) Zakat Harta dan Zakat Fitrah;*
- (b) Wakaf dan nazr 'am;*
- (c) Sumber 'Am; dan*
- (d) Amanah-amanah lain.*

Batasan/ Implikasi:

Negeri Perak membuat perincian tentang keperluan untuk mempunyai akaun berasingan untuk Zakat, Wakaf, Sumber Am dan amanah-amanah lain. Manakala tiada perincian berkenaan pengasingan akaun Baitulmal oleh negeri-negeri lain di Zon Dua. Adakah boleh/bersesuaian untuk hanya mempunyai satu akaun umum untuk merekod semua bentuk terimaan?

Cadangan:

Keperluan untuk mengadakan atau mewujudkan peruntukan yang jelas bagi memperincikan akaun-akaun Baitulmal bagi bentuk terimaan yang berbeza-beza.

#### **(2) Kategori/ Item (Terimaan/ Hasil) Sumber Am**

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak: Bahagian Kewangan Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis – Seksyen 70 (1B):

*Sumber 'Am Baitulmal hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:*

- (a) Sumbangan dan pemberian;*

- (b) *Fidyah dan kaffarah;*
- (c) *Wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut;*
- (d) *Harta pusaka yang tidak diwarisi;*
- (e) *Harta-harta tercicir (luqatah);*
- (f) *Sumber-sumber lain Baitulmal mengikut Enakmen ini atau Hukum Syarak.*

Batasan/ Implikasi:

Hanya Negeri Perak yang memperincikan komponen di bawah Sumber Am termasuk fidyah, kaffarah, luqatah serta wang/ harta orang Islam yang tidak dituntut. Manakala negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Sarawak tidak memperincikan item di bawah Sumber Am. Sementara itu, hanya Negeri Perlis dan Negeri Perak yang menggunakan istilah KW “Sumber Am”. Negeri Kedah pula menggunakan KW Majlis, manakala Negeri Pulau Pinang dan Negeri Sarawak mengguna pakai istilah KW Baitulmal.

Cadangan:

Keperluan untuk mengadakan/mewujudkan peruntukan yang jelas bagi memperincikan item (terimaan/ hasil) di bawah Baitulmal/Sumber Am bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai peruntukan perincian item di bawah Baitulmal/Sumber Am.

### **(3) Komponen KW Baitulmal**

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri - Bahagian Kewangan Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis [Kedah (Seksyen 47 (2)); Perlis dan Pulau Pinang (Seksyen 81 (2)); Perak (Seksyen 70 (2))]:

*Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih yang menurut Hukum Syarak....*

Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 Seksyen 45 (2):

*Baitulmal hendaklah terdiri daripada (a) – (k)*

Batasan/ Implikasi:

Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak hanya mempunyai peruntukan umum berkenaan komponen harta/aset, yang mungkin boleh dimaksudkan termasuk harta zakat dan wakaf? Namun begitu Sarawak mempunyai peruntukan yang terperinci berkenaan komponen KWB seperti yang diperuntukkan oleh Ordinan Majlis Agama Sarawak (TBS).

**(4) Hak pentadbiran wang dan harta Baitulmal dan kaedah pengurusan wang dan harta Baitulmal**

Kedah seksyen 47(3); Perlis & Pulau Pinang Seksyen 81 (3); Perak S70 (4); Sarawak S45 (3):

*Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis....*

Kedah S47(4) ; Perlis & Pulau Pinang S81 (4) ; Perak S70 (5); Sarawak S45 (4)

*...mana-mana pelaburan, aset ...yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan .....*

Batasan/ Implikasi:

Seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen pentadbiran agama Islam, wang dan/atau harta yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil daripadanya boleh dilaburkan. Manakala bagi harta wakaf, Enakmen Wakaf Perak (Seksyen 4) dan Enakmen pentadbiran agama Islam secara jelas memperuntukkan bahawa harta wakaf tidak boleh dijual atau dilupuskan. Isu yang timbul di sini bagaimana pula dengan wang zakat dan harta yang diperoleh daripada KWZ?

Cadangan:

Keperluan untuk mewujudkan peruntukan yang jelas berkaitan kuasa Majlis ke atas wang dan harta yang diperoleh daripada KWZ.

## 7.5.2 Wakaf

### (1) Penubuhan Kumpulan Wang Wakaf (KWW)

Seksyen 34(1)

*Majlis hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Wakaf (Enakmen Wakaf Perak, 2015).*

Batasan/ Implikasi:

Hanya Perak yang mempunyai Enakmen Wakaf. Bagi Kedah, Perlis, P. Pinang dan Sarawak tiada Enakmen wakaf. Peruntukan sedia ada di bawah enakmen Pentadbiran Islam Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang berkenaan KWW sangat terhad. Sarawak pula peruntukan telah disatukan dibawah penubuhan Lembaga Baitulmal dan Wakaf. Namun begitu hanya sedikit peruntukan menyentuh berkaitan wakaf yang dibuat secara umum sahaja.

Cadangan:

Keperluan untuk mengadakan/mewujudkan samada (i) Enakmen Wakaf bagi negeri-negeri yang tiada Enakmen Wakaf atau (b) peruntukan yang jelas dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di negeri-negeri yang tiada Enakmen Wakaf bagi memperincikan peruntukan berkaitan wakaf.

### (2) Komponen dan akaun KWW

Enakmen Wakaf Perak, 2015:

Seksyen 34(2) - *KWW hendaklah terdiri daripada wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf*

Seksyen 34(4) - *Akaun wang asas wakaf dan akaun wang manfaat wakaf hendaklah diwujudkan secara berasingan.*

Batasan/ Implikasi:

Pengasingan wang asas wakaf (‘ain) dan manfaat wakaf – memudahkan untuk membezakan antara ‘ain dan manfaat.

Manfaat dari aset wakaf adalah merupakan hasil dalam KWW, contohnya seperti sewa bangunan.

### (3) Pendapatan selain dari wakaf khas & nazr ‘am

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri - Kedah (Seksyen 55), Perlis & Pulau Pinang (Seksyen 92 & Seksyen 55(2)) & Sarawak (Seksyen 52)

*Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf, selain wakaf khas, dan daripada tiap-tiap nazr am, hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.*

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak - Seksyen 81 (2)

*Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf, selain wakaf khas, dan tiap-tiap nazr am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Sumber 'Am.*

Enakmen Wakaf (Perak) (Kewangan) - Seksyen 36

*Faedah atau manfaat yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf am hendaklah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.*

Batasan/ Implikasi:

Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Zon Dua memperuntukkan bahawa wang/harta serta pendapatan (hasil) daripada wakaf am dimasukkan dalam KWB/Sumber Am. Namun begitu, dalam konteks negeri Perak, peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak seksyen 81 (2) bercanggah dengan peruntukan dalam Enakmen Wakaf Negeri Perak Enakmen Wakaf (Perak) (Kewangan) seksyen 36 di mana pendapatan (hasil) daripada wakaf am dimasukkan dalam Kumpulan Wang Wakaf.

#### **(4) Pengasingan perbelanjaan wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf**

Enakmen Wakaf (Perak) 2015:

Seksyen 40(1) (a) - (c)

*Menyenaraikan secara terperinci penggunaan wang asas wakaf (contohnya pembelian harta wakaf, pembiayaan bangunan mawquf, bayaran bagi memungut sumbangan yang diterima bagi maksud wakaf)*

Seksyen 40(2) (a) - (f)

*Menyenaraikan secara terperinci penggunaan wang manfaat wakaf (contohnya manfaat diterima oleh mawquf-alaih, belian harta wakaf, pembiayaan bangunan, bayaran melepaskan bebanan, perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan wakaf seperti kos penyenggaraan dan pembaikan, bayaran lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.*

Batasan/ Implikasi:

Enakmen Wakaf Negeri Perak mempunyai peruntukan yang terperinci berkenaan penggunaan wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf. Manakala negeri-negeri lain di Zon Dua (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Sarawak), tidak mempunyai peruntukan berkaitan perbelanjaan ke atas KWW.

### **7.5.3 Zakat**

Kumpulan Wang Zakat (KWZ)

Kedah - Enakmen Lembaga Zakat KDA 2015

Seksyen 30(2) (a)-(d):

*Diperincikan jenis terimaan dalam KWZ (i.e kutipan zakat & fitrah, hasil sewaan @ apa-apa kena dibayar kepada Lembaga, hasil daripada KWZ @ hasil pelupusan harta Lembaga, semua terimaan oleh Lembaga.*

Seksyen 30(3) (a):

*Memperincikan belanja KWZ di bawah beberapa seksyen;*

Implikasi/ Batasan:

Hanya negeri Kedah yang mempunyai Enakmen Zakat yang mempunyai peruntukan yang komprehensif berkenaan urusan pengurusan dan pentadbiran zakat di Kedah seperti perincian jenis terimaan dan belanja KWZ. Manakala Perlis, P. Pinang dan Perak tiada peruntukan mengenai KWZ, cara perekodan, belanja KWZ dan baki kutipan zakat disebut di dalam Enakmen.

## 7.6 Kesimpulan

Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 3, 11 dan 97 telah memberi keistimewaan kepada agama Islam sama ada kedudukan agama Islam itu sendiri dalam perlembagaan sehinggalah kepada kaedah dan tatacara merekod, menyimpan dan menggunakan wang berkaitan agama Islam. Perlembagaan Persekutuan juga memberi kuasa kepada negeri-negeri untuk mengurus dan mentadbir wang berkaitan agama Islam. Enakmen dan ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri menjadi undang-undang utama di setiap negeri bagi mentadbir dan mengurus wang berkaitan agama Islam di samping penggubalan enakmen wakaf dan enakmen zakat yang khusus di negeri-negeri tertentu. Walaupun begitu, Enakmen dan Ordinan tersebut memperuntukkan secara umum berkaitan tatacara perakaunan dan kewangan. Tiada peruntukan jelas dalam Enakmen dan Ordinan berkenaan tentang asas ataupun piawaian perakaunan yang harus digunapakai oleh MAIN dan institusi WZB. Pengenaln PPI kepada MAIN dan institusi WZB adalah suatu usaha yang sangat baik dan tepat pada masanya. Namun begitu, cadangan supaya pindaan kepada Enakmen dan ordinan pentadbiran Agama Islam negeri-negeri haruslah dibuat dengan segera agar PPI yang digubal kelak dapat dipraktikkan oleh MAIN dan institusi WZB. Selain itu, Arahan Perbendaharaan atau Arahan Kewangan Negeri mestilah jelas tentang penggunaan PPI oleh MAIN dan institusi WZB apabila piawaian ini digubal kelak. Garis panduan tentang penggunaan PPI juga mesti disediakan oleh Perbendaharaan atau Kewangan Negeri supaya pegawai perakaunan MAIN dan institusi WZB dapat mempraktikkannya dengan sempurna. Selain itu, bab ini juga membuat analisa enakmen dan batas perundangan berkaitan Hasil, Belanja, dan Liabiliti bagi Baitulmal, Wakaf, & Zakat. Cadangan dan saranan turut diutarakan berdasarkan analisa yang dilakukan.

Tambahan lagi, pindaan kepada Enakmen dan ordinan Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri haruslah dibuat secara khusus berkaitan pemakaian istilah dan perkataan yang selari di antara MAIN. Sebagai contoh, penggunaan terma Kumpulan Wang Baitulmal di Perak dirujuk sebagai payung kepada Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Amamah dan Kumpulan Wang Sumber Am. Manakala di Pulau Pinang ia mempunyai Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Amanah dan Kumpulan Baitulmal yang mana Kumpulan Wang Baitulmal ini tidak memayungi kumpulan-kumpulan wang lain seperti di Perak. Walau bagaimanapun, penyelidik mencadangkan penggunaan terma Kumpulan Wang Baitulmal terdiri daripada sumber-sumber am selain daripada Kumpulan



Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf seperti yang diamalkan di Pulau Pinang, dan Sarawak.

## **BAB LAPAN**

### **CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN ISLAM**

#### **8.1 Pengenalan**

Bab-bab sebelum ini telah membincangkan amalan semasa MAIN, kerangka kerja perakaunan dan keperluan syariah, serta batasan perundangan berhubung dengan perakaunan bagi wakaf, zakat dan baitulmal. Berasaskan kepada perbincangan tersebut, bab ini akan mengemukakan cadangan pembentukan piawaian bagi hasil, belanja dan liabiliti MAIN, khususnya yang melibatkan sepuluh item dalam sepuluh MPSAS yang dikaji. Bab ini akan dibahagikan kepada sepuluh bahagian, di mana masing-masing akan membincangkan cadangan piawaian bagi setiap item, dimulakan dengan Hasil daripada Urus niaga Pertukaran (MPSAS 9). Ini diikuti dengan Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23), Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28), Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran (MPSAS 29), Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30), Manfaat Pekerja (MPSAS 25), Kontrak Pembinaan (MPSAS 11), Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19), Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing (MPSAS 4), dan Kos Pinjaman (MPSAS 5). Bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan.

Bagi setiap item, penyelidik akan mencadangkan pindaan yang akan dibuat kepada piawaian yang berkaitan. Berpandukan kepada laporan Fasa 2, Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Insitusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia (Abdullah et al., 2018), kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

- (1) Mana-mana peruntukan dalam MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan dikekalkan dan dibuat pindaan sekiranya perlu,
- (2) Sekiranya terdapat keperluan syariah dan urus niaga atau aktiviti berkaitan MAIN tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan, peruntukan mengenainya akan ditambah kepada MPSAS tersebut, jika perlu.
- (3) Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang bercanggah dengan keperluan syariah akan dipinda atau dikeluarkan, dan
- (4) Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti institusi WZB akan dikeluarkan.

## **8.2 Hasil daripada Urus niaga Pertukaran (MPSAS 9)**

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, urus niaga pertukaran berlaku apabila entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabilitinya dilangsaikan, dan secara langsung memberikan nilai yang setara (terutamanya dalam bentuk barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada pihak lain dalam pertukaran. Berdasarkan kepada keperluan syariah dan batasan perundangan, penyelidik mendapati yang definisi bagi hasil daripada urusniaga pertukaran institusi WZB tidak perlu dipinda kerana tidak bertentangan dengan syariah dan perundangan.

MPSAS 9 telah membahagikan hasil daripada urus niaga pertukaran kepada tiga komponen utama, iaitu hasil:

- (1) penyediaan perkhidmatan,
- (2) jualan barangan, dan
- (3) penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan faedah, royalti, dan dividen atau pengagihan yang serupa,

Amalan semasa yang dibentangkan dalam Bab 5 menunjukkan secara umumnya semua MAIN mempunyai urus niaga bagi ketiga-tiga kategori tersebut, walaupun sedikit bagi jualan barangan, dan tiada bagi royalti dan faedah. Dari aspek pengiktirafan dan pengukuran, amalan kebanyakan MAIN adalah seperti yang disarankan oleh MPSAS 9. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar MPSAS 9 digunakan oleh MAIN, walau bagaimanapun dengan beberapa perubahan, bersesuaian dengan urus niaga MAIN. Isu-isu yang memerlukan pengubahsuaian atau penambahan adalah:

- (1) skop piawaian yang meliputi faedah atau riba yang diharamkan dalam Islam,
- (2) tafsiran istilah-istilah seperti wakaf, zakat dan baitulmal,
- (3) penyeragaman penggunaan istilah baitulmal,
- (4) pendedahan maklumat di dalam penyata kewangan, dan
- (5) penggunaan contoh urus niaga yang tidak relevan dengan MAIN.

### **8.2.1 Skop Piawaian**

Seperti yang disebutkan di atas, skop urus niaga MPSAS 9 meliputi (1) penyediaan perkhidmatan, (2) jualan barangan, dan (3) penggunaan aset entiti oleh pihak

lain yang menghasilkan faedah, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa. Yang menjadi isu di sini adalah salah satu hasil yang diliputi oleh MPSAS 9 adalah hasil faedah, atau riba menurut Islam. Islam jelas mengharamkan riba atau faedah seperti yang diwahyukan oleh Allah SWT. dalam beberapa ayat Al-Quran (Al-Baqarah 2:275; Ar-Rum 30: 39; An-Nisa' 4:161; Ali 'Imran 3:130). Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar hasil faedah dikeluarkan daripada skop piawaian dan digantikan dengan keuntungan simpanan wang atau disebut sebagai hibah. Ini adalah bersesuaian dengan aktiviti MAIN yang tidak terlibat dengan pengambilan riba, di mana semua MAIN mempunyai simpanan tetap dan semasa dalam bank yang berlandaskan syariah. Keuntungan yang diperolehi adalah patuh syariah.

Dividen dan royalti dibolehkan dalam Islam asalkan pelaburan yang memberikan dividen dan harta intelektual yang memberikan royalti adalah patuh syariah. Walaupun semua MAIN yang dikaji tidak mempunyai hasil royalti buat masa ini, penyelidik mencadangkan agar ia dikekalkan kerana kemungkinan MAIN memperoleh royalti di masa hadapan adalah bukan sesuatu yang luar biasa.

### **8.2.2 Penafsiran Istilah**

Penyelidik juga mencadangkan supaya istilah-istilah seperti zakat, wakaf, dan baitulmal dimasukkan dan ditakrifkan dalam piawaian ini, kerana semua hasil daripada urusan niaga pertukaran yang diperolehi oleh MAIN sebahagian besarnya datang daripada harta yang diperolehi daripada sama ada wakaf, zakat atau baitulmal, yang kemudiannya diakaunkan mengikut Kumpulan Wang masing-masing, iaitu Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat atau Kumpulan Wang Baitulmal.

#### **(1) Wakaf**

Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan umum atau khusus dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT.

**(2) Wakaf Am**

Wakaf yang diwujudkan bagi tujuan umum mengikut hukum Syarak.

**(3) Wakaf Khas**

Wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khas mengikut hukum Syarak.

**(4) Zakat**

Zakat ertinya sebahagian harta mengikut kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut hukum Syarak.

**(5) Baitulmal**

Secara umumnya Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta alih atau tak alih yang menurut hukum syarak disumbangkan oleh mana-mana orang kepada Baitulmal. Namun bagi tujuan piawaian ini, zakat dan wakaf tidak termasuk dalam definisi baitulmal.

**(6) Kumpulan Wang Wakaf**

Kumpulan wang wakaf merujuk kepada pengurusan harta wakaf yang diamanahkan oleh pihak tertentu sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas serta perbelanjaan yang berkaitan dengannya.

**(7) Kumpulan Wang Zakat**

Kumpulan Wang Zakat terdiri daripada semua kutipan zakat termasuk sebarang wang yang dihasilkan daripada kumpulan wang tersebut dan ditolak segala perbelanjaan bagi melaksanakan fungsi sesebuah institusi zakat.

**(8) Kumpulan Wang Baitulmal**

Kumpulan wang baitulmal merujuk kepada terimaan atau wang yang dihasilkan daripada kumpulan wang tersebut, dan ditolak perbelanjaan bagi melaksanakan fungsi baitulmal, tidak termasuk yang berkaitan zakat dan wakaf.

**8.2.3 Penyeragaman Penggunaan Istilah Kumpulan Wang Baitulmal**

Penyelidik juga mencadangkan penggunaan istilah baitulmal diseragamkan di mana buat masa ini penggunaan KW Baitulmal adalah tidak konsisten. Menurut Enakmen Pentadbiran negeri-

negeri, baitulmal bermaksud satu Kumpulan Wang yang besar atau komprehensif yang merangkumi di bawahnya Kumpulan Wang (atau disebut juga sebagai akaun) Wakaf, KW Zakat dan KW Sumber Am (juga disebut sebagai KW Baitulmal sekali lagi, atau KW Majlis) serta lain-lain kumpulan wang seperti Kumpulan Wang Amanah. Namun, bagi tujuan kajian ini, baitulmal bermaksud dana selain daripada zakat dan wakaf, yang mana ini adalah konsisten dengan apa yang disarankan di dalam Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan.

#### **8.2.4 Pendedahan Maklumat di dalam Penyata Kewangan**

Penyelidik mendapati yang tahap pendedahan dan format pelaporan adalah berbeza di kalangan MAIN. Semua MAIN mengamalkan perakaunan dana (*fund accounting*), di mana terdapat tiga kumpulan wang utama seperti yang dibincangkan sebelum ini. Penyelidik mencadangkan setiap kumpulan wang mempunyai penyata pendapatan masing-masing, dan kemudian digabungkan dalam Penyata Pendapatan Disatukan. Penyata pendapatan mengikut Kumpulan Wang ini haruslah dipersembahkan di bahagian hadapan (muka), dan bukan di bahagian Nota.

#### **8.2.5 Penggunaan contoh urus niaga**

Penyelidik mendapati yang sebahagian daripada contoh-contoh urus niaga yang diberikan di dalam muka Piawaian dan Panduan Perlaksanaan adalah tidak bersesuaian dengan operasi MAIN. Oleh itu, penyelidik mencadangkan supaya contoh-contoh yang tidak relevan digantikan dengan yang mencerminkan aktiviti MAIN dan patuh syariah.

#### **8.2.6 Ringkasan Pindaan**

Isu-isu di atas serta amalan semasa, keperluan syariah dan cadangan dapat diringkaskan di dalam Jadual 8.1.

**Jadual 8.1 Isu dan Cadangan Berhubung MPSAS 9**

ISU	AMALAN/ PIAWAIAN	KEPERLUAN SYARIAH	CADANGAN
1. Definisi Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran	<p><u>Definisi:</u></p> <p>Urus niaga pertukaran berlaku apabila entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabilitinya dilangsaikan, dan secara langsung memberikan nilai yang setara (terutamanya dalam bentuk barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada pihak lain dalam pertukaran. (MPSAS 9)</p>	<p>Definisi dikekalkan kerana urusanniaga MAIN semuanya patuh syariah dan definisi tidak berlawanan dengan syariah.</p>	<p>Kekalkan definisi yang sedia ada</p>
2. Hasil faedah di bawah skop MPSAS 9	<p>MAIN tidak terlibat dengan faedah dan hasil simpanan diiktiraf sebagai keuntungan perbankan Islam.</p>	<p>Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275; QS Ar-Rum 30: 39; QS An-Nisa' 4:161; QS Ali 'Imran 3:130).</p>	<p>Gantikan faedah dengan keuntungan simpanan</p>
3. Tafsiran	<p>MAIN mempunyai hasil daripada urus niaga pertukaran yang melibatkan KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal, tetapi MPSAS tidak ada tafsiran mengenai KW ini.</p>	<p>Tatacara 365 Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIK (Tatacara 381 ATPK MAIN)</p>	<p>Masukkan tafsiran wakaf, wakaf am, wakaf khas, zakat, dan baitulmal.</p> <p><b><u>Wakaf</u></b></p> <p>Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan umum atau khusus dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT.</p> <p><b><u>Wakaf Am</u></b></p> <p>Wakaf yang diwujudkan bagi tujuan umum mengikut hukum Syarak.</p> <p><b><u>Wakaf Khas</u></b></p> <p>Wakaf yang diwujudkan bagi tujuan umum mengikut hukum Syarak.</p> <p><b><u>Zakat</u></b></p>

			<p>Zakat ertinya sebahagian harta mengikut kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut hukum Syarak.</p> <p><b><u>Baitulmal</u></b></p> <p>Secara umumnya Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta alih atau tak alih yang menurut hukum syarak disumbangkan oleh mana-mana orang kepada Baitulmal.</p> <p>Namun bagi tujuan piawaian ini, baitulmal, zakat dan wakaf tidak termasuk dalam definisi baitulmal.</p> <p><b><u>Kumpulan Wang Wakaf</u></b></p> <p>Kumpulan wang wakaf merujuk kepada pengurusan harta wakaf yang diamanahkan oleh pihak tertentu sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas serta perbelanjaan yang berkaitan dengannya.</p> <p><b><u>Kumpulan Wang Zakat</u></b></p> <p>Kumpulan Wang Zakat terdiri daripada semua kutipan zakat termasuk sebarang wang yang dihasilkan daripada kumpulan wang tersebut dan ditolak segala perbelanjaan bagi melaksanakan fungsi sesebuah institusi zakat.</p> <p><b><u>Kumpulan Wang Baitulmal</u></b></p> <p>Kumpulan wang baitulmal merujuk kepada terimaan atau wang yang dihasilkan daripada kumpulan wang tersebut, dan ditolak perbelanjaan bagi melaksanakan fungsi baitulmal, tidak termasuk yang berkaitan zakat dan wakaf.</p>
<p>4. Penggunaan istilah Baitulmal yang tidak sama antara MAIN.</p>	<p>Penggunaan istilah Baitulmal yang tidak seragam – P. Pinang &amp; Sarawak (KW Baitulmal), Perak &amp; Perlis (Sumber Am) dan Kedah (Kumpulan Wang Majlis).</p>	<p>Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri bagi setiap negeri</p> <p>Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN (ATPKMAIN)</p>	<p>1. Kumpulan Wang Baitulmal sebagai KW utama dan di bawahnya di pecahkan kepada KW Wakaf, Zakat dan Sumber Baitulmal.</p> <p>2. Pindaan kepada Enakmen Pentadbiran negeri Kedah,</p>



			Perlis, Pulau Pinang dan Sarawak
5. Pendedahan	Format, tahap pendedahan dan lokasi maklumat tidak seragam antara MAIN.		Setiap kumpulan wang mempunyai penyata pendapatan masing-masing, dan kemudian digabungkan dalam Penyata Pendapatan Disatukan.
6. Contoh urus niaga dalam Panduan Pelaksanaan tiada kaitan dengan MAIN.	Urus niaga berbeza daripada contoh.	Tiada	Gantikan contoh urus niaga dengan yang berkaitan dengan MAIN.

### 8.2.7 Cadangan Pindaan kepada MPSAS 9

Oleh kerana urus niaga yang dibincangkan dalam MPSAS 9 majoritinya juga adalah terdapat dalam MAIN, penyeldik mencadangkan supaya MPSAS 9 dijadikan asas dan dibuat beberapa pindaan. Jadual 8.2 menjelaskan cadangan pindaan kepada MPSAS 9 dan Jadual 8.3 mencadangkan pindaan kepada Panduan Pelaksanaan MPSAS 9 mengikut perenggan.

**Jadual 8.2 Cadangan pindaan kepada MPSAS 9 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran**

KANDUNGAN	MPSAS 9 (HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN)			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Tajuk		Kekal	MPSAS 9 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran	Tidak bercanggah dengan Islam
Objektif		Pinda	Tukar IPSASB kepada Kerangka Kerja Perakaunan Islam (KKPI)	KKPI yang telah dihasilkan daripada kajian ini.
Skop	1(a)-(b)	Kekal		

	1(c)	Pinda	(c) Penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan <del>faedah</del> keuntungan, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa.	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275; QS Ar-Rum 30: 39; QS An-Nisa' 4:161; QS Ali 'Imran 3:130.
	2	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti <i>zakat, wakaf dan baitulmal.</i> <del>sektor awam</del> selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan	Spesifik kepada entiti WZB
	3	Kekal		
	4	Kekal		
	5 – ayat 1	Pinda	<del>Entiti sektor awam</del> <i>wakaf, zakat dan baitulmal</i> mungkin memperoleh hasil daripada urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran.	Spesifik kepada entiti WZB
	6 – ayat 2	Pinda	Contoh urus niaga bukan pertukaran termasuk hasil daripada penggunaan kuasa <del>kerajaan</del> entiti WZB (contohnya, <del>eukai langsung dan tak langsung, duti dan denda</del> zakat dan denda), geran dan derma.	Laporan tahunan MAIN
	7- ayat 3	Pinda	Contoh hasil yang biasa diterima daripada urus niaga pertukaran oleh <del>entiti sektor awam</del> <i>wakaf, zakat dan baitulmal</i> termasuklah hasil sewa daripada hartanah, bangunan pejabat, premis perniagaan, dan peralatan <del>penyediaan perumahan, pengurusan kemudahan air, pengurusan jalan tol, pengurusan bayaran pindahan.</del>	Laporan tahunan MAIN Temubual dengan pegawai MAIN
	8	Kekal		
	9 (a)	Pinda	<del>Faedah Pulangan ke atas penggunaan tunai - eaj ke atas penggunaan wang tunai atau kesetaraan tunai, atau amaun yang terhutang kepada entiti; keuntungan yang diperolehi daripada simpanan wang atau kesetaraan tunai jangka pendek atau panjang;</del>	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)
	10	Kekal		
Takrif	11	Kekal		
Hasil	12- ayat 2	Pinda	Amaun yang dikutip sebagai pengantara kepada kerajaan, organisasi kerajaan lain atau bagi pihak ketiga, <del>contohnya, kutipan bayaran telefon dan</del>	Contoh adalah tidak sesuai kerana tiada kaitan dengan MAIN, oleh itu digantikan dengan yang bersesuaian.

			<p>elektrik oleh pejabat pos bagi pihak entiti yang menyediakan perkhidmatan tersebut bukanlah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang mengalir kepada pejabat pos tersebut, contohnya, harta luqatah yang diterima sementara menunggu haul bukanlah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang mengalir kepada entiti wakaf, zakat dan baitulmal tersebut dan ia tidak menyebabkan peningkatan dalam aset atau pengurangan dalam liabilitinya.</p>	
	13	Kekal		
Pengukuran Hasil	14 - 15	Kekal		
	16 – ayat 1	Kekal		
	16 – ayat 2 dan seterusnya	Keluar		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Unsur faedah tidak relevan dengan WZB.</li> <li>• Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275)</li> </ul>
	17	Kekal		
Pengenalpastian Urus Niaga	18	Kekal		
Penyediaan Perkhidmatan	19-27	Kekal		
Jualan Barangan	28-32	Kekal		
Faedah, Royalti dan Dividen atau Pengagihan yang Serupa	Tajuk	Pinda	<p><del>Faedah</del>, Keuntungan simpanan wang, royalti dan dividen atau Pengagihan yang Serupa</p>	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275)
	33, ayat 1	Pinda	<p>Hasil yang diperoleh daripada penggunaan oleh pihak lain terhadap aset entiti yang menghasilkan <del>faedah</del> keuntungan simpanan wang, royalti, serta dividen atau pengagihan yang serupa hendaklah diiktiraf menggunakan pengolahan perakaunan yang dinyatakan dalam perenggan 34 apabila:</p>	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275)
	34 (a)	Pinda	<p><del>Faedah</del> Keuntungan simpanan wang, contohnya secara garisan lurus. yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset;</p>	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275)

	35	Keluar		Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275), dan tidak lagi relevan apabila 34(a) dipinda.
	36, ayat 1	Keluar		
	37-38	Kekal		
Pendedahan	39 (a)	Kekal		
	39 (b) & (c)	Pinda	(b) Amaun setiap kategori hasil yang signifikan yang diiktiraf sepanjang tempoh tersebut, <i>di dalam Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Baitulmal, atau Kumpulan Wang lain sekiranya ada</i> , termasuk hasil yang diperoleh daripada: (i) Penyediaan Perkhidmatan; (ii) Jualan barangan; (iii) <del>Faedah</del> ; — <i>Keuntungan simpanan wang</i> ; (iv) Royalti; dan (v) Dividen atau pengagihan yang serupa; dan (c) Amaun hasil yang diperoleh daripada pertukaran barangan atau perkhidmatan yang telah dimasukkan dalam setiap kategori hasil yang signifikan mengikut <i>Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Baitulmal, atau Kumpulan Wang lain sekiranya ada</i> .	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.

**Jadual 8.3 Cadangan pindaan kepada Panduan Perlaksanaan MPSAS 9**

KANDUNGAN	PANDUAN PERLAKSANAAN MPSAS 9			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Panduan Perlaksanaan	PP1	Pinda	(c) Penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan <del>faedah</del> untung, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa.	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275)

	PP3	Pinda	<b>Penyediaan Perkhidmatan</b> Perumahan/ <i>hartanah/ Premis/ Peralatan</i>  PP3. Pendapatan sewa daripada penyewaan rumah, <i>pejabat, premis perniagaan, hartanah, dan peralatan</i> diiktiraf apabila pendapatan itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.	Lebih realistik, sesuai dengan urus niaga MAIN
	PP4-6	Keluar		Tidak sesuai kerana hasil bukan di bawah skop MAIN.
	PP7	Kekal		
	PP8	Keluar		Tidak sesuai kerana hasil bukan di bawah skop MAIN.
	PP9	Kekal		
	PP10-12	Keluar		Tidak sesuai kerana hasil bukan di bawah skop MAIN.
	PP13	Pinda	Hasil daripada persembahan seni, <i>kursus, seminar, ...</i>	Ditambah contoh yang lebih berkaitan dengan MAIN
	PP14-16	Kekak		
	PP17	Keluar		Tidak sesuai kerana hasil bukan di bawah skop MAIN.
	PP18-28	Kekal		
	PP29	Pinda	<del><b>Faedah</b></del> <b>Untung, Royalti dan Dividen atau Pengagihan yang Serupa</b>  <i>Fi Lesen dan Royalti</i>  PP29. Fi dan royalti yang dibayar untuk menggunakan aset entiti (seperti tanda dagangan, paten, perisian, hak cipta <del>muzik</del> , dan fail induk rekod dan filem <i>dokumentari wayang gambar</i> ) biasanya diiktiraf selaras dengan inti pati perjanjian.	Contoh yang lebih sesuai dengan keperluan syariah.
	PP30-34	Kekal		

### 8.3 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)

Seperti yang dibincangkan sebelum ini urus niaga bukan pertukaran merupakan urus niaga di mana entiti menerima sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran, menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan atau nilai ganjaran yang diterima tidak

menghampiri nilai saksama sumber yang diterima. Dua (2) sumber utama urus niaga bukan pertukaran dalam MPSAS 23 adalah cukai dan pindahan. Pindahan bermaksud hasil daripada urus niaga bukan pertukaran selain cukai. Bagi MAIN, penerimaan daripada wakaf, zakat dan baitulmal (sumber agama lain) merupakan urus niaga bukan pertukaran, walaupun tidak semua boleh dianggap sebagai hasil. Penerimaan dalam bentuk wakaf, zakat dan baitulmal adalah berbeza sama sekali dengan penerimaan dalam bentuk cukai. Cukai adalah bayaran yang dikenakan oleh kerajaan atau pihak berkuasa mengikut undang-undang yang diwujudkan oleh manusia manakala wakaf, zakat dan baitulmal adalah bayaran yang diterima (dibayar) berasaskan perundangan Islam yang berpandukan kepada Al-Quran dan Hadis. Terdapat peruntukan dan contoh-contoh yang dinyatakan di dalam MPSAS 23 yang tidak relevan dengan aktiviti MAIN. Di dalam mewujudkan piawaian perakaunan Islam, definisi yang jelas berkaitan dengan wakaf, zakat, baitulmal dan lain-lain terimaan seperti luqatah, kaffarah, fidyah, wang tak patuh syariah, harta pusaka dan lain-lain yang seumpamanya perlulah dibuat. Oleh kerana belum ada piawaian khusus berkaitan institusi wakaf, zakat dan baitulmal, MAIN menggunakan piawaian atau garis panduan yang sedia ada bagi mengakaunkan urus niaga berkenaan. Di antara piawaian atau garis panduan yang digunakan adalah Tatacara 381, Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN (MAIK – Tatacara 381), MPSAS dan MPERS. Berdasarkan kekangan di atas, penyelidik mencadangkan agar satu piawaian yang baru bagi menggantikan MPSAS 23 yang mirip kepada MPSAS 23 dibentuk bagi MAIN. Namun, struktur, format dan tajuk-tajuk utama yang digunakan dalam MPSAS 23 perlu dikekalkan. Penyelidik mencadangkan supaya tajuk piawaian berkaitan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran ini dinamakan sebagai Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Zakat, Baitulmal dan Pindahan Lain). Hasil zakat meliputi zakat harta dan zakat fitrah, sementara hasil baitulmal adalah lain-lain hasil agama (contoh: luqatah, kaffarah, fidyah, wang tak patuh syariah, harta pusaka dan lain-lain), kecuali wakaf. Pindahan lain pula adalah hasil bukan agama, seperti peruntukan daripada kerajaan negeri dan sebagainya. Item-item hasil agama dan bukan agama tersebut harus ditafsirkan di bahagian tafsiran di dalam piawaian ini. Namun, terimaan harta wakaf tidak dianggap sebagai hasil. Ini adalah kerana harta wakaf perlu dikekalkan dalam entiti. Ia tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi.

Secara ringkasnya, cadangan berhubung tajuk, definisi, skop piawaian dan tafsiran adalah seperti dalam Jadual 8.4.

**Jadual 8.4 Cadangan Tajuk, Skop dan Tafsiran Bagi Piawaian Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Zakat, Baitulmal dan Pindahan Lain)**

ISU	PIAWAIAN SEDIA ADA (MPSAS 23)	CADANGAN PIAWAIAN (MPSAS 23 (BARU))	KEPERLUAN SYARIAH/ PERUNDANGAN/ ALASAN
1. Definisi	Sesuatu entiti akan menerima sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan.	Kekalkan definisi MPSAS 23	Tidak bercanggah dengan keperluan syariah dan perundangan
2. Tajuk	Hasil daripada Urus niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)	Hasil daripada Urus niaga Bukan Pertukaran (Zakat, Baitulmal dan Pindahan Lain)	Sesuai dengan aktiviti MAIN
3. Skop	MPSAS 23 merangkumi penerimaan dalam bentuk cukai dan pindahan	Hasil bukan pertukaran merangkumi penerimaan dalam bentuk zakat, baitulmal, dan pindahan lain. Cukai tidak diliputi oleh piawaian ini.	Sesuai dengan aktiviti MAIN
4. Tafsiran	MAIN mempunyai urus niaga bukan pertukaran yang melibatkan wakaf, zakat dan baitulmal tetapi MPSAS tidak menyatakannya	Zakat, baitulmal dan lain-lain istilah berkaitan ditakrifkan (contoh: luqatah, kaffarah, fidyah, wang tak patuh syariah, harta pusaka dan lain-lain)	Tatacara 365 Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIK (Tatacara 381 ATPK MAIN)

Para 14-19 MPSAS 23 membincangkan mengenai ketetapan (*stipulation*) aset yang dipindahkan. Jika terdapat ketetapan tertentu mengenai penggunaan aset yang dipindahkan ianya mungkin tidak boleh dianggap sebagai hasil. Ketetapan aset yang dipindahkan dinyatakan dalam bentuk syarat (*condition*) atau sekatan (*restriction*). Menurut para 17 MPSAS 23, syarat ke atas aset yang dipindah (selepas ini dirujuk sebagai syarat) menghendaki entiti sama ada mengguna habis manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan aset tersebut seperti yang dinyatakan, atau memulangkan manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan kepada pemindah sekiranya berlaku kemungkiran syarat. Ini boleh mewujudkan obligasi (liabiliti) masa hadapan ke atas entiti yang menerima aset jika syarat tersebut tidak dipenuhi. Manakala para 19 menjelaskan sekatan pula tidak memerlukan penerima aset memulangkan aset berkenaan jika penerima aset tidak menggunakan aset tersebut seperti yang ditetapkan. Di sini tidak timbul obligasi kini ke atas penerimaan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan.

Dalam konteks zakat, pembayar zakat membayar zakat tanpa sebarang syarat, manakala penerima wang zakat (MAIN) perlu mengagihkan penerimaan tersebut kepada asnaf yang telah ditentukan, yang menurut MPSAS 23 merupakan sekatan. MAIN tidak dipertanggungjawabkan untuk membayar semula wang zakat yang diterima kepada pembayar tetapi mempunyai amanah atau tanggungjawab untuk mengagihkan semula penerimaan tersebut kepada asnaf tertentu, seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Zakat Kedah. Berdasarkan peruntukan dalam para 14-17 MPSAS 23, penerimaan zakat adalah lebih sesuai dianggap sebagai hasil berbanding liabiliti kerana ia merupakan sekatan, dan bukan syarat pindahan aset.

Oleh kerana hasil bukan pertukaran yang diterima oleh MAIN terdiri daripada tiga kumpulan wang utama iaitu Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Baitulmal, perbincangan selanjutnya akan membincangkan secara berasingan kumpulan-kumpulan wang berkenaan.

### **8.3.1 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Wakaf**

Amalan semasa pengukuran di MAIN menunjukkan terdapat perbezaan daripada segi mengakaunkan penerimaan harta wakaf. MAIK umpamanya menggunakan nilai token (nilai nominal RM10) manakala MAIPs, MAIPk dan MAINPP tidak mengakaunkan penerimaan harta wakaf berkenaan, tetapi hanya menyediakan senarai harta wakaf yang diterima. Penyelidik mencadangkan agar pengukuran penerimaan harta wakaf direkodkan mengikut nilai saksama bagi aset yang bernilai komersil manakala bagi aset yang tidak mempunyai nilai komersil, ianya direkodkan dengan mendebitkan aset tersebut pada nilai token (norminal) sepertimana yang diamalkan oleh MAIK.

Persoalannya, apakah akaun yang akan dikreditkan? Adakah ia dianggap sebagai (i) hasil dan oleh itu merupakan item Penyata Pendapatan, atau (ii) liabiliti atau (iii) ekuiti dengan mengkreditkan kepada Kumpulan Wang Wakaf (sama ada Wakaf Khas atau Wakaf Am)? Dari segi pengiktirafan terdapat perbezaan amalan di kalangan MAIN dan jenis wakaf yang diterima. Wakaf khas diiktiraf sama ada sebagai ekuiti atau liabiliti manakala bagi wakaf am pula, ada MAIN yang mengiktirafnya sebagai ekuiti dan ada yang mengiktirafnya sebagai



hasil. Walau bagaimanapun kesemua MAIN menyediakan akaun Kumpulan Wang Wakaf tetapi tidak dibuat pengasingan yang jelas di antara kedua-dua jenis wakaf ini. Penyediaan kumpulan wang wakaf adalah selari dengan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN dan Manual Pengurusan Wakaf (JAWHAR, 2009).

Daripada kajian dan pemerhatian yang dijalankan, penyelidik mencadangkan supaya kedua-dua jenis wakaf ini (termasuk wakaf tunai) diiktiraf sebagai ekuiti berbanding dengan liabiliti atau hasil. Penerimaan harta wakaf tidak boleh dianggap sebagai hasil kepada penerima (MAIN) kerana tiga (3) prinsip utama undang-undang wakaf ialah ianya tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi (JAWHAR, 2009). Dari segi istilah, wakaf ialah menahan harta dan memberikan manfaatnya pada jalan Allah, dan mensedekahkan manfaatnya (faedahnya atau keuntungannya) ke arah kebajikan dari mula hingga akhirnya kepada orang yang ditentukan oleh pewakaf.

Namun, hasil atau manfaat yang diterima daripada harta wakaf seperti sewa dan keuntungan simpanan bank boleh dianggap sebagai hasil yang kemudiannya akan dimanfaatkan oleh pihak yang dinamakan pewakaf. Manfaat ini dianggap hasil daripada urusan niaga pertukaran, iaitu seperti yang dibincangkan dalam MPSAS 9 dan seksyen sebelum ini.

Wakaf juga tidak memenuhi definisi liabiliti seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 23, kerana penerima tidak mempunyai obligasi untuk memulangkan semula penerimaan berkenaan kepada pewakaf. Oleh yang demikian, penerimaan wakaf sama ada wakaf khas atau wakaf am adalah lebih sesuai diiktiraf sebagai ekuiti. Oleh itu, harta wakaf yang diterima daripada pewakaf adalah bukan hasil daripada urusan niaga bukan pertukaran. Namun, kenapa harta wakaf tidak harus dianggap sebagai hasil perlu dibincangkan di dalam piawaian baru ini. Sekiranya perlu diwujudkan piawaian perakaunan bagi wakaf, perakaunan lebih tertumpu kepada aset dan ekuiti, dan bukannya hasil. Perbincangan mengenai perkara ini telah diliputi dalam kajian Fasa 2.

Dari segi pendedahan di dalam penyata kewangan, kebanyakan MAIN mendedahkan hanya satu kumpulan wang wakaf tanpa dibuat pengasingan di antara wakaf khas dan wakaf am. Penyelidik mencadangkan agar pendedahan untuk kedua-dua kumpulan wang wakaf ini dibuat dan didedahkan secara berasingan sebelum disatukan di dalam Kumpulan Wang Wakaf. Ini

akan memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang pergerakan dana bagi kedua-dua jenis wakaf ini. Jadual 8.5 menunjukkan ringkasan bagi amalan semasa serta cadangan bagi pengukuran, pengiktirafan dan pendedahan terimaan harta wakaf.

**Jadual 8.5 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Urus niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Wakaf**

ISU	AMALAN	KEPERLUAN SYARIAH	CADANGAN
Pengukuran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai saksama</li> <li>• Token</li> <li>• Tidak diakaunkan</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai saksama bagi aset yang bernilai komersil</li> <li>• Token bagi aset yang tidak bernilai komersil</li> </ul>
Pengiktirafan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakaf khas – ekuiti/liabiliti</li> <li>• Wakaf am – ekuiti/hasil</li> </ul>	Harta wakaf tidak boleh dijual, dihibah dan diwarisi (Enakmen Pentadbiran dan Enakmen Zakat Kedah, Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf oleh Jawhar, JPM (2009))	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakaf Khas (termasuk wakaf tunai): Diiktiraf sebagai ekuiti</li> <li>• Wakaf Am (termasuk wakaf tunai) – Diiktiraf sebagai ekuiti</li> </ul>
Pendedahan	Kumpulan wang wakaf terdiri daripada wakaf khas dan wakaf am tanpa pengasingan		Wakaf am dan wakaf khas secara berasingan dalam Kumpulan Wang Wakaf

### 8.3.2 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Zakat

Penerimaan wang zakat diukur menggunakan nilai saksama secara asas tunai, iaitu nilai ketika ianya diterima. Kesemua MAIN mengiktiraf penerimaan zakat sebagai hasil manakala pembayaran kepada asnaf dianggap sebagai belanja. Baki yang masih belum diagih ditunjukkan di dalam lembaran imbangan sebagai Kumpulan Wang Zakat. Amalan di LZNK agak sedikit berbeza dengan lain-lain MAIN kerana di dalam Kumpulan Wang Zakat juga terdapat terimaan lain seperti fidyah, kaffarah dan derma di masukkan ke dalam Kumpulan Wang Zakat. Ini adalah disebabkan di Kedah institusi zakat ditubuhkan secara berasingan daripada MAIK dan masing-masing mempunyai Enakmen tersendiri. Terdapat di kalangan orang awam yang membayar fidyah, kaffarah dan derma kepada LZNK dan bukannya kepada MAIN. Enakmen LZKDA 2015 ada menyatakan bahawa selain daripada zakat dan sebagainya,

Kumpulan Wang Zakat hendaklah terdiri daripada “semua terimaan oleh Lembaga daripada mana-mana pihak atau individu” (Seksyen 30 (1) (d)).

Dari segi pengiktirafan, amalan semasa yang diamalkan oleh MAIN dengan mengiktiraf penerimaan daripada bayaran zakat sebagai hasil boleh diteruskan. Jika MPSAS 23 dijadikan asas pengiktirafan, penerimaan zakat merupakan penerimaan berbentuk sekatan dan bukan syarat. Pihak penerima tidak mempunyai obligasi untuk memulangkan penerimaan tersebut kepada penerima jika penerima gagal mengagihkan penerimaan tersebut seperti syarat yang ditentukan. Oleh yang demikian, penyelidik lebih cenderung untuk menganggap penerimaan zakat direkodkan sebagai hasil manakala agihannya dianggap sebagai belanja. Apapun kaedah pengiktirafan yang diterima pakai, pergerakan dana wang zakat perlu ditunjukkan dengan jelas. Dari segi pendedahan pula, penyelidik mencadangkan agar laporan berkaitan dengan hasil zakat perlu dibuat dengan memperincikan setiap jenis sumber zakat dan pembayaran kepada asnaf mengikut jenis asnaf sebagai belanja, di dalam Penyata Pendapatan KW Zakat sebelum ianya disatukan, bagi memberi gambaran yang saksama ke atas kutipan pelbagai jenis zakat oleh MAIN. Ringkasan berhubung pengukuran, pengiktirafan dan pendedahan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran Kumpulan Wang Zakat ditunjukkan dalam Jadual 8.6.

**Jadual 8.6 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Hasil Dari Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Zakat**

<b>ISU</b>	<b>AMALAN</b>	<b>KEPERLUAN SYARIAH/ PERUNDANGAN</b>	<b>CADANGAN</b>
Pengukuran	Nilai saksama		Kekal (nilai saksama)
Pengiktirafan	Secara umumnya penerimaan zakat diiktiraf sebagai hasil Kumpulan Wang Zakat. Agihan kepada asnaf diiktiraf sebagai belanja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersesuaian dengan keperluan syariah.</li> <li>• MPSAS 23, Para 17</li> </ul>	Dikekalkan kerana zakat adalah penerimaan tanpa syarat tetapi ada sekatan dimana MAIN perlu agih kepada asnaf. Oleh itu ia diiktiraf sebagai hasil.
Pendedahan	Kumpulan Wang Zakat menunjukkan terimaan/hasil zakat mengikut sumber dan perbelanjaan mengikut kumpulan asnaf	Tiada percanggahan	Sediakan Penyata Pendapatan Bagi Kumpulan Wang Zakat dengan menunjukkan terimaan/hasil zakat mengikut sumber dan perbelanjaan mengikut kumpulan asnaf.

Satu lagi isu dalam pengiktirafan hasil zakat ialah di mana institusi zakat merupakan amil, dan oleh itu berhak kepada sebahagian daripada kutipan tersebut, mengikut peruntukan negeri masing-masing (satu per lapan di Kedah misalnya). Persoalannya, bagaimanakah peruntukan bagi amil ini diakaunkan? Terdapat berbagai pendekatan yang digunakan. LZNK misalnya merekodkan bahagian tersebut terus di dalam Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, tanpa melalui Kumpulan Wang Zakat. Di negeri-negeri lain pula, ia diakaunkan terus dalam Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat. Dalam hal ini, penyelidik mencadangkan agar semua kutipan dianggap sebagai hasil Kumpulan Wang Zakat terlebih dahulu, dan kemudiannya dipindahkan kepada Kumpulan Wang lain yang bersesuaian, mengikut amalan setiap MAIN. Dengan ini, pihak yang berminat dapat melihat dengan lebih jelas jumlah kutipan zakat bagi setiap tahun. Dengan ini pendedahan dianggap telus, bersesuaian dengan prinsip pendedahan penuh.

### **8.3.3 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Baitulmal**

Hasil daripada penelitian dan temuduga yang dijalankan, penyelidik mendapati terdapat perbezaan di kalangan MAIN dalam mendefinisikan sumber agama selain wakaf dan zakat (dirujuk sebagai baitulmal untuk tujuan kajian ini). MAINPP dan TBS meletakkan semua sumber pendapatan ini di bawah kategori “baitulmal”. Manakala di MAIPs dan MAIPk, penerimaan sebegini direkodkan sebagai penerimaan daripada sumber am. Sebaliknya di MAIK terimaan daripada ini dimasukkan dalam Kumpulan Wang Majlis. Bagi tujuan pelaporan, penyelidik mencadangkan agar penggunaan istilah bagi baitulmal diseragamkan. Istilah penerimaan Kumpulan Wang Baitulmal seharusnya merujuk kepada terimaan umum selain daripada yang berkaitan dengan wakaf dan zakat (seperti mana yang diamalkan oleh MAIPs dan MAIPk). Jika diteliti definisi baitulmal seperti mana yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri, ianya bukanlah merupakan sebuah institusi tetapi adalah kumpulan wang. Oleh yang demikian tidak menjadi sebarang masalah jika kesemua terimaan sumber am selain wakaf dan zakat dianggap sebagai hasil Kumpulan Wang Baitulmal. Penggunaan istilah yang seragam ini lebih memudahkan pengguna membuat tafsiran dan perbandingan.

Tidak menjadi satu pertikaian di dalam mengukur penerimaan sumber am ini. Kesemua MAIN menggunakan asas nilai saksama. Amalan ini dicadangkan dikekalkan kerana ianya tidak bertentangan dengan syariah. Dari segi pengiktirafan, terdapat perbezaan amalan di kalangan MAIN. Ada MAIN yang mengiktiraf penerimaan sumber am ini sebagai hasil dan ada yang mengiktiraf sebagai liabiliti. Berdasarkan ciri-ciri penerimaan ini, penyelidik mencadangkan penerimaan wang daripada sumber am (selain wakaf dan zakat) terus diiktiraf sebagai hasil dan dikelaskan mengikut jenis penerimaannya seperti wang tak patuh syariah, fidyah, kaffarah, luqatah yang cukup haul, dan lain-lain terimaan. Namun, harta luqatah yang baru dijumpai tidak harus diakaunkan kerana ia tidak memenuhi ciri-ciri aset mahupun hasil, sehingga cukup haul. Harta luqatah ini hanya perlu didaftarkan (dalam senarai harta luqatah) ketika diterima dan setelah cukup haul, haruslah direkod sebagai aset dan hasil.

Dari aspek pendedahan pula, kebanyakan MAIN tidak mendedahkan dengan terperinci sumber penerimaan berkenaan. Penyelidik mencadangkan agar penerimaan sumber am ini didedahkan dengan lebih terperinci mengikut jenis terimaan, sekiranya signifikan. Pendedahan yang terperinci adalah lebih telus dan dapat memberikan gambaran yang lebih saksama tentang aktiviti MAIN kerana setiap terimaan tersebut mempunyai tujuan tersendiri. Ini adalah bertepatan dengan hadis Nabi iaitu “*setiap perkara dinilai berdasarkan niat/ tujuan ( إنما الأعمال بالنيات )* (Abdullah Said Al-Lahji, 2013).

Jadual 8.7 menunjukkan ringkasan amalan semasa dan cadangan bagi pengukuran, pengiktirafan dan pendedahan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran Kumpulan Wang Baitulmal.

**Jadual 8.7 Pengukuran, Pengiktirafan dan Pendedahan Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan Wang Baitulmal**

ISU	AMALAN	KEPERLUAN SYARIAH	CADANGAN
Pengukuran	Nilai saksama		Kekal: nilai saksama
Pengiktirafan	Diiktiraf sebagai hasil / liabiliti		Iktiraf sebagai hasil mengikut sumber (contohnya wang tak patuh syariah, fidyah, kaffarah, Luqatah dll.)

Pendedahan	Tidak diperincikan sumber (contohnya wang tak patuh syariah, fidyah, kaffarah, Luqatah dll)	Setiap perkara dinilai berdasarkan niat/ tujuan. إنما الأعمال بالنيات (Abdullah Said Al-Lahji, 2013).	Memperincikan sumber terimaan mengikut tujuan.
------------	---	---	--

### 8.3.4 Penerimaan atau Bantuan Daripada Geran Kerajaan Negeri

Satu lagi bentuk penerimaan bukan pertukaran yang diterima oleh MAIN adalah dalam bentuk geran, pemberian atau bantuan daripada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, daripada lima (5) MAIN yang dikaji, hanya MAIK dan MAIPk sahaja yang menunjukkan terdapat item ini di dalam penyata pendapatan yang merujuk kepada penerimaan atau bantuan daripada Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, MAIK juga menerima sumbangan daripada LZNK. Kedua-dua MAIN mengiktiraf pemberian ini sebagai hasil. Jumlah penerimaan ini ditunjukkan di dalam penyata pendapatan manakala maklumat lanjut mengenai penerimaan ini ditunjukkan dalam nota kepada akaun. Penerimaan sebegini memenuhi kriteria pengiktirafan hasil seperti mana yang terdapat dalam MPSAS 23 iaitu aliran masuk manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima dan belum diterima oleh entiti pelaporan, yang menunjukkan peningkatan dalam aset/ekuiti bersih. Oleh yang demikian, amalan oleh MAIK dan MAIPk untuk merekodkan penerimaan daripada Kerajaan Negeri sebagai hasil boleh diteruskan. Sekiranya geran diterima untuk digunakan bagi tempoh lebih daripada setahun, peralatan atau kenderaan misalnya, maka hasil harus diagihkan kepada tempoh yang dijangka akan mendapat manfaat daripada harta tersebut. Hasil tertunda yang merupakan liabiliti harus diiktiraf terlebih dahulu, dan pada setiap tempoh manfaat, hasil akan diiktiraf dan liabiliti (hasil tertunda) dikurangkan.

### 8.3.5 Cadangan piawaian bagi Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Seperti yang dinyatakan sebelum ini skop hasil bukan pertukaran yang dinyatakan dalam MPSAS 23 hanya merangkumi cukai dan pindahan. Tidak ada satu pun peruntukan berkaitan dengan terimaan daripada wakaf, zakat dan baitulmal dinyatakan. Terdapat banyak peruntukan dalam MPSAS 23 tidak berkaitan langsung dengan aktiviti MAIN. Oleh yang demikian MPSAS 23 tidak boleh diguna pakai sepenuhnya. Semua definisi berkaitan cukai harus dikeluarkan dan digantikan dengan istilah zakat, baitulmal dan pindahan lain yang berkaitan.

Cadangan-cadangan perubahan dalam konteks tajuk, objektif, skop, takrif, hasil dan sebagainya akan dibincangkan seterusnya. Ringkasannya adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 8.8.

**Jadual 8.8 Cadangan piawaian baru bagi Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran**

KANDUNGAN	CADANGAN KETERANGAN	RUJUKAN/ ALASAN
Tajuk	Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Zakat, Baitulmal dan Pindahan Lain)	Bersesuaian dengan aktiviti MAIN
Objektif	Objektif Piawaian ini adalah bagi menetapkan keperluan untuk pelaporan kewangan tentang hasil yang diperoleh daripada urus niaga bukan pertukaran bagi entiti wakaf, zakat dan baitulmal (WZB), selain terimaan harta wakaf daripada pewakaf. Piawaian ini membincangkan isu-isu yang perlu dipertimbangkan dalam mengiktiraf dan mengukur hasil daripada urus niaga bukan pertukaran.	MPSAS 23 sebagai asas
Skop	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Piawaian ini terpakai kepada semua institusi wakaf, zakat dan baitulmal selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE). Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan.</li> <li>• Piawaian ini memberikan tumpuan kepada hasil yang diperoleh daripada urus niaga bukan pertukaran. Hasil yang diperoleh daripada urus niaga pertukaran dinyatakan dalam PPI XX Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran bagi Institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Walaupun hasil yang diterima oleh entiti WZB diperoleh daripada kedua-dua urus niaga pertukaran dan bukan pertukaran, majoriti hasil bagi institusi WZB lazimnya diperoleh daripada urus niaga bukan pertukaran, contohnya: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) zakat</li> <li>(b) sumber agama lain, iaitu baitulmal, contohnya derma, infaq, fidyah, luqatah, dan</li> <li>(c) pindahan lain seperti geran kerajaan.</li> </ul> </li> <li>• Harta yang diterima daripada pewakaf, sama ada wakaf khas atau wakaf am (termasuk wakaf tunai) tidak termasuk dalam skop piawaian ini kerana ia diliputi oleh piawaian “Perakaunan bagi Wakaf”. Tambahan pula, wakaf bukan merupakan hasil mengikut definisi hasil kerana ia tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi. Dari segi istilah, wakaf ialah menahan harta dan memberikan manfaatnya pada jalan Allah, dan mendedahkan manfaatnya (faedahnya atau</li> </ul>	<p>Bersesuaian dengan aktiviti MAIN</p> <p>JAWHAR (2009)</p> <p>MPSAS 23</p>

	keuntungannya) ke arah kebajikan dari mula hingga akhirnya kepada orang yang ditentukan oleh pewakaf.	
Takrif	<p>Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:</p> <p><b><u>Baitulmal</u></b> terdiri daripada semua wang dan harta alih atau tak alih yang menurut hukum syarak disumbangkan oleh mana-mana orang kepada Baitulmal.</p> <p>Namun bagi tujuan piawaian ini, baitulmal, zakat dan wakaf tidak termasuk dalam definisi baitulmal.</p> <p><b><u>Denda</u></b> ialah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima atau belum terima oleh entiti sektor awam, seperti yang diputuskan oleh Mahkamah atau badan penguatkuasaan undang-undang lain, akibat pelanggaran undang-undang atau peraturan.</p> <p><b><u>Fidyah</u></b> ialah denda yang dikenakan ke atas orang yang meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu ataupun sengaja melewatkan puasa ganti (qada') bulan Ramadhan. Ia merupakan satu kadar tertentu yang wajib dikeluarkan sebagai suatu pemberian sebahagian daripada harta (makanan) kepada fakir miskin.</p> <p><b><u>Harta atau wang tidak patuh syariah</u></b> ialah harta haram yang diperolehi melalui jalan-jalan yang tidak patuh syariah yang diserahkan kepada institusi WZB. Contohnya adalah rompakan, rampasan, hasil jualan barang curi, rasuah, perjudian, loteri, faedah simpanan bank, perlindungan insurans konvensional, keuntungan pelaburan di dalam sekuriti tidak patuh syariah dan seumpamanya.</p> <p><b><u>Harta Pusaka</u></b> ialah harta peninggalan si mati, ia itu semua harta yang dimiliki oleh si mati semasa hayatnya secara halal dan berterusan hak miliknya hingga kematiannya. Harta pusaka ini akan menjadi hak Baitulmal apabila (1) tiada ahli waris yang berhak menerimanya, (2) ahli waris telah menerima bahagian masing-masing (faraid) tetapi masih terdapat baki harta pusaka, (3) harta si mati yang tidak dituntut oleh sesiapa, atau (3) tiada ahli waris langsung.</p> <p><b><u>Kaffarah</u></b> bermaksud perbuatan yang boleh menghapus dosa yang berupa membebaskan hamba, bersedekah dan puasa dengan syarat-syarat tertentu. Ia juga suatu penampal kecuiaan yang dilakukan oleh manusia dalam tindakannya.</p> <p><b><u>Kawalan aset</u></b> timbul apabila entiti boleh menggunakan atau mendapat manfaat dengan cara yang lain daripada aset itu dalam usaha mencapai objektifnya, dan boleh menghalang atau mengawal akses pihak lain kepada manfaat itu.</p> <p><b><u>Ketetapan ke atas aset yang dipindah</u></b> ialah syarat dalam undang-undang atau peraturan, atau kontrak yang dikenakan ke atas penggunaan aset yang dipindah oleh entiti luar kepada entiti pelaporan.</p>	<p>Al Quran</p> <p>Enakmen Pentadbiran Negeri</p> <p>Enakmen Lembaga Zakat Kedah</p> <p>JAWHAR (2009)</p> <p>Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam 2009</p> <p>Laman Web MAIN</p>



	<p><b><u>Kumpulan Wang Baitulmal</u></b> merujuk kepada terimaan atau wang yang dihasilkan daripada kumpulan wang tersebut, dan ditolak perbelanjaan bagi melaksanakan fungsi baitulmal, tidak termasuk yang berkaitan zakat dan wakaf.</p> <p><b><u>Kumpulan Wang Wakaf</u></b> merujuk kepada pengurusan harta wakaf yang diamanahkan oleh pihak tertentu sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas serta perbelanjaan yang berkaitan dengannya.</p> <p><b><u>Kumpulan Wang Zakat</u></b> terdiri daripada semua kutipan zakat termasuk sebarang wang yang dihasilkan daripada kumpulan wang tersebut dan ditolak segala perbelanjaan bagi melaksanakan fungsi sesebuah insitusi zakat.</p> <p><b><u>Luqatah</u></b> ialah harta, berupa wang atau barang berharga seperti emas yang hilang dari tuannya dan dijumpai oleh orang lain. Ia juga ditakrifkan harta tanpa milik yang dihormati yang ditemui di sesuatu tempat yang tidak sepatutnya disimpan dan si penemunya tidak mengetahui orang yang berhak ke atas harta tersebut.</p> <p><b><u>Nazar</u></b> bererti mewajibkan atas diri sendiri untuk melakukan sesuatu ibadah untuk Allah SWT yang asal hukumnya tidak wajib. Sesuatu nazar yang berbentuk ibadah yang asalnya sunat akan menjadi wajib dengan bernazar untuk melakukannya. Apabila seseorang itu telah bernazar maka wajib ke atasnya melangsaikan tanpa bertanggung apabila hajatnya dikabulkan oleh Allah SWT. Namun, apabila seseorang gagal menunaikan nazarnya, denda seperti yang ditetapkan dalam Al Quran adalah dengan memberi makan sepuluh orang miskin daripada jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Bayaran kaffarah nazar ini boleh di buat melalui MAIN, yang seterusnya bertanggungjawab untuk mengagihkan kepada fakir miskin.</p> <p><b><u>Pindahan</u></b> ialah aliran masuk manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan daripada urus niaga, selain zakat. Pindahan dibahagikan kepada dua, iaitu yang berbentuk agama (disebut sebagai baitulmal) dan yang bukan berbentuk agama (disebut sebagai pindahan lain).</p> <p><b><u>Pusaka</u></b> adalah suatu pindahan yang dibuat menurut peruntukan dalam surat wasiat orang yang meninggal dunia. Kawalan sumber berikutan peristiwa lampau merangkumi manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan bagi sesuatu pewarisan berlaku apabila entiti tersebut mempunyai tuntutan yang boleh dikuatkuasakan, contohnya semasa kematian pewasiat, atau pemberian probet, bergantung kepada undang-undang bidang kuasa tersebut.</p> <p><b><u>Sekatan ke atas aset yang dipindah</u></b> ialah ketetapan yang mengesahkan atau menetapkan tujuan penggunaan aset yang dipindah, tetapi tidak menetapkan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan perlu dipulangkan</p>	
--	--	--

	<p>kepada pemindah jika tidak digunakan seperti yang ditetapkan.</p> <p><b><u>Sumbangan/ derma / infaq /sedekah</u></b> ialah sumbangan orang ramai untuk kemaslahatan masyarakat Islam. Ia merupakan hasil kepada MAIN yang tidak mempunyai ketetapan, syarat atau sekatan.</p> <p><b><u>Syarat ke atas aset yang dipindah</u></b> ialah ketetapan yang menyatakan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang terkandung dalam aset hendaklah digunakan oleh penerima seperti yang ditentukan atau manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan itu mesti dipulangkan kepada pemindah.</p> <p><b><u>Zakat</u></b> ertinya sebahagian harta mengikut kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut hukum Syarak.</p>	
<p>Urus Niaga Bukan Pertukaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam sesetengah urus niaga, memang jelas terdapat pertukaran nilai yang hampir setara. Urus niaga ini ialah urus niaga pertukaran dan dinyatakan dalam PPI yang lain.</li> <li>• Dalam urus niaga lain, sesuatu entiti akan menerima sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan. Ini jelas adalah urus niaga bukan pertukaran dan dinyatakan dalam Piawaian ini. Sebagai contoh, pembayar zakat membayar zakat kerana Enakmen Pentadbiran MAIN atau Lembaga Zakat memberikan mandat bagi pembayaran cukai tersebut. Walaupun Walaupun MAIN atau Lembaga Zakat yang mengutip zakat akan mengagihkan semula kepada asnaf yang layak, namun tindakan itu bukanlah sebagai ganjaran kepada pembayar zakat.</li> <li>• Terdapat juga urus niaga lain yang tidak jelas sama ada ia urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran. Dalam kes ini, penelitian inti pati urus niaga akan menentukan sama ada urus niaga itu ialah urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran. Sebagai contoh, jualan barang lazimnya diklasifikasikan sebagai suatu urus niaga pertukaran. Walau bagaimanapun, jika urus niaga itu dijalankan pada harga subsidi, iaitu, pada harga yang tidak menghampiri nilai saksama barang yang dijual, urus niaga itu termasuk dalam takrif urus niaga bukan pertukaran. Bagi menentukan sama ada inti pati suatu urus niaga itu adalah inti pati urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran, pertimbangan profesional digunakan. Selain itu, entiti mungkin menerima diskaun perdagangan, diskaun kuantiti, atau lain-lain pengurangan harga aset disebut atas pelbagai sebab. Pengurangan harga ini tidak semestinya bermaksud urus niaga itu ialah urus niaga bukan pertukaran.</li> </ul>	<p>MPSAS 23 dengan pindaan supaya selari dengan aktiviti MAIN</p>
<p>Hasil</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil terdiri daripada aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima dan belum terima oleh entiti pelaporan, yang menunjukkan peningkatan</li> </ul>	<p>MPSAS 23 dengan pindaan supaya selari dengan aktiviti MAIN</p>

	<p>dalam aset/ekuiti bersih, selain peningkatan yang berkaitan dengan wakaf daripada pewakaf.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amaun yang dikutip oleh agen kepada kerajaan, organisasi kerajaan yang lain atau pihak ketiga lain tidak akan menyebabkan peningkatan aset bersih atau hasil agen itu kerana entiti agen tidak dapat mengawal penggunaan, atau mendapat manfaat daripada aset terkumpul dalam usaha mencapai objektifnya.</li> <li>• Jika entiti WZB menanggung kos berhubung dengan hasil yang diperoleh daripada urus niaga bukan pertukaran, hasil itu ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan, dan apa-apa aliran keluar sumber diiktiraf sebagai kos urus niaga. Contohnya, jika entiti pelaporan dikehendaki membayar kos penghantaran dan pemasangan berhubung dengan pemindahan suatu item loji daripada entiti lain kepadanya, kos itu diiktiraf berasingan daripada hasil yang diperoleh daripada pemindahan item loji itu. Kos penghantaran dan pemasangan termasuk dalam amaun yang diiktiraf sebagai aset, menurut PPI XX, Hartanah, Loji dan Peralatan.</li> </ul>	
Ketetapan	<i>(Penerangan dan perbincangan berkaitan ketetapan adalah sesuai dengan aktiviti main, oleh itu para 14 – 16 dikekalkan)</i>	Relevan dengan MAIN. MPSAS 23, Para 14-16
Syarat ke atas Aset yang Dipindah	<i>(Penerangan dan perbincangan berkaitan Syarat ke atas Aset yang Dipindah adalah sesuai dengan aktiviti main, oleh itu para 17 – 18 dikekalkan)</i>	Relevan dengan MAIN. MPSAS 23, Para 17-18
Sekatan ke atas Aset yang Dipindah	Sekatan ke atas aset yang dipindah (selepas ini dirujuk sebagai sekatan) tidak termasuk keperluan bahawa aset yang dipindah itu, atau manfaat ekonomi masa depan dan potensi perkhidmatan yang lain, hendaklah dipulangkan kepada pemindah jika aset itu tidak digunakan seperti yang ditentukan. Oleh itu, pemerolehan kawalan ke atas sesuatu aset yang tertakluk kepada sesuatu sekatan tidak mengenakan obligasi kini ke atas penerima untuk memindahkan manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan kepada pihak ketiga ketika kawalan ke atas aset itu mula diperoleh.	MPSAS 23, para 19 dipinda.
Inti pati melangkaui Bentuk	<i>(Para 20 – 25, MPSAS 23 dikekalkan)</i>	Bersesuaian dengan entiti WZB

Zakat	<p>Zakat ialah sumber utama hasil bagi entiti WZB. Zakat merupakan sebahagian harta mengikut kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut hukum Syarak. Entiti WZB telah diberikan tanggung jawab untuk mengutip zakat daripada individu atau entiti yang dikenakan zakat mengikut hukum syarak, dan kemudian mengagihkan kutipan tersebut kepada golongan asnaf.</p> <p>Zakat boleh dibahagikan kepada dua, iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Zakat harta terdiri daripada zakat pendapatan, zakat pertanian, zakat ternakan, zakat emas dan perak, zakat perniagaan, dan zakat simpanan.</p> <p>Undang-undang dan peraturan zakat boleh berbeza antara entiti WZB, mengikut Enakmen negari masing-masing, namun mempunyai ciri-ciri yang sama. Undang-undang dan peraturan zakat:</p> <p>(a) mewujudkan hak sesuatu entiti WZB untuk memungut zakat; dan</p> <p>(b) mewujudkan prosedur bagi mentadbir zakat, iaitu, prosedur untuk pengiraan zakat bagi pembayar zakat dan kadar agihan kepada setiap asnaf.</p>	Enakmen Pentadbiran Negeri dan Enakmen Zakat
Analisis Aliran Masuk Awal Sumber daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	<i>Carta alir perlu dibuat sedikit pengubahsuaian</i>	MPSAS 23
Pengiktirafan Aset	<i>Kekalkan para 30-31, MPSAS 23 berkaitan pengiktirafan aset</i>	MPSAS 23
Kawalan Aset	<p>Pengumuman tentang hasrat untuk memindahkan sumber kepada entiti WZB tidak dengan sendirinya memadai bagi membuktikan sumber itu dikawal oleh penerima. Sebagai contoh, jika bangunan entiti WZB musnah dalam kebakaran, dan kerajaan negeri mengumumkan hasratnya untuk memindahkan dana bagi membinanya semula, sumber itu tidak akan diiktiraf pada masa pengumuman itu dibuat. Dalam keadaan jika perjanjian pemindahan diperlukan sebelum sumber boleh dipindahkan, entiti penerima tidak akan mengenal pasti sumber sebagai dikawal sehingga suatu masa apabila perjanjian itu menjadi terikat, kerana entiti penerima tidak boleh menghalang atau mengawal akses pemindah terhadap sumber. Dalam kebanyakan kejadian, entiti perlu mewujudkan penguatkuasaan kawalannya ke atas sumber sebelum ia boleh mengiktiraf sesuatu aset. Jika sesuatu entiti tidak mempunyai tuntutan yang boleh dikuatkuasakan ke atas sumber, entiti itu tidak boleh menghalang atau mengawal akses pemindah kepada sumber tersebut.</p>	MPSAS 23 (para 33)–relevan kepada MAIN

Peristiwa Lampau	Pada kebiasaannya entiti WZB memperoleh aset daripada pembayar zakat, penyumbang baitulmal, kerajaan, atau membelinya. Oleh itu, peristiwa lampau yang mewujudkan kawalan ke atas sesuatu aset berkemungkinan merupakan pembelian, peristiwa boleh zakat atau pemindahan. Urus niaga atau peristiwa yang dijangka berlaku pada masa depan tidaklah dengan sendirinya mewujudkan aset – justeru sebagai contoh, hasrat untuk mengenakan zakat bukanlah suatu peristiwa lampau yang mewujudkan aset dalam bentuk tuntutan terhadap pembayar zakat.	Pindaan kepada para 34, MPSAS 23 - relevan dengan aktiviti MAIN.
Kemungkinan Aliran Masuk Sumber	Aliran masuk sumber mungkin berlaku jika aliran masuk itu berkemungkinan besar akan terjadi. Penentuan asas ini berdasarkan kepada pengalaman lampau aliran masuk sumber dan jangkaan yang serupa berhubung pembayar zakat atau pemindah lain sesuatu entiti WZB. Sebagai contoh, jika:  (a) kerajaan negeri bersetuju untuk memindahkan dana kepada entiti WZB (entiti pelaporan);  (b) perjanjian itu adalah terikat; dan  (c) kerajaan mempunyai sejarah pemindahan sumber yang dipersetujui;  maka kemungkinan aliran masuk akan berlaku, meskipun dana tersebut belum dipindahkan pada tarikh pelaporan.	Pindaan kepada para 35, MPSAS 23 - relevan dengan aktiviti MAIN.
Aset Luar Jangka	Sesuatu Item yang mempunyai ciri-ciri penting sesuatu aset, tetapi gagal memenuhi kriteria pengiktirafan, boleh mewajarkan pendedahan dalam nota sebagai aset luar jangka (lihat MPSAS 19).	para 36, MPSAS 23 - relevan dengan aktiviti MAIN.
Komponen Pertukaran dan Bukan Pertukaran bagi sesuatu Urus Niaga	<i>Kekalkan para 39-41, MPSAS 23</i>	Relevan dengan MAIN MPSAS 23
Pengukuran Aset pada Pengiktirafan Awal	<i>Kekalkan para 42-43, MPSAS 23</i>	Relevan dengan MAIN MPSAS 23
Pengiktirafan Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	<i>Kekalkan para 44-47, MPSAS 23</i>	Relevan dengan MAIN MPSAS 23
Pengukuran Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran hendaklah diukur pada amaun pertambahan aset bersih yang diiktiraf oleh entiti.  Apabila sesuatu entiti mengiktiraf aset yang terhasil daripada urus niaga bukan pertukaran, ia juga mengiktiraf hasil setara dengan amaun aset yang diukur menurut perenggan 42, melainkan ia juga dikehendaki mengiktiraf liabiliti. Jika sesuatu liabiliti perlu diiktiraf, ia akan diukur menurut keperluan di perenggan 57, dan amaun pertambahan aset bersih, jika ada, akan diiktiraf sebagai hasil. Apabila liabiliti	Pinda Para 48-49, MPSAS 23, bersesuaian dengan aktiviti MAIN.

	kemudiannya dikurangkan, apabila suatu syarat dipenuhi, amaun pengurangan liabiliti akan diiktiraf sebagai hasil.	
Obligasi Kini Diiktiraf sebagai Liabiliti	Kekal para 50, MPSAS 23	Sesuai dengan MAIN
Obligasi Kini	<p>Obligasi kini ialah kewajipan untuk bertindak atau melaksanakan mengikut cara tertentu, dan boleh menimbulkan liabiliti berhubung dengan apa-apa urusan niaga bukan pertukaran. Obligasi kini boleh dikenakan melalui ketetapan dalam undang-undang atau peraturan atau kontrak yang mewujudkan sesuatu asas pindahan. Ia juga mungkin wujud daripada persekitaran operasi normal, seperti pengiktirafan penerimaan pendahuluan.</p> <p>Jika entiti pelaporan menerima sumber sebelum kewujudan pengaturan pemindahan yang mengikat, ia mengiktiraf liabiliti untuk penerimaan pendahuluan sehingga pada suatu masa pengaturan itu menjadi terikat.</p>	Para 51 dan 54 sesuai dengan MAIN
Syarat ke atas Aset yang Dipindah	Kekal para 55-56, MPSAS 23	Para 55 dan 56 sesuai dengan MAIN
Pengukuran Liabiliti pada Pengiktirafan Awal	Kekal para 57 – 58, MPSAS 23	Sesuai dengan MAIN
Zakat	<p>Sesuatu entiti WZB hendaklah mengiktiraf sesuatu aset yang berkaitan dengan zakat apabila ianya diterima, dan tidak berdasarkan kepada peristiwa boleh zakat dan berdasarkan kepada jangkaan seperti mana yang diamalkan bagi merekod cukai.</p> <p>Walaupun zakat adalah wajib kepada orang Islam apabila syarat-syarat dipenuhi, tidak ada undang-undang yang membolehkan entiti WZB mengambil tindakan undang-undang kepada orang yang tidak membayarnya. Hanya Allah yang akan memberi balasan di akhirat kelak bagi yang gagal membayar zakat.</p> <p>Zakat tidak memenuhi takrif sumbangan daripada pemilik, kerana pembayaran zakat tidak memberi hak kepada pembayar zakat untuk menerima:</p> <p>(a) Pengagihan manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan oleh entiti semasa hayatnya, atau</p> <p>(b) Pengagihan apa-apa lebihan aset berbanding liabiliti sekiranya kerajaan digulung.</p> <p>Pembayaran zakat juga tidak memberikan pembayar zakat hak pemilikan dalam entiti WZB yang boleh dijual, ditukar, dipindah, atau ditebus.</p> <p>Zakat memenuhi takrif urusan niaga bukan pertukaran kerana pembayar zakat memindahkan sumber kepada institusi WZB, tanpa menerima nilai hampir setara sebagai pertukaran secara langsung.</p>	Zakat merupakan sumber utama MAIN.

	<p>Zakat dikenakan untuk tujuan khusus, iaitu diagihkan kepada asnaf. Walau bagaimanapun, zakat tidak dianggap akan mewujudkan liabiliti, kerana tujuan khusus tersebut membawa maksud sekatan dan bukannya syarat.</p>	
<p>Pindahan</p>	<p>Entiti WZB hendaklah mengiktiraf aset berkaitan pindahan apabila sumber yang dipindahkan memenuhi takrif dan kriteria pengiktirafan aset.</p> <p>Pindahan terbahagi kepada dua – (i) yang berkaitan agama (dikenali sebagai sumber baitulmal) dan (ii) yang bukan berkaitan agama (dikenali sebagai sumber am).</p> <p>Sumber baitulmal adalah termasuk pusaka, derma/sumbangan/infaq, fidyah dan kaffarah, wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut, harta pusaka yang tidak diwarisi, wang tak patuh syariah dan luqatah.</p> <p>Sumber am termasuk geran, pelepasan hutang, denda, hadiah, serta pemberian dalam bentuk barang dan perkhidmatan. Kesemua item ini mempunyai ciri yang sama, iaitu memindahkan sumber daripada satu entiti kepada entiti yang lain tanpa pertukaran nilai yang setara, dan bukan zakat seperti yang ditakrifkan dalam piawaian ini.</p> <p>Pindahan memenuhi takrif aset apabila entiti mengawal sumber daripada peristiwa lampau (pindahan tersebut), dan menjangka menerima manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan daripada sumber tersebut. Pindahan memenuhi kriteria pengiktirafan sebagai sesuatu aset apabila ada kemungkinan berlakunya aliran masuk sumber, dan nilai saksamanya dapat diukur dengan pasti. Dalam keadaan tertentu, seperti apabila pemiutang melepaskan liabiliti, pengurangan amaun bawaan bagi liabiliti yang telah diiktiraf sebelum itu boleh berlaku. Dalam kes sebegini, pindahan tersebut tidak iktiraf sebagai aset, sebaliknya amaun bawaan liabiliti akan dikurangkan.</p> <p>Entiti memperoleh kawalan ke atas sumber yang dipindahkan sama ada apabila sumber itu telah dipindahkan kepada entiti, atau entiti itu mempunyai tuntutan yang boleh dikuatkuasakan terhadap pemindah. Banyak pengaturan untuk memindahkan sumber menjadi terikat ke atas semua pihak sebelum pindahan sumber berlaku. Namun, kadang kala sesuatu entiti berjanji untuk memindahkan sumber, tetapi gagal berbuat demikian. Oleh itu, hanya apabila :</p> <p>(a) suatu tuntutan boleh dikuatkuasakan; dan</p> <p>(b) Entiti menilai ada kemungkinan aliran masuk sumber akan berlaku, maka aset, liabiliti, dan/atau hasil akan diiktiraf.</p> <p>Sehingga waktu itu, entiti tidak boleh menghalang atau mengawal akses pihak ketiga ke atas manfaat sumber yang dicadangkan untuk pindahan.</p> <p>Pindahan memenuhi takrif urus niaga bukan pertukaran kerana pemindah menyediakan sumber kepada entiti penerima tanpa entiti penerima itu menyediakan nilai hampir setara secara langsung sebagai pertukaran. Sekiranya suatu</p>	<p>Sesuai bila membincangkan tentang MAIN.</p> <p>MPSAS 23, para 76- 82 dengan beberapa pindaan.</p>

	<p>perjanjian menetapkan bahawa entiti penerima dikehendaki menyediakan nilai hampir setara sebagai pertukaran, perjanjian itu bukanlah suatu perjanjian pindahan, tetapi merupakan kontrak untuk urus niaga pertukaran yang perlu diambil kira dalam MPSAS 9.</p> <p>Entiti perlu menganalisis kesemua ketetapan yang terkandung dalam perjanjian pindahan untuk mengenal pasti sekiranya terdapat liabiliti yang dikenakan apabila menerima sumber yang dipindahkan.</p>	
Pengukuran Aset yang Dipindah	<p>Seperti yang dikehendaki oleh perenggan 42, aset yang dipindah diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Entiti membangunkan dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan pengukuran aset yang konsisten dengan MPSAS. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, inventori, hartanah, loji dan peralatan, atau hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran hendaklah diukur pada awalnya pada nilai saksama pada tarikh perolehan, selaras dengan keperluan MPSAS 12, MPSAS 16, dan MPSAS 17. Instrumen kewangan, termasuk tunai dan pindahan belum terima yang memenuhi takrif instrumen kewangan, dan aset lain, juga akan diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan selaras dengan perenggan 42 dan dasar perakaunan yang sewajarnya.</p>	Para 83, MPSAS 23
Pusaka	<p>Pusaka adalah suatu pindahan sumber baitulmal yang dibuat menurut peruntukan dalam surat wasiat orang yang meninggal dunia. Kawalan sumber berikutan peristiwa lampau merangkumi manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan bagi sesuatu pewarisan berlaku apabila entiti tersebut mempunyai tuntutan yang boleh dikuatkuasakan, contohnya semasa kematian pewasiat, atau pemberian probet, bergantung kepada undang-undang bidang kuasa tersebut.</p> <p>Pusaka yang memenuhi takrif aset diiktiraf sebagai aset dan hasil apabila ada kemungkinan manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan akan mengalir masuk ke dalam entiti, dan nilai saksama aset tersebut boleh diukur dengan pasti. Penentuan kebarangkalian sesuatu aliran masuk manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan boleh mendatangkan masalah jika suatu tempoh masa di antara kematian pewasiat dengan penerimaan aset oleh entiti. Entiti tersebut perlu menentukan jika harta orang yang meninggal dunia tersebut mencukupi bagi memenuhi kesemua tuntutan ke atasnya, dan memenuhi kehendak pusaka. Jika surat wasiat itu dipertikaikan, hal ini juga akan mempengaruhi kebarangkalian aliran masuk aset ke dalam entiti.</p> <p>Nilai saksama aset yang diwariskan ditentukan dengan cara yang sama seperti hadiah dan derma. Dalam bidang kuasa harta simati yang tertakluk kepada pencucuaian, pihak berkuasa cukai mungkin telah menentukan nilai saksama aset yang diwasiatkan kepada entiti, dan nilai ini boleh digunakan oleh entiti. Pusaka diukur pada nilai saksama sumber yang diterima atau belum terima.</p>	



Fidyah	<p>Fidyah ialah denda yang dikenakan ke atas orang yang meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu ataupun sengaja melewati puasa ganti (qada') bulan Ramadhan. Ia merupakan satu kadar tertentu yang wajib dikeluarkan sebagai suatu pemberian sebahagian daripada harta (makanan) kepada fakir miskin. Hukum fidyah adalah wajib, dan disempurnakan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan. Ia menjadi satu tanggungjawab (hutang) kepada Allah SWT. sekiranya tidak dilaksanakan. Fidyah boleh dibayar kepada MAIN, yang kemudiannya akan menyalurkan kepada orang fakir dan miskin, biasanya dalam bentuk beras. Sama seperti zakat, fidyah adalah satu ketepatan yang dikategorikan sebagai sekatan dan bukan syarat pemindahan aset. Oleh itu, fidyah merupakan hasil bagi MAIN, dan agihan merupakan belanja.</p>	Hasil MAIN
luqatah	<p>Luqatah ialah harta, berupa wang atau barang berharga seperti emas yang hilang dari tuannya dan dijumpai oleh orang lain. Ia juga ditakrifkan harta tanpa milik yang dihormati yang ditemui di sesuatu tempat yang tidak sepatutnya disimpan dan si penemunya tidak mengetahui orang yang berhak ke atas harta tersebut. MAIN biasanya menyediakan perkhidmatan harta luqatah dengan (1) menerima harta luqatah yang dijumpai orang awam, (2) membuat hebahan kepada orang ramai berkaitan dengan harta luqatah yang dijumpai selama tempoh tertentu, biasanya setahun, dan (3) membuat proses pelupusan harta luqatah yang telah tamat tempoh hebahan, sama ada melalui kaedah sebutarga, lelongan, tender atau dimusnahkan. Harta luqatah perlu didaftarkan tanpa diakaunkan sebagai aset, hasil atau liabiliti sehingga tamat tempoh hebahan, biasanya dalam tempoh setahun (cukup haul), dan selepas daripada itu diiktiraf sebagai hasil, berdasarkan nilai saksama yang diterima hasil daripada jualan harta tersebut.</p>	Hasil MAIN selepas cukup haul
Harta tidak patuh syariah	<p>Harta atau wang tidak patuh syariah ialah harta haram yang diperolehi melalui jalan-jalan yang tidak patuh syariah. Contohnya adalah harta yang dimiliki dan diperolehi melalui rompakan, rampasan, hasil jualan barang curi, rasuah, perjudian, loteri, faedah simpanan bank, perlindungan insurans konvensional, keuntungan pelaburan di dalam sekuriti tidak patuh syariah dan seumpamanya.</p> <p>Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam 2009 telah menyatakan bahawa di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Diserahkan kepada baitulmal untuk masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;</li> <li>ii. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau</li> </ol>	Hasil MAIN

	<p>iii. Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya.</p> <p>Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada baitulmal”.</p> <p>Institusi WZB harus mengiktiraf harta tersebut sebagai hasil, berdasarkan nilai saksama harta tersebut.</p>	
Nazar	<p>Nazar bererti mewajibkan atas diri sendiri untuk melakukan sesuatu ibadah untuk Allah SWT yang asal hukumnya tidak wajib. Sesuatu nazar yang berbentuk ibadah yang asalanya sunat akan menjadi wajib dengan bernazar untuk melakukannya. Contohnya, anda bernazar untuk puasa hari Isnin dan hari Khamis selama setahun. Sedangkan hukum asal Isnin dan Khamis adalah sunat, namun dengan bernazar berubah menjadi wajib. Apabila seseorang itu telah bernazar maka wajib ke atasnya melangsaikan tanpa bertanggung apabila hajatnya dikabulkan oleh Allah SWT.</p> <p>Namun, apabila seseorang gagal menunaikan nazarnya, denda seperti yang ditetapkan dalam Al Quran adalah dengan memberi makan sepuluh orang miskin daripada jenis makanan yang sederhana yang biasa diberikan kepada keluarga, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari.</p> <p>Bayaran kaffarah nazar ini boleh di buat melalui MAIN, yang seterusnya bertanggungjawab untuk mengagihkan kepada fakir miskin. Bagi MAIN, bayaran kafarah nazar ini perlu diiktiraf sebagai hasil apabila wang diterima.</p>	Hasil MAIN
Kaffarah	<p>Kaffarah bermaksud perbuatan yang boleh menghapus dosa yang berupa membebaskan hamba, bersedekah dan puasa dengan syarat-syarat tertentu. Ia juga suatu penampal kecuiaan yang dilakukan oleh manusia dalam tindakannya. Kaffarah merupakan salah satu sumber hasil baitulmal. Wang kaffarah ini biasanya digunakan untuk membeli beras dan keperluan asas untuk diagihkan kepada fakir miskin. Ia diakaunkan sebagai hasil apabila tunai diterima.</p>	Hasil MAIN
Hadiah dan Derma/ Sumbangan/Infaq, termasuk Pemberian dalam Bentuk Barang	<p>Hadiah dan derma (juga disebut sebagai sumbangan atau infaq) ialah pindahan aset secara sukarela, termasuk wang tunai atau aset monetari lain, pemberian dalam bentuk barang dan pemberian dalam bentuk perkhidmatan yang diberikan oleh satu entiti kepada entiti yang lain, biasanya bebas daripada ketetapan. Pemindah boleh terdiri daripada suatu entiti atau seorang individu. Bagi hadiah dan derma berupa wang tunai atau aset monetari lain, dan pemberian dalam bentuk barang biasanya menjadi terimaan hadiah atau derma kerana ia mewujudkan kawalan ke atas sumber tersebut berikutan peristiwa lampau yang merangkumi manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan. Pengiktirafan hadiah atau derma bagi sumbangan dalam</p>	Para 93 - 97, MPSAS 23

	<p>bentuk perkhidmatan dibincangkan dalam perenggan xx di bawah.</p> <p>Pemberian dalam bentuk barang ialah aset ketara yang dipindahkan kepada sesuatu entiti dalam urus niaga bukan pertukaran, tanpa bayaran, tetapi mungkin tertakluk kepada ketetapan. Bantuan luar yang diberikan oleh organisasi pembangunan pelbagai hala atau dua hala selalunya termasuk komponen pemberian dalam bentuk barang.</p> <p>Hadiah dan derma (selain pemberian dalam bentuk perkhidmatan) diiktiraf sebagai aset dan hasil apabila wujud kemungkinan manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan akan mengalir masuk ke dalam entiti dan nilai saksama aset tersebut boleh diukur dengan pasti. Bagi hadiah dan derma, pemberian hadiah atau derma tersebut dan pindahan hak milik sah selalunya berlaku serentak; dalam keadaan sedemikian, tiada keraguan bahawa manfaat ekonomi masa depan mengalir masuk ke dalam entiti.</p> <p>Pemberian dalam bentuk barang diiktiraf sebagai aset apabila barang itu diterima, atau terdapat kontrak untuk menerima barang tersebut. Jika pemberian dalam bentuk barang diterima tanpa dikenakan syarat, hasil diiktiraf serta merta. Jika terdapat syarat dikenakan, liabiliti akan diiktiraf, dan apabila syarat yang ditetapkan itu dipenuhi, maka liabiliti tersebut dikurangkan dan hasil diiktiraf.</p> <p>Pada pengiktirafan awal, hadiah dan derma termasuk pemberian dalam bentuk barang, diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehannya, yang boleh dipastikan dengan merujuk kepada pasaran aktif, atau melalui penaksiran. Penaksiran nilai sesuatu aset biasanya dilakukan oleh seorang ahli profesion penilaian yang memegang kelulusan profesional yang diiktiraf dan relevan. Bagi kebanyakan aset, nilai saksama mudah dipastikan dengan merujuk kepada harga disebut di pasaran yang aktif dan cair. Contohnya, harga pasaran semasa biasanya boleh diperoleh bagi tanah, bangunan bukan khusus, kenderaan bermotor dan pelbagai jenis loji dan peralatan.</p>	
<p>Pemberian dalam Bentuk Perkhidmatan</p>	<p>Sesuatu entiti boleh, tetapi tidak dikehendaki, mengiktiraf pemberian dalam bentuk perkhidmatan sebagai hasil dan aset.</p> <p>Pemberian dalam bentuk perkhidmatan ialah perkhidmatan yang disediakan oleh individu kepada entiti WZB dalam bentuk urus niaga bukan pertukaran. Perkhidmatan ini memenuhi takrif aset kerana entiti tersebut mengawal sumber yang menghasilkan manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang dijangka akan mengalir ke dalam entiti. Walau bagaimanapun, apabila aset tersebut diguna serta merta, maka suatu urus niaga nilai setara juga diiktiraf untuk menggambarkan penggunaan pemberian dalam bentuk perkhidmatan tersebut. Contohnya, MAIN yang menerima perkhidmatan sukarela daripada seseorang, dan nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti, boleh mengiktiraf peningkatan aset dan hasil, dan pengurangan aset dan belanja. Dalam kebanyakan kes, MAIN tersebut akan mengiktiraf belanja bagi penggunaan pemberian dalam bentuk perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pemberian dalam bentuk perkhidmatan boleh juga digunakan untuk membina</p>	<p>Para 98 - 103, MPSAS 23</p>

	<p>aset, dan jika begitu, amaun yang diiktiraf berhubung dengan pemberian dalam bentuk perkhidmatan dimasukkan ke dalam kos aset yang sedang dibina itu.</p> <p>Entiti WZB boleh menjadi penerima pemberian dalam bentuk perkhidmatan melalui skim sukarela atau bukan sukarela yang beroperasi untuk kepentingan awam. Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Bantuan teknikal daripada kerajaan atau organisasi antarabangsa lain; dan</li> <li>(b) perkhidmatan daripada sukarelawan bomba.</li> </ul> <p>Sesetengah pemberian dalam bentuk perkhidmatan tidak memenuhi takrif sesuatu aset kerana entiti tidak mempunyai kawalan yang mencukupi ke atas perkhidmatan yang diberi. Dalam keadaan lain, entiti mungkin mempunyai kawalan ke atas pemberian dalam bentuk perkhidmatan, tetapi tidak boleh mengukurnya dengan pasti, dan oleh itu gagal memenuhi kriteria pengiktirafan sebagai aset. Walau bagaimanapun, entiti mungkin boleh mengukur nilai saksama sesetengah pemberian dalam bentuk perkhidmatan, seperti bayaran dalam bentuk perkhidmatan profesional atau bayaran dalam bentuk perkhidmatan lain yang terdapat di pasaran tempatan atau antarabangsa. Apabila menentukan nilai saksama jenis pemberian dalam bentuk perkhidmatan yang diterangkan dalam perenggan di atas, entiti boleh membuat kesimpulan bahawa nilai perkhidmatan itu tidak material. Dalam kebanyakan contoh, pemberian dalam bentuk perkhidmatan diberi oleh orang yang kurang atau tidak terlatih, dan pada asasnya berlainan daripada perkhidmatan yang akan diperolehi entiti tersebut jika pemberian dalam bentuk perkhidmatan tersebut tidak diterima.</p> <p>Piawaian ini tidak menghendaki untuk mengiktiraf pemberian dalam bentuk perkhidmatan disebabkan banyak ketidakpastian yang berkaitan dengan pemberian dalam bentuk perkhidmatan, termasuk kebolehan untuk mengawal perkhidmatan tersebut, dan mengukur nilai saksama perkhidmatan itu. Perenggan 108, walau bagaimanapun, menggalakkan pendedahan ciri atau jenis pemberian dalam bentuk perkhidmatan yang diterima sepanjang tempoh pelaporan. Seperti semua pendedahan, pendedahan berhubung dengan pemberian dalam bentuk perkhidmatan hanya akan dibuat jika material. Bagi sesetengah entiti, perkhidmatan yang diberi oleh sukarelawan tidaklah material dari segi amaun, tetapi boleh menjadi material dari segi jenis.</p> <p>Dalam menghasilkan suatu dasar perakaunan yang membincangkan pengelasan pemberian dalam bentuk perkhidmatan, beberapa faktor perlu dipertimbangkan, termasuk kesan pemberian dalam bentuk perkhidmatan itu ke atas kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai entiti tersebut. Setakat mana sesuatu entiti itu bergantung kepada kelas pemberian dalam bentuk perkhidmatan untuk mencapai objektifnya boleh mempengaruhi dasar perakaunan yang dibangunkan oleh sesuatu entiti berhubung dengan pengiktirafan aset. Contohnya, sesuatu entiti yang bergantung kepada sesuatu kelas pemberian dalam bentuk perkhidmatan untuk mencapai objektifnya, lebih berkemungkinan akan mengiktiraf pemberian dalam bentuk perkhidmatan yang</p>	
--	--	--

	<p>memenuhi takrif sesuatu aset dan kriteria pengiktirafan. Bagi menentukan sama ada mengiktiraf suatu kelas pemberian dalam bentuk perkhidmatan atau tidak, amalan entiti lain yang beroperasi dalam persekitaran yang sama juga dipertimbangkan.</p>	
Denda	<p>Denda ialah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima atau belum terima oleh sesuatu entiti WZB, daripada seseorang individu atau entiti lain, seperti yang ditetapkan mahkamah atau badan penguatkuasaan undang-undang lain, akibat pelanggaran keperluan undang-undang atau peraturan oleh individu atau entiti lain itu. Dalam sesetengah bidang kuasa, pegawai penguatkuasa undang-undang boleh mengenakan denda ke atas individu yang dianggap telah melanggar undang-undang. Dalam kes sebegini, individu tersebut biasanya mempunyai pilihan sama ada membayar denda atau hadir ke mahkamah untuk membuat pembelaan. Jika seseorang defendan mencapai persetujuan dengan pihak pendakwa, termasuk membayar penalti daripada dibicarakan di mahkamah, pembayaran tersebut diiktiraf sebagai denda.</p> <p>Denda biasanya menghendaki entiti memindahkan suatu amaun tetap wang tunai kepada entiti WZB dan tidak mengenakan apa-apa obligasi ke atas entiti yang boleh diiktiraf sebagai liabiliti. Oleh itu, denda diiktiraf sebagai hasil apabila amaun belum terima itu memenuhi takrif aset dan kriteria pengiktirafan aset yang dinyatakan di perenggan xx. Walau bagaimanapun, jika entiti WZB mengutip denda dalam kapasiti sebagai agen, denda tersebut tidak menjadi hasil kepada entiti yang membuat kutipan. Aset yang timbul daripada denda diukur menurut anggaran terbaik aliran masuk sumber ke dalam entiti.</p>	Para 88-89, MPSAS 23
Pelepasan Hutang dan Pengambilalihan Liabiliti	<p>Kadang kala pemberi pinjaman akan mengeneipkan hak mereka untuk mengutip hutang daripada entiti WZB, dengan membatalkan hutang tersebut. Contohnya, kerajaan negeri boleh membatalkan pinjaman yang dihutang oleh entiti WZB. Dalam keadaan sedemikian, entiti WZB mengiktiraf peningkatan aset bersih kerana liabiliti yang diiktiraf sebelum ini telah dihapuskan.</p> <p>Entiti mengiktiraf hasil berkaitan pelepasan hutang apabila hutang tersebut tidak lagi memenuhi takrif liabiliti atau kriteria pengiktirafan liabiliti, dengan syarat pelepasan hutang tersebut tidak memenuhi takrif sumbangan daripada pemilik.</p> <p>Jika suatu entiti yang mengawal melepaskan hutang entiti milik penuh di bawah kawalannya, atau mengambil alih liabilitinya, urus niaga itu boleh menjadi sumbangan daripada pemilik.</p> <p>Hasil yang timbul daripada pelepasan hutang diukur pada amaun bawaan hutang yang dilepaskan itu</p>	Para 84-87, MPSAS 23
Ikrar	<p>Ikrar adalah suatu janji yang tidak boleh dikuatkuasakan untuk memindahkan aset kepada entiti penerima. Ikrar tidak memenuhi takrif bagi aset, kerana entiti penerima tidak boleh mengawal capaian pemindah kepada manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang terkandung di dalam</p>	Para 104, MPSAS 23

	<p>item yang diikrarkan. Entiti tidak mengiktiraf item ikrar sebagai aset atau hasil. Jika item yang diikrarkan itu kemudiannya dipindahkan kepada entiti penerima, ia diiktiraf sebagai hadiah atau derma, mengikut perenggan 93-97 di atas. Ikrar boleh mewajarkan pendedahan sebagai aset luar jangka menurut keperluan MPSAS 19</p>	
<p>Terimaan Pendahuluan Pindahan</p>	<p>Jika sesuatu entiti menerima sumber sebelum suatu pengaturan pemindahan menjadi terikat, sumber tersebut diiktiraf sebagai aset apabila ia memenuhi takrif dan kriteria pengiktirafan aset. Entiti juga akan mengiktiraf liabiliti terimaan pendahuluan jika pengaturan pemindahan itu belum menjadi terikat. Terimaan pendahuluan yang berkaitan dengan pindahan pada asasnya tidaklah berbeza daripada terimaan pendahuluan yang lain, oleh itu liabiliti diiktiraf apabila peristiwa yang menjadikan pengaturan pemindahan itu berlaku dan kesemua syarat lain perjanjian telah dipenuhi. Apabila peristiwa itu berlaku dan kesemua syarat lain perjanjian telah dipenuhi, liabiliti tersebut dilunaskan dan hasil diiktiraf.</p>	<p>Para 105, MPSAS 23</p>
<p>Pinjaman Konsesi</p>	<p>Pinjaman konsesi ialah pinjaman yang diterima oleh sesuatu entiti dengan terma yang lebih rendah daripada pasaran. Bahagian pinjaman yang perlu dibayar balik, bersama apa-apa pembayaran caj keuntungan, adalah suatu urus niaga pertukaran dan diambil kira menurut MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran. Sesuatu entiti perlu mempertimbangkan sama ada apa-apa perbezaan antara harga urus niaga (pinjaman yang diterima) dengan nilai saksama pinjaman itu pada pengiktirafan awal (rujuk MPSAS 29) adalah hasil bukan pertukaran yang patut diambil kira menurut Piawaian ini.</p> <p>Jika sesuatu entiti menetapkan bahawa perbezaan antara harga urus niaga (pinjaman yang diterima) dengan nilai saksama pinjaman itu pada pengiktirafan awal adalah hasil bukan pertukaran perbezaan itu diiktiraf sebagai hasil, kecuali jika wujud obligasi kini, contohnya, jika syarat khusus yang dikenakan ke atas aset yang dipindah oleh penerima menyebabkan obligasi kini. Jika wujud obligasi kini, ia diiktiraf sebagai liabiliti. Memandangkan entiti memenuhi obligasi kini, liabiliti itu dikurangkan dan amaun yang sama diiktiraf sebagai hasil.</p>	<p>Para 105A dan 105B, MPSAS 23</p>
<p>Pendedahan</p>	<p>Entiti WZB hendaklah membuat pendedahan pada muka, amaun hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sepanjang tempoh tersebut mengikut Penyata Kewangan Kumpulan Wang utama yang menunjukkan secara berasingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Hasil zakat, menunjukkan secara berasingan jenis zakat;</li> <li>(ii) Hasil Baitulmal, menunjukkan secara berasingan kelas utama hasil baitulmal, dan</li> <li>(iii) Pindahan lain, menunjukkan secara berasingan kelas utama hasil pindahan lain.</li> </ul> <p>Entiti WZB hendaklah membuat pendedahan sama ada pada muka, atau dalam nota kepada, penyata kewangan untuk tujuan umum:</p>	<p>Para 106 – 115, MPSAS 23 dengan beberapa pindaan, bersesuaian dengan urus niaga MAIN.</p>

	<p>(a) Amaun belum terima yang diiktiraf berkaitan hasil bukan pertukaran;</p> <p>(b) Amaun liabiliti diiktiraf berkaitan aset yang dipindah tertakluk kepada syarat;</p> <p>(c) Amaun liabiliti diiktiraf berkaitan pinjaman konsesi yang tertakluk kepada syarat aset yang dipindah;</p> <p>(d) Amaun aset diiktiraf yang tertakluk kepada sekatan dan ciri sekatan tersebut;</p> <p>(e) Kewujudan dan amaun apa-apa hasil terimaan pendahuluan berkaitan urus niaga bukan pertukaran; dan</p> <p>(f) Amaun sesuatu liabiliti yang dilepaskan.</p> <p>Sesuatu entiti hendaklah membuat pendedahan di dalam nota kepada penyata kewangan untuk tujuan umum:</p> <p>(a) Dasar perakaunan yang diamalkan bagi pengiktirafan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran;</p> <p>(b) Bagi kelas utama hasil daripada urus niaga bukan pertukaran, asas yang digunakan bagi mengukur nilai saksama aliran masuk sumber; dan</p> <p>(c) Ciri dan jenis kelas utama pusaka, hadiah dan derma, yang menunjukkan secara berasingan kelas utama pemberian dalam bentuk barang yang diterima.</p> <p>(d) Ciri dan jenis kelas utama luqatah yang menunjukkan secara berasingan kelas utama pemberian dalam bentuk barang yang diterima.</p> <p>Entiti digalakkan membuat pendedahan tentang ciri dan jenis kelas utama pemberian dalam bentuk perkhidmatan yang diterima, termasuk yang tidak diiktiraf. Setakat mana sesuatu entiti bergantung kepada sesuatu kelas pemberian dalam bentuk perkhidmatan akan menentukan pendedahan yang akan dilakukan berkaitan dengan kelas tersebut.</p> <p>Pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 106 dan 107 membantu entiti pelaporan untuk memenuhi objektif pelaporan kewangan, seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 1, iaitu memberi maklumat berguna untuk mencapai keputusan dan untuk menunjukkan akauntabiliti entiti ke atas sumber yang diamanahkan kepadanya.</p> <p>Pendedahan kelas utama hasil membantu pengguna untuk membuat pertimbangan berasaskan pendedahan fakta berkaitan suatu aliran hasil entiti tersebut.</p> <p>Syarat dan sekatan mengenakan had ke atas penggunaan aset, dan memberi kesan terhadap operasi entiti tersebut. Pendedahan:</p> <p>(a) Amaun liabiliti yang diiktiraf berkaitan dengan syarat; dan</p> <p>(b) Amaun aset yang tertakluk kepada sekatan membantu pengguna membuat pertimbangan tentang kebolehan</p>	
--	--	--

	<p>entiti menggunakan aset tersebut atas budi bicaranya sendiri.</p> <p>Entiti digalakkan membuat pengasingan mengikut kelas maklumat yang dikehendaki didedahkan menurut perenggan 106(c).</p> <p>Perenggan 106(e) menghendaki entiti membuat pendedahan tentang kewujudan terimaan pendahuluan berkaitan dengan urus niaga bukan pertukaran. Liabiliti ini mengandungi risiko, iaitu entiti perlu mengorbankan manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan jika peristiwa boleh cukai tidak berlaku, atau suatu pengaturan pemindahan menjadi tidak terikat.</p>	
--	---	--

#### 8.4 Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28)

MPSAS 8 bertujuan untuk menggariskan prinsip-prinsip bagi pembentangan instrumen kewangan sebagai liabiliti atau ekuiti dan untuk mengoffset aset kewangan dan liabiliti kewangan. Ia terpakai kepada klasifikasi instrumen kewangan, dari perspektif penerbit, ke dalam aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti; klasifikasi faedah yang berkaitan, dividen, kerugian dan laba, dan dalam keadaan aset kewangan dan liabiliti kewangan harus dioffset. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, instrumen kewangan merujuk kepada sebarang kontrak yang menimbulkan satu aset kewangan bagi satu entiti dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu entiti lain (MPSAS 28). Secara khususnya aset kewangan adalah sebarang aset yang merupakan:

- (1) bayaran tunai;
- (2) instrumen ekuiti bagi entiti lain;
- (3) hak kontrak untuk menerima bayaran tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain atau untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan entiti lain di bawah syarat-syarat yang memihak kepada entiti; atau
- (4) kontrak yang akan atau boleh diselesaikan dalam instrumen ekuiti entiti sendiri dan ia adalah bukan derivatif atau derivatif.

Manakala liabiliti kewangan pula adalah sebarang liabiliti yang merupakan:

- (1) kewajipan berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain, atau untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan entiti yang lain di bawah syarat yang berpotensi tidak memihak kepada entiti itu; atau



- (2) suatu kontrak yang akan atau boleh diselesaikan dalam instrumen ekuiti entiti sendiri dan adalah bukan derivatif atau suatu derivatif.

Manakala instrumen ekuiti adalah merujuk kepada sebarang kontrak yang membuktikan adanya faedah sisa.

Amalan semasa yang dibentangkan dalam Bab 5 menunjukkan secara umumnya kesemua jenis instrumen kewangan yang diiktiraf dalam lembaranimbangan MAIN di Zon 2 adalah instrumen kewangan utama (*primary*) dan tiada instrumen kewangan derivatif yang dilibatkan/diiktiraf e.g. opsiyen atau kontrak hadapan samada bagi tujuan lindung nilai atau pelaburan. MAIN di Zon 2 juga tidak mempunyai atau menerbitkan instrumen kewangan yang bersifat kompleks seperti instrumen kewangan kompaun seperti bon atau saham keutamaan boleh tukar (*convertible bonds/preference shares*) atau derivatif tertanam/terbenam (*embedded derivative*). Jenis-jenis instrumen kewangan utama yang terdapat di MAIN Zon 2 adalah seperti tunai, penghutang, pelaburan jangka pendek, pemiutang dan pinjaman jangka pendek. Daripada itu, penyelidik mencadangkan agar MPSAS 28 digunakan oleh MAIN, dengan mengambilkira beberapa perubahan, bersesuaian dengan urus niaga dan “*nature*” operasi MAIN. Isu-isu yang memerlukan pengubahsuaian adalah:

- (1) definisi instrumen kewangan
- (2) pembentangan instrumen kewangan mengikut kumpulan wang wakaf, zakat, dan baitulmal
- (2) saham perbendaharaan yang tidak relevan dengan konteks atau “*nature*” MAIN
- (3) terma faedah atau pembentangan instrumen kewangan melibatkankan (urus niaga atau kaedah pengukuran) faedah atau riba yang diharamkan dalam Islam,
- (4) instrumen kewangan yang bersifat kompleks, berisiko atau instrumen kewangan derivatif atau Sekunder

#### **8.4.1 Definisi Instrumen Kewangan**

Definisi instrumen kewangan dan instrumen ekuiti yang diberikan oleh MPSAS 28 didapati tidak bercanggah dengan keperluan syariah. Oleh itu penyelidik mencadangkan agar definisi instrumen kewangan dan instrumen ekuiti dikekalkan seperti berikut:

(1) Instrumen Kewangan:

Sebarang kontrak yang menimbulkan satu aset kewangan bagi satu entiti dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu entiti lain.

(2) Instrumen Ekuiti:

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang memberikan bukti kepentingan lebih dalam aset entiti setelah ditolak dengan liabilitinya.

#### **8.4.2 Lain-lain Isu dan Cadangan Berkaitan dengan Instrumen Kewangan**

Walaupun dapatan kajian menunjukkan kesemua MAIN di Zon 2 membuat pembentangan dengan mengkelaskan instrumen kewangan sebagai liabiliti, aset dan ekuiti, majoriti MAIN di Zon 2 tidak membentangkan aset kewangan, liabiliti kewangan, dan ekuiti mengikut kumpulan wang wakaf, zakat, dan baitulmal. Pembentangan instrumen kewangan mengikut kumpulan wang tertentu dapat memberi gambaran yang jelas tentang kedudukan kewangan setiap kumpulan wang MAIN. Ini juga adalah dapat membantu MAIN membuat pendedahan sepenuhnya secara telus (Baydoun & Willet, 2000) dan menggambarkan keadaan atau nilai sebenar kumpulan-kumpulan wang di bawah pengurusan MAIN (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed Naim). Isu seterusnya berkenaan saham perbendaharaan yang pada pendapat penyelidik perlu dikeluarkan kerana instrumen kewangan ini tidak relevan dengan konteks dan “nature” operasi MAIN dan dapatan kajian mendapati tiada MAIN di Zon 2 yang mempunyai instrumen kewangan ini. Penyelidik juga berpendapat terma faedah yang digunakan dalam MPSAS 28 digantikan dengan keuntungan simpanan atau pelaburan.

Isu yang terakhir adalah berkenaan peruntukan pembentangan bagi instrumen kewangan yang bersifat kompleks seperti saham keutamaan atau bon boleh tukar dan instrumen kewangan derivatif atau sekunder konvensional seperti opsiyen dan kontrak hadapan yang dicadangkan untuk dikeluarkan oleh penyelidik kerana (i) instrumen kewangan yang kompleks yang berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh institusi MAIN atau dilabur/dibeli (*acquired*) oleh MAIN dan (ii) instrumen derivatif konvensional seperti option pula mengandungi unsur gharar adalah tidak selari dengan Syariah kecuali jika terdapat instrumen kewangan derivatif yang selari dengan syariah di pasaran yang boleh atau perlu digunakan oleh MAIN bagi tujuan

mengurus risiko e.g. perubahan kadar pertukaran asing di masa hadapan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kesemua instrumen MAIN di Zon 2 ialah instrumen asas/ utama dan tiada instrumen kewangan yang kompleks seperti saham keutamaan boleh tukar atau yang berbentuk derivatif seperti opsiyen. Isu-isu di atas serta amalan semasa dan keperluan syariah yang berkaitan adalah seperti yang diringkaskan dalam Jadual 8.9.

**Jadual 8.9 Isu dan Cadangan Berhubung Instrumen Kewangan: Pembentangan**

<b>ISU</b>	<b>AMALAN</b>	<b>KEPERLUAN SYARIAH</b>	<b>CADANGAN</b>
1.Pembentangan liabiliti aset bersih/ ekuiti	Pembentangan dibuat dengan mengkelaskan instrumen kewangan sebagai liabiliti, aset dan ekuiti	Pendedahan sepenuhnya secara telus berdasarkan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial (Baydoun dan Willet, 2000) dan menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (Prof. Dr. Asmadi bin Mohamed)	Pembentangan mengikut kumpulan wang wakaf, zakat, dan baitulmal
2.Saham perbendaharaan	Tiada		Tidak berkenaan/ relevan dengan konteks atau “nature” MAIN – dicadangkan untuk dikeluarkan
3. Hasil faedah	Tiada	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS. Al Baqarah 2:275)	Menggantikan terma “Faedah” daripada perenggan terlibat dengan “Keuntungan Simpanan/pelaburan” dan pinda definisi yang selari dengan syariah.
4.Instrumen kewangan yang bersifat kompleks, atau instrumen kewangan derivatif atau sekunder	Tiada		Dikeluarkan: 1.Instrumen kewangan yang kompleks dan berisiko yang berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh institusi MAIN atau dilabur/dibeli (acquired) oleh MAIN. 2.Instrumen derivatif konvensional, contohnya opsiyen adalah tidak selari dengan syariah kerana mengandungi unsur Gharar  Atau, Dikekalkan sekiranya ada keperluan pada masa hadapan

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai perenggan-perenggan MPSAS 28 yang bersesuaian dengan konteks dan operasi Institusi WZB diterima sebagai asas kepada pembentukan satu piawai perakaunan berkenaan instrumen kewangan yang berkaitan

dengan aspek pembentangan. Perincian cadangan pindaan kepada MPSAS 28 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.10.

**Jadual 8.10 Cadangan pindaan kepada MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan**

KANDUNGAN	MPSAS 28 INSTRUMEN KEWANGAN: PEMBENTANGAN			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Tajuk		Kekal		
Objektif	1	Pinda	.....; pengkelasan <del>faedah</del> , <i>keuntungan simpanan wang</i> , dividen, dan agihan yang bersamaan, kerugian dan keuntungan;...	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275; QS Ar- Rum 30: 39; QS An-Nisa’ 4:161; QS Ali ‘Imran 3:130
Skop	3 (a)-(b)	Kekal		
	3 (c) – (d)	Pinda	Obligasi yang wujud daripada kontrak <del>insurans-takaful</del> . (i) ....dlm kontrak <del>insurans</del> <i>takaful</i> jika... (ii) ....dengan kontrak <del>insurans</del> <i>takaful</i> jika penerbit memilih untuk...	Insurans konvensional melibatkan gharar, maysir dan riba (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; JAKIM, 2018; Lewis, 2001)
	3 (e)	Keluar	Tidak berkenaan/ relevan dengan konteks atau “nature” institusi WZB	
	4-6	Kekal		
	7	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti <del>sektor awam</del> <del>selain daripada Perusahaan</del> <del>Perniagaan Kerajaan</del> <del>(GBE)-wakaf, zakat dan</del> <del>baitulmal (WZB)</del>	
	8	Pinda	Aluan kepada <del>Standard</del> <del>Perakaunan Sektor Awam</del> <del>Malaysia</del> e.g. <i>Piawaian</i> <i>Perakaunan dan Pelaporan</i> <i>Islam....</i>	
Definisi	9-12	Kekal		
Pembentangan (perenggan 13-37):				
Liabiliti dan Aset Bersih/ Ekuiti	13-24	Kekal		
Instrumen Boleh Jual (Puttable Instruments)	15-16	Keluar	Perenggan ini membincangkan tentang pembentangan instrumen kewangan ini daripada perspektif <b>penerbit</b> <b>(issuer)</b> i.e. sebagai liabiliti atau ekuiti Contoh instrumen - unit amanah dan saham keutamaan	Amalan semasa menunjukkan semua liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti MAIN adalah yang berbentuk asas dan “primary” e.g. pemiutang, dan pinjaman jangka pendek

			<p>boleh tebus – Oleh itu, tidak relevan dengan MAIN.</p> <p>Instrumen kewangan ini boleh dianggap sebagai instrumen yang kompleks dan berdasarkan “nature” operasi MAIN instrumen sebegini berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh MAIN.</p>	
Instrumen atau komponen-komponen instrumen yang dikenakan ke atas entiti obligasi untuk disampaikan kepada satu pihak lain purata bahagian aset bersih entiti hanya pada tarikh pembubaran	17-18	Keluar	<p>Perenggan ini membincangkan tentang pembentangan instrumen kewangan ini daripada perspektif <b>penerbit (issuer)</b> i.e. sebagai liabiliti atau ekuiti</p> <p>Contoh instrumen - unit amanah dan saham keutamaan boleh tebus – Oleh itu, tidak relevan dengan MAIN.</p> <p>Berdasarkan “nature” operasi MAIN instrumen sebegini berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh MAIN.</p>	Amalan semasa menunjukkan semua liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti MAIN adalah yang berbentuk asas dan “primary” e.g. pemiutang, dan pinjaman jangka pendek
Klasifikasi semula instrumen boleh dijual dan instrumen yang mengenakan obligasi ke atas entiti untuk menyampaikan purata bahagian aset bersih entiti kepada pihak lain hanya pada tarikh pembubaran	19-20	Keluar	<p>Perenggan ini membincangkan tentang pembentangan instrumen kewangan ini daripada perspektif <b>penerbit (issuer)</b> i.e. sebagai liabiliti atau ekuiti</p> <p>Contoh instrumen - unit amanah dan saham keutamaan boleh tebus – Oleh itu, tidak relevan dengan MAIN.</p> <p>Instrumen kewangan ini boleh dianggap sebagai instrumen yang kompleks dan berdasarkan “nature” operasi MAIN instrumen sebegini berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh MAIN</p>	Amalan semasa menunjukkan semua liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti MAIN adalah yang berbentuk asas dan “primary” e.g. pemiutang, dan pinjaman jangka pendek
Tiada kewajipan berkontrak untuk memberi tunai atau aset kewangan lain	21-24	Keluar	<p>Perenggan ini membincangkan tentang pembentangan instrumen kewangan ini daripada perspektif <b>penerbit (issuer)</b> i.e. sebagai liabiliti atau ekuiti.</p> <p>Berdasarkan “nature” operasi MAIN instrumen sebegini adalah tidak relevan/ berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh MAIN.</p>	Amalan semasa menunjukkan semua liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti MAIN adalah yang berbentuk asas dan “primary” e.g. pemiutang, dan pinjaman jangka pendek

Penyelesaian dalam instrumen ekuiti entiti sendiri	25-29	Keluar	Perenggan ini membincangkan tentang pembentangan instrumen kewangan ini daripada perspektif <b>penerbit (issuer)</b> .  Berdasarkan “nature” aktiviti/operasi MAIN instrumen sebegini adalah tidak relevan/ berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh MAIN.	Amalan semasa menunjukkan semua liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti MAIN adalah yang berbentuk asas dan “primary” e.g. pemiutang, dan pinjaman jangka pendek
Peruntukan penyelesaian luar jangka	30	Keluar	Perenggan ini membincangkan tentang pembentangan instrumen kewangan ini daripada perspektif <b>penerbit (issuer)</b> .  Berdasarkan “nature” aktiviti/operasi MAIN instrumen sebegini adalah tidak relevan/ berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh MAIN.	Amalan semasa menunjukkan semua liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti MAIN adalah yang berbentuk asas dan “primary” e.g. pemiutang, dan pinjaman jangka pendek
Opsyen penyelesaian	31-32	Kekal atau,  Keluar	Jika ada keperluan MAIN pada masa hadapan.  Instrumen derivatif konvensional e.g. opsyen adalah tidak selari dengan syariah kerana mengandungi unsur Gharar.  Selain daripada itu, berdasarkan “nature” instrumen ini berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh MAIN.	Majoriti sarjana Islam temporeri menolak opsyen dalam bentuk konvensional dengan sebab utamanya ialah terdapat unsur gharar (Risvi, Arshad & Lahsasna, 2014)  Amalan semasa menunjukkan semua liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti MAIN adalah yang berbentuk asas dan “primary” e.g. pemiutang, dan pinjaman jangka pendek
Instrumen kewangan kompaun	33-37	Keluar	Instrumen kewangan ini boleh dianggap sebagai instrumen yang kompleks yang berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh institusi WZB. Contoh instrumen: Bon atau Saham keutamaan boleh tukar	Memastikan kontrak memenuhi hukum syarak–keadilan kepada pihak-pihak yang berkontrak (Sadiq Abdurrahman Gharyani, 2002)
Saham perbendaharaan	38-39	Keluar	Tidak relevan dengan konteks atau “nature” institusi WZB	
Faedah, dividen, kerugian dan laba	40-46	Pinda	Menggantikan terma “Faedah” daripada perenggan terlibat dengan “Keuntungan”	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS. Al Baqarah 2:275)

Mengoffset aset kewangan dan liabiliti kewangan	47-55	Kekal		Menggambarkan keadaan atau nilai sebenar (QS. An-Nisa' 4:58)
---	-------	-------	--	--

## 8.5 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran (MPSAS 29)

MPSAS 29 merangkumi atau menggariskan prinsip-prinsip berkenaan pengiktirafan dan pengukuran aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti. Secara umumnya, MAIN di Zon 2 akan mengiktiraf aset dan libiliti kewangan pada tarikh urus niaga atau kontrak berlaku. Manakala daripada segi pengukuran awal MAIN di Zon 2 menggunakan pengukuran berikut untuk aset dan liabiliti kewangan yang asas:

- (1) Penghutang – pada nilai dijangka boleh direalisasikan
- (2) Pelaburan Saham – pada kos
- (3) Pemiutang – pada kos (nilai saksama/setara yang akan dibayar pada masa hadapan)

Sementara itu bagi pengukuran seterusnya, MAIN di Zon 2 menggunakan pakai kaedah atau asas pengukuran berikut:

- (1) Penghutang: Nilai dijangka boleh direalisasikan yang dilaraskan dengan hutang ragu dan hutang lapuk;
- (2) Pelaburan Saham: Kos atau Nilai Saksama (Tersiar harga);
- (3) Pemiutang: Kos (iaitu nilai saksama/dipertimbangkan/ setara yang akan dibayar pd masa hadapan)

Secara umumnya, penyelidik mencadangkan agar perenggan-perenggan MPSAS 29 yang relevan dijadikan sebagai asas kepada pembentukan satu piawaian berkaitan instrumen kewangan untuk MAIN, dengan mengambilkira beberapa perubahan, bersesuaian dengan urus niaga dan “*nature*” operasi MAIN. Isu-isu yang memerlukan pengubahsuaian adalah:

- (1) definisi instrumen derivatif, aset kewangan, dan liabiliti kewangan
- (2) pengukuran awal
- (3) pengukuran seterusnya
- (4) instrumen kewangan yang bersifat kompleks, berisiko atau instrumen kewangan derivatif atau sekunder
- (5) lindung nilai

### **8.5.1 Definisi Instrumen Derivatif, Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan**

Definisi instrumen derivatif aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diberikan oleh MPSAS 29 didapati tidak bercanggah dengan keperluan syariah. Penyelidik mencadangkan agar definisi derivatif dikekalkan seperti berikut:

Derivatif:

Derivatif adalah instrumen kewangan atau sebarang kontrak yang terangkum dalam skop piawaian ini yang mempunyai kesemua kriteria (a) - (c).

Namun, penyelidik mencadangkan supaya definisi aset kewangan dan liabiliti kewangan dipinda seperti berikut:

(1) Aset kewangan:

Aset kewangan adalah aset bukan fizikal yang timbul daripada perjanjian kontrak ke atas aliran tunai masa hadapan atau daripada memiliki instrumen ekuiti entiti lain.

(2) Liabiliti kewangan:

Liabiliti kewangan adalah suatu obligasi berkontrak untuk menyampaikan tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain atau untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan entiti lain di bawah syarat-syarat yang berkebarangkalian tidak menguntungkan entiti.

### **8.5.2 Lain-lain Isu dan Cadangan Berkaitan dengan Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran**

Terdapat beberapa isu lain yang dikenalpasti oleh penyelidik berkenaan MPSAS 29 antaranya isu berkaitan dengan pengukuran awal. Islam menekankan bahawa asas pengukuran yang digunakan perlulah menggambarkan nilai sebenar (QS. An-Nisa' 4: 58) instrumen kewangan. Islam juga menekankan bahawa pengukuran yang terdapat unsur nilai masa wang adalah dilarang sama sekali dalam transaksi pinjaman (qard) (BNM, 2016) samada dilaporkan sebagai aset kewangan atau liabiliti kewangan dalam penyata kewangan MAIN. Kajian ini mencadangkan agar instrumen kewangan yang asas/utama, contohnya penghutang dan



pinjaman kepada entiti lain sebagai contoh anak syarikat – diukur pada kos ditambah dengan kos-kos langsung bagi memperoleh aset kewangan atau menerbitkan liabiliti kewangan.

Isu yang seterusnya adalah berhubung dengan pengukuran seterusnya. Selain daripada perlunya menggunakan asas pengukuran yang menggambarkan nilai sebenar, sekiranya model atau asas pengukuran yang digunakan melibatkan kadar diskaun, perlulah dipastikan bahawa kadar keuntungan yang digunakan adalah patuh syariah. Ini adalah selari dengan Islam yang mengharamkan riba dan mengharuskan jual beli (QS. Al Baqarah 2:275). Manakala jika terdapat unsur Nilai Masa (TVM) dalam elemen atau prosedur pengukuran maka perlu dibuat mengikut garis panduan Islam agar tidak menyebabkan riba (Mohamed Fairouz & Ridhwan, 2011).

Isu yang berikutnya adalah seperti yang telah dibincangkan untuk MPSAS 28 iaitu yang berkenaan dengan instrumen kewangan yang bersifat kompleks seperti saham keutamaan atau bon boleh tukar dan instrumen kewangan derivatif atau sekunder konvensional seperti opsi dan kontrak hadapan yang dicadangkan untuk dikeluarkan oleh penyelidik. Ini adalah kerana (i) instrumen kewangan yang kompleks atau tidak relevan dengan “nature” operasi MAIN maka berkemungkinan instrumen kewangan ini tidak akan diterbitkan oleh institusi MAIN atau dilabur/dibeli oleh MAIN dan (ii) instrumen derivatif konvensional seperti option pula mengandungi unsur gharar adalah tidak selari dengan Syariah kecuali jika terdapat instrumen kewangan derivatif yang selari dengan syariah di pasaran yang boleh atau perlu digunakan oleh MAIN bagi tujuan mengurus risiko e.g. perubahan kadar pertukaran asing di masa hadapan.

Isu yang terakhir adalah berhubung dengan aktiviti lindung nilai. Secara umumnya, aktiviti lindung nilai dibolehkan oleh Islam selagi ia tidak bertentangan dgn syariah (al-Amine, 2008) dan memenuhi objektif syariahnya iaitu perlindungan harta (Nor Fahimah et .al, 2012). Pelbagai “kaedah fiqhiah” yang menekankan kepentingan mengelakkan kerosakan/kemusnahan, contohnya *la darara wala dirar* (Kemudaran tidak seharusnya dimulakan), *ad-darar yuzal* (kemudaran mesti dihapuskan) (Abdullah Said Al-Lahji, 2013). Islam menekankan perkongsian risiko diantara dua pihak yg berkontrak dan bukan pemindahan risiko (Nor Fahimah et .al, 2012). Secara umumnya instrumen derivatif konvensional yang sering diguna pakai bagi tujuan lindung nilai adalah tidak patuh syariah kerana terdapat unsur gharar dan potensi spekulasi untuk melanggar prinsip keadilan agihan dan perkongsian risiko (Risvi, Arshad & Lahsasna, 2014). Daripada itu, sekiranya timbul keperluan untuk terlibat dalam

aktiviti lindung nilai penting untuk memastikan mekanisme dan objektif aktiviti lindung nilai adalah selaras dengan Syariah. Isu-isu di atas serta amalan semasa dan keperluan syariah yang berkaitan adalah seperti yang diringkaskan dalam Jadual 8.11.

**Jadual 8.11 Isu dan Cadangan Berhubung Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran**

ISU	AMALAN	KEPERLUAN SYARIAH	CADANGAN
1. Pengukuran Awal	<p>Penghutang – Nilai dijangka boleh direalisasikan;</p> <p>Pelaburan Saham – Kos Pemiutang - Kos (nilai saksama/setara yang akan dibayar pd masa hadapan)</p>	<p>Menggambarkan nilai sebenar (QS. An-Nisa' 4: 58)</p> <p>Penggunaan nilai masa wang ... adalah dilarang sama sekali dalam transaksi pinjaman (qard) (BNM's <i>Financial Reporting for Islamic Banking Institutions</i> dated 5 February 2016)</p>	<p>Instrumen kewangan yang asas/utama e.g. penghutang/pemiutang, pinjaman kepada entiti lain e.g. anak syarikat atau pelaburan saham yang tidak tersiar harga:</p> <p>Pada kos ditambah dengan kos langsung bagi memperoleh aset kewangan atau menerbitkan liabiliti kewangan.</p> <p>Bagi pelaburan saham yang nilai saksamanya boleh dikenalpasti/ditentukan:</p> <p>Pada nilai saksama</p>
2. Pengukuran Seterusnya	<p>Penghutang: Nilai dijangka boleh direalisasikan – hutang ragu – hutang lapuk;</p> <p>Pelaburan Saham: Kos atau Nilai Saksama (Tersiar harga); Pemiutang: Kos (iaitu nilai saksama/dipertimbangkan/ setara yang akan dibayar pd masa hadapan)</p>	<p>Menggambarkan nilai sebenar.</p> <p>Apabila kadar diskaun digunakan, ia haruslah patuh syariah – Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS. Al Baqarah 2:275). Konsep Nilai Masa (TVM) – perlu mengikut garis panduan Islam agar tidak menyebabkan riba (Mohamed Fairouz &amp; Ridhwan, 2011)</p>	<p>1. Pengukuran berdasarkan kos dilaraskan dengan rosot nilai (jika ada):</p> <p>a). Penghutang, pelaburan yang tidak tersiar harga (tiada pasaran aktif), pemiutang, pinjaman kepada entiti lain – pada kos* *penghutang – dilaraskan dengan hutang lapuk/ragu **Pelaburan (tidak tersiar harga) – dilaraskan dengan rosot nilai</p> <p>b). Pelaburan saham yang tersiar harga/ pasaran aktif – pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama direkodkan dalam penyata untung dan rugi</p> <p>c) Pelaburan dalam instrumen hutang patuh Syariah seperti bon atau Sukuk – pada kos terlunas (amortised cost) yang dilaraskan dengan rosot nilai (jika ada)</p> <p>2. Sedikit pindaan – merujuk kpd penggunaan kadar</p>

			diskaun/keuntungan dan konsep nilai masa yang patuh Syariah
3. Instrumen kewangan yang bersifat kompleks, berisiko atau instrumen kewangan derivatif atau “secondary”	Tiada		<p>Dikeluarkan – Instrumen kewangan ini boleh dianggap sebagai instrumen yang kompleks dan berisiko yang berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh institusi WZB atau dilabur/dibeli (acquired) oleh WZB.</p> <p>Dikeluarkan - amalan semasa menunjukkan tiada sebarang instrumen derivatif di MAIN Zon 2 (e.g.) bagi tujuan aktiviti lindung nilai) dan kekangan kepada instrumen derivatif yang patuh syariah.</p> <p>Namun sekiranya wujud keperluan kepada instrumen derivatif (i.e. bagi aktiviti lindung nilai) oleh Institusi WZB pada masa hadapan, perlu dipastikan instrumen derivatif yang diiktiraf/digunakan yang digunakan adalah selaras dengan Syariah.</p>
4. Lindung Nilai	Tiada	<p>Secara umumnya, aktiviti lindung nilai dibolehkan selagi ia tidak bertentangan dgn syariah (al-Amine, 2008) dan memenuhi objektif syariahnya iaitu perlindungan harta (Nor Fahimah et .al, 2012). Pelbagai “kaedah fiqhiah” yang menekankan kepentingan mengelakkan kerosakan/kemusnahan e.g.: la darara wala dirar (Harm should neither be initiated nor reciprocated), ad-darar yuzal (harm must be eliminated) (Abdullah Said Al-Lahji, 2013).</p> <p>Islam menekankan perkongsian risiko diantara dua pihak yg berkontrak dan bukan</p>	<p>Sekiranya wujud keperluan kepada aktiviti lindung nilai oleh Institusi WZB pada masa hadapan, perlu dipastikan mekanisme dan objektif aktiviti lindung nilai adalah selaras dengan Syariah.</p>

		pemindahan risiko (Nor Fahimah et .al, 2012).	
--	--	---	--

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai perenggang-perengan MPSAS 29 yang bersesuaian dengan konteks dan aktiviti/operasi Institusi WZB diterima sebagai asas kepada pembentukan satu piawaian perakaunan berkenaan instrumen kewangan yang berkaitan dengan aspek pengiktirafan dan pengukuran. Beberapa dokumen/sumber telah dirujuk oleh penyelidik dalam memberikan cadangan dan pindaan kepada MPSAS 29 iaitu:

- (1) *MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement*
- (2) *Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)*
- (3) *Shariah Resolutions in Islamic Finance* oleh Bank Negara (Edisi Kedua) (Bank Negara Malaysia, 2010)
- (4) *A Review of BNM Shariah Policy Documents from a Financial Reporting Perspective* (MASB Standing Committee, 2014)
- (5) *Derivatives in Islamic Finance: The Need and Mechanisms Available.* (Risvi, S.A.R., Arshad, S. and Lahsasna, A.,2014)
- (6) *Pelaburan Berasaskan Syariah.* (Mohd Fadhly Md Yusoff, 2007)

Cadangan pindaan kepada MPSAS 29 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.12.

**Jadual 8.12 Cadangan pindaan kepada MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran**

KANDUNGAN	MPSAS 29 INSTRUMEN KEWANGAN: PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Tajuk		Kekal		
Objektif		Kekal		
Skop	2 (a)-(k)	Pinda	Terma MPSAS digantikan dengan <i>Piawaian Perakaunan Islam (PPI)</i>  Terma kontrak insurans digantikan dengan <i>Takaful</i>	
	2 (e)	Kekal		

	3 (a-b)	Kekal		
	3 (c)	Pinda	...kadar <del>faedah</del> <i>keuntungan</i> ...	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS. Al Baqarah 2:275).
	4-6	Kekal		
	7	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti <del>sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)</del> <i>wakaf, zakat dan baitulmal (WZB)</i>	
	8	Pinda	Aluan kepada <del>Standard Perakaunan Sektor Awam Malaysia</del> e.g. <i>Piawaian Perakaunan Islam (PPI)</i>	
Definisi	9	Pinda	<p>1. Definisi yang selari dengan hukum syarak iaitu yang tiada elemen seperti riba, gharar, maisir, jahalah, ghalat dan haram.</p> <p>(a) Aset kewangan:</p> <p>Aset kewangan adalah aset bukan fizikal yang timbul daripada perjanjian kontrak yang patuh Syariah ke atas aliran tunai masa hadapan atau daripada memiliki instrumen ekuiti patuh Syariah entiti lain.</p> <p>(b) Liabiliti kewangan:</p> <p>Liabiliti kewangan adalah suatu obligasi berkontrak patuh Syariah untuk menyampaikan tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain atau. untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan entiti lain di bawah syarat-syarat yang berkebarangkalian tidak menguntungkan kepada entiti</p> <p>2. Definisi empat kategori instrumen kewangan sedia ada dikeluarkan</p>	
		Keluar		
	10	Pinda	Kaedah Faedah Efektif- kadar diskaun digunakan, ia haruslah patuh syariah dan jumlah peruntukan dibawa meningkat dalam setiap tempoh bagi	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (QS Al-Baqarah 2: 275; QS Ar-Rum 30: 39; QS An-Nisa'

			menggambarkan peredaran masa.  ...hasil <del>faedah</del> <i>keuntungan</i> atau belanja <del>faedah</del> <i>tambahan</i> ...	4:161; QS Ali 'Imran 3:130.  Kebolegunaannya terhadap kepada urus niaga jualan sahaja, manakala dalam transaksi berasaskan hutang ( <i>qard</i> ), pertimbangan dari segi wang tidak dibenarkan untuk penangguhan itu kerana ia sama seperti riba nasi'ah yang merujuk kepada wang yang menghasilkan wang ( <i>al-naqd yalid alnaqd</i> ) (BNM, 2009)  Al-Sarakhsi: "Sudah tentu sesuatu yang tertunda lebih rendah dari segi nilai berbanding dengan sesuatu yang ada di tempat (Mohd Fadhly Md Yusoff, 2007)
Derivatif Tertanam/Terbenam ( <i>Embedded Derivatives</i> )	11	Keluar	Instrumen kewangan ini boleh dianggap sebagai instrumen yang kompleks yang berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh institusi WZB atau dilabur/dibeli ( <i>acquired</i> ) oleh institusi WZB.	
	12-15	Keluar	Instrumen kewangan ini boleh dianggap sebagai instrumen yang kompleks yang berkemungkinan tidak akan diterbitkan oleh institusi WZB atau dilabur/dibeli ( <i>acquired</i> ) oleh institusi WZB.	Amalan semasa menunjukkan semua instrumen kewangan MAIN adalah yang berbentuk asas (e.g. tunai) dan "primary" e.g. penghutang, pemiutang
Pengiktirafan dan Penyahiktirafan (perenggan 16-44):				
Pengiktirafan Awal	16	Kekal		
Penyahiktirafan Aset Kewangan	17	Kekal		
	18,21,29	Pinda	Terma kadar faedah digantikan dengan kadar keuntungan	
	19-20; 22-28; 30-39	Kekal		
Kaedah Biasa Pembelian dan Penjualan Aset Kewangan	40	Kekal		
Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan	41-44	Kekal		
Pengukuran (perenggan 45-79):				

Pengukuran Awal Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan	45-46	Pinda	<p>Instrumen kewangan yang asas/utama, seperti penghutang dan pinjaman kepada entiti lain e.g. anak syarikat – pada kos ditambah dengan kos langsung bagi memperoleh aset kewangan atau menerbitkan liabiliti kewangan.</p> <p>Bagi aset (seperti pelaburan saham) yang nilai saksamanya boleh dikenalpasti/ditentukan: Pada nilai saksama</p>	Kebolegunaannya terhadap kepada urusan niaga jualan sahaja, manakala dalam transaksi berasaskan hutang (qard), pertimbangan dari segi wang tidak dibenarkan untuk penangguhan itu kerana ia sama seperti riba nasi'ah yang merujuk kepada wang yang menghasilkan wang (al-naqd yalid alnaqd) (BNM, 2009)
Pengukuran Seterusnya Aset Kewangan	47	Pinda	<p>Dua kategori aset kewangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. berdasarkan kos yang dilaraskan dengan rosot nilai (jika ada) e.g. Penghutang atau pelaburan yang tidak tersiar harga (tiada pasaran aktif).</li> <li>2. Pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama direkodkan dalam penyata untung dan rugi e.g. Pelaburan saham yang tersiar harga/pasaran aktif.</li> </ol>	

	48 (a-b)	Pinda	<p>1. Pengukuran seterusnya:</p> <p>a). Penghutang, pelaburan yang tidak tersiar harga (tiada pasaran aktif), – pada kos - rosot nilai (jika ada)*</p> <p>*penghutang – dilaraskan dengan hutang lapuk/ragu</p> <p>**Pelaburan – dilaraskan dengan rosot nilai</p> <p>b). Pelaburan saham yang tersiar harga/ pasaran aktif – pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama direkodkan dalam penyata untung dan rugi.</p> <p><b>Jika ada keperluan MAIN pada masa hadapan:</b></p> <p>c) Aset kewangan berbentuk derivatif (utk tujuan lindung nilai/pengurusan risiko) – pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama direkodkan dalam penyata untung dan rugi (Fair value through profit and Loss @FVTPL)</p> <p>2. Konsep Nilai Masa (Time value of Money)</p> <p>Digantikan dengan dengan kaedah lain yang bersesuaian/ patuh syariah e.g. Kaedah garis lurus</p>	
	48 (c)	Kekal		
Pengukuran Seterusnya Liabiliti Kewangan	49	Pinda	<p>Pengukuran berdasarkan kos untuk liabiliti kewangan asas/utama e.g. Pemiutang, pinjaman kepada entiti lain</p> <p>Kaedah kos terlunas- Digantikan dengan kaedah lain yang patuh syariah e.g. Kaedah garis lurus</p>	
Pertimbangan Nilai Saksama	50-52	Kekal		
Pengkelasan Semula	53-63	Pinda	Berdasarkan ( <i>in accordance with</i> ) cadangan yang diberi untuk perenggan 45 hingga 49	
Untung dan Rugi	64-66	Pinda	<p>1. Pengiktirafan untung dan rugi daripada perubahan nilai saksama aset/liabiliti kewangan adalah seperti yang dicadangkan dalam perenggan 48 dan 49.</p> <p>2. Terma faedah digantikan dengan terma hasil keuntungan</p>	



			atau pun belanja tambahan (e.g. para 64 b)	
Rosot Nilai dan Ketidakboleh Kutipan Aset Kewangan	67  68-71	Pinda  Kekal	.atau perenggan 76 (aset sedia untuk dijual) untuk menentukan....  Penggunaan prinsip kebarangkalian (probability) dalam pelaporan kewangan Islam adalah dibenarkan memandangkan ianya tidak bertentangan dengan prinsip/hukum fiqh yang umum (Mohd Fadhly Md Yusoff, 2007)	Sebahagian sarjana Islam (e.g. Al-Amidi, Al-Ghazali and Mustafa Al-Zarqa') berpendapat bahawa anggapan/ jangkaan boleh diambil kira dalam menetapkan peraturan (Mohd Fadhly Md Yusoff, 2007).
	72-75	Keluar		
	76-79	Keluar	Selaras dengan cadangan untuk kategori dan pengukuran seterusnya aset kewangan dalam perenggan 47-48	
Lindung Nilai (perenggan 80-113):				
	80	Kekal		
Instrumen Lindung Nilai	81-82	Tambah	Memasukkan kenyataan bahawa hanya instrumen derivatif yang patuh syariah yang sesuai (eligible/permissible) untuk digunakan bagi tujuan lindung nilai	Secara umumnya instrumen derivatif konvensional tidak patuh syariah kerana unsur gharar dan potensi spekulasi untuk melanggar prinsip keadilan distributif dan perkongsian risiko (Risvi, Arshad & Lahsasna, 2014)
	83 (a)	Tambah	Penggunaan nilai kini untuk mengukur instrumen lindung nilai i.e. (a) "...dan nilai kini". Konsep Nilai Masa (TVM) – perlu mengikut garis panduan Islam agar tidak menyebabkan riba (Mohamed Fairouz & Ridhwan, 2011)	
	83 (b)	Pinda	...elemen faedah <i>keuntungan</i>	
	84-85	Kekal		
	86	Pinda	...strategi/instrumen — kadar faedah— atau instrumen derivatif lain	
Item Dilindung Nilai	87-89; 92-94	Kekal		
	90	Pinda	Terma kadar faedah digantikan dengan kadar keuntungan yang mana kadar ini adalah patuh syariah.	

Perakaunan Lindung Nilai	95; 97— 99;101- 102; 106-113	Kekal		
	96	Pinda	Terma bayaran faedah serta digantikan dengan bayaran keuntungan.	
	100	Pinda	Terma kadar faedah digantikan dengan kadar keuntungan yang mana kadar ini adalah patuh syariah.	
	103	Pinda/ Tambah	Kaedah faedah efektif - kadar diskaun digunakan, ia haruslah patuh syariah dan jumlah peruntukan dibawa meningkat dalam setiap tempoh bagi menggambarkan peredaran masa.  atau, Digantikan dengan dengan kaedah lain yang bersesuaian/ patuh syariah e.g. Kaedah garis lurus	

## 8.6 Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30)

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai perenggan- perenggan MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan yang bersesuaian bagi insituti zakat, wakaf dan baitulmal. Beberapa pindaan kecil yang dicadangkan adalah sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.13.

**Jadual 8.13 Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30)**

KANDUNGAN	MPSAS 30 INSTRUMEN KEWANGAN: PENDEDAHAN			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1 - 2	Kekal		
Skop	3 (a), (b)	Kekal	Penggunaan terma insurans perlulah diganti dengan takaful	Insurans konvensional melibatkan gharar, maisir dan riba (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; JAKIM, 2018; Lewis, 2001)
	3 (c)	Pinda	Penggunaan terma insurans perlulah diganti dengan takaful	Insurans konvensional melibatkan gharar, maisir

				dan riba (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; JAKIM, 2018; Lewis, 2001)
	4 - 5	Kekal		
	6	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE) institusi zakat, wakaf dan baitulmal.	
	7	Keluar	Tidak relevan	
Definisi	8	Pinda	Risiko kadar faedah pembiayaan	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)
Kelas-kelas Instrumen Kewangan dan Tahap Pendedahan	9	Tambah	Item instrumen kewangan ini perlulah didedahkan mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal.	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
Kepentingan Instrumen Kewangan pada Kedudukan Kewangan dan Prestasi Kewangan	10	Tambah	Item instrumen kewangan ini perlulah didedahkan mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal.	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
Kepentingan Instrumen Kewangan pada Kedudukan Kewangan dan Prestasi Kewangan – Penyata Kedudukan Kewangan	11	Tambah	Item instrumen kewangan ini perlulah didedahkan mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal.	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
	12 - 23	Kekal		
Kepentingan Instrumen Kewangan pada Kedudukan Kewangan dan Prestasi Kewangan – Penyata Prestasi Kewangan	24	Tambah	Item instrumen kewangan ini perlulah didedahkan mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal.	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu

				pengasingan setiap kumpulan wang.
Lain-lain Pendedahan	25 – 37	Kekal		
Sifat dan Tahap Risiko Berkaitan Instrumen Kewangan	38 - 49	Kekal		

Berdasarkan Jadual 8.13 di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 30. Pertama, pada bahagian skop di perenggan 6, menyatakan bahawa Piawaian ini terpakai kepada semua “institusi zakat, wakaf dan baitulmal” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”. Kedua, mengeluarkan perenggan 7 di bahagian skop kerana tidak relevan terhadap institusi zakat, wakaf dan baitulmal.

Cadangan yang ketiga ialah perkataan “faedah” perlulah ditukar kepada pembiayaan memandangkan faedah itu mengandungi unsur riba yang tidak dibenarkan dalam Islam (Q.S Al-Baqarah 2: 275). Cadangan yang paling utama terhadap MPSAS 30 adalah melibatkan bahagian pendedahan kepada semua jenis instrumen kewangan seperti pelaburan, pinjaman, penghutang dan pemiutang perlulah diasingkan mengikut kumpulan wang samada KW Zakat, KW Wakaf dan dan KW Baitulmal” agar lebih telus. Cadangan ini konsisten dengan Abdul Rahim Abdul Rahman (2010), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

Berdasarkan kepada (i) amalan semasa berkaitan instrumen kewangan di MAIN Zon 2 (ii) semakan kesesuaian ketiga-tiga MPSAS yang berkaitan dengan instrumen kewangan iaitu MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan, MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, dan MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan serta (iii) konteks dan aktiviti/operasi MAIN serta isu-isu yang telah dibincangkan, kajian ini mencadangkan agar satu piawaian sahaja dibangunkan bagi instrumen kewangan yang merangkumi ketiga-tiga aspek pengiktirafan dan pendedahan, pembentangan dan pengukuran instrumen kewangan bagi Institusi WZB dengan menggunakan perenggan-perenggan MPSAS 28, MPSAS 29, dan MPSAS 30 yang bersesuaian sebagai asas kepada pembentukan piawaian tersebut.

## **8.7 Manfaat Pekerja (MPSAS 25)**

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai MPSAS 25 Manfaat Pekerja bagi insitansi zakat, wakaf dan baitulmal. Berdasarkan MPSAS 25 Manfaat Pekerja, manfaat pekerja boleh dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu:

- (1) Manfaat Jangka Pendek – Contohnya upah, gaji, elaun, bonus, sumbangan keselamatan sosial, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit berbayar serta manfaat bukan kewangan seperti perlindungan kesihatan dan perumahan.
- (2) Manfaat Selepas Perkhidmatan – Contohnya pencen, manfaat lain persaraan, insurans nyawa selepas perkhidmatan dan juga perlindungan kesihatan selepas perkhidmatan.
- (3) Lain-lain Manfaat Pekerja Jangka Panjang – Contohnya cuti sabbatical dan manfaat hilang keupayaan jangka panjang.
- (4) Manfaat Pemberhentian

Amalan semasa yang dibentangkan dalam Bab 5 menunjukkan secara umumnya semua MAIN mempunyai manfaat jangka pendek, pelan caruman tetap atau wajib dan juga manfaat selepas perkhidmatan. Namun, dapatan kajian mendapati kesemua MAIN tidak membuat peruntukan kepada manfaat pekerja bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan telahpun membuat peruntukan yang bersesuaian kepada manfaat pekerja jangka panjang mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

### **8.7.1 Definisi Manfaat Pekerja**

Definisi manfaat pekerja yang diberikan oleh MPSAS 25 didapati tidak bercanggah dengan keperluan syariah. Oleh itu penyelidik mencadangkan agar definisi tersebut dikekalkan seperti berikut:

Manfaat pekerja adalah segala bentuk pertimbangan yang diberikan oleh entiti sebagai pertukaran untuk perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja.

## 8.7.2 Cadangan Pindaan

Jadual 8.14 menjelaskan tentang beberapa cadangan pindaan kecil kepada MPSAS 25.

**Jadual 8.14 Manfaat Pekerja (MPSAS 25)**

KANDUNGAN	MPSAS 25 ( MANFAAT PEKERJA)			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1 (a) dan (b)	Kekal		
Skop	2	Kekal		
	3	Pinda	Standard ini tidak merangkumi faedah yang disediakan oleh program keselamatan sosial komposit yang tidak mempertimbangkan pertukaran untuk perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja atau bekas pekerja <del>entiti sektor awam</del> <b>institusi zakat, wakaf dan baitulmal.</b>	
	4 - 7	Kekal		
	8	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua <del>entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)</del> <b>institusi zakat, wakaf dan baitulmal.</b>	
	9	Keluar	Tidak relevan	
Definisi	10	Pinda	Manfaat pekerja adalah segala bentuk pertimbangan yang diberikan oleh entiti sebagai pertukaran untuk perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kos <del>faedah</del> pembiayaan</li> <li>○ Polisi <del>insurans</del> takaful yang diiktiraf</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</li> <li>○ Insurans konvensional melibatkan gharar, maysir dan riba (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; JAKIM, 2018; Lewis, 2001)</li> </ul>
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	11-12	Kekal		Dalam menentukan kadar manfaat yang perlu diterima oleh pekerja, nilai tersebut perlulah setimpal dengan usaha dan

				kemampuan mereka sepertimana hadis Rasulullah SAW: Berilah makanan dan pakaian kepada pekerja-pekerja dan hamba-hamba kamu mengikut kebiasaan dan bebaskanlah mereka kerja yang setimpal dengan kemampuan mereka (Riwayat Al-Bukhari).
Manfaat Pekerja Jangka Pendek- Pengiktirafan dan Pengukuran	13-25	Kekal		Keperluan membayar manfaat pekerja oleh majikan sepertimana sabda Rasulullah SAW: Berikanlah upah buruh itu selagi belum kering keringatnya (Riwayat Ibnu Majah dan Baihaqi).
Manfaat Pekerja Jangka Pendek- Pendedahan	26	Tambah	<b>Perlulah didedahkan item belanja manfaat pekerja ini mengikut kumpulan wang yang bersesuaian seperti KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal.</b>	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
Manfaat Selepas Perkhidmatan – Perbezaan antara Pelan Caruman Tetap dan Pelan Manfaat Tetap	27	Pinda	Manfaat selepas perkhidmatan yang lain seperti <del>insurans</del> takaful nyawa, dan perlindungan kesihatan selepas perkhidmatan.	Insurans konvensional melibatkan gharar, maysir dan riba (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; JAKIM, 2018; Lewis, 2001)
	28-31	Kekal		
Manfaat Selepas Perkhidmatan - Pelan Majikan Pelbagai	32-38	Kekal		
Manfaat Selepas Perkhidmatan - Pelan Manfaat Tetap di mana Entiti yang Terlibat di bawah Kawalan Biasa	39-42	Kekal		
Manfaat Selepas Perkhidmatan - Pelan Negeri	43-46	Kekal		
Manfaat Selepas Perkhidmatan -	47-49			

Program Keselamatan Sosial Komposit				
Manfaat Selepas Perkhidmatan - Manfaat Perlindungan	50-53	Pinda	Setiap perenggan yang mempunyai perkataan insurans akan dipinda kepada takaful	Insurans konvensional melibatkan gharar, maysir dan riba (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; JAKIM, 2018; Lewis, 2001)
Manfaat Selepas Perkhidmatan – Pelan Caruman Tetap	54	Kekal		
Manfaat Selepas Perkhidmatan – Pelan Caruman Tetap - Pengiktirafan dan Pengukuran	55-56	Kekal		
Manfaat Selepas Perkhidmatan – Pelan Caruman Tetap Perkhidmatan - Pendedahan	57	Tambah	Sesebuah entiti hendaklah mendedahkan amaun yang diiktiraf sebagai belanja untuk pelan pelan caruman tetap <b>mengikut kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal</b>	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
	58	Kekal		
Manfaat Selepas Pehidmatan – Pelan Manfaat Tetap	59	Kekal		
Manfaat Selepas Pehidmatan – Pelan Manfaat Tetap - Pengiktirafan dan Pengukuran	60-62	Kekal		
Manfaat Selepas Pehidmatan – Pelan Manfaat Tetap - Pengiktirafan dan Pengukuran - Perakaunan bagi Tanggungan Konstruktif	63-64	Kekal		
Manfaat Selepas Pehidmatan – Pelan Manfaat	65-73	Kekal		



Tetap - Pengiktirafan dan Pengukuran - Penyata Kedudukan Kewangan				
Manfaat Selepas Pekhidmatan – Pelan Manfaat Tetap - Pengiktirafan dan Pengukuran - Penyata Prestasi Kewangan	74	Pinda	(b) Kos faedah pembiayaan	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)
	75	Kekal		
Manfaat Selepas Pekhidmatan – Pelan Manfaat Tetap - Pengiktirafan dan Pengukuran – Nilai Kini bagi Tanggungan - Manfaat Tetap dan Kos Perkhidmatan Semasa	76-117	Kekal		
Manfaat Selepas Pekhidmatan – Pelan Manfaat Tetap - Pengiktirafan dan Pengukuran– Aset Pelan	118-127	Kekal		
Manfaat Selepas Pekhidmatan – Pelan Manfaat Tetap - Penggabungan Entiti	128	Kekal		
Manfaat Selepas Pekhidmatan – Pelan Manfaat Tetap - Pengurangan dan Penyelesaian	129-135	Kekal		
Manfaat Selepas Pekhidmatan – Pelan Manfaat Tetap - Pembentangan	136-139	Tambah	Pembentangan berkaitan manfaat pekerja perlulah <b>mengikut kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal</b>	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu

				pengasingan setiap kumpulan wang.
Manfaat Selepas Pehidmatan – Pelan Manfaat Tetap -Pendedahan	140	Tambah	Pendedahan berkaitan pelan manfaat tetap perlulah <b>mengikut kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal</b>	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
	141	Pinda	Kos <del>faedah</del> pembiayaan	
	142-146	Kekal		
Lain-lain Manfaat Jangka Panjang Pekerja	147-149	Kekal		
Lain-lain Manfaat Jangka Panjang Pekerja - Pengiktirafan dan Pengukuran	150	Kekal	Nilai kini yang diiktiraf dan diukur perlu menggunakan kadar diskaun yang patuh syariah.	
	151-152	Pinda	Kos <del>faedah</del> pembiayaan	
Lain-lain Manfaat Jangka Panjang Pekerja-Pendedahan	153	Tambah	Pendedahan berkaitan pelan lain-lain manfaat jangka panjang pekerja perlulah <b>mengikut kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal</b>	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
Manfaat Pemberhentian	154	Kekal		
Manfaat Pemberhentian – Pengiktirafan	155 - 160	Kekal		
Manfaat Pemberhentian – Pengukuran	161 - 162	Kekal		
Manfaat Pemberhentian – Pendedahan	163 - 165	Tambah	Pendedahan berkaitan manfaat pemberhentian perlulah	Didedahkan secara telus (Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan

			<b>mengikut kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal</b>	Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
--	--	--	--	---

Berdasarkan Jadual 8.14 di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 25. Pertama, pada bahagian skop di perenggan 3, menyatakan bahawa Piawaian ini terpakai kepada semua “institusi zakat, wakaf dan baitulmal” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”. Kedua, mengeluarkan perenggan 8 di bahagian skop kerana tidak relevan terhadap institusi zakat, wakaf dan baitulmal.

Cadangan yang ketiga ialah pada perenggan-perenggan yang berkaitan dengan manfaat perlindungan insurans perlulah diganti dengan takaful. Ini kerana nsurans secara konvensional selalunya melibatkan gharar (ketidaktentuan), maysir (judi) dan riba manakala takaful berlandaskan Islam tidak (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Lewis, 2001). Pengharaman riba juga telah jelas dinyatakan dalam Al-Quran pada Surah Al-Baqarah 2: 275. Sebagai tambahan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2018) melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) telahpun memutuskan hukum berkaitan insurans konvensional dalam beberapa siri persidangan yang membahaskan statusnya. Secara umumnya, semua jenis insurans konvensional sama ada insurans nyawa, insurans am serta memperomosikannya juga adalah haram kerana sebab-sebab yang dinyatakan di atas.

Cadangan yang keempat ialah perkataan “faedah” perlulah ditukar kepada pembiayaan memandangkan faedah itu mengandungi unsur riba yang tidak dibenarkan dalam Islam (Q.S Al-Baqarah 2: 275). Cadangan yang terakhir terhadap MPSAS 25 adalah melibatkan bahagian pendedahan kepada semua jenis manfaat pekerja seperti manfaat pekerja jangka pendek, manfaat selepas perkhidmatan dan manfaat pemberhentian perlulah diasingkan mengikut kumpulan wang samada KW Zakat, KW Wakaf dan dan KW Baitulmal” agar lebih telus. Cadangan ini konsisten dengan Abdul Rahim Abdul Rahman (2010), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

## 8.8 Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai MPSAS 11 Kontrak Pembinaan bagi insituti wakaf, zakat dan baitulmal. Namun terdapat beberapa pindaan kecil yang dicadangkan sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.15.

**Jadual 8.15 Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)**

KANDUNGAN	MPSAS 11 KONTRAK PEMBINAAN			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif		Kekal		
Skop	1	Kekal		
	2	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE) institusi wakaf, zakat dan baitulmal.	
	3	Keluar	Tidak relevan	
Definisi	4	Kekal		
	5-11	Kekal		
Kontrak Pembinaan secara Gabungan dan Bersegmen	12-15	Kekal		
Hasil Kontrak	16-22	Kekal		
Kos Kontrak	23-25	Kekal		
	26	Pinda	Kos yang boleh dikaitkan dengan aktiviti kontrak secara umum dan boleh diperuntukkan kepada kontrak tertentu termasuk:  (a) <del>Insurans</del> ; Takaful	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)  Insurans konvensional melibatkan gharar, maysir dan riba (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; JAKIM, 2018; Lewis, 2001)
	27-29	Kekal		
Pengiktirafan Hasil dan Belanja Kontrak	30-43	Kekal		

Pengiktirafan Defisit yang Dijangka	44-48	Kekal		
Perubahan terhadap Anggaran	49	Kekal		
Pendedahan	50	Tambah	Entiti hendaklah mendedahkan:  <b>(d) Kontrak pembinaan mengikut kumpulan wang wakaf, zakat dan baitulmal.</b>	Didedahkan secara “Pendedahan Penuh” dan “Akauntabiliti Sosial” (Baydoun dan Willet, 2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.
	51-56	Kekal		

Berdasarkan Jadual 8.15 di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 11. Pertama, pada bahagian skop di perenggan 2, menyatakan bahawa Piawaian ini terpakai kepada semua “institusi wakaf, zakat dan baitulmal” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”. Kedua, mengeluarkan perenggan 3 di bahagian skop kerana tidak relevan terhadap institusi wakaf, zakat dan baitulmal.

Ketiga, pada bahagian definisi di perenggan 4 dikekalkan. Namun, kontrak pembinaan haruslah mengelakkan apa-apa transaksi ekonomi yang melibatkan ghalat (kesilapan), gharar (ketidaktentuan), maysir (judi), riba, haram (Lewis, 2001) dan jahalah (tidak diketahui) (Sadiq Abdurrahman Gharyani, 2002). Sebagai tambahan, unsur-unsur asas dalam sesuatu kontrak menurut Islam yang perlu dipatuhi adalah seperti yang berikut:

- (1) *Muta'qidan* (penjual dan pembeli) : Disyaratkan di dalam perundangan Islam bagi dua pihak yang ingin mengadakan sesuatu kontrak haruslah : baligh, berakal. Oleh yang demikian, kanak-kanak dan orang gila tidak layak untuk mengadakan sesuatu kontrak (Mansur ibn Yunis ibn Idris al-Bahuti, 1999).
- (2) Ijab dan Qabul : ianya adalah hasil dari suatu kontrak yang dilafazkan daripada penjual dan pembeli yang menunjukkan kepada keinginan mereka untuk melakukan sesuatu

kontrak. Ijab dan qabul boleh dianggap dengan dengan lafaz, perbuatan, isyarat ataupun penulisan (sebagai contoh seperti resit dan dokumen kontrak).

- (3) Barang ataupun perkara yang dikontrakkan. Para ulama meletakkan beberapa syarat bagi barang yang ingin dikontrakkan. Jika syarat-syarat tidak ditepati maka kontrak ini dianggap tidak sah. Diantara syarat-syaratnya adalah :
  - (a) *Haruslah barangan yang ingin dikontrakkan ada dan wujud*, dalam erti yang lain tidak sah sesuatu kontrak tidak ada padanya sesuatu barangan yang ingin dikontrakkan. Contohnya : menjual beli buah-buahan yang masih tidak berbuah lagi ataupun jual anak lembu yang masih lagi di dalam perut ibunya.
  - (b) *Perlulah barangan yang ingin dikontrakkan adalah barangan yang halal*. Maka, kontrak barangan yang haram tidak sah sesuatu kontrak itu mengikut dari segi pandangan Islam seperti jual beli bangkai ataupun mewakafkannya ataupun mewasiatkannya.
  - (c) *Barangan yang dikontrakkan juga haruslah sampai ke tangan pembeli ketikamana sesuatu kontrak dilakukan*. Sesuatu kontrak dianggap tidak sah jika barangan yang dikontrakkan tidak sampai pada waktu kontrak dilaksanakan.
  - (d) *Barangan yang dikontrak haruslah diketahui kuantitinya, sifat-sifatnya dan keadaanya*. Hal ini bagi mengelakkan terjadi *gharar* dan *jahalah* di dalam kontrak tersebut yang membawa pembatalan kepada kontrak yang ada padanya unsur-unsur tersebut (Muhammad ibn Ahmad Khatib al-Sharbini, t.t).
- (4) Jenis kontrak : sebelum dilakukan kontrak, jenis kontrak haruslah disepakati oleh dua belah pihak yang ingin melakukan kontrak samada ia adalah kontrak jual beli ataupun kontrak ijarah (penyewaan) ataupun hibah (hadiah) ataupun i'arah (pinjaman) ataupun sebagainya daripada kontrak-kontrak yang diiktiraf oleh agama Islam (Ahmad Ad-Dirdir.,1986).

- (5) Akan tetapi bagi akan yang berkaitan muamalat para ulama meletakkan syarat tambahan bagi menyempurnakan sesuatu kontrak yang telah dipersetujui iaitu '*redha daripada dua belah pihak*' iaitu penjual dan pembeli. Perkara ini dinukilkan daripada surah An-Nisa' Ayat 29 yang mana Allah SWT berfirman yang bermaksud: "*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu*".

Keempat, pada bahagian kos kontrak di perenggan 26, meminda perkataan "insurans" kepada "takaful" kerana insurans secara konvensional mempunyai unsur-unsur seperti gharar (ketidaktentuan), maysir (judi) dan riba manakala takaful berlandaskan Islam tidak (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Lewis, 2001). Pengharaman riba juga telah jelas dinyatakan dalam Al-Quran pada Surah Al-Baqarah 2:275. Kesimpulannya, semua jenis insurans konvensional sama ada insurans nyawa, insurans am serta mempermosikannya juga adalah haram kerana sebab-sebab yang dinyatakan di atas. Ini telah diputuskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2018) melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) dalam beberapa siri persidangannya yang membahaskan isu tersebut.

Cadangan yang terakhir terhadap MPSAS 11 adalah melibatkan bahagian pendedahan di perenggan 50 iaitu menambah klausa bahawa pendedahan terhadap "kontrak pembinaan hendaklah diasingkan mengikut kumpulan wang wakaf, zakat dan baitulmal". Cadangan ini adalah konsisten dengan prinsip pendedahan yang disarankan oleh perakaunan Islam iaitu "Pendedahan Penuh" dan "Akauntabiliti Sosial". Kedua-dua prinsip ini dicapai dengan mendedahkan maklumat berguna dan penting bagi sesebuah entiti secara adil, telus, bebas daripada manipulasi dan sepenuhnya dalam penyata kewangan. Cadangan ini selari dengan Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972). Cadangan ini adalah selari dengan Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

## 8.9 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (MPSAS 19)

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka bagi insitusi wakaf, zakat dan baitulmal. Namun terdapat beberapa pindaan kecil yang dicadangkan sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.16.

**Jadual 8.16 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (MPSAS 19)**

KANDUNGAN	MPSAS 19 PERUNTUKAN, LIABILITI LUAR JANGKA & ASET LUAR JANGKA			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif		Kekal		
Skop	1(a)-(g)	Kekal		
	2	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan ( <del>GBE</del> )-institusi wakaf, zakat dan baitulmal.	
	3	Keluar	Tidak relevan	
	4-17	Kekal		
Definisi	18	Kekal	Aset luar jangka adalah aset yang mungkin timbul daripada kejadian masa lalu dan kewujudannya akan ditentukan hanya melalui berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih kejadian masa hadapan yang tidak menentu yang diluar kawalan entiti.  Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada kejadian masa lalu dan kewujudannya akan ditentukan hanya melalui berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih kejadian masa hadapan yang tidak menentu yang diluar kawalan entiti.	Larangan transaksi ekonomi yang melibatkan ghalat (kesilapan), gharar (ketidaktentuan), maysir (judi), riba, haram (Lewis, 2001) dan jahalah (tidak diketahui) (Sadiq Abdurrahman Gharyani, 2002)



		Keluar	<p>Peruntukan ialah liabiliti yang pemasaan dan jumlahnya adalah tidak menentu.</p> <p>Kewajipan undang-undang adalah kewajipan yang muncul daripada:</p> <p>(a) Satu-satu kontrak (melalui syarat-syarat yang jelas <del>atau tersirat</del>);</p>	Larangan transaksi ekonomi yang melibatkan ketidaktentuan atau gharar (Lewis, 2001)
	19-21	Kekal		
Pengiktirafan	22-43	Kekal		
Pengukuran	44-62	Kekal		
Pembayaran Balik	63-64	Kekal		
	65	Pinda	<p>Kadang-kala, entiti dapat melihat kepada pihak lain untuk membayar sebahagian atau semua perbelanjaan diperlukan untuk menyelesaikan satu-satu peruntukan peruntukan (contohnya, melalui kontrak <del>insurans</del> <b>takaful</b>, klausa indemniti, atau waranti pembekal).</p> <p>Bagaimanapun, agensi itu mungkin boleh mendapatkan sebahagian daripada perbelanjaan daripada <del>insurans</del> <b>takaful</b> indemniti profesional.</p>	<p>Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p> <p>Insurans konvensional melibatkan gharar, maysir dan riba (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; JAKIM, 2018; Lewis, 2001)</p>
	66-68	Kekal		
Perubahan dalam Peruntukan	69	Kekal		
	70	Tambah/ Pinda	<p>Apabila kadar diskaun digunakan, <b>ia haruslah patuh syariah</b> dan jumlah peruntukan dibawa meningkat dalam setiap tempoh bagi menggambarkan peredaran masa. Peningkatan ini diiktiraf sebagai perbelanjaan <del>faedah</del> <b>tambahan terhadap peruntukan yang dibuat.</b></p>	<p>Pengharaman riba dan pengharusan jual beli (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p>

Penggunaan terhadap Peruntukan	71-72	Kekal		
Penggunaan Peraturan Pengiktirafan dan Pengukuran	73-96	Kekal		
Pendedahan	97	Tambah	<p>Bagi setiap kelas peruntukan, entiti hendaklah mendedahkan:</p> <p><b>(f) Mengikut kumpulan wang wakaf, zakat dan baitulmal</b></p>	<p>Didedahkan secara “Pendedahan Penuh” dan “Akauntabiliti Sosial” (Baydoun dan Willet, 2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu pengasingan setiap kumpulan wang.</p>
	98-109	Kekal		

Berdasarkan Jadual 8.16 di atas, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 19. Pertama, pada bahagian skop di perenggan 2, menyatakan bahawa piawaian ini terpakai kepada semua “institusi wakaf, zakat dan baitulmal” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”. Kedua, mengeluarkan perenggan 3 di bahagian skop kerana tidak relevan terhadap institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Ketiga, pada bahagian definisi di perenggan 18, dikeluarkan perkataan “atau tersirat” kerana Islam melarang apa-apa transaksi ekonomi yang melibatkan ketidaktentuan dan bersifat spekulatif atau gharar (Lewis, 2001).

Cadangan yang keempat adalah berkaitan prinsip konservatisme menurut Islam. Konservatisme adalah prinsip perakaunan konvensional yang mengiktiraf perbelanjaan dan liabiliti secepat mungkin manakala pendapatan dan aset diiktiraf apabila mereka direalisasikan. Dari segi pengukuran pula, prinsip ini mencadangkan perbelanjaan dan liabiliti dilaporkan pada nilai yang berpontensi terlebih nyata manakala pendapatan dan aset terkurang nyata (Godfrey et al. 2010). Khoramin (2012) menyatakan bahawa melaporkan liabiliti atau belanja lebih rendah daripada realiti seperti yang dicadangkan oleh perakaunan konvensional boleh menjejaskan kebolehpercayaan maklumat kewangan. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan tambahan pada bahagian pengukuran di perenggan 44 iaitu menambah klausa

bahawa pengukuran hendaklah “berdasarkan realiti” terhadap sesuatu peruntukan agar ia tidak terlebih nyata dan mengelakkan sifat keterlaluan yang dilarang oleh Islam. Cadangan ini adalah konsisten dengan konsep wasatiyyah (sederhana) dalam Islam yang menekankan kepada sifat sangat adil dan tidak melampau.

Imam Al-Ghazali RA menyatakan bahawa sifat wasatiyyah biasanya relatif, ia berbeza antara seseorang individu dengan orang lain dan dalam situasi berlainan mengikut kemampuan masing-masing dengan cara yang “terbaik” dan “teradil”. Antara dalil-dalil yang menyokong konsep wasatiyyah adalah seperti yang berikut:

- (1) Surah Al-Furqan, Ayat 67 Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”*.
- (2) Nabi Muhammad SAW melalui hadisnya yang bermaksud: *“Haruslah kamu berjalan di atas jalan yang lurus dan tidak melampau, haruslah kamu berjalan di atas jalan yang lurus dan tidak melampau, haruslah kamu berjalan di atas jalan yang lurus dan tidak melampau”*(HR Bukhari, No:39).

Cadangan di atas juga selari dengan konsep berhati-hati dalam Islam dan ia boleh dikaitkan dengan prinsip konservatisme (contoh, mengiktiraf liabiliti secepat mungkin) perakaunan konvensional. Konsep hati-hati ini juga dikenali sebagai *Sad Zari'* yang bermaksud: *'Menutup jalan yang membawa kebinasaan atau kejahatan'*. Sebahagian ulama mengkhususkan pengertian *zari'ah* dengan sesuatu yang membawa pada perbuatan yang dilarang dan mengandungi kemudaratan. Menurut Imam Syatibi *Zari'ah* adalah perbuatan yang dilakukan seseorang yang mengandungi kemaslahatan tetapi berakhir dengan sesuatu kerusakan (Abu Ishaq al-Syatibi, 1997). Apa yang dapat dilihat daripada konsep ini, bahawasanya Islam tidak meletakkan sesuatu hukum kepada sesuatu perkara sehinggalah perkara tersebut ada padanya kemaslahatan dan kemudratan. Jika ada pada sesuatu perkara kemaslahatan maka ia adalah perkara yang diharuskan, jika sebaliknya perkara tersebut tidak dianjurkan oleh Islam. Ini jelas seperti mana yang disebutkan oleh Imam Izzudin Abdussalam: *'Islam itu adalah semuanya*

*kemaslahatan*' (Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam, 1991). Diantara dalil-dalil yang menyokong konsep ini adalah seperti yang berikut :

- (1) Surah Al-An'am, Ayat 108 Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan”*.
- (2) Rasulullah SAW bersabda: *“Perintahkanlah anak-anak kamu untuk melaksanakan solat apabila sudah mencapai umur tujuh tahun. Apabila sudah mencapai umur sepuluh tahun maka pukullah dia apabila tidak melaksanakannya serta pisahkanlah tempat tidur mereka”* (HR Abu Dawud dengan sanad yang hassan. No. Hadith :495). Rasulullah memerintahkan di dalam hadis ini supaya memisahkan diantara anak lelaki dan perempuan akan tempat tidur berhati-hati bagi mengelakkan terjadi perkara yang tidak baik.

Kesimpulannya prinsip konservatisme yang digunakan di dalam sistem perakaunan konvensional dan terdapat dalam MPSAS 19 tidaklah ada padanya sebarang nas yang mengharamkan ataupun menghalalkan. Oleh yang demikian, masalah ini haruslah diiktibar sendiri oleh sarjana dan pengamal perakaunan samada ia akan menyebabkan kemaslahatan ataupun kemudaratan dalam menghadapi sesuatu isu. Jika ia menunjukkan kepada kebaikan maka hukumnya adalah harus, jika ia menunjukkan kepada kemudaratan maka hukumnya adalah haram.

Kelima, pada bahagian pembayaran balik di perenggan 65, meminda perkataan “insurans” kepada “takaful” kerana insurans secara konvensional selalunya melibatkan gharar (ketidaktentuan), maysir (judi) dan riba manakala takaful berlandaskan Islam tidak (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Lewis, 2001). Pengharaman riba juga telah jelas dinyatakan dalam Al-Quran pada Surah Al-Baqarah 2: 275. Sebagai tambahan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2018) melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) telahpun memutuskan hukum berkaitan insurans konvensional dalam beberapa siri persidangan yang membahaskan statusnya. Secara umumnya, semua jenis insurans konvensional sama ada insurans nyawa, insurans am serta mempermosikannya juga adalah haram kerana sebab-sebab yang dinyatakan di atas.

Cadangan keenam adalah pada bahagian perubahan dalam peruntukan di perenggan 70 yang melibatkan tambahan dan pindaan. Yang ditambah adalah menyatakan bahawa kadar diskaun yang digunakan “haruslah patuh syariah” dan meminda perkataan “faedah” kepada “perbelanjaan tambahan terhadap peruntukan yang dibuat” memandangkan riba diharamkan dalam Islam seperti yang dinyatakan sebelum ini (Al-Baqarah 2: 275). Cadangan yang terakhir terhadap MPSAS 19 adalah melibatkan bahagian pendedahan di perenggan 97 iaitu menambah klausa bahawa pendedahan terhadap “peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka hendaklah diasingkan mengikut kumpulan wang wakaf, zakat dan baitulmal” agar konsisten dengan dua prinsip utama pendedahan maklumat perakaunan Islam iaitu “Pendedahan Penuh” dan “Akauntabiliti Sosial”. Kedua-dua prinsip ini dicapai dengan mendedahkan maklumat sesebuah organisasi yang berguna dan penting untuk membuat keputusan secara adil, telus, bebas daripada manipulasi dan sepenuhnya dalam penyata kewangan. Cadangan ini konsisten dengan Baydoun dan Willet (2000), Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Disemak 2009) dan Sekyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972).

#### 8.10 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing (MPSAS 4)

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai MPSAS 4 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Namun terdapat beberapa pindaan kecil yang dicadangkan sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.17.

**Jadual 8.17 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing (MPSAS 4)**

KANDUNGAN	MPSAS 4 (KESAN PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN ASING)			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif	1-2	Kekal		
Skop	3-5	Kekal		
	6	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE) institusi wakaf, zakat dan baitulmal.	
	7	Keluar	Tidak relevan	
	8-9	Kekal		
Takrif	10-11	Kekal		
	12 (a)	Kekal		

	13 (a)	Pinda	Perkataan pinjaman ditukar kpd pembiayaan yg membawa maksud pembiayaan secara Islam (patuh syariah).	
	14-17	Kekal		
	18-19	Pinda	Perkataan pinjaman ditukar kpd pembiayaan yg membawa maksud pembiayaan secara Islam (patuh syariah).	
	20-22	Kekal		
Pengiktirafan	23 (b)	Pinda	Perkataan pinjaman ditukar kpd pembiayaan yg membawa maksud pembiayaan secara Islam (patuh syariah).	
	24-59	Kekal		
Pendedahan	60-72	Kekal		

Berdasarkan Jadual 8.17 di atas, berikut adalah beberapa pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 4. Pertama, pada bahagian skop di perenggan 6, menyatakan bahawa Piawaian ini terpakai kepada semua “institusi wakaf, zakat dan baitulmal” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”.

Cadangan yang kedua adalah perkataan pinjaman mestilah dipinda kepada perkataan pembiayaan yang mana perkataan pembiayaan ini membawa maksud semua jenis pembiayaan adalah secara islam (patuh syariah). Pindaan ini adalah kepada semua perkataan pinjaman yang terdapat di dalam piawaian ini.

### 8.11 Kos Pinjaman (MPSAS 5)

Secara umumnya kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai MPSAS 5 Kos Pinjaman bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Namun terdapat beberapa pindaan kecil yang dicadangkan sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.18.

**Jadual 8.18 Kos Pinjaman (MPSAS 5)**

KANDUNGAN	MPSAS 5 (KOS PINJAMAN)			RUJUKAN/ ALASAN
	PARA	CADANGAN	KETERANGAN	
Objektif		Pinda	Perkataan pinjaman ditukar kpd pembiayaan yg membawa	Al-Quran. (Berkaitan riba).Sila rujuk rujukan sebelum ini.

			maksud pembiayaan secara Islam (patuh syariah).	
Skop	1	Pinda	Perkataan pinjaman ditukar kpd pembiayaan yg membawa maksud pembiayaan secara Islam (patuh syariah).	
	2	Pinda	Piawaian ini terpakai kepada semua <del>entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan</del> <b>(GBE) institusi wakaf, zakat dan baitulmal.</b>	
	3	Keluar	Tidak relevan	
	4	Pinda	Perkataan pinjaman ditukar kpd pembiayaan yg membawa maksud pembiayaan secara Islam (patuh syariah).	
Takrif	5	Pinda.	Diganti dengan ayat berikut: Kos pembiayaan ialah belanja patuh syariah yang melibatkan oleh entiti berkaitan dengan pembiayaan.	
	6	Pinda 6 (a) dan (e). Dikekal (b), (c) dan (d).	6(a) Belanja margin keuntungan pembiayaan patuh syariah.  (e) Perkataan “kos faedah” dipinda kepada “kos margin keuntungan”.	
	7-10	Kekal		
	11	Keluar	Tidak relevan	
	12-13	Kekal		
Pengiktirafan & Pendedahan	14-43	Pinda	Perkataan pinjaman ditukar kpd pembiayaan yg membawa maksud pembiayaan secara Islam (patuh syariah).  Perkataan faedah dipinda kpd perkataan keuntungan yg membawa maksud patuh syariah.	

Berdasarkan Jadual 8.18 di atas, berikut adalah beberapa pindaan yang dicadangkan terhadap MPSAS 5. Pertama, pada bahagian skop di perenggan 2, menyatakan bahawa piawaian ini terpakai kepada semua “institusi wakaf, zakat dan baitulmal” dan bukannya “entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)”.

Kedua, dan secara amnya semua perkataan pinjaman mestilah dipinda kepada perkataan pembiayaan yang mana perkataan pembiayaan ini membawa maksud semua jenis pembiayaan adalah secara islam (patuh syariah). Pindaan ini adalah kepada semua perkataan pinjaman yang terdapat di dalam piawaian ini.

Selain itu, perkataan faedah juga mesti dipinda kepada perkataan keuntungan yang mana keuntungan yang datang daripada pembiayaan atau transaksi-transaksi yang patuh syariah.

## **8.12 Isu Berkaitan Istibdal**

Istibdal merupakan satu cara menggantikan aset yang diwakafkan dengan aset yang lain bagi mengekalkan aset berkenaan untuk diwakafkan semula. Luqman Haji Abdullah (2010) mendefinisikan istibdal sebagai penukaran harta wakaf dengan cara menjual harta wakaf dan hasil jualan tersebut digunakan untuk membeli harta wakaf yang lain sebagai ganti. Walaupun terdapat perbezaan pendapat di kalangan para mazhab dan fuqaha berkaitan dengan urusan istibdal, namun secara umumnya istibdal adalah diharuskan sebagai satu mekanisma yang membolehkan pengekalan kesinambungan harta wakaf tanpa mengorbankan prinsip asal wakaf (Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman, 2006).

Daripada pemerhatian yang dibuat ke atas laporan tahunan MAIN di Zon 2, penyelidik mendapati tidak terdapat urusan istibdal di sepanjang tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun hasil kajian literatur menunjukkan urusan istibdal pernah berlaku di MAINPP dan MAIPk (JAWHAR, 2010) dan MAIK (Afiffudin Mohammed Noor & Mohd Ridzuan Awang, 2013; JAWHAR, 2010) di tahun-tahun sebelumnya. Oleh yang demikian penyelidik tidak dapat melihat apakah amalan semasa berkaitan dengan pelaporan dan perakaunan istibdal yang diamalkan pada tahun 2016. Urusniaga istibdal pernah berlaku di MAINPP, MAIK dan MAIPk. Di MAINPP, harta wakaf yang terletak di Georgetown (tapak Sekolah Agama Al-Mashoor Al-Islami) telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan digantikan dengan pampasan tunai dan tanah yang terletak di Balik Pulau yang menjadi tapak baru sekolah berkenaan (JAWHAR, 2010). Di Perak pula, Kerajaan Negeri Perak menggantikan tanah wakaf yang diambilalih untuk tujuan pembangunan bagi kepentingan umum dan digantikan dengan tanah yang lain (JAWHAR, 2010). Manakala di MAIK pula, penyelidik mendapati terdapat satu urusan di mana Kerajaan Negeri Kedah mengambil alih



tanah wakaf untuk tujuan pembangunan dan telah digantikan dengan pembelian unit rumah kedai (Afiffudin Mohammed Noor & Mohd Ridzuan Awang, 2013). Rumah kedai tersebut disewakan dan pendapatan darinya diberi kepada penerima wakaf seperti yang diniatkan oleh pewakaf setelah ditolak bayaran pengurusan.

Selari dengan cadangan penyelidikan yang dibincangkan sebelum ini, penerimaan harta wakaf direkodkan terus sebagai ekuiti. Oleh yang demikian ianya tidak memberi kesan kepada item penyata pendapatan. Hanya hasil yang diterima daripada harta wakaf berkenaan setelah ditolak bahagian penerima wakaf direkodkan sebagai hasil kepada MAIN (seperti yang diamalkan di MAIK). Amalan mengiktiraf hasil ini boleh diteruskan kerana ianya dibenarkan oleh syariah.

Berkaitan dengan penggantian (istibdal) harta wakaf, JAWHAR telah mengeluarkan Manual Pengurusan Wakaf (JAWHAR, 2007) untuk dijadikan panduan umum kepada MAIN di dalam merekodkan urusan berkaitan. Secara umumnya, terdapat tiga kemungkinan yang timbul daripada penggantian harta berkenaan iaitu (1) penggantian dengan harta yang sama nilai (2) penggantian dengan harta yang mempunyai nilai yang lebih dan (3) penggantian dengan harta yang mempunyai nilai yang lebih rendah. Manual ini menerangkan tatacara merekodkan urusan istibdal untuk ketiga-tiga keadaan ini. Terdapat lima langkah di dalam merekodkan istibdal ini iaitu:

- (a) Pelupusan harta wakaf yang akan diganti (Istibdal) dengan mendebitkan Akaun Modal Wakaf dan mengkreditkan harta wakaf dengan nilai kos sejarah (nilai ketika harta tersebut diterima),
- (b) Penjualan harta wakaf berkenaan dengan mendebitkan tunai/bank mengikut jumlah penerimaan dan mengkreditkan ke akaun Istibdal. Nilai yang direkodkan adalah nilai pasaran harta berkenaan,
- (c) Pembelian harta gantian dengan mendebitkan akaun Istibdal dan mengkreditkan jumlah bayaran yang dibuat (harga semasa aset yang dibeli), dan
- (d) Merekodkan harta gantian di dalam akaun dengan mendebitkan harta wakaf dan mengkreditkan ke Akaun Modal Wakaf berdasarkan nilai pasaran aset yang diganti.

Hasil daripada urusan ini akan mewujudkan perbezaan dalam akaun Istibdal kecuali jika harta wakaf tersebut diganti dengan harta yang sama nilai. Apabila nilai harta baru melebihi nilai pasaran harta wakaf, lebihan tersebut boleh ditampung melalui sumber daripada

Kumpulan Wang Wakaf Am. Sebaliknya, jika harta wakaf diganti dengan harta yang nilainya lebih rendah daripada harta wakaf, akaun Istibdal akan berbaki kredit. Amaun lebih ini merupakan suatu liabiliti yang akan digunakan untuk menyempurnakan niat asal pewakaf (JAWHAR, 2007). Jika terdapat lebih daripada satu urusan istibdal, ianya hendaklah didedahkan di dalam nota kepada akaun.

Penyelidik bersetuju dengan tatacara perakaunan yang disarankan oleh JAWHAR (JAWHAR, 2010). Namun, istibdal ini tidak termasuk di bawah skop MPSAS yang dibincangkan dalam kajian ini. Ia lebih sesuai dibincangkan dalam piawaian Perakaunan bagi Waqaf.

### **8.13 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan cadangan bagi pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi MAIN di Malaysia. Antara perkara-perkara yang dibuat pindaan adalah berhubung dengan skop piawaian, tafsiran bagi istilah-istilah penting, penyeragaman penggunaan istilah, pendedahan maklumat di dalam penyata kewangan, dan penggunaan contoh urusan niaga yang bersesuaian dengan operasi MAIN.

Penyelidik telah mengekalkan mana-mana peruntukan di dalam MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah dan dibuat pindaan sekiranya perlu. Tetapi sekiranya terdapat keperluan syariah dan urusan niaga atau aktiviti berkaitan MAIN tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan, peruntukan mengenainya akan ditambah kepada MPSAS tersebut, jika perlu. Seterusnya, penyelidik meminda atau mengeluarkan mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS yang bercanggah dengan keperluan syariah. Akhir sekali, mana-mana peruntukan dalam MPSAS yang tidak relevan dengan aktiviti institusi WZB akan dikeluarkan.

## **BAB SEMBILAN**

### **RUMUSAN, KEKANGAN KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN**

#### **9.1 Pengenalan**

Setelah membincangkan cadangan kepada pembentukan piawaian perakaunan Islam bagi institusi WZB di Malaysia di dalam Bab 8, bab ini, yang merupakan bab terakhir akan memberi rumusan tentang kajian ini. Pertama, bab ini akan merumuskan dapatan kajian berhubung dengan amalan semasa MAIN dalam mengakaun dan melaporkan hasil, belanja dan liabiliti, pembentukan kerangka kerja konseptual, batasan perundangan sivil dalam pembentukan piawaian perakaunan bagi MAIN, serta cadangan kepada JANM dalam membangunkan piawaian perakaunan bagi institusi WZB di Malaysia. Ini diikuti dengan implikasi kajian, kekangan kajian dan cadangan kajian masa depan berhubung dengan pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi institusi WZB di Malaysia.

#### **9.2 Dapatan Kajian**

Bahagian ini akan memberikan rumusan berhubung dengan amalan semasa perakaunan hasil, belanja dan liabiliti di MAIN, keperluan syariah dan pembangunan kerangka kerja perakaunan Islam, batasan perundangan dalam pembentukan piawaian perakaunan Islam, serta cadangan kepada pembentukan piawaian.

##### **9.2.1 Amalan Semasa Perakaunan**

Dalam kajian ini penyelidik telah meneliti amalan perakaunan MAIN berhubung dengan sepuluh MPSAS yang berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti di lima institusi WZB di Zon 2. Daripada sepuluh piawaian yang dikaji, hanya enam daripadanya dilibatkan oleh MAIN yang dikaji. Piawaian-piawain tersebut adalah MPSAS 9 Hasil dari Urusniaga Pertukaran, MPSAS 23 Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan), MPSAS 28

Instrumen Kewangan: Pembentangan, MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran, MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan, dan MPSAS 25 Manfaat Pekerja. Kajian mendapati terdapat perbezaan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan di kalangan MAIN dalam mengiktiraf, mengukur dan mendedah beberapa item, terutamanya yang melibatkan urusan berkaitan zakat, wakaf dan lain-lain sumber baitulmal.

Kajian juga menunjukkan institusi-institusi tersebut belum mengguna pakai MPSAS, tetapi sebaliknya mengguna pakai MPERS, PERS, MFRS serta Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri. Penggunaan piawaian yang tidak sama ini, ditambah dengan masalah kurangnya panduan berhubung dengan perakaunan bagi urusan MAIN yang unik di dalam piawaian-piawaian tersebut menyebabkan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan di kalangan MAIN menjadi tidak konsisten. Undang-undang yang ada, terutamanya Enakmen Pentadbiran Negeri yang mempunyai peruntukan dan tahap penerangan yang berbeza (ada yang ringkas dan ada yang terperinci) juga menyebabkan ketidakselarasan amalan perakaunan di kalangan MAIN.

Bagi MPSAS 9 Hasil dari Urusniaga Pertukaran, kebanyakan daripada hasil MAIN terdiri daripada hasil sewa dan keuntungan simpanan bank dan pelaburan patuh syariah, yang majoritinya melibatkan ketiga-tiga KW Wakaf, KW Zakat dan KW Baitulmal. Nilai saksama digunakan dalam mengukur hasil-hasil tersebut. Semua MAIN menggunakan kaedah akruan dalam mengiktiraf hasil sewa, manakala kedua-dua kaedah akruan dan tunai digunakan bagi mengiktiraf lain-lain hasil. Perbezaan yang ketara adalah dari segi tahap pendedahan, sama ada di dalam muka penyata mahupun di dalam nota.

Hasil bukan dari urusan niaga pertukaran merupakan hasil utama MAIN, iaitu sebahagian besarnya terdiri daripada kutipan zakat. Semua MAIN mengiktiraf zakat sebagai hasil KW zakat dan kebanyakannya disatukan dalam Penyata Pendapatan Disatukan, kecuali LZNK. Di antara lain-lain hasil bukan dari urusan niaga pertukaran adalah derma/ sumbangan/ infaq, fidyah, kaffarah, harta tak patuh syariah dan bantuan dari kerajaan. Harta wakaf direkod sebagai ekuiti atau liabiliti, kecuali TBS yang merekod wakaf tunai sebagai hasil. Dari segi pelaporan, setiap MAIN melaporkan jenis-jenis zakat secara terperinci. Secara umumnya, format dan perincian pelaporan adalah berbeza-beza antara MAIN.

Kesemua MAIN mempunyai urusan berkaitan instrumen kewangan yang berbentuk “*primary*”, contohnya pelaburan saham, penghutang, dan pemiutang. Tiada instrumen kewangan sekunder atau derivatif dilaporkan. Kesemua MAIN mengiktiraf bentuk-bentuk instrumen yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan, tetapi tidak menyatakan kumpulan wang. Pendedahan juga adalah terhad.

Bagi manfaat pekerja (jangka panjang dan pendek), semua MAIN mengiktirafnya sebagai belanja di dalam Penyata Pendapatan pada tempoh di mana ianya berlaku. Kebanyakannya merupakan belanja bagi KW Zakat dan kebanyakan MAIN mendedahkan polisi perakaunannya.

Penelitian ke atas MPSAS mendapati piawaian-piawaian ini boleh membantu MAIN sekiranya ia diguna pakai. Namun masih terdapat ruang untuk ditambah baik supaya dapat disesuaikan dengan urusan MAIN yang unik serta patuh syariah, yang kebanyakan urusan niaganya tidak sama dengan badan kerajaan yang lain.

### **9.2.2 Keperluan Syariah dan Kerangka Kerja Perakaunan Islam (KKPI)**

Berdasarkan dapatan kajian, KKPI yang telah dibangunkan pada Fasa 1 dan 2 kajian boleh dijadikan asas untuk membangunkan KKPI pada Fasa 3 kajian. Namun, terdapat beberapa cadangan yang diutarakan oleh para pakar yang dirunding untuk mengukuhkan KKPI tersebut bersesuaian dengan konteks kajian Fasa 3. Di samping itu, pengukuhan tersebut adalah penting agar KKPI boleh menjadi panduan kepada pembangunan PPI (Piawaian Perakaunan Islam), dan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang patuh syariah. Penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap KKPI adalah konsisten dengan keperluan syariah yang berlandaskan Al-Quran, Hadis, Qiyas dan Ijmak Ulama.

Pengukuhan yang telah dibuat adalah seperti berikut. Pertama, teori asas tasawuf telah ditambah di samping tauhid dan fiqh bagi melengkapkan tiga cabang ilmu utama menurut Islam. Kedua, penekanan terhadap matlamat maqasid syariah bagi zakat, wakaf dan baitulmal agar institusi-institusi WZB jelas tentang objektif-objektif yang perlu dicapai. Ketiga, menambah elemen kemaslahatan alam sekitar di samping sosial dan ekonomi kerana

pemuliharaannya sangat dituntut oleh Islam. Keempat, pengiktirafan terhadap liabiliti, hasil dan belanja haruslah bebas daripada unsur-unsur seperti riba, gharar, maisir, jahalah, ghalat dan haram (andaian dan prinsip). Ini penting bagi memastikan operasi institusi-institusi WZB patuh syariah dan diredhai oleh Allah SWT. Kelima, pengukuran terhadap liabiliti, hasil dan belanja perlulah menggunakan nilai semasa atau saksama berlandaskan kepada keadilan Islam. Pengukuhan terakhir yang telah dibuat terhadap KKPI pada Fasa 3 ini adalah pendedahan maklumat perakaunan mestilah konsisten dengan prinsip pendedahan penuh dan akauntabiliti sosial.

### **9.2.3 Batasan Perundangan**

Pentadbiran MAIN dan LZNK, termasuk perkara berkaitan kewangan dan perakaunan tertakluk di bawah beberapa perundangan persekutuan dan negeri. Pertama, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, memperuntukkan kuasa ke atas hasil Agama Islam tertakluk kepada kuasa negeri-negeri atau persekutuan mengikut mana yang sesuai. Dengan kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan, setiap negeri mempunyai Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing (atau dikenali sebagai Ordinan di Sarawak dan Enakmen Lembaga Zakat di Kedah) yang memperuntukkan peraturan bagi pengurusan dan pentadbiran MAIN, termasuk hal-hal berkaitan wakaf, zakat dan lain-lain sumber yang semuanya ini dikenali sebagai Baitulmal. Di negeri Perak, pengurusan wakaf adalah tertakluk di bawah Enakmen Wakaf (Perak). Dari segi penyediaan laporan kewangan, enakmen-enakmen tersebut merujuk dan mengguna pakai Akta Badan Berkanun (Akta 240, Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dalam hal berkaitan penyediaan penyata kewangan, kecuali Ordinan Majlis Islam Sarawak, Enakmen Wakaf Perak dan Enakmen Zakat Negeri Kedah yang mempunyai peruntukan tersendiri dalam perundangan mereka. Namun Akta Badan Berkanun ini hanya memperuntukkan secara umum berkenaan piawaian perakaunan yang harus diguna pakai oleh badan kerajaan.

Berdasarkan Seksyen 3, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] wang seperti wakaf, zakat dan baitulmal tidak termasuk sebagai wang awam. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang tiadanya peruntukan jelas berkenaan piawaian perakaunan yang harus digunapakai oleh MAIN dan institusi WZB. Penyelidik mengharapkan suatu peruntukan jelas harus diletakkan di dalam

mana-mana akta atau peraturan kewangan berkenaan piawaian perakaunan yang harus diguna pakai oleh MAIN dan institusi WZB setelah PPI digubal kelak.

Secara amnya kesemua Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan Ordinan (Zon 2) memperuntukkan perkara yang sama iaitu berkenaan penubuhan baitulmal, kumpulan wang dan perbelanjaan daripada kumpulan wang berkenaan, akaun dan laporan tahunan MAIN. Umpamanya kesemua Enakmen Pentadbiran negeri-negeri dan Ordinan tersebut menyatakan bahawa Baitulmal adalah dirujuk sebagai Kumpulan Wang dan bukan sebagai sebuah institusi. Namun begitu masih terdapat ketidakseragaman dan percanggahan antara enakmen-enakmen dan ordinan berkenaan. Sebagai contoh, Enakmen Wakaf (Perak) 2015 menyatakan bahawa akaun wang asas wakaf dan akaun wang manfaat hendaklah diwujudkan secara berasingan tetapi tiada peruntukan mengenai harta dan wang wakaf boleh dijual dan seumpamanya tetapi mawquf tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal dan Majlis boleh mengarahkan supaya harta itu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf sebagai wakaf am [S35(1)-(2)]. Peruntukan ini bertentangan dengan Seksyen 70(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 (Pindaan 2012) yang menyatakan bahawa wang Baitulmal terdiri daripada semua jenis wang yang menepati Hukum Syarak.

Penyelidik juga mendapati bahawa peruntukan Enakmen Pentadbiran Negeri adalah kurang jelas dengan apa yang dimaksudkan KW Baitulmal. Kecuali Perak dan Sarawak yang menjelaskan komponen-komponen baitulmal dalam pindaan kepada Enakmen dan Ordinan mereka, negeri-negeri lain tidak menyatakan secara terperinci komponen-komponen baitulmal. Adalah dicadangkan supaya negeri-negeri membuat pindaan, bukan sahaja dengan menyatakan komponen, tetapi juga pindaan terhadap perenggan-perenggan yang lain agar tidak terdapat kekeliruan yang mengakibatkan interpretasi yang berbeza.

#### **9.2.4 Cadangan Keperluan Piawaian Perakaunan Hasil, Belanja Dan Liabiliti**

Kajian ini telah memberikan cadangan yang terperinci kepada kesemua sepuluh piawaian yang berkaitan dengan hasil, belanja, dan liabiliti yang terlibat dalam Fasa 3, termasuk definisi item-item tersebut. Cadangan-cadangan ini telah dibuat dengan mengambil kira (i) amalan semasa perakaunan dan pelaporan hasil, belanja, dan liabiliti di kelima-lima MAIN Zon 2 serta (ii)

konteks dan “*nature*” operasi/aktiviti MAIN yang berbeza atau unik berbanding dengan institusi atau organisasi yang berorientasikan keuntungan atau organisasi sektor awam yang lain.

Secara umumnya, kajian ini mencadangkan perkara-perkara berikut:

- (i) menerima pakai MPSAS berkaitan seperti MPSAS 4, MPSAS 5, MPSAS 9, MPSAS 19 dan MPSAS 25 dengan beberapa cadangan pindaan. Pindaan-pindaan ini dibuat kerana terdapat peruntukan-peruntukan yang tidak patuh syariah dalam piawaian-piawaian tersebut, contohnya pengiktirafan faedah atau riba yang bertentangan dengan keperluan syariah. Tajuk-tajuk MPSAS tersebut harus dikekalkan.
- (ii) menerima pakai perenggan-perenggan MPSAS yang bersesuaian bagi membangunkan piawaian baru bagi Institusi WZB. Sebagai contoh, cadangan membangunkan satu piawaian sahaja untuk instrumen kewangan yang merangkumi ketiga-tiga aspek pengiktirafan dan pendedahan, pembentangan dan pengukuran instrumen kewangan berbanding tiga MPSAS sedia ada berkaitan item berkenaan iaitu MPSAS 28, 29, dan 30 yang mempunyai objektif yang berbeza.
- (iii) mewujudkan piawaian baru bagi hasil daripada urus niaga bukan pertukaran dengan tajuk Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Zakat, Baitulmal dan Pindahan Lain). Ini adalah kerana zakat dan hasil agama yang lain (disebut sebagai baitulmal) merupakan hasil utama MAIN. Namun, piawaian ini adalah mirip kepada MPSAS 23 kerana struktur atau format adalah serupa dan ada perenggan-perenggan yang perlu dikekalkan dengan beberapa pindaan, bersesuaian dengan aktiviti MAIN. Cukai, yang merupakan fokus utama MPSAS 23 tidak dibincangkan dalam piawaian ini kerana MAIN tidak terlibat dengan penerimaan hasil cukai. Sebaliknya, zakat dan hasil baitulmal diberikan keutamaan.
- (iv) tidak mengiktiraf harta wakaf daripada pewakaf sebagai hasil, walaupun ia merupakan urus niaga bukan pertukaran. Ia juga bukan merupakan liabiliti, tetapi sebaliknya diakaunkan terus ke dalam Kumpulan Wang Wakaf. Namun, hasil atau manfaat yang dijana oleh harta wakaf seperti sewa dan keuntungan simpanan atau pelaburan dianggap sebagai hasil daripada urus niaga pertukaran.
- (v) menyeragamkan penggunaan istilah dalam piawaian yang akan dibentuk dan enakmen yang akan dipinda. Penyelidik mencadangkan supaya Kumpulan Wang Baitulmal tidak mengambikira zakat dan wakaf di mana Kumpulan Wang Baitulmal hanya terdiri



daripada wang daripada hasil agama yang lain seperti pusaka, fidyah, kaffarah, nazar, luqatah dan wang tidak patuh syariah.

### **9.3 Implikasi Kajian**

Perbincangan impikasi kajian boleh dibahagikan kepada dua, iaitu implikasi ke atas teori dan implikasi ke atas praktis.

#### **9.3.1 Implikasi ke atas Teori**

Kajian ini memberi beberapa implikasi dari sudut teoretikal. Pertama, penemuan daripada kajian ini adalah penting dalam menyediakan lebih banyak bukti empirikal tentang amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan yang berkaitan dengan liabiliti, hasil dan belanja dalam kalangan institusi-institusi WZB yang dikaji. Kedua, penemuan daripada kajian ini akan memberikan pengetahuan tambahan terhadap literatur sedia ada mengenai penambahbaikan yang dibuat terhadap KKPI setelah mengambil kira keperluan syariah iaitu yang berlandaskan Al-Quran, Hadis, Qiyas dan Ijmak Ulama.

Ketiga, dapatan kajian mengenai batasan undang-undang sivil yang boleh mempengaruhi amalan perakaunan institusi-institusi WZB dan pembangunan PPI memberi maklumat tambahan terhadap isu-isu penting yang perlu diambilkira. Keempat, cadangan yang diutarakan untuk menambahbaik MPSAS sedia ada akan menjadikan mereka patuh syariah dan boleh diterima pakai oleh institusi-institusi WZB kelak. Kelima, penggunaan nas-nas yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadis dalam kajian ini memberi perspektif baru dalam memahami amalan perakaunan dan pelaporan kewangan dalam kalangan institusi yang berkaitan Islam. Ini berbeza dengan kajian-kajian lepas dalam konteks entiti berasaskan keuntungan kerana mereka sering didasari dengan teori-teori ciptaan manusia seperti teori agensi, teori legitimasi dan teori pemegang taruh.

Selain itu, memandangkan penyelidikan empirikal berkaitan perakaunan dan pelaporan kewangan dalam kalangan institusi-institusi WZB masih baru dan kurang, penemuan-

penemuan kajian ini diharap boleh menimbulkan minat dan membuka jalan kepada para penyelidik lain untuk mengkaji isu-isu yang sama atau berkaitan dengan lebih mendalam. Antaranya adalah seperti pengurusan wang zakat, pemilikan harta wakaf, etika perakaunan Islam, penjanaaan hasil aset baitulmal dan lain-lain lagi.

### **9.3.2 Implikasi ke atas Praktis**

Kajian ini menyediakan satu kerangka kerja konseptual perakaunan dari perspektif Islam sebagai panduan kepada MAIN di dalam penyediaan akaun dan laporan tahunan institusi mereka, secara khususnya berkaitan dengan item hasil, belanja, instrumen kewangan dan liabiliti. Selama ini tidak ada piawaian berteraskan Islam yang tersedia yang boleh dijadikan panduan kepada MAIN di dalam menyediakan laporan kewangan tahunan mereka. Oleh yang demikian piawaian perakaunan konvensional yang sedia ada di jadikan sebagai rujukan.

Piawaian yang sedia ada dibina berdasarkan kepada kerangka kerja konseptual konvensional yang tidak menjadikan keperluan syariah sebagai tunjang. Oleh kerana ia dibina berdasarkan keperluan perakaunan konvensional, terdapat peruntukan di dalamnya yang tidak sesuai atau tidak selari dengan aktiviti institusi WZB. Sehingga kini belum ada satu piawaian berasaskan syariah yang lengkap yang boleh dijadikan panduan kepada MAIN. Oleh yang demikian, adalah diharapkan piawaian yang dihasilkan daripada projek penyelidikan ini dapat membantu institusi WZB dengan menyediakan satu garis panduan umum yang seragam dan boleh diterima oleh kesemua MAIN. Kewujudan piawaian yang seragam membolehkan laporan kewangan kesemua MAIN memberi gambaran yang lebih realistik tentang kedudukan kewangan MAIN dan seterusnya boleh dibuat perbandingan di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun penyelidik memahami mengenai bidang kuasa MAIN yang terletak di negeri masing-masing. Piawaian yang dicadangkan ini bertujuan menyediakan garis panduan umum kepada MAIN, sekiranya terdapat mana-mana cadangan yang dikemukakan tidak bersesuaian (contoh: amalan berkaitan fatwa tertentu), penyelidik menyarankan agar perkara tersebut di nyatakan di dalam nota kepada akaun.

Dapatan kajian ini juga akan membantu pihak MAIN mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan item-item hasil, belanja dan liabiliti di dalam penyata kewangan. Definisi item-

item tersebut bersandarkan kepada peruntukan di dalam MPSAS tetapi mengambilkira keperluan perundangan syariah yang mungkin berbeza dengan amalan perakaunan konvensional.

Kewujudan piawaian perakaunan Islam yang diusahakan oleh JANM untuk kegunaan institusi WZB di Malaysia boleh diperkembangkan kepada negara-negara Islam yang lain. Hasil kajian penyelidikan ini dari aspek kejayaan pelaksanaan piawaian perakaunan Islam di institusi Islam di Malaysia akan menjadi pencetus kepada pembentukan piawaian Islam yang lebih komprehensif.

#### **9.4 Kekangan Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa kekangan yang perlu diambil kira dalam meneliti dan memahami dapatan serta cadangan yang dikemukakan. Kekangan ini dibincangkan dengan lebih mendalam seperti berikut. Pertamanya, kajian ini hanya dilakukan ke atas lima buah MAIN iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP), Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Tabung Baitulmal Sarawak serta Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang terletak di Zon 2. Walau bagaimanapun, perlu diambil maklum bahawa terdapat organisasi lain yang telah diberi mandat atau kuasa oleh MAIN sebagai ejen atau anak syarikat di bawah MAIN, antara lain untuk mengutip dan mengagih zakat. Sebagai contoh di negeri Pulau Pinang, tugas mengutip dan mengagihkan zakat dilakukan oleh As-Sahabah Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat (subsidiari) di bawah MAIPP. Syarikat ini dan semua subsidiari bagi kesemua MAIN tidak liputi oleh kajian ini. Ini adalah kerana syarikat-syarikat ini adalah tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan 2016) dan oleh itu harus menggunakan piawaian yang dikeluarkan oleh MASB. Selain itu, ejen-ejen kutipan zakat lain seperti Universiti Utara Malaysia yang dilantik oleh LZNK untuk membantu dalam mengutip dan mengagih zakat kepada para pelajar juga bukan merupakan subjek kajian ini.

Keduanya, kajian ini hanya mengguna pakai MPSAS yang dikeluarkan oleh JANM sebagai asas untuk membincangkan batasan di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN. Antara MPSAS yang terlibat adalah MPSAS 4, MPSAS 5, MPSAS 9, MPSAS 11,

MPSAS 19, MPSAS 23, MPSAS 28, MPSAS 29, MPSAS 30 dan MPSAS 25. Bagi menghuraikan batasan-batasan berkenaan, kajian ini tidak merujuk secara khusus dan terperinci kepada piawaian, garis panduan atau amalan terbaik perakaunan dan pelaporan untuk jenis organisasi yang lain seperti Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dan Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS).

Ketiganya, kajian hanya tertumpu ke atas item-item hasil, belanja dan liabiliti yang dilaporkan di dalam penyata kewangan MAIN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Maka, urusan niaga yang berlaku pada tahun sebelum atau selepasnya tidak diteliti dalam menentukan dan membincangkan amalan semasa MAIN. Sebagai contoh, bagi peruntukan ke atas manfaat pekerja, semua MAIN di Zon 2 hanya mengiktiraf peruntukan ini pada tahun kewangan 2017. Maka amalan dan pelaporan perakaunan berkaitan peruntukan ini tidak dikaji dengan lebih mendalam.

Keempatnya, sumber rujukan utama bagi mendapatkan maklumat tentang item-item hasil, belanja dan liabiliti hanya tertumpu kepada Laporan Tahunan MAIN yang telah diaudit, dan melalui temu bual. Sumber-sumber rujukan lain seperti laman sesawang MAIN dan bahan cetakan yang lain tidak dikaji untuk mendapatkan maklumat perakaunan. Namun, ia digunakan untuk mendapat maklumat lain supaya penyelidik dapat memahami dengan lebih jelas peranan dan operasi MAIN.

Kelimanya, kajian ini juga hanya menyemak dan meneliti Enakmen dan Ordinan negeri yang terlibat sahaja iaitu di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Sebarang peruntukan yang terdapat di dalam enakmen di negeri-negeri lain yang mungkin tidak selari dengan peruntukan di dalam enakmen negeri-negeri Zon 2 tidak dibincangkan dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga mendapati tidak semua negeri ini mempunyai enakmen khusus berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Sebagai contoh, di Negeri Perak terdapat Enakmen Wakaf 2015 yang menggariskan panduan lengkap berkaitan pengurusan wakaf di negeri terbabit yang tidak terdapat di negeri-negeri lain. Ini juga menyumbang kepada limitasi kajian.

Akhir sekali, kajian ini hanya menemu bual wakil pihak pengurusan MAIN, penyedia penyata kewangan dan pakar syariah dan perakaunan sahaja. Kajian ini tidak menemu bual dan

mengambil kira pandangan pemegang taruh lain seperti penggubal polisi, serta penyumbang wakaf, zakat dan baitulmal.

## **9.5 Cadangan Kajian Masa Depan**

Kajian ini akan mengusulkan beberapa cadangan bagi membantu mengukuhkan dan menambahbaik kajian ini pada masa hadapan. Cadangan ini diperincikan seperti perbincangan berikut. Kajian Fasa 3 ini bukan merupakan fasa terakhir dalam projek pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi MAIN. Masih lagi terdapat beberapa MPSAS yang belum dikaji tentang amalan dan kekangannya kepada MAIN. Contohnya adalah MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan dan MPSAS 14 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan yang juga diamalkan atau berlaku dalam institusi WZB.

Selain daripada itu, tadbir urus MAIN juga merupakan salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian. Oleh itu, kajian pada masa hadapan juga harus memberi tumpuan kepada perkara ini demi menjamin ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti yang lebih tinggi di kalangan MAIN di Malaysia, di mana MAIN memainkan peranan penting dalam mengurus harta orang Islam.

Dalam pembentukan kerangka kerja konseptual, kajian ini turut mencadangkan agar tanggungjawab sosial dan alam sekitar perlu diberikan perhatian. Ini kerana sebagai sebuah institusi yang menguruskan dana kewangan Islam, isu-isu sosial masyarakat Islam dan alam sekitar perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh MAIN. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar kajian yang mendalam perlu dijalankan ke atas pelaporan sosial dan alam sekitar yang diamalkan oleh MAIN.

Selain itu, isu pendedahan juga perlu dikaji dengan lebih terperinci seperti pendedahan pihak berkaitan, persembahan maklumat belanjawan dalam penyata kewangan, dan pendedahan kepentingan dalam entiti lain. Isu-isu pendedahan tersebut amat penting bagi memastikan pihak MAIN dapat menyediakan penyata kewangan yang lebih komprehensif dan telus. Seterusnya, ini akan membantu pihak berkepentingan yang lain menggunakan maklumat perakaunan ini bagi menilai prestasi MAIN dalam menguruskan dana-dana amanah umat Islam ini.

Kajian ini juga mencadangkan agar penyelidik turut melibatkan pelbagai pihak berkepentingan yang lain seperti penyumbang dan penerima manfaat wakaf, zakat dan baitulmal, penggubal dasar dan autoriti yang terlibat secara langsung dengan institusi wakaf sebagai responden kajian, agar penyelidik lebih memahami kehendak dan kebergunaan maklumat mengenai MAIN kepada mereka. Input dan pandangan daripada badan berkepentingan seperti Yayasan Wakaf Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta lain-lain dilihat mampu memantapkan pembangunan piawaian perakaunan Islam ini.

Seterusnya, kajian ini mencadangkan agar beberapa piawaian perakaunan yang lain seperti Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dan Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS) perlulah dirujuk kerana terdapat beberapa item yang telah dipermudahkan cara layanan perakaunannya berbanding MPSAS. Sebagai contoh, di dalam mengiktiraf dan mengukur instrumen kewangan, MPERS telah menggariskan tatacara layanan perakaunan yang lebih mudah berbanding MPSAS 29.

Akhir sekali, kajian ini juga mencadangkan agar penyata kewangan tahun terkini digunakan sebagai sumber utama bagi memastikan amalan semasa yang dikaji adalah bertepatan dengan kehendak piawaian yang berkaitan. Contohnya, MPSAS 30 Manfaat Pekerja telah menyarankan agar peruntukan manfaat pekerja perlu dinyatakan pada penyata kewangan bermula dari 1 Januari 2017. Memandangkan, kajian ini menyemak dan menggunakan penyata kewangan tahun 2016, maka kajian ini tidak dapat melihat dengan lebih terperinci amalan perakaunan berkaitan peruntukan ini kerana semua MAIN mula mengiktiraf peruntukan ini pada penyata kewangan bagi tahun 2017.

## Senarai Rujukan

- 'Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam.,1991.*Qawaid al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*. jld. 1 ed. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- AAOIFI, 2015. *Conceptual framework for financial reporting by Islamic financial institutions*. Bahrain: AAOIFI.
- Abdul Rahim Abdul Rahman., 2010. *An introduction to Islamic accounting theory and practice*. Kuala Lumpur: Cert.
- Abdul Wahab Sha'rani., 2005. *Tabaqat Kubra: Lawaqih Anwar Qudsiyah fi Manaqib Ulama wa sufiyah*. Kaherah: Maktabah Saqfah Diniyah.
- Abdullah Abdul Ghani, Rohami Shafie, Md. Suhaimi Md. Saleh, Faisol Elham, Zaleha Othman, Nasri Naiimi, Fathilatul Zakimi Hamid & Sharofi Ismail., 2018. *Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia Fasa 2, Zon 2*. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- Abdullah bin Sheikh Al-Mahfuz Bin Bayyah., 2005. *I'mal al-maslahah fil waqf-sabil istimar najih lil awqaf wa mudoa'fah ujur waqifin*. Bairut: Muassasah Rayyan.
- Abdullah Ibrahim, Mohd Rizuan Abdul Kadir & Abdul Aziz Abdullah., 2013. Perception of accounting practitioners on MASB TRi. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(2), pp.1-7.
- Abdullah Said Al-Lahji., 2013. *Idhah al-Qawaid al-Fiqhiyyah. Hauli: Dar al-Dhiya*.
- Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman., 2006. *Pembangunan Tanah Wakaf: Pengalaman Negara-negara Islam*. Putrajaya, Konvensyen Wakaf Kebangsaan 12-14 September 2006 anjuran Jabatan Wakaf dan Haji, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul-Rahman, A.R. & Goddard, A., 2003. *Accountability verstehen: A study of accounting in state religious councils in Malaysia*. School of Management, University of Southampton.
- Abu Al-Hasan Ali Bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi., 1989. *Al-Ahkam as-sultaniyah wa wilayat diniyah*. Kuwait: Maktabah Dar Ibn Kutaibah.
- Abu Bakar Ahmad bin Ali Arrazi Al-Jassas., 1992. *Ahkam al-Quran*. Bairut: Dar Ihya' Turas Arabi.
- Abu Fida' Ismail Ibnu Umar Ibnu Kasthir Qurashyi Dimashqi., 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Ryad: Dar Taybah.
- Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al- Ghazali., 1997. *Al-Wasit fo al-mazhab*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abu Ishaq al-Syatibi., 1997. *Al-Muwafaqat. Abu Ubaydah Masyhur bin Hassan al-Salaman*. Saudi: Dar Ibn Affan.

- Abu Ishaq al-Syatibi., 2001. *Al-muwafaqat fi usul al-syariah*. Bairut: Dar Ihya' al-Thurath arabi.
- Abu Nasr As-Sarraj At-Tusi., 1960. *Al-Luma*. Mesir: Dar Al-Kutub Al-Hadisah.
- Abu Zahrah., 1996. *Al-Milkiyah wa nazariyyah al-akd fi syariah al-Islamiyah*. Cairo: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Abu Zakaria Muhiy ad-Din Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi., n.d. *Al-Majmu' sharh muhadzdzab*. Makkah Mukarramah: Maktabat al-Irshad.
- Afiffudin Mohammed Noor & Mohd Ridzuan Awang., 2013. Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat*, 35(1), pp. 49-56.
- Ahmad Ad-Dirdir., 1986. *Al-Sharh al-Saghir 'ala Aqrab al-Masalik ila Madhhab al-Imam Malik*. Cairo: Dar al-Ma'arif.
- Ahmad bin Al-Hijazi bin Badir Al-Fashini., 1862. *Tuhfat al-Habib bi Syarhi nazm gayat taqrib*. Kaherah: Maktabah Ahmad Al-Babi Al-Halabi.
- Anna Che Azmi & Mohamed Hisham Hanifa., 2015. The Sharia compliance of financial reporting practices: a case study on waqf . *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 6(1), pp. 55 - 72 .
- Bank Negara Malaysia., 2010. *Shariah Resolutions in Islamic Finance 2nd Edition*. [Online] Available at:  
[http://www.bnm.gov.my/microsite/fs/sac/shariah\\_resolutions\\_2nd\\_edition\\_EN.pdf](http://www.bnm.gov.my/microsite/fs/sac/shariah_resolutions_2nd_edition_EN.pdf)  
 [Accessed 3 November 2018]
- Baydoun, N. & Willett, R., 1997. Islam and accounting : ethical issues in the presentation of financial information, accounting and finance. *The Islamic Perspective*, 1(1), pp. 1-25.
- Baydoun, N. & Willett, R., 2000. Islamic corporate reports. *Abacus*, 36(1), pp. 71-90.
- Chapra, M. U., 2000. Why has Islam prohibited interest? Rationale behind the prohibition of interest. *Review of Islamic Economics*, Volume 9, pp. 5-20.
- Dalila Daud, Rashidah Abdul Rahman & Zaluddin Sulaiman., 2011. Waqf reporting to fulfill stakeholder attribution in waqf Islamic councils. *Business Management Quarterly Review (BMQR)*, pp. 38-53.
- Devi, S. S. & Muhammad, R., 2006. Islamic Accounting Framework. In: K. H. & H. D. S. Susela Devi, ed. *Accounting Theory & Practice : A Malaysian Perspective*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd..
- Engku Ismail Engku Ali., 2016. *Introduction to public sector financial management in Malaysia (A constitutional framework)*. 4th ed. Sintok: UUM Press.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader., 2009. Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?. *Jurnal Syariah*, 17(1), pp.89-112.



- Hamizul Abdul Hamid., 2013. *Percukaian: Perspektif Islam* . Kuala Lumpur, Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan.
- Hamzah Ismail & Radziah Abdul Latiff., 2001. *Survey & analysis of financial reporting of Islamic banks worldwide*. Arab-Malaysian Banking Group/Malaysian Accountancy Research.
- Healy, P.M. and Wahlen, J.M., 1999. A review of the earnings management literature and its implications for standard setting. *Accounting horizons*, 13(4), pp.365-383.
- Hidayatul Ihsan & Shahul Hameed Mohamed Ibrahim., 2011. WAQF accounting and management in Indonesian WAQF institutions: The cases of two WAQF foundations. *Humanomics* , 27(4), pp. 252-269 .
- Hisham Yaacob, Mohd Nazli Mohd Nor & Hairul Suhaimi Nahar., 2016. *Awqaf accounting and reporting as accountability drivers: evidence from Malaysia* . Doha, International Conference on Advances in Business Management and Information Technology .
- IASB., 2018. *Conceptual framework for financial reporting*. [Online] Available at: <https://www.iasplus.com/en/standards/other/framework> [Accessed 10 May 2018].
- Ismail Yakub., 1992. *Ihya' Ulumiddin Imam Ghazali Jil. 4*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, n.d. *Menyertai polisi insurans konvensional: halal atau haram?*. [Online] Available at: <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/artikel/148-menyertai-polisi-insurans-konvensional-halal-atau-haram> [Accessed 10 May 2018].
- J. A. N. M., 2013. *Malaysian Public Sector Accounting Standards MPSAS 23 revenue from non-exchange transactions*. [Online] Available at: [http://www.anm.gov.my/images/JANM/Webmaster/PPPA/asas\\_akruanmpsas/MPSAS\\_BI/MPSAS\\_23\\_ED\\_7\\_Final\\_v1.2\\_27.07.15.pdf](http://www.anm.gov.my/images/JANM/Webmaster/PPPA/asas_akruanmpsas/MPSAS_BI/MPSAS_23_ED_7_Final_v1.2_27.07.15.pdf) [Accessed 15 April 2018].
- J. A. N. M., 2013. *Malaysian Public Sector Accounting Standards MPSAS 4 The Effect of Changes in Foreign Exchange Rates*. [Online] Available at: [https://www2.anm.gov.my/PublishingImages/SitePages/Malaysia%20Public%20Sector%20Accounting%20Standard/MPSAS%204%20\(ED%209\)%20\\_Final\\_v1.2\\_17.07.15.pdf](https://www2.anm.gov.my/PublishingImages/SitePages/Malaysia%20Public%20Sector%20Accounting%20Standard/MPSAS%204%20(ED%209)%20_Final_v1.2_17.07.15.pdf) [Accessed 25 March 2018].
- J. A. N. M., 2013. *Piawaian perakaunan sektor awam Malaysia (Malaysian public sector accounting standards) MPSAS 9 Hasil daripada urusan pertukaran*. Putrajaya: JANM.

- J. A. N. M., 2014. *Malaysian Public Sector Accounting Standards MPSAS 19 Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*. [Online]  
Available at: <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2016/08/MPSAS-19-Provisions-Contingent-Liabilities-and-Contingent-Assets1.pdf>  
[Accessed 11 April 2018].
- J. A. N. M., 2014. *Malaysian Public Sector Accounting Standards MPSAS 28 Financial Instruments: Presentation*. [Online]  
Available at:  
[https://www2.anm.gov.my/PublishingImages/SitePages/Malaysia%20Public%20Sector%20Accounting%20Standard%20\(MPSAS\)/MPSAS%2028\\_23072014.pdf](https://www2.anm.gov.my/PublishingImages/SitePages/Malaysia%20Public%20Sector%20Accounting%20Standard%20(MPSAS)/MPSAS%2028_23072014.pdf)  
[Accessed 15 March 2018].
- J. A. N. M., 2014. *Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (Malaysian public sector accounting standards) MPSAS 25 manfaat pekerja*. Putrajaya: JANM.
- J. A. N. M., 2015. *Malaysian Public Sector Accounting Standards MPSAS 11 Construction Contracts*. [Online]  
Available at:  
[http://www.anm.gov.my/images/JANM/Webmaster/PPPA/asas\\_akruanmpsas/MPSAS\\_BI/MPSAS\\_11\\_Const\\_Contract\\_v1.0\\_5-3-2015.pdf](http://www.anm.gov.my/images/JANM/Webmaster/PPPA/asas_akruanmpsas/MPSAS_BI/MPSAS_11_Const_Contract_v1.0_5-3-2015.pdf)  
[Accessed 11 April 2018].
- J. A. N. M., 2015. *Malaysian Public Sector Accounting Standards MPSAS 30 Financial Instruments: Disclosures*. [Online]  
Available at:  
[http://www.anm.gov.my/images/JANM/Webmaster/PPPA/asas\\_akruanmpsas/MPSAS\\_BI/MPSAS\\_30\\_Financial\\_Instruments\\_Disclosures\\_Final\\_v1.2\\_24.03.16.pdf](http://www.anm.gov.my/images/JANM/Webmaster/PPPA/asas_akruanmpsas/MPSAS_BI/MPSAS_30_Financial_Instruments_Disclosures_Final_v1.2_24.03.16.pdf)  
[Accessed 20 March 2018].
- J. A. N. M., 2015. *Piawaian perakaunan sektor awam Malaysia (Malaysian public sector accounting standards) MPSAS 5 borrowing cost*. [Online]  
Available at:  
[https://www2.anm.gov.my/PublishingImages/SitePages/Malaysia%20Public%20Sector%20Accounting%20Standard/MPSAS%205%20-%20Borrowing%20Cost\\_v1\\_30-1-2015.pdf](https://www2.anm.gov.my/PublishingImages/SitePages/Malaysia%20Public%20Sector%20Accounting%20Standard/MPSAS%205%20-%20Borrowing%20Cost_v1_30-1-2015.pdf) [Accessed 20 March 2018].
- JAWHAR, 2009. *Manual pengurusan perakaunan Wakaf*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- JAWHAR., 2010. *Manual Pengurusan Istibdal Wakaf*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- Ku Nor Izah Ku Ismail, Chek Derashid, Fathiyyah Abu Bakar, Norfaiezah Sawandi, Muhammad Syahir Abdul Wahab & Suhaimi Ishak., 2018. Perakaunan bagi Pendapatan dan Agihan Zakat : Kajian ke atas Institusi Zakat di Utara Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, Volume 8, pp. 49-72.
- Lewis,M.K., 2001. Islam and accounting. *Accounting Forum*, 25(2), pp. 103-127.

- LZNK, 2018. *Sejarah Penubuhan Zakat Kedah*. [Online]  
Available at: <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>  
[Accessed 25 September 2018].
- Mahmud, Y., 1973. *Kamus Arab- Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyelenggaraan Penterjemah/  
Pentafsiran Al-Quran.
- MAIK, 2018. *Latar Belakang Majlis Agama Islam Negeri Kedah*. [Online]  
Available at:  
<http://www.maik.gov.my/ms/Page?type=zByNQwF9FYw=&pid=+gvi5KZFQqo=>  
[Accessed 18 Mac 2018].
- MAINPP, 2018. *Sejarah Penubuhan*. [Online]  
Available at: <http://www.mainpp.gov.my/index.php/info-mainpp/sejarah-penubuhan>  
[Accessed 18 Mac 2018].
- MAIPk., 2018. *Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak*. [Online]  
Available at: <http://www.maiamp.gov.my/maiamp2/index.php/korporat/sejarah-maipk.html>  
[Accessed 18 Mac 2018].
- MAIPs, 2018. *Latar Belakang MAIPs*. [Online]  
Available at: <http://www.maips.gov.my/index.php/mengenai-maips/latar-belakang>  
[Accessed 18 Mac 2018].
- Malaysian Accounting Standards Board, 2009. *Statement of principles i-1 financial reporting from an Islamic perspective*. Kuala Lumpur: MASB.
- Malaysian Accounting Standards Board, 2014. *Research Paper Waqf*. [Online]  
Available at: [http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=MASB%20Research%20Paper-Waqf.pdf&file\\_path=pdf](http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=MASB%20Research%20Paper-Waqf.pdf&file_path=pdf)  
[Accessed 15 April 2018].
- Malaysian Accounting Standards Board, 2016. *The conceptual framework for financial reporting*. [Online]  
Available at: <http://www.masb.org.my>  
[Accessed 1 July 2018].
- Mansur ibn Yunis ibn Idris al-Bahuti., 1999. *Kashshaf al-Qina an Matn al-Iqna*. Vol. 1 ed.  
Riyadh: maktabat al-nasr al-Haditha.
- M. A. S. B., 2016. *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)*. [Online]  
Available at:  
[http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=MPERSStd2016\\_Final\\_updated16oct18.pdf&file\\_path=pdf\\_file](http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=MPERSStd2016_Final_updated16oct18.pdf&file_path=pdf_file)  
[Accessed 18 April 2018].
- MASB Standing Committee, 2014. *Review of BNM Shariah Policy Documents from a Financial Reporting Perspective*. [Online]  
Available at:  
[http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=Review%20of%20BNM%20PDs\\_A5\\_3oct\\_v2.p](http://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=Review%20of%20BNM%20PDs_A5_3oct_v2.p)

df&file\_path=pdf\_file  
[Accessed 3 July 2018].

- Maznah Zakaria, Mohamat Sabri Hassan, dan Radziah Abdul Latiff., 2014. *Pelaporan wakaf di Malaysia: mengenalpasti keperluan maklumat pemegang kepentingan*. s.l., PROSIDING PERKEM ke-9.
- Mohd Fadhly Md Yusoff, 2007. *Pelaburan Berasaskan Syariah*. [Online] Available at: <http://www.iefpedia.com/malay/wp-content/uploads/2010/02/Pelaburan-Berasaskan-Syariah-Mohd-Fadhly-Md-Yusoff.pdf>  
[Accessed 3 September 2018].
- Mohd Halim Kadri., 2016. *Islamic financial reporting: evidence from Malaysia*. Melaka, Regional Islamic Entrepreneurship and Business Conference 2016.
- Muhammad Al-Ansori Rassa' Abu Abdillah., 1993. *Syarh hudud ibni a'rafah al-hidayah kafiyah syafiyah li bayan haqaiq Imam Ibni Arafah Wafiyah*. Bairut: Dar Gharb Islami.
- Muhammad Al-Bashir Muhammad Al-Amine., 2008. Sukuk Market : Innovations and challenges. *Islamic Economic Studies*, 15(2), pp. 1-22. Mustafa Ahmad Zarqa., 2012. *A'qdu Al-Bai'*. Damascus: Dar Al-Qalam.
- Muhammad ibn Ahmad Khatib al-Sharbini., n.d. *Al-Iqna' fi Hill Alfaz abi Syuja'*. Jil. 2 ed. Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nuhda wa Awladah.
- Mustafa Al-Bugha., 1992. *Al-fiqh al-manhaji ala Mazhab Syafie*. Damascus: Dar Qalam Lil Nashr Wa Tauzi'.
- Mustapha Ben Hamzah., 2016. *Islam wa bi'ah*. Rabat: Majlis Ilmi A'la Rabat.
- Nor Bazirah Abu Bakar., 2007. A zakat accounting standard (ZAS) for Malaysian companies. *American Journal of Islamic Social Sciences* 24, Volume 4, p. 74.
- Norfaiezah Sawandi., Norazita Marina Abdul Aziz. & Ram Al Jafri., 2017. Zakat accountability practices : case study of Zakat Institution AA. *International Journal of Economic Research*, 14(16), pp. 223-232.
- Nori Yani Abu Talib, Radziah Abdul Latiff, Aini Aman & Mohd Rizal Palil., 2018. An exploratory study of accounting and reporting practice for waqf among state Islamic religious councils in Malaysia . *International Journal of Islamic* , Volume 13 June 2018, pp. 90-104.
- Pemandu, 2011. *Pelan transformasi negara*. [Online] Available at: [http://www.pemandu.gov.my/gtp/About\\_GTP-@-GTP\\_Overview.aspx?lang=ms-my](http://www.pemandu.gov.my/gtp/About_GTP-@-GTP_Overview.aspx?lang=ms-my)  
[Accessed 23 October 2018].
- Prasetyo & B., 2017. Islamic law perspective on franchise business. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, 12(4), pp. 80-84.
- Rabiatul Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed, Norhanizah Johari., 2017. *Pengurusan wakaf di Malaysia: isu dan cabaran*. s.l.,

Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017).

Risvi, S.A.R., Arshad, S. and Lahsasna, A., 2014. Derivatives in Islamic finance: the need and mechanisms available. *International Journal of Financial Services Management*, 7(3-4), pp.177-195.

Rohila Awang & Mohd Zulkifli Mokhtar., 2011. Technical Comparison Between Business Zakat and Tax on Business Income in Malaysia. *Malaysian Accounting Review*, 10(2), pp. 13-25.

Saadi Abu Habib., 1988. *Al-Qamus al-fiqhi lughatan wa istilahan*. Dimashq: Dar Al-Fikr.

Sadiq Abdurrahman Gharyani., 2002. *Mudawwanah fiqh maliki wa adillatuhu*. Lubnan: Muassasah Rayyan.

Shawal Kaslam., 2009. Governing zakat as a social institution: The Malaysian perspective. *Social and Management Research Journal*, 6(1), pp.15-32.

TBS, 2018. *Latar Belakang*. [Online]  
Available at: <https://www.tbs.org.my/www/?page=5>  
[Accessed 18 Mac 2018].

Wahbah Zuhaili ., 1948. *Fiqh Islami wa adillatuhu*. Damascus: Dar Fikr Lil Tiba'ah Wa Tawzi Wa Nashr.

Yusof Al-Qardawi., 2000. *Fiqh al zakat*. Jeddah: King Abdul Aziz University.

ZPP, 2018. *Sejarah Penubuhan*. [Online]  
Available at: <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/info-zpp/sejarah-penubuhan>  
[Accessed 18 Mac 2018].

## **Senarai Akta / Enakmen / Ordinan**

Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240).

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662)

Akta KWSP 1991 (Akta 452)

Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam ( Kedah Darul Aman) 2008

Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001

Perlembagaan Persekutuan

Temubual	No.
----------	-----

## SOALAN TEMUBUAL

### TAJUK PENYELIDIKAN: PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM BAGI INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL DI MALAYSIA FASA KE-3

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti untuk institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri).
2. Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.
3. Mengenalpasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil berkaitan dengan hasil, belanja dan liabiliti dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.
4. Mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja dan liabiliti sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan sivil bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

### **BAHAGIAN A: MAKLUMAT AM**

1. Tarikh :

\_\_\_\_\_

2. Masa :

\_\_\_\_\_

3. Lokasi :

\_\_\_\_\_

4. Nama informan :

\_\_\_\_\_

5. Jawatan :

\_\_\_\_\_

**Soalan:****i. Maklumat Latarbelakang**

1. Apakah tanggungjawab dan peranan bahagian kewangan di institusi anda?
2. Berapa lamakah anda berkhidmat di institusi ini?
3. Jelaskan tentang struktur organisasi anda.

**ii. Amalan Perakaunan Semasa**

1. Apakah standad/piawaian perakaunan yang diterimapakai di institusi/anak syarikat anda?
2. Apakah asas perakaunan yang digunapakai? (tunai/akruan/akruan ubahsuai)
3. Apakah kriteria pengiktiran liabiliti, belanja dan hasil?
4. Adakah amalan perakaunan semasa bercanggah dengan syariah? Jika ya, bahagian (standad) manakah yang terlibat?
5. Adakah standad-standad di bawah telah digunapakai dalam menyediakan penyata kewangan 2017?

<b>Bil</b>	<b>Standad</b>	<b>Tandakan (/)</b>
1	Kesan Perubahan MataWang Asing (MPSAS 4)	
2	Kos pinjaman (MPSAS 5)	
3	Hasil dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9)	
4	Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)	
5	Peruntukan, Liabiliti luar jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19)	
6	Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)	
7	Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28)	
8	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran (MPSAS 29)	
9	Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30)	
10	Manfaat Pekerjaan (MPSAS 25)	

6. Manakah standad-standad di bawah yang relevan sekiranya MPSAS digunapakai dalam menyediakan penyata kewangan 2017?

<b>Bil</b>	<b>Standad</b>	<b>Tandakan (/)</b>
1	Kesan Perubahan MataWang Asing (MPSAS 4)	
2	Kos pinjaman (MPSAS 5)	
3	Hasil dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9)	
4	Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)	
5	Peruntukan, Liabiliti luar jangka & Aset Luar Jangka (MPSAS 19)	



6	Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)	
7	Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28)	
8	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran (MPSAS 29)	
9	Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30)	
10	Manfaat Pekerjaan (MPSAS 25)	

**iii. Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam**

1. Adakah perlu satu kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam di Baitulmal, Wakaf dan Zakat (BWZ)?
2. Kenapakah kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam ini penting di Baitulmal, Wakaf dan Zakat (BWZ)?
3. Bagaimanakah kerja konseptual pelaporan kewangan Islam ini membantu Baitulmal, Wakaf dan Zakat (BWZ) dalam menyediakan penyata kewangan?

**iv. Keperluan Syariah dan Batas-batas Perundangan Sivil**

1. Adakah keperluan syariah berkaitan dengan isu berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi liabiliti, hasil dan belanja?
2. Adakah terdapat kekangan-kekangan secara undang-undang sivil (perlembagaan persekutuan/perlembangan negeri/akta/enakmen/arahan/pekeliling/surat pekeliling/lain-lain piawaian) jika MPSAS diterima pakai oleh institusi Wakaf, Zakat atau Baitulmal?
3. Adakah terdapat kekangan-kekangan secara undang-undang Islam (Al-Quran/Hadis/Fatwa) jika MPSAS diterimapakai oleh institusi Wakaf, Zakat atau Baitulmal?

**v. Cadangan Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Liabiliti, Hasil dan Belanja**

1. Adakah cadangan penambahbaikan kepada standad sedia ada berkaitan isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi liabiliti, hasil dan belanja?

**vi. Aset/Liabiliti Kewangan**

**Pelaburan dlm syarikat subsidiari**

1. Titik Pengiktirafan – Bilakah pelaburan dalam syarikat subsidiari mula diiktiraf dalam penyata Kewangan MAIN?
2. Adakah terdapat kriteria pengiktirafan tertentu yang digunapakai?

**Pelaburan Saham**

1. Titik Pengiktirafan – Bilakah pelaburan saham mula diiktiraf dalam penyata Kewangan MAIN?
2. Adakah terdapat kriteria pengiktirafan tertentu yang digunapakai?

**Penghutang**

1. Titik Pengiktirafan – Bilakah pelaburan saham mula diiktiraf dalam penyata Kewangan MAIN?
2. Adakah terdapat kriteria pengiktirafan tertentu yang digunakan?

**Pemuitang**

1. Titik Pengiktirafan – Bilakah akaun Pemiuitang (belum bayar) mula diiktiraf dalam penyata Kewangan MAIN?
2. Apakah polisi pengukuran yang digunakan dalam pengukuran awal akaun penghutang?

**Pinjaman (e.g. Jangka Panjang)**

1. Titik Pengiktirafan – Bilakah pinjaman yang dibuat oleh MAIN mula diiktiraf dalam penyata Kewangan MAIN?
2. Adakah terdapat kriteria pengiktirafan tertentu yang digunakan?

**vii. Manfaat Pekerja****Manfaat jangka pendek – gaji, elaun bonus**

1. Titik Pengiktirafan – Bilakah manfaat jangka pendek mula diiktiraf dalam penyata pendapatan MAIN?
2. Apakah kaedah pengukuran yang digunakan dalam pengukuran manfaat jangka pendek?
3. Apakah sumber utama yang digunakan untuk membayar gaji pekerja MAIN? E.g. zakat

**Pelan Caruman Wajib/Tetap- bayaran kepada KWSP, Skim Persaraan dan PERKESO**

1. Titik Pengiktirafan – Bilakah manfaat jangka pendek mula diiktiraf dalam penyata pendapatan MAIN?
2. Apakah kaedah pengukuran yang digunakan dalam pengukuran manfaat jangka pendek?
3. Apakah sumber utama yang digunakan untuk membayar gaji pekerja MAIN? E.g. zakat

**Manfaat Selepas Perkhidmatan**

1. Titik Pengiktirafan – Bilakah manfaat selepas perkhidmatan mula diiktiraf dalam penyata pendapatan/penyata kewangan MAIN?
2. Apakah kaedah pengukuran yang digunakan dalam pengukuran manfaat selepas perkhidmatan?

Sekian, terima kasih di atas segala kerjasama anda.

## RINGKASAN ENAKMEN DAN ORDINAN

	PERLIS	KEDAH		PULAU PINANG	PERAK		SARAWAK
	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 2008	Enakmen Lembaga Zakat kedah Darul Aman 2015	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004	Enakmen Wakaf 2015	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001
<b>Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis</b>	<p><b>Penubuhan Baitulmal</b> Seksyen 81 (3) Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.</p> <p>(4) Walau apa pun peraturan yang disebut dalam subseksyen (3), mana-mana pelaburan, aset atau kumpulan wang yang terletak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa bagi pelaburan wang amanah dan Hukum Syarak.</p>	<p><b>Penubuhan Baitulmal</b> Seksyen 47 (2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.</p> <p>(3) Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.</p> <p>(4) Walau apapun peraturan yang disebut dalam subseksyen (3), mana-mana pelaburan, aset atau kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah dan Hukum Syarak.</p>	<p><b>Kumpulan Wang Zakat</b> Seksyen 30 (1) Suatu kumpulan wang dikenali sebagai 'Kumpulan Wang Zakat' ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan diurus oleh Lembaga.</p> <p>(2) Kumpulan Wang Zakat itu hendaklah terdiri daripada-</p> <p>(a) segala kutipan zakat dan zakat fitrah yang diterima oleh Lembaga melalui pungutan zakat dan zakat fitrah</p> <p>(b) semua hasil sewaan dan apa-apa yang kena dibayar kepada Lembaga itu menurut peruntukan-peruntukan enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain</p> <p>(c) segala wang yang dihasilkan daripada Kumpulan Wang Zakat atau daripada pelupusan apa-apa harta milik Lembaga dan (c) semua terimaan oleh Lembaga itu daripada mana-mana pihak atau individu.</p> <p>(3) Kumpulan Wang Zakat itu boleh dibelanjakan untuk:</p> <p>(a) perbelanjaan bagi melaksanakan kuasa dan fungsinya di bawah seksyen</p>	<p><b>Penubuhan Baitulmal</b> Seksyen 81 (2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.</p> <p>(3) Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.</p> <p>(4) Walau apa pun peraturan yang disebut dalam subseksyen (3), mana-mana pelaburan, aset atau kumpulan wang yang terletak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang</p>	<p><b>Penubuhan Baitulmal</b> Seksyen 70 (2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.</p> <p>(3) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah dari semasa ke semasa menyumbang kepada Baitulmal mengikut apa-apa amaun yang difikirkannya wajar.</p> <p>(4) Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.</p> <p>(5) Walau apa pun peraturan-peraturan yang disebut dalam subseksyen (4), mana-mana pelaburan, aset atau kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya</p>	<p><b>Penubuhan Kumpulan Wang Wakaf</b> Seksyen 34 (2) Kumpulan Wang Wakaf hendaklah terdiri daripada wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf.</p> <p>(3) Bagi maksud seksyen ini-</p> <p>(a) wang asas wakaf ialah mawquf sama ada dalam bentuk wang tunai atau harta termasuk-</p> <p>(i) apa-apa hasil yang diperolehi melalui istibdal;</p> <p>(ii) peruntukan atau sumbangan yang diterima daripada mana-mana pihak bagi apa-apa maksud wakaf;</p> <p>(iii) sumbangan dan hasil saham wakaf, bon wakaf dan surat cara jaminan berharga yang lain di bawah apa-apa skim wakaf; dan</p> <p>(iv) segala sumbangan atau wang lain yang diterima secara sah oleh Majlis di bawah Enakmen ini.</p> <p>(b) wang manfaat wakaf ialah apa-apa hasil terbitan daripada mawquf.</p>	<p><b>Penubuhan Lembaga Baitulmal dan Wakaf.</b> Seksyen 43 (2) Adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Baitulmal dan Wakaf, untuk dan bagi pihak Majlis-</p> <p>(a) untuk memungut dan menguruskan pemungutan sumbangan-sumbangan kepada Baitulmal mengikut Bahagian ini; dan</p> <p>(b) untuk mengguna atau membahagikan pendapatan daripada wakaf khas kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf.</p> <p>Seksyen 45 (2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada-</p> <p>(a) segala harta pusaka atau harta si mati beragama Islam yang, mengikut Undang-Undang Islam atau di bawah Ordinan ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru kepada Baitulmal;</p> <p>(b) segala fi, wang, zakat dan fitrah yang dipungut dari semasa ke semasa oleh Lembaga masing-masing mengikut Bahagian ini dan Bahagian VII;</p> <p>(c) segala caruman yang dibuat atau kena dibayar oleh mana-</p>

		<p>18, 19, 20, 21 dan 31 dan (b) membiayai apa-apa projek, perniagaan atau pelaburan yang boleh memberi faedah kepada Lembaga.</p> <p><b>Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan</b> Seksyen 31 (1) Suatu Kumpulan Wang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan diurus oleh Lembaga.</p> <p>(2) Satu per lapan daripada Kumpulan Wang Zakat diperuntukan untuk Kumpulan Pentadbiran dan Pengurusan bagi maksud perbelanjaan di bawah perenggan 19 (b), (c), (d), (h), (i) dan seksyen 28, 29 dan 33. Sekiranya tidak mencukupi Lembaga boleh menentukan untuk sejumlah peruntukan daripada Kumpulan Wang Zakat dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.</p>	<p>amanah dan Hukum Syarak.</p>	<p>boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah dan Hukum Syarak.</p> <p>Seksyen 70 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut: “(1A) Baitulmal hendaklah mempunyai akaun-akaun berasingan seperti berikut: (a) Zakat Harta dan Zakat Fitrah; (b) Wakaf dan nazr ‘am; (c) Sumber ‘Am; dan (d) Amanah-amanah lain.</p> <p>(1B) Bagi maksud seksyen ini, Sumber ‘Am Baitulmal hendaklah termasuk perkara-perkara berikut: (a) Sumbangan dan pemberian; (b) Fidyah dan kaffarah; (c) Wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut; (d) Harta pusaka yang tidak diwarisi; (e) Harta-harta tercicir (luqatah); (f) Sumber-sumber lain Baitulmal mengikut Enakmen ini</p>	<p>(4) Akaun wang asas wakaf dan akaun wang manfaat wakaf hendaklah diwujudkan secara berasingan.</p> <p>(5) Semua harta dan hasil wakaf dalam Kumpulan Wang Wakaf hendaklah terletak hak kepada Majlis yang hendaklah mentadbirkan harta dan hasil itu mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.</p> <p><b>Mawquf</b> Seksyen 35 (1) Mawquf yang sah di sisi undang-undang tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal, tetapi hendaklah digunakan menurut maksud wakaf itu di bawah Kumpulan Wang Wakaf.</p> <p>(2) Jika terma mana-mana wakaf tidak menyatakan cara penggunaan harta yang tersentuh olehnya, atau tidak pasti daripada terma itu cara bagaimana harta itu patut digunakan, Majlis boleh mengarahkan supaya harta itu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf sebagai wakaf am.</p>	<p>mana orang kepada Baitulmal;</p> <p>(d) apa-apa pemberian, alang, derma, caruman atau apa-apa jumlah wang lain yang diterima dari mana-mana sumber;</p> <p>(e) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Majlis di bawah seksyen 7;</p> <p>(f) segala wang dan harta Baitulmal;</p> <p>(g) segala harta dan aset daripada wakaf khas dan nazr am;</p> <p>(h) apa-apa harta, pelaburan, gadaian, janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Majlis;</p> <p>(i) segala wang yang didapati atau berbangkit daripada mana-mana harta, pelaburan, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Majlis;</p> <p>(j) segala wang yang didapati dari pengendalian apa-apa projek, skim atau enterprais yang dibiayai dari Baitulmal; dan</p> <p>(k) apa-apa jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa jua cara kena dibayar kepada atau terletak hak pada Majlis berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya.</p> <p>(3) Segala wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah</p>
--	--	--	---------------------------------	--	--	---

LAMPIRAN 2

					<p>atau Hukum Syarak.”.</p>	<p>Seksyen 2 “mawquf” ertinya harta wakaf yang terdiri daripada wang prinsipal wakaf sama ada dalam bentuk wang tunai, harta dan hasil istibdal;</p> <p><b>Faedah atau manfaat daripada wakaf am atau wakaf khas</b> Seksyen 36 (1) Faedah atau manfaat yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Faedah atau manfaat yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf am hendaklah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.</p>	<p>mentadbirkan segala wang dan harta itu mengikut Ordinan ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.</p> <p>(4) Walau apa pun subseksyen (3), apa-apa pelaburan berupa aset dan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil pungutannya itu bolehlah dilaburkan mengikut seksyen 44.</p> <p><b>Pelaburan dalam harta tak alih.</b> Seksyen 44 Lembaga Baitulmal dan Wakaf hendaklah, untuk dan bagi pihak Majlis, mempunyai kuasa-</p> <p>(a) untuk melaburkan dari semasa ke semasa wang atau aset Baitulmal untuk faedah Majlis di dalam mana-mana daripada pelaburan yang berikut:</p> <p>(i) untuk membeli, menukarkan, mensubpajakkan dan memegang tanah, bangunan dan lain-lain harta tak alih;</p> <p>(ii) untuk membina rumah, rumah pangsa, tenemen, kedai, rumah kedai atau apa-apa bangunan lain;</p> <p>(iii) untuk menjual tanah, rumah, rumah pangsa, tenemen, kedai, rumah kedai atau apa-apa bangunan lain;</p> <p>(iv) untuk melabur dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang pada masa itu dibenarkan oleh mana-mana</p>
--	--	--	--	--	-----------------------------	--	--

							<p>undang-undang bertulis berkenaan dengan pemelaburan dana amanah dan oleh Undang-Undang Islam; dan</p> <p>(v) untuk melabur dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain yang dibenarkan oleh Majlis; dan</p> <p>(b) untuk mengubah-ubahkan atau menghasilkan pelaburan dari semasa ke semasa dan menggunakanhidmat jurubank Baitulmal atau mana-mana agensi lain yang diluluskan oleh Majlis untuk melaburkan wang Baitulmal.</p>
	<p><b>Perbelanjaan Majlis</b> Seksyen 83 Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis, termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta tak alih, gaji dan elaun semua pekhidmat Majlis, dan fi dan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana pegawai atau anggota Majlis berkenaan dengan perkhidmatannya sebagai pekhidmat, pegawai atau anggota Majlis, hendaklah dibayar daripada harta dan aset Baitulmal.</p>	<p><b>Perbelanjaan Majlis</b> Seksyen 49 Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis, termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta alih dan tak alih, gaji dan elaun semua pekhidmat Majlis, dan fi dan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana pegawai atau anggota Majlis berkenaan dengan perkhidmatannya sebagai pekhidmat, pegawai atau anggota Majlis, hendaklah dibayar daripada harta dan aset Majlis.</p>	<p><b>Perbelanjaan Pengurusan Lembaga</b> Seksyen 33 Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Lembaga termasuk kos penyelenggaraan dan pembaikan mana-mana harta alih dan tak alih, saraan semua perkhidmat Lembaga dan elaun fi yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja atau ahli Lembaga berkenaan dengan perkhidmatannya sebagai perkhidmat, pekerja atau ahli Lembaga termasuk apa-apa faedah dan keistimewaan boleh dibayar daripada peruntukan di bawah seksyen 31.</p>	<p><b>Perbelanjaan Majlis</b> Seksyen 83 Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis, termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta tak alih, gaji dan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana pegawai atau anggota Majlis, berkenaan dengan perkhidmatannya sebagai pekhidmat, pegawai atau anggota Majlis, hendaklah dibayar daripada harta dan aset Baitulmal.</p>	<p><b>Perbelanjaan Majlis</b> Seksyen 72 (1) Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbirkan harta dan aset yang terletak hak pada Majlis, termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta tak alih, gaji dan elaun semua pekhidmat Majlis, dan fi dan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana pegawai atau anggota Majlis berkenaan dengan perkhidmatannya sebagai pekhidmat, pegawai atau anggota Majlis, hendaklah dibayar daripada harta dan aset Baitulmal.</p>	<p><b>Pelaburan wang</b> Seksyen 38 (1) Semua wang wakaf boleh dilaburkan oleh Majlis-</p> <p>(a) atas deposit yang mematuhi Hukum Syarak dalam mana-mana bank;</p> <p>(b) dalam sekuriti yang mematuhi Hukum Syarak yang dikeluarkan atau yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan; atau</p> <p>(c) atas mana-mana pelaburan yang mematuhi Hukum Syarak yang diluluskan oleh Majlis;</p> <p>dan pelaburan tersebut, berserta dengan mana-mana keuntungan yang diterimanya, hendaklah</p>	<p><b>Penggunaan wang Baitulmal</b> Seksyen 46 Baitulmal hendaklah digunakan bagi-</p> <p>(a) memajukan, membantu dan menggalakkan agama Islam;</p> <p>(b) faedah orang-orang Islam mengikut Undang-Undang Islam;</p> <p>(c) kemajuan ekonomi dan sosial dan kesejahteraan masyarakat Islam;</p> <p>(d) membantu meringankan keadaan kemiskinan di kalangan orang Islam;</p> <p>(e) memberi pinjaman atau selainnya kepada individu-individu beragama Islam bagi tujuan pendidikan tinggi di bawah skim yang ditubuhkan di bawah seksyen 5(2)(f);</p> <p>(f) mengadakan dan menyenggarai tempat-tempat ibadat dan tanah</p>

LAMPIRAN 2

					<p>menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.</p> <p>(2) Bagi maksud seksyen ini-</p> <p>“deposit” ertinya mawquf dalam bentuk wang yang disimpan mengikut terma dan syarat yang dipersetujui bersama oleh Majlis dengan mana-mana bank dan jika dituntut dalam apa jua keadaan, deposit itu hendaklah dikembalikan kepada Majlis tanpa sebarang sekatan dan caj tambahan melainkan caj yang dikenakan mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui; dan</p> <p>“sekuriti” termasuklah stok, dana, saham dan bon, debentur dan lain-lain surat cara yang mewujudkan atau menerangkan suatu caj atau lien atas aset.</p> <p><b>Pelupusan, pembatalan dan hapus kira</b> Seksyen 39 (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada mawquf yang boleh dilupuskan kecuali dengan cara istibdal.</p> <p>(2) Majlis, berhubung dengan harta dan hasil wakaf, hendaklah berkuasa-</p>	<p>perkuburan orang Islam;</p> <p>(g) mengadakan kemudahan-kemudahan agama dan pendidikan bagi orang Islam;</p> <p>(h) membayar apa-apa kos, caj dan perbelanjaan bagi menyenggarai dan mentadbirkan harta dan aset Baitulmal yang terletak hak pada Majlis;</p> <p>(i) gaji dan elaun kepada semua agen, pegawai dan pekhidmat Majlis yang diambil bertugas untuk mentadbirkan Baitulmal;</p> <p>(j) fi dan elaun yang kena dibayar kepada anggota-anggota Majlis dan Lembaga dan anggota-anggota jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis dan Lembaga masing-masing di bawah Ordinan ini dan kepada mana-mana orang yang dijemput menghadiri mana-mana mesyuarat di bawah seksyen 18;</p> <p>(k) membayar apa-apa kos, caj dan perbelanjaan bagi melaksanakan Ordinan ini dan berkaitan dengan pentadbiran Baitulmal; dan</p> <p>(l) apa-apa maksud khairat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dengan kelulusan Menteri.</p>
--	--	--	--	--	---	---

						<p>(a) untuk membatalkan kerugian atau kekurangan hasil wakaf dan nilai harta yang hilang, berkurang, tidak dikehendaki, tidak dipakai atau yang lama; dan</p> <p>(b) untuk menghapus kira apa-apa amaun hasil, hutang dan bayaran terlebih bayar yang tidak dapat diperolehi.</p>	
	<p><b>Akaun dan laporan tahunan</b> Seksyen 85 Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.</p>	<p><b>Akaun dan laporan tahunan</b> Seksyen 51 Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.</p>	<p><b>Akaun dan laporan tahunan</b> Sekeyen 34 (4) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] tidak terpakai bagi Enakmen ini.</p>	<p><b>Akaun dan laporan tahunan</b> Seksyen 85 Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.</p>	<p><b>Akaun dan laporan tahunan</b> Seksyen 74 Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis.</p>	<p><b>Akaun dan audit</b> Seksyen 37 (1) Majlis hendaklah menyimpan atau hendaklah menyebabkan disimpan akaun-akaun dan rekod-rekod lain yang sempurna mengenai perjalanan operasinya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu.</p> <p>(2) Akaun-akaun Majlis hendaklah diaudit setiap tahun oleh seorang juruaudit yang dilantik oleh Majlis.</p>	<p><b>Akaun dan laporan tahunan</b> Seksyen 73 Majlis hendaklah menyebabkan akaun-akaun yang lengkap dan benar Baitulmal disimpan dan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 haribulan Disember dalam tiap-tiap tahun mengemukakan kepada Menteri tentang aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang tahun yang sebelumnya, berserta dengan satu kunci kira-kira Baitulmal, seperti pada 31 haribulan Disember, suatu akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu dan senarai harta dan pelaburan Baitulmal dengan menunjukkan kosnya, jika dibeli, dan anggaran nilai seperti pada 31 haribulan Disember.</p>
<p><b>Wakaf, Nazr dan Amanah</b></p>	<p><b>Pendapatan daripada wakaf dan nazr.</b> Seksyen 92 (1) Pendapatan yang diterima oleh</p>	<p><b>Pendapatan daripada wakaf dan nazr.</b> Seksyen 55 (1) Tertakluk kepada</p>		<p><b>Pendapatan daripada wakaf dan nazr.</b> Seksyen 92 (1) Pendapatan yang diterima</p>	<p><b>Pendapatan daripada wakaf dan nazr.</b> Seksyen 81 (1) Pendapatan yang diterima</p>	<p><b>Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf</b> Seksyen 40 (1) Melainkan diperuntukkan</p>	<p><b>Pendapatan daripada wakaf dan nazr.</b> Seksyen 52 (1) Pendapatan yang diterima oleh</p>



<p>Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p> <p><b>Penyiaran senarai harta wakaf, nazr dan amanah.</b> Seksyen 95 Dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 Disember tiap-tiap tahun, Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam <i>Warta</i> satu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak pada Majlis, dengan tertakluk kepada mana-mana wakaf, nazr atau amanah dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p>	<p>subseksyen (3), pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p> <p>(3) Majlis boleh mengenakan apa-apa bayaran atas kadar yang ditentukan oleh Majlis bagi pengurusan wakaf khas dan bayaran itu hendaklah ditolak daripada pendapatan wakaf khas tersebut dan dikreditkan kepada Majlis sebagai hasil.</p> <p><b>Penyiaran senarai harta wakaf, nazr dan amanah.</b> Seksyen 58 Dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun, Majlis bolehlah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam <i>Warta</i> satu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis, dengan tertakluk kepada mana-mana wakaf, nazr atau amanah dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p>		<p>oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf khas dan tiap-tiap nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p> <p><b>Penyiaran senarai harta wakaf, nazr dan amanah.</b> Seksyen 95 Dengan seberapa segera yang mungkin selepas tiga puluh satu haribulan Disember tiap-tiap tahun, Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam <i>Warta</i> satu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis, dengan tertakluk kepada mana-mana wakaf, nazr atau amanah dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p>	<p>oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan tiap-tiap nazr 'am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Sumber Am (Pindaan 2012).</p> <p><b>Penyiaran senarai harta wakaf, nazr dan amanah.</b> Seksyen 84 Dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 Disember tiap-tiap tahun Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam <i>Warta</i> suatu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis, tertakluk kepada mana-mana amanah, wakaf atau nazr dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p>	<p>sebaliknya, wang asas wakaf boleh digunakan bagi maksud-</p> <p>(a) pembelian apa-apa harta wakaf di bawah Enakmen ini;</p> <p>(b) pembiayaan pembangunan apa-apa mawquf; dan</p> <p>(c) apa-apa bayaran atau komisen bagi memungut sumbangan yang diterima daripada mana-mana pihak bagi apa-apa maksud wakaf.</p> <p>(2) Melainkan diperuntukkan sebaliknya, wang manfaat wakaf boleh digunakan bagi maksud-</p> <p>(a) apa-apa bayaran faedah atau manfaat yang patut diterima oleh mawquf-alaih;</p> <p>(b) pembelian apa-apa harta wakaf di bawah Enakmen ini;</p> <p>(c) pembiayaan pembangunan apa-apa mawquf;</p> <p>(d) apa-apa bayaran yang dikenakan bagi melepaskan bebanan ke atas mana-mana harta yang hendak diwakafkan;</p> <p>(e) semua kos, bayaran dan apa-apa perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan wakaf termasuklah</p>	<p>Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.</p> <p>(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf, selain wakaf khas, dan daripada tiap-tiap nazr am, hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p> <p><b>Penyiaran senarai harta, dsb. dan penyimpanan akaun-akaun berasingan dalam Baitulmal</b> Seksyen 55 (1) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun, Majlis hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri suatu senarai tentang semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis, dengan tertakluk kepada mana-mana amanah, wakaf atau nazr dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal.</p> <p>(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Baitulmal-</p> <p>(a) segala wang berkenaan dengan caruman kepada Baitulmal yang dipungut oleh Lembaga Baitulmal dan Wakaf;</p> <p>(b) harta modal dan aset daripada wakaf khas dan nazr am; dan</p> <p>(c) pendapatan daripada harta modal dan aset daripada wakaf khas dan nazr am, tetapi wang itu, atau harta modal</p>
---	---	--	---	--	--	---

LAMPIRAN 2

						<p>kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana mawqif; dan</p> <p>(f) apa-apa bayaran lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.</p>	<p>dan aset atau pendapatan daripadanya, hendaklah masing-masingnya dimasukkan ke dalam akaun berasingan Baitulmal itu.</p>
--	--	--	--	--	--	--	---